PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah pelaburan dan keuntungan yang dicapai oleh DEIG sejak penubuhan.

b) Senaraikan projek-projek yang dilabur oleh DEIG.

JAWAPAN:

a) dan b)

Untuk makluman, Darul Ehsan Investment Group Berhad (“DEIG”) masih tidak menjalankan apa-apa aktiviti atau transaksi sama ada dari segi perniagaan atau pelaburan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PELABURAN NEGERI SELANGOR

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah pelaburan masuk ke Negeri Selangor setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Berapa peratuskah pelaburan ini berbanding negeri-negeri lain di Malaysia?

c) Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pelaburan masuk di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Bagi tempoh 2008 hingga 2015, sebanyak 2,099 projek perkilangan telah diluluskan oleh MIDA di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 74.59 bilion.

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
2008	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	**11,870,910,013**
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	**6,759,590,951**
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	**10,641,835,401**
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	**8,741,999,611**
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	**11,734,817,935**
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	**9,833,006,852**
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	**7,042,259,985**
2015	222	14,139	4,182,475,179	3,781,323,681	**7,963,798,860**
Jumlah	**2,099**	**177,843**	**37,151,083,362**	**37,437,136,246**	**74,588,219,608**

b) Bagi tempoh 2008 hingga 2015, Selangor telah menerima kelulusan projek perkilangan berjumlah RM 74.59 bilion dan jumlah ini menyumbang sebanyak 17% kepada jumlah pelaburan projek perkilangan yang diluluskan di seluruh Negara berbanding negeri-negeri lain.

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	1,380	147,921	57,527,479,426	44,556,259,477	102,083,738,903
Selangor D.E.	2,099	175,843	37,151,083,364	37,437,136,245	74,588,219,609
Sarawak	245	35,846	24,280,563,086	46,199,047,170	70,479,610,256
Pulau Pinang	1,002	128,317	18,269,877,684	36,666,069,349	54,935,947,033
Melaka	249	33,555	11,320,893,644	13,126,125,764	24,447,019,408
Kedah D.A.	346	37,584	5,156,121,324	16,769,243,014	21,925,364,338
Sabah	219	17,208	12,434,017,915	8,176,003,929	20,610,021,844
Negeri Sembilan D.K.	280	27,413	6,161,062,761	12,232,647,257	18,393,710,018
Perak D.R.	337	37,468	6,887,815,000	11,398,248,587	18,286,063,587
Pahang D.M.	146	13,978	6,452,476,854	10,581,505,751	17,033,982,605
Terengganu D.I.	85	11,651	4,513,085,929	6,988,826,486	11,501,912,415
Kelantan D.N.	39	5,199	2,616,266,863	599,434,994	3,215,701,857
W.P. - Kuala Lumpur	77	4,728	800,053,265	222,462,325	1,022,515,590
Perlis I.K.	12	883	375,365,712	109,994,700	485,360,412
W.P.- Labuan	7	217	73,677,922	22,961,412	96,639,334
Jumlah	**6,523**	**677,811**	**194,019,840,749**	**245,085,966,460**	**439,105,807,209**

* Sumber : MIDA

c) Antara usaha-usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan pelaburan masuk di Negeri Selangor seperti berikut;-

1. <u>Pengurusan</u>

i. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
ii. Memperkukuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudahcara pelaburan kepada para pelabur.
iii. Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pihak pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

iv. Memastikan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
v. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan peruntukkan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
vi. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.
vii. Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded.*
viii. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
ix. Initiatif e-commerce bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
x. Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

2. Networking

i. Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan pengalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
ii. Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-Dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa.
iii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA
iv. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di negara mereka.

3. Promosi

a. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar Negara.
b. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.

c. Penganjuran Selangor International Expo yang dijadualkan pada 20 – 22 Oktober 2016 bertempat di MINES International Exhibition & Convention Centre (MIECC), Seri Kembangan, Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status perlaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Awam?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor telah dimulakan pada Ogos 2016 dan pada Januari 2016 Kerajaan Negeri telah menerima deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Selanjutnya, Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi keterlibatan (*engagement)* deraf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor bersama pihak ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan pelan induk tersebut.

Maklum balas dan input tambahan melalui sesi tersebut akan diambilkira bagi memuktamadkan Laporan Akhir pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Laporan akhir ini telah disiapkan dan dijadualkan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) pada 23 Mac 2016.

Hasil kajian selama enam (6) bulan telah mencadangkan 12 penyelesaian bagi menangani isu kesesakan lalulintas dan membantu rakyat meningkatkan aksesibiliti terhadap pengangkutan awam seperti berikut :

	Jajaran/Justifikasi	
KTM		
P1	KTM Freight Line North	Serendah-Klang Liputan kawasan utara Negeri Selangor
P2	KTM Freight Line South	Klang-KLIA-Senawang Liputan kawasan selatan Negeri Selangor
	• Menyediakan jajaran baru khas untuk sistem pengangkutan barangan dengan jumlah perhentian yang terhad untuk pergerakan yang lebih pantas. • Mengasingkan laluan utama pengangkutan awam bagi membolehkan perkhidmatan keretapi sedia ada digunakan sepenuhnya secara efisien untuk pergerakan penumpang.	
MRT		
P3	MRT Circle Line 1	6 km radius dari Kuala Lumpur

	• Penambahbaikan kepada "*MRT Circle Line*" untuk kawasan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya (MPAJ dan MBPJ).	
P8	MRT Extension West	Sg. Buluh – Elmina West – West Coast Development
	• Membolehkan kawasan Selangor Vision Valley (Elmina East, Elmina West, Kota Elmina Denai Alam, Bukit Lagong) menjadi sebahagian daripada pembangunan asas MRT.	
LRT		
P4	LRT Extension	Gombak – Selayang – Kepong
	• Meluaskan perkhidmatan LRT/MRT sedia ada untuk kegunaan kawasan yang terletak dalam Negeri Selangor.	
P5	LRT Bukit Lanjan	Bandar Utama – Kepong
	• Membolehkan kawasan pembangunan berkepadatan tinggi di MBPJ mempunyai akses kepada perkhidmatan LRT3.	
P6	LRT Circle Line North	Rawang – Shah Alam (Wheel 2 North)
	• Untuk memberi perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya 10 bandar baru yang terletak di kawasan Puncak Alam, Selangor Vision City, Bukit Subang, Bukit Jelutong dan Shah Alam (menghubungkan MRT1 dengan LRT3, BRT dan KTMB di Shah Alam)	
P7	LRT Circle Line 2 South	Shah Alam - Putrajaya (Wheel 2 South)
	• Melengkapkan jajaran P6 dengan laluan terus ke Kota Kemuning, Rimbayu sehingga ke Cyberjaya (integrasi keseluruhan koridor bahagian barat Negeri Selangor).	
P9	Sunway BRT Extension	USJ-Puchong
	• Mengintegrasi kawasan Puchong dengan USJ dan Sunway.	
P10	PJ PRT	Bandar Utama -TTDI - PJ KTM Station
	• Model sistem *PRT* (*People-Rapid-Transit*) dalam bandar. • Pemilihan jajaran sebagai alternatif untuk menggantikan Lebuh raya KIDEX.	
P11	LRT Extension	Possible Link-Putra Height-LRT Circle Line 2 *spur line*
	• Membolehkan keseluruhan koridor pengangkutan barat berintegrasi dengan LRT1 dan LRT 2 di Putra Height.	
P12	LRT Circle Line 3	*Possible long term* link-Klang-Nilai
	• Cadangan jangka masa panjang untuk mengintegrasikan *National Vision Valley (NVV)* di Negeri Sembilan dengan Negeri Selangor dengan menyambungkan LRT 3 ke Teluk Panglima Garang, Tanjung Dua Belas, Salak Tinggi dan Sepang.	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kerajaan dapat mempertimbangkan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor bagi kawasan Taman Matang Jaya, Hospital Sungai Buloh, Kg Melayu Sg Buloh dan Desa Coalfield yang mana ia adalah kawasan penduduk berpendapatan rendah?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang baik terutamanya perkhidmatan bas awam di setiap peringkat negeri. Oleh itu, segala usaha yang dirancang dan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah selaras dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap kemajuan dalam pembangunan dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat di Negeri Selangor.

Bagi laluan Bas Smart Selangor pula, ia ditentukan melalui perbincangan dan persetujuan bersama semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor.

Cadangan-cadangan laluan ini dikemukakan oleh setiap PBT dengan pertimbangan dan kajian laluan yang teliti bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang menepati kriteria ditetapkan di samping mengambilkira pandangan dan saranan oleh semua pihak yang terlibat. Bagi laluan yang dinyatakan iaitu kawasan Taman Matang Jaya, Hospital Sungai Buloh, Kg Melayu Sungai Buloh dan Desa Coalfield, kawasan-kawasan tersebut adalah di dalam pentadbiran MBSA. Pihak MBSA boleh mengemukakan cadangan laluan tersebut untuk perbincangan dalam jawatankuasa bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : JOM SHOPPING WARGA EMAS

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan semula JOM *Shopping* untuk warga emas?

JAWAPAN:

a) Program JOM *Shopping* kini telah ditangguhkan pelaksanaannya untuk sementara waktu. Ia disebabkan RMSB sudah tidak lagi menerima sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk melaksanakannya.

Walau bagaimanapun, satu cadangan baru untuk JOM *Shopping* Ahli SMUE ini telah dikemukakan dengan menggunakan sebahagian daripada jumlah wang manfaat skim tersebut agar Ahli SMUE dapat merasakannya semasa mereka masih hidup.

Proses meminda *trust deed* sedang dilakukan dan program ini akan dijalankan semula sebaik sahaja semua keperluan yang berkaitan dapat diselesaikan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : DEPOSIT UTILITI UNTUK KERJA MELIBATKAN JALAN RAYA

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Butirkan bilangan kes (mengikut PBT) di mana PBT menggunakan deposit syarikat utiliti untuk membaiki jalan raya pada tahun 2013, 2014, 2015.

b) Apakah tempoh masa deposit ini dipegang sebelum dipulangkan kepada syarikat utiliti tersebut?

c) Adakah MMKN berpuas hati dengan kualiti kerja pembaikan jalan raya oleh pihak utiliti?

JAWAPAN:

a) Jumlah bilangan kes (mengikut PBT) di mana PBT menggunakan deposit syarikat utiliti untuk membaiki jalan raya pada tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah sebanyak 10 kes. Pada tahun 2013, tiada kes PBT menggunakan deposit syarikat utiliti untuk membaiki jalan raya, 3 kes pada tahun 2014 dan 7 kes pada tahun 2015. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	**Bilangan kes PBT menggunakan deposit syarikat utiliti untuk membaiki jalan raya**			**Jumlah**
	2013	**2014**	**2015**	
MBSA	Tiada	Tiada	5	5
MBPJ	Tiada	Tiada	Tiada	0
MPK	Tiada	Tiada	Tiada	0
MPAJ	Tiada	1	Tiada	1
MPSJ	Tiada	Tiada	Tiada	0
MPS	Tiada	Tiada	2	2
MPKj	Tiada	1	Tiada	1
MPSp	Tiada	1	Tiada	1
MDKL	Tiada	Tiada	Tiada	0
MDHS	Tiada	Tiada	Tiada	0
MDKS	Tiada	Tiada	Tiada	0
MDSB	Tiada	Tiada	Tiada	0
JUMLAH	**0**	**3**	**7**	**10**

b) Tempoh deposit ini dipulangkan kepada syarikat utiliti tersebut adalah enam bulan hingga satu tahun selepas Sijil Penyiapan Kerja dikeluarkan dan tiada kerosakan berlaku dalam tempoh tersebut.

c) Masih terdapat ruangan untuk dipertingkatkan dari segi kualiti kerja pembaikan jalan raya oleh pihak utiliti dan teknik yang digunakan untuk pembaikan sesuatu jalan. Kerajaan Negeri juga dalam proses mengemas kini tatacara dan proses pemantauan tentang kerja-kerja syarikat utiliti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)

TAJUK : PROGRAM PWB DI SELANGOR

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jenis-jenis program yang telah dijalankan sejak ditubuhkan.

b) Berapakah jumlah peserta yang telah berjaya menjadi usahawan? Nyatakan mengikut daerah.

JAWAPAN:

a) Menyedari tentang pentingnya kemahiran dalam proses pemberdayaan wanita, maka Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga menyokong penuh penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap Dewan Negeri (DUN) di Selangor. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di bawah anjuran dan kelolaan PWB. Antara program yang telah dijalankan sejak PWB ini ditubuhkan adalah :

i. Bengkel Kraftangan (kristal, dompet, bakul, kerongsang, gubahan)
ii. Bengkel Jahitan (Jahitan pelbagai jenis pakaian, telekung, beg daripada *banner*,tudung)
iii. Bengkel Masakan (kuih-muih, roti, kek, makanan sejuk beku, nasi arab, makanan barat, biskut raya)
iv. Kursus Ilmiah (Kelas Bahasa, Kelas Komputer, Fotografi)
v. Senam Sihat (Aerobik dan taklimat pemakanan sihat)
vi. Bengkel penampilan diri
vii. Bengkel penghasilan produk (sabun organik, eko enzim dan lain-lain)
viii. Program Alam Sekitar (*Green Plantation*)
ix. Bengkel kemahiran (lukis inai, refleksologi, spa terapi, cetak T-shirt)

b) Pusat Wanita Berdaya (PWB) yang ditubuhkan semenjak tahun 2010 telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program sama ada berstruktur mahupun tidak berstruktur. Berikutan itu, maka beberapa usahawan telah dilahirkan hasil dari usaha pelaksanaan program-program PWB tersebut. Berikut adalah jumlah peserta yang telah berjaya menjadi usahawan mengikut daerah :

BIL	DAERAH	BIL USAHAWAN
1.	Gombak	14 Orang

BIL	DAERAH	BIL USAHAWAN
2.	Petaling	16 Orang
3.	Kuala Selangor	16 Orang
4.	Kuala Langat	43 Orang
5.	Sepang	8 Orang
6.	Sabak Bernam	8 Orang
7.	Klang	16 Orang
8.	Hulu Selangor	4 Orang
9.	Hulu Langat	16 Orang
JUMLAH		**141 Orang**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PROJEK KERJA NAIKTARAF JALAN MERU TAMBAHAN KE PUNCAK ALAM

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah saiz dan reka bentuk yang dicadang bagi parit besar tanah dari Jalan Iskandar hingga Jalan Kempas?

b) Apakah kemajuan projek tersebut mengikut seperti dijadualkan?

c) Apakah rujukan petunjuk keselamatan pengguna jalan raya semasa kerja-kerja berjalan?

JAWAPAN:

a) Parit besar tanah dari Jalan Iskandar hingga Jalan Kempas akan dinaiktaraf kepada longkang jenis U bersaiz 3300mmx2100mm.

b) Kemajuan fizikal projek berdasarkan kepada penilaian pada 29 Februari 2016 adalah 61.8% (jadual) dan 65% (sebenar) iaitu awal jadual sebanyak 3.2%.

c) JKR menggunapakai Arahan Teknik (Jalan) 2C/85 *Manual On Traffic Control Devices Temporary Signs and Work Zones Contro*l.

MAKLUMAT TAMBAHAN

LAPORAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Tarikh Laporan : 16 MAC 2016
Nama Projek : MENAIKTARAF LALUAN B1&B202 DARI PEKAN MERU KE PUNCAK ALAM
No. Kontrak : JKR/SEL/551/2013
No. Pendaftaran JKKP : SL/14/03/12485

1 . Penyeliaan dan Pemantauan Pelan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (S-Plan)

i . Tarikh Penyadiaan :
ii . Semakan/Pindaan (Jika berkaitan) :

No. Pindaan	Sebab Semakan/Pindaan	Tarikh
441519-W		2-Jan-12
410885-K	REVISION 1	10-May-15

2 . Statistik kemalangan

No.	Perkara	Bulan Ini	Kumulatif
i.	Maut	0	0
ii.	Kemalangan	0	10
iii.	Kemalangan Nyaris	1	5
iv.	Penyakit Pekerjaan	0	0
v.	Kecederaan Masa Hilang (Lost Time Injury)	0	0

3 . Isu keselamatan dan kesihatan Pekerjaan

No.	Perkara	Bulan Ini	Kumulatif
i.	Penyakit Deman Denggi	0	0
ii.	Kebakaran di tapak bina	0	0
iii.	Aduan orang awam	2	10
iv.	– Perkara lain yang berkaitan. Sila nyatakan – Aduan tentang jalan tidak berturap & tumpahan konkrit		

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PERKHIDMATAN HOSPITAL

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memandangkan penyediaan perkhidmatan hospital berlokasi di bahagian utara Sepang. Apakah rancangan pembinaan hospital di bahagian selatan Sepang terutama di DUN Sungai Pelek?

JAWAPAN:

a) Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan pembinaan Hospital Sepang. KKM mempunyai sebidang tanah seluas 50 ekar di Salak Tinggi, Sepang untuk tujuan pembinaan Hospital Sepang di kawasan DUN Sungai Pelek. Projek *National Centre Food Safety* dengan keluasan 15 ekar juga akan dibina di tapak yang sama.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : SUKAN BOWLING

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor ada rancangan untuk mempertingkatkan sukan *bowling*?

b) Jika ya, apakah pelan perancangannya dan peruntukan yang diberikan?

c) Apakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk memberikan anugerah atau bantuan khas kepada Emma Firyana yang memenangi "*World Bowl Championship 2015*" di Australia?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa merancang untuk meningkatkan mutu atau pencapaian sukan boling padang ini bersama-sama dengan pihak Persatuan Boling Padang Selangor. Antara perancangan bagi mempertingkatkan sukan boling padang ini adalah menumpukan kepada menaiktaraf kemudahannya untuk memudahkan pasukan dan persatuan menjalankan aktiviti di tempat sendiri kerana buat masa ini pasukan dan persatuan menjalankan aktiviti latihan dan penganjuran di Kompleks Boling Padang Bayuemas Klang dan ianya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Pihak persatuan juga sangat aktif mengadakan kejohanan, menyertai kejohanan kategori senior dan pembangunan, bengkel-bengkel dan klinik-klinik boling padang di daerah-daerah dan juga di sekolah-sekolah.

b) Peruntukan tahunan kepada setiap persatuan yang bergabung dengan pihak Majlis adalah sebanyak RM 40,000.00 setahun dan peruntukkan untuk pasukan SUKMA pada tahun ini adalah sebanyak RM 60,000.00. Walau bagaimanapun, pada tahun ini sebanyak RM 1.3 juta diperuntukkan bagi memberi tumpuan kepada membaikpulih kemudahan di Kompleks Boling Padang Seksyen 13, Shah Alam.

c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor telah maklum dengan kemenangan yang dirangkul oleh Saudari Emma Firyana yang telah mewakili negara di Kejohanan ‘World Bowl Championship 2015’ di Australia. Atlet ini merupakan bekas pemain sukan boling padang SUKMA 2004. Pada tahun 2005, beliau telah berkhidmat dengan pihak PDRM dan sejak itu beliau tidak mewakili Selangor tetapi aktif mewakili majikannya sehingga beliau

berjaya menempatkan diri ke skuad kebangsaan. Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Sukan Negeri Selangor buat masa kini tiada cadangan untuk memberi apa jua penganugerahan atau bantuan kepada beliau kerana beliau tidak mewakili Negeri Selangor untuk tempoh masa yang panjang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : DIVIDEN DARIPADA KONSESI TOL

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah dividen yang telah diterima oleh kerajaan daripada konsesi tol sejak Kerajaan Negeri memegang kepentingan syer di setiap konsesi tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.

b) Nyatakan kesemua lebuh raya yang dipegang syer oleh Kerajaan Negeri sama ada secara langsung atau tidak langsung serta peratusan syer yang dipegang oleh kerajaan di setiap konsesi tersebut.

JAWAPAN:

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

a) Jumlah dividen terkumpul yang telah diterima oleh PKNS melalui pegangan saham 30% di dalam Kesas Holdings Bhd. dari tahun 2004 – 2015 adalah sebanyak RM178,875,614.00

b) PKNS memegang sebanyak 30% pegangan saham di dalam Kesas Holdings Bhd.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : SEKOLAH AGAMA DI SELANGOR

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti sama ada sekolah agama di Negeri Selangor mencukupi untuk menampung jumlah pelajar di Negeri Selangor?

b) Adakah kajian dilakukan sama ada kawasan yang ada keperluan tersebut mempunyai tapak dan juga peruntukan untuk dibina sekolah agama?

JAWAPAN:

a) Bagi sekolah peringkat rendah, JAIS telah menyediakan SRAI, SRA dan KAFAI yang mencukupi bagi menampung jumlah pelajar.

b) Setakat ini tiada kajian secara ilmiah telah dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : SISTEM BARU BAGI PELANTIKAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR PEMBERSIHAN DAN KUTIPAN SAMPAH OLEH MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI KAWASAN KLANG

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila memberi butir-butir tentang sistem baru bagi pelantikan kontraktor-kontraktor pembersihan dan kutipan sampah oleh Majlis Perbandaran Klang bagi kawasan Klang seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

b) Memandangkan perjanjian-perjanjian kebanyakan kontraktor-kontraktor pembersihan dan kutipan sampah bagi kawasan Klang masih belum tamat, bagaimana sistem baru tersebut dapat dilaksanakan dengan serta-merta?

JAWAPAN:

a) Belum ada sebarang pelaksanaan.

b) Dicadangkan diserap terus ke dalam sistem baru.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : SKIM PEMBERIAN AIR PERCUMA 20 METER PADU

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah pembayaran setiap tahun oleh kerajaan untuk membiayai Skim Air percuma dari 2008 hingga 2015?

b) Berapakah jumlah meter air yang telah menerima Skim ini dari tahun 2008 hingga 2015?

c) Adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula bayaran tarif air di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah pembiayaan air percuma mulai Jun 2008 hingga Disember 2015 adalah sebanyak RM1,129,196,998.38 mengikut pecahan berikut:-

METER INDIVIDU			**RUMAH PANGSAPURI (METER PUKAL)**		
TAHUN	**BILANGAN AKAUN**	**JUMLAH (RM)**	**TAHUN**	**BILANGAN AKAUN**	**JUMLAH (RM)**
2008	7,097,011	68,674,733			
2009	13,570,243	131,468,341			
2010	14,269,553	136,217,651	2010		9,468.80
2011	14,836,061	140,738,976	2011		2,150,179.65
2012	15,411,019	146,009,767	2012		7,181,566.51
2013	16,084,584	151,360,586	2013		7,775,305.43
2014	16,792,385	158,041,051	2014		7,817,456.03
2015	17,448,081	163,561,318	2015		8,190,599.96
Jumlah	115,508,937	1,096,072,423	Jumlah		33,124,576.38

c)

1) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air telah melibatkan kos pengambilalihan sebanyak RM9.65 bilion iaitu terdiri daripada nilai awal RM2.0 bilion untuk nilai ekuiti dan RM7.65 bilion nilai liabiliti sedia ada.

2) Selepas proses pengambilalihan selesai, perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada akan ditamatkan dan perkhidmatan air akan beralih kepada

model industri yang baru. Air Selangor akan menjadi operator tunggal yang akan menjalankan aktiviti rawatan dan agihan air secara holistik dan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

3) Di bawah model baru industri air ini, pembiayaan perbelanjaan modal ("*CAPEX*") untuk membaik pulih, menaik taraf dan membangunkan infrastruktur air akan dilakukan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebuah syarikat milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

4) Peralihan kepada model baru industri air ini, antara lain, melibatkan pemindahmilikan aset-aset air oleh Air Selangor dan syarikat-syarikat konsesi kepada PAAB dan sebagai balasan, PAAB akan mengambil alih dan melangsaikan segala pinjaman/hutang syarikat-syarikat konsesi yang diambil alih oleh Air Selangor.

5) PAAB seterusnya akan memberi pajakan atau hak penggunaan aset-aset air tersebut kepada Air Selangor bagi tujuan menyediakan bekalan air kepada pengguna-pengguna di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk tempoh selama 45 tahun dan selepas tempoh tersebut, akan dipindahkan kembali kepada Kerajaan Negeri Selangor

6) PAAB akan mengenakan sewa bulanan bagi pajakan dan penggunaan aset-aset air tersebut oleh Air Selangor, mengikut kadar sewa dan tempoh pajakan yang akan ditetapkan kemudian.

7) Berdasarkan Pelan Perniagaan yang sedang diteliti Kerajaan Negeri, Air Selangor dijangka akan mencatatkan unjuran aliran tunai negatif sekiranya tiada pelarasan tarif dibuat dalam waktu terdekat ini. Keadaan ini akan menyebabkan Air Selangor memerlukan bantuan subsidi sekurang-kurangnya RM766 juta atau subsidi purata sebanyak RM255 juta setahun dari tahun 2016 sehingga 2018 daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai kos operasi dan sewa pajakan bagi menjamin perkhidmatan bekalan air kepada kesemua pengguna di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak terganggu dan dapat diteruskan.

8) Dengan mengambilkira kos pembiayaan tahunan yang dianggarkan tidak kurang daripada RM160 juta setahun bagi Program Air Percuma.

9) Memandangkan Air Selangor perlu menampung kos iaitu pertama; pengambilalihan sebanyak RM2.0 bilion untuk nilai ekuiti, kedua; kos bagi

perbelanjaan CAPEX dan OPEX dan ketiga; kos bagi Program Air Percuma. Namun sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat, terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana demi menjamin perkhidmatan bekalan air yang terurus dan holistik berdasarkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban, efisien dan kos efektif di samping dapat meneruskan Program Air Percuma kepada seluruh rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : HAL-EHWAL ORANG ASLI

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan keluasan tanah rizab orang asli yang digazetkan mengikut tahun sejak Mei 2013 sehingga sekarang. Senaraikan.

b) Sila nyatakan tanah-tanah yang dalam proses mendapatkan pelan pra-hitungan dan berapa lama telah diambil?

c) Apakah jenis bantuan Kerajaan Negeri yang khususnya untuk Orang-Orang Asli dari segi pendidikan?

JAWAPAN:

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

a)

b)

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

c) Kerajaan Negeri telah menawarkan beberapa bentuk bantuan pendidikan daripada segi kewangan berbentuk subsidi, program-program dan biasiswa untuk menyambung pelajaran. Bantuan pendidikan ini ditawarkan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan di Negeri Selangor termasuk golongan Orang Asal. Sepanjang pelaksanaannya program bantuan pendidikan ini juga telah dinikmati oleh Orang Asli seperti Program Tuisyen Rakyat Selangor, terutamanya di kawasan Dewan Negeri Dengkil dan Gombak Setia, manakala Program Subsidi Yuran ke Tadika atau Skim TUNAS telah melibatkan sebanyak 97 orang penerima manfaat yang terdiri daripada Orang Asli semenjak ia dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga 2015.

Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan Biasiswa Sagong Tasi pada tahun 2015 iaitu program biasiswa khas untuk 10 pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran di UNISEL. Program biasiswa ini merupakan anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Pejabat YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau

dan Hal Ehwal Pengguna dan pihak UNISEL. Kerjasama ini dibuat memandangkan mekanisme pelaksanaan program Biasiswa Sagong Tasi memerlukan pendekatan yang sedikit berbeza berbanding dengan biasiswa lain contohnya Biasiswa Selangorku.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KONTRAK YANG DITANDATANGANI DEIG

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua kontrak yang telah ditandatangani oleh DEIG seperti yang diterangkan dalam Seksyen 35 Akta Syarikat, termasuk jenis kontrak dan pihak satu lagi yang menandatangani kontrak, sebelum dan selepas penubuhan syarikat.

b) Lampirkan Memorandum dan *Article of Association* DEIG.

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PROJEK PEMBINAAN PERUMAHAN SUNGAI SERING

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini projek tersebut selepas Majlis Pecah Tanah dilakukan pada 22/2/2014.

b) Sila perjelaskan secara terperinci apakah kekangan yang dihadapi?

c) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang bakal disalurkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan projek tersebut?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini projek Rumah Selangorku Taman Ukay Indah Sungai Sering adalah memfokuskan kepada pembangunan Sistem Bekalan Air Bersepadu (IWSS) Fasa 1B yang mana melibatkan lapan (8) pemaju yang berkongsi kos untuk membina sistem bekalan air tersebut. Projek Rumah Selangorku Taman Ukay Indah Sungai Sering merupakan penyumbang kos terbesar iaitu lebih RM10 juta bagi menampung pembinaan IWSS Fasa 1B yang keseluruhan kos dianggarkan melebihi RM20 juta. Walaupun kerja-kerja pembinaan Rumah Selangorku masih tertangguh sehingga kini disebabkan terdapatnya tuntutan daripada pemaju asal tapak tersebut di mahkamah, namun kerja-kerja pembinaan IWSS Fasa 1B tetap diteruskan memandangkan ianya memberi kesan kepada penduduk-penduduk di beberapa projek di Ukay Indah yang masih tidak dapat memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) penuh akibat kegagalan pemaju-pemaju menyediakan sistem bekalan air secara tetap hampir 10 tahun. Di samping itu juga, proses pengambilan balik tanah bagi tujuan laluan keluar masuk juga telah pun dimulakan yang mana proses pendengaran bantahan telah pun diadakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

b) Antara kekangan yang dihadapi dalam membangunkan Projek Rumah Selangorku adalah seperti berikut:

   i) Tuntutan saman oleh pemaju asal tapak kepada Menteri Besar Incorporated (MBI) / Kerajaan Negeri yang menyebabkan kerja-kerja pembinaan tertangguh sehingga kini.

ii) Bantahan awalan daripada penduduk sekitar berkenaan dengan isu trafik dan pembangunan Rumah Selangorku. Sesi penerangan kepada penduduk telah diadakan sebanyak dua (2) kali.

iii) Pengambilan balik tanah bagi tiga (3) lot untuk tujuan pelebaran jalan keluar masuk.

iv) Perkongsian kos bagi pembangunan Sistem Bekalan Air Bersepadu (IWSS) Fasa 1B. Kerajaan Negeri menyumbang lebih RM10 juta daripada kos keseluruhan lebih RM20 juta akibat kegagalan pelaksanaan projek IWSS ini sebelum ini. Ia telah mengakibatkan projek-projek perumahan di sekitar tapak projek yang telah siap dan diduduki hampir 10 tahun yang masih belum memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) penuh sehingga kini.

c) Peruntukan pelaksanaan Projek Rumah Selangorku ini adalah menggunapakai Tabung Pusingan Rumah Mampu Milik sebanyak RM100 juta sebagaimana yang telah diumumkan pada Belanjawan Tahun 2014.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)

TAJUK : ALAM SEKITAR

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan telah melaksanakan kajian terperinci terhadap kesan kualiti alam sekitar di kawasan ternakan khinzir di Tanjung Sepat?

b) Apakah langkah-langkah pro aktif kerajaan bagi mengelakkan kemusnahan pokok-pokok bakau di sepanjang pantai?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor telah membuat pengawalan aktiviti penternakan khinzir terhadap kesan kepada alam sekitar melalui:

i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor - Kaedah-Kaedah Pelesenan Penternakan Babi (Negeri Selangor) 2012, dan

ii. Lembaga Urus Air Selangor - Peraturan-peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2012.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor turut melaksanakan langkah-langkah berikut bagi mengawal kesan alam sekitar:-

i. Membuat bancian ke atas semua ladang (128 buah) sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan jumlah babi yang diternak tidak melebihi kuota yang telah ditetapkan;

ii. Melaksanakan saringan efluen ke atas semua ladang sebanyak dua kali setahun atau lebih daripada itu ke atas ladang-ladang yang disyaki menimbulkan masalah pencemaran;

iii. Menggalakkan semua penternak menggunakan produk efektif mikrob (EM) untuk merawat kumbahan masing-masing seperti menggunakan bebola lumpur dan larutan EMAS yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (dengan harga yang sangat murah) atau pun yang dikeluarkan oleh syarikat swasta.

Tambahan daripada itu, Satu Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) telah dilaksanakan bagi menambahbaik pengurusan penternakan khinzir di kawasan ini dengan cadangan penternakan secara moden dan berpusat di kawasan Ladang Tumbok, iaitu kawasan yang telah diwartakan sebagai Kawasan Penternakan Babi (*Pig Farming Area*).

Melalui kajian ini, cadangan penternakan khinzir secara moden dan berpusat ini diyakini akan dapat menyelesaikan isu-isu alam sekitar seperti pencemaran bau dan air.

Terkini, Satu kajian semula sedang dilaksanakan oleh LUAS iaitu Kajian Semula Peraturan-peraturan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) yang turut merangkumi pengawalan aktiviti penternakan khinzir. Hasil kajian ini akan digunakan bagi menambah baik peraturan sedia ada seperti senarai parameter dan had piawaiannya. kajian ini sedang di peringkat draf akhir dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2016.

b) Antara langkah-langkah pro aktif Kerajaan Negeri Selangor bagi mengelakkan kemusnahan pokok-pokok bakau di sepanjang pantai adalah melalui pelaksanaan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (Integrated Coastal Management-ICM) bagi seluruh kawasan pantai di Negeri Selangor secara berperingkat mulai Julai 2007 yang diselaraskan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Kemusnahan habitat termasuklah pokok bakau merupakan salah satu polisi utama yang terdapat di dalam Pelan Strategi Tindakan ICM.

Bagi memastikan kemusnahan pokok-pokok bakau adalah minima, maka pelbagai program penanaman semula spesis pokok bakau telah dijalankan oleh pelbagai agensi sejak pelaksanaan Pelan ICM pada tahun 2007. Program penanaman pokok bakau ini telah dianjurkan oleh pelbagai agensi dan jabatan Negeri Selangor seperti LUAS, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor serta masyarakat setempat. Selain itu, pihak LUAS turut melaksanakan pemantauan berkala di setiap lokasi program penanaman semula bagi memantau kemajuan pokok-pokok yang ditanam.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengawal pembangunan di kawasan pantai khususnya di kawasan pantai berlumpur yang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau dengan menetapkan kawasan penampan. Di bawah subperaturan 2, Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013, kawasan penampan ditafsirkan sebagai sesuatu bahagian tanah bersebelahan dengan sesuatu sungai atau badan air yang direka atau ditentukan untuk berada di dalam keadaan tidak diganggu, semula jadi atau keadaan lain yang ditetapkan dengan jarak atau kelebarannya seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama. Oleh yang demikian, sebarang pembangunan di kawasan pantai

khususnya di kawasan paya bakau hendaklah mengambil kira kawasan penampan ini bagi melindungi kawasan paya bakau daripada dimusnahkan.
Kerajaan Negeri juga sentiasa memastikan bahawa semua permohonan bagi tanah-tanah kerajaan yang termasuk di dalam Seksyen 49 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56) tidak diluluskan atau '*summary rejection'* bagi mengelakkan kemusnahan tumbuhan pokok bakau di pesisir pantai Negeri Selangor.

Tambahan daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor juga telah memasang Geotube setinggi 1.8 meter menghadap laut di kawasan pesisir pantai Negeri Selangor. Kaedah ini akan mewujudkan dataran lumpur di antara Geotube dan pantai bagi membolehkan keadaan yang sesuai untuk penanaman spesis bakau. Pelaksanaan projek ini sedang giat dijalankan di Pantai Kelanang, Kuala Langat.

Kerajaan Negeri juga telah mewartakan sebahagian kawasan tanah perairan di Mukim Kapar sebagai Zon Perlindungan Mukim Kapar (No. Warta 1856) di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 pada 28 Mei 2015 (Pindaan). Melalui pewartaan kawasan tersebut, ianya dapat melindungi pokok-pokok bakau daripada dimusnahkan secara haram dengan mengawal pembangunan di kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PENGURUSAN BANGUNAN

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan mengambil alih pengurusan bangunan rumah pangsapuri kos rendah yang mempunyai masalah?

b) Apakah bantuan di bawah Skim Ceria atau skim lain yang ditawarkan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk tinggal di rumah pangsapuri kos rendah?

c) Sila kemukakan senarai JMB/MC yang menyertai skim ceria atau program lain yang ditawarkan oleh kerajaan Selangor dalam tempoh 2008-2015.

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Tiada dalam mana-mana peruntukan undang-undang yang memperuntukkan kuasa dan tugas kepada PBT secara langsung untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan bersama flat kos rendah setelah tamat tempoh pembaikan oleh pemaju.

Walau bagaimanapun, Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), telah memperuntukkan Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di pangsapuri berkaitan. Setakat ini, terdapat 224 kawasan pemajuan telah diuruskan oleh ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan.

Sekiranya Kerajaan Negeri mengambil alih semua pengurusan kos rendah di Negeri Selangor, adalah dianggarkan Kerajaan Negeri perlu menanggung kos yang sangat tinggi sejumlah RM139.2 juta setahun (anggaran kos penyenggaraan termasuk fi ejen pengurusan, insurans dan sebagainya sejumlah purata setiap unit petak RM50.00 melibatkan 231,947 unit petak pangsapuri kos rendah). Oleh itu, cadangan ini perlu dikaji dengan lebih teliti terutamanya kos sebenar yang terlibat termasuk kos akibat vandalisme dan kegagalan pemilik tidak membayar caj serta impak kepada usaha-usaha ke arah pemberdayaan komuniti yang tidak bergantung pada kerajaan secara berterusan.

Berdasarkan analisis yang dibuat kepada JMB atau MC pangsapuri-pangsapuri yang berjaya, faktor utama yang mendorong kepada penyelesaian isu-isu JMB adalah kemahuan, komitmen dan kerjasama sesebuah komuniti pangsapuri itu sendiri untuk membuat perubahan menjadikan pangsapuri mereka kepada

pangsapuri "Bersih, Ceria Dan Harmoni". Malahan, Kerajaan Negeri mendapati, pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa JMB atau MC adalah lebih baik kerana kos pengurusan yang lebih optimum.

b) Atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program "Memberdayakan Komuniti" untuk membantu menyelesaikan masalah secara tuntas bagi semua pangsapuri kos rendah dengan penekanan kepada 3 aspek pengurusan seperti berikut:

    i- Pengurusan Fizikal.
    ii- Pengurusan Komuniti.
    iii- Pengurusan Kepimpinan.

    Sehingga kini, pencapaian pelaksanaan bagi 13 program "Memberdayakan Komuniti seperti di **LAMPIRAN A**.

c) Senarai JMB/MC yang menyertai Skim CERIA atau program lain yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor dalam tempoh 2008-2015 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI
1. KATEGORI PENGURUSAN FIZIKAL

LAMPIRAN A

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
1.	**CERIA** *(Caring Government For Residents, Improvement Aid)*	• Bantuan kewangan untuk membaik pulih harta bersama secara perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk.	• Nilai Kerja -RM52.4 juta • Jumlah Projek -190 projek
2.	**SAFWA** *(Selangor Free Water Apartment)*	• Pemberian rebet air percuma RM11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah **"Lapor dan Dapat"**	• Jumlah Tuntutan -RM33.5 juta • Bilangan Pangsapuri Terlibat -234 pangsapuri (66,512 unit)
3.	**PERMAI** *(Pemudah Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu)*	• Penyelarasan bagi pelaksanaan migrasi meter air individu bersama SYABAS, COB PBT dan JMB/MC.	•39 Projek -19 projek siap/sedang berjalan -RM1,551,226.60 -20 sedang proses BQ
4.	**Perpustakaan Komuniti**	• Menyediakan prasarana kepada komuniti bagi mewujudkan budaya "Masyarakat Berilmu"	• Jumlah Kos -RM145,000.00 • Jumlah Projek -2 projek

2. KATEGORI PENGURUSAN KOMUNITI

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
1.	**Kempen BCH** *"Pangsapuri Kita... Bersih, Ceria Dan Harmoni"*	• Program kesedaran kepada penduduk berhubung tanggungjawab membayar caj dan menjaga harta bersama.	• Jumlah kos -RM487,752.05 • Jumlah pangsapuri terlibat -30 kawasan
2.	**SKORA** *(Skim Pengenalan Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program untuk memberi pendidikan mengenai budaya kehidupan dan pengurusan bangunan strata kepada kumpulan sasar seperti berikut : I. Pembeli baru unit rumah pangsapuri. II. Pelajar sekolah rendah / menengah yang menduduki pangsapuri.	• 3 program turun padang. ❑ SMK Dato' Hamzah ❑ SMK Taman Keramat ❑ SMK Ideal Heights ❑ RM60,000.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
3.	**SEROJA** *(Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri)*	• Insentif kepada JMB/MC yang aktif melaksanakan *self monitoring* bagi keselamatan pangsapuri masing-masing. ✓ 5 set peralatan ✓ Geran tahunan RM10,000 setahun untuk program keselamatan. ✓ Khairat Ihsan - Meninggal Dunia RM 10,200 - Cedera Kekal RM 10,000 - Cedera Bukan Kekal RM2,000 (maksimum)	-42 kawasan -RM126,960.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
4.	**Diskaun Cukai Pintu 25%**	• Diskaun cukai pintu sejumlah 25% kepada pemilik yang menduduki pangsapuri kos rendah.	•Nilaian Tuntutan -RM65,049.54 • Bilangan Tuntutan -2,334 tuntutan
5.	**OPS Bayar**	• Pendakwaan ke mahkamah bagi pemilik yang gagal membayar caj kepada JMB/MC	• 750 kes pendakwaan ke mahkamah

3. KATEGORI PENGURUSAN KEPIMPINAN

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
1.	**K-STAR** *(Penarafan Komuniti Bestari)*	• Program penarafan dan pengiktirafan kepada JMB/MC yang berjaya menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti mereka.	• Jumlah pangsapuri terlibat untuk penilaian -53 pangsapuri ❑ Markah 70% ke atas -2 pangsapuri ❑ Markah 50% ke atas - 11 pangsapuri ❑ Markah 40% ke bawah -40 pangsapuri
2.	**FOKUS** *(Format Kurikulum Pengurusan Bangunan Strata)*	• Program kursus dan latihan kepada JMB/MC supaya mereka mempunyai kemahiran dalam menguruskan bangunan strata mengikut perundangan yang ditetapkan.	• Jumlah siri kursus -74 siri, 764 peserta • Jumlah kos -RM645,175.00

BIL	PROGRAM	CATATAN	PENCAPAIAN SEHINGGA FEBRUARI 2016
3.	**K-KLIK** *(Kelab Interaktif Komuniti)*	• Program membentuk pemimpin daripada peringkat belia yang menetap di pangsapuri untuk menguruskan bangunan dan membangunkan komuniti di kawasan pemajuan mereka.	•20 kawasan • RM88,861.00
4.	**K-STAC** (*Sistem Tadbir Urus Akaun)*	• Menyediakan sistem dan set peralatan komputer kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan akaun secara sistematik seterusnya sebagai persediaan untuk melaksanakan auditan ke atas akaun pengurusan bangunan.	•25 kawasan •RM246,500.00

LAMPIRAN B

SENARAI PENERIMA SKIM CERIA TAHUN 2010 - 2015

BIL	PBT	NAMA PEMAJUAN	TAHUN PELAKSANAAN
1	MBSA	Pangsapuri Mentari, Seksyen U5, Shah Alam	2010/2011
2	MBSA	Rumah Pangsa Taman Subang Perdana, Seksyen U3, Shah	2012
3		Pangsapuri Kos Rendah Teratai, Seksyen U16	
4		Blok 31-36, Seksyen 27 Taman Bunga Negara	
5		Pangsapuri Sri Era, Desa Latania, Seksyen 36 Shah Alam	
6		Anggerik 21, Seksyen 24 Shah Alam	
7		Anggerik 46, Seksyen 24 Shah Alam	
8		Anggerik 6, Seksyen 24 Shah Alam	
9		Anggerik 52, Seksyen 24 Shah Alam	
10		Pangsapuri Kiambang Seksyen U16	
11		Pangsapuri Taman Bunga Negara Blok 37 -39, Seksyen 27,	
12		Anggerik 16, Seksyen 24 Shah Alam	
13		Anggerik 44, Seksyen 24 Shah Alam	
14	MBSA	Pangsapuri Sri Murni, Seksyen U5, Shah Alam	2013
15		Pangsapuri Seri Melewar	
16	MBSA	Mediterranean/Alora A	2014
17		Rumah Pangsa SP3	
18		Pangsapuri Sri Bintang	
19		Pangsapuri Sri Bintang	
20		Mediterranean Alora Apartment II	
21	MBSA	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36, Blok 38	2015
22		Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Taman Bunga Negara MC	
23		Pangsapuri Indah	
24		Blok 1, 2, 3, 4 dan 5, Seksyen 8	
25		Pangsapuri Heavy Industries Valley (Medium)	
26	MBPJ	Pangsapuri Flora Damansara A & B	2010/2011
27		Pangsapuri Desa Perangsang A & B	
28		Apartment Taman Medan Jaya Blok C	
29		Flat Taman Medan 32, Taman Medan Baru	
30		Blok 1, Rumah Pangsa Kos Rendah Desa Mentari	
31		Flat Taman Sri Aman	
32	MBPJ	Flat Sri Cemara, Bandar Sri Damansara	2012
33		Apartment Harmoni, Damansara Damai	
34		Blok 3, Flat Desa Mentari	
35		Blok D & F, Taman Medan	
36	MBPJ	Pangsapuri Happy Mansion, Happy Mansion	2013
37		Apartment Taman Medan Jaya Blok C, Petaling Jaya	
38		Pangsapuri Pelangi Damansara A,B & C	
39		Pangsapuri Pelangi Ara, PJU 6A	
40		Desa Mentari Blok 3	
41		Desa Mentari Blok 4	
42		Desa Mentari Blok 5	
43		Desa Mentari Blok 6	
44		Desa Mentari Blok 8	
45		Pangsapuri 15 tingkat SS8, Petaling Jaya	
46	MBPJ	Pangsapuri Kos Rendah Petaling Utama	2014
47		Pangsapuri Damai Blok B	
48		SD Apartment II	
49		Apartment Gugusan Dedap	
50		Apartment Mawar, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung, Rawang	
51		Blok A Pangsapuri Impian Baiduri	
52		Blok B Pangsapuri Impian Baiduri	
53		Blok C Pangsapuri Impian Baiduri	
54		Blok D Pangsapuri Impian Baiduri	
55		Apartment Harmoni, Damansara Damai	
56		Desa Perangsang Blok A dan B	

BIL	PBT	NAMA PEMAJUAN	TAHUN PELAKSANAAN
57	MBPJ	Pangsapuri Seri Meranti	2015
58		Pangsapuri Flora Damansara (Medium) Blok D-H	
59		Desa Mentari 2, Blok 9.	
60		Desa Mentari 2, Blok 10	
61	MPSJ	Tembikai & Pulasan Court	2010/2011
62	MPSJ	Pangsapuri Kenanga, Taman Bukit Kinrara	2012
63		Blok A, Pangsapuri Taman Muhibbah	
64		Blok B, Pangsapuri Taman Muhibbah	
65		Blok D, Pangsapuri Taman Muhibbah	
66		Pangsapuri Kos Rendah Bandar Sunway	
67		Pangsapuri Enggang	
68		F9-10, Flat Puchong Permai	
69		F5-F8, Flat Puchong Permai	
70	MPSJ	Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16, Subang Jaya	2013
71		Pangsapuri Seri Pulai, Taman Puchong Hartamas	
72		Pangsapuri Seri Kayan, USJ 2	
73		Desa Tanjung, Seri Kembangan	
74		Pangsapuri Anggerik, Seri Kembangan	
75	MPSJ	Pangsapuri Sri Mutiara	2014
76		Pangsapuri Aman, Puchong Prima	
77		Subang Perdana Courts 2	
78		Pangsapuri Belimbing Cempaka	
79		Pangsapuri Lagoon Perdana	
80		Pangsapuri Seri Pelangi	
81		Pangsapuri Seri Pelangi	
82		Pangsapuri Megaria Lili(LM)	
83	MPSJ	Kinrara Court	2015
84		Pangsapuri Kos Rendah Puchong Permai Blok A27 – A30	
85		Pangsapuri Kos Rendah Puchong Permai Blok A35 – A38	
86		Pangsapuri Sri Tanjung	
87	MPK	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	2010/2011
88		Pangsapuri Pendamar 7A	
89	MPK	Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja	2012
90		Blok C, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	
91		Blok D, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	
92		Blok E, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	
93		Blok F, Flat Sri Bahtera Bandar Armada Putra	
94		Pangsapuri Pendamar 7B, Jalan Pendamaran	
95		Apartment Sri Bayu, Taman Bayu Perdana	
96		Pangsapuri Mutiara Bukit Raja 2	
97	MPK	Pangsapuri Golden Villa Blok G, Klang	2013
98	MPK	Pangsapuri Villa Sentosa	2014
99		Blok A, Flat Taman Jalan Kem	
100		Blok B, Flat Taman Jalan Kem	
101		Blok C, Flat Taman Jalan Kem	
102		Blok D, Flat Taman Jalan Kem	
103		Blok E, Flat Taman Jalan Kem	
104		Pangsapuri Hulubalang	
105		Pangsapuri Taman Permai, Pandamaran, Klang	
106		Pangsapuri Taman Permai, Pandamaran, Klang	
107		Pangsapuri Seri Perantau Blok B	

BIL	PBT	NAMA PEMAJUAN	TAHUN PELAKSANAAN
108		Pangsapuri Seri Perantau Blok C	
109		Pangsapuri Seri Perantau Blok D	
14.	MD. ZUHIR BIN MD. AKHIR	670215-07-5943	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	MOHD NOR BIN SHAHURI	690726-08-5797	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

37/146

SENARAI PEGAWAI SURAU DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI SESI JUN 2013 HINGGA 31 MEI 2016

SURAU	AL-MUSTAQIM	KARIAH MASJID	AN-NUR SUAJANA UTAMA
Alamat	NO. 11 JLN MAWAR 2 SAUJANA UTAMA 1 SG. BULOH	Daerah	KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PENUH	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	MOHD NASIR BIN ABD SAMAD	71286071	PENGERUSI
2.	ZURAIMI BIN AHMAD	7705241-14-5077	SETIAUSAHA
3.	MOHD HANAFI BIN MOGHNI	800108-08-5815	BENDAHARI
4.	MOHD ROMZI BIN MAAROF	690818-02-5409	IMAM
5.	NAZRI BIN MOHD SALLEH	741012-05-5809	BILAL
6.	AZHAR BIN IBRAHIM	681102-02-5273	SIAK
7.	SAMSUL ZAHARI BIN MOHAMMAD	631104-08-6509	WAKIL PEMUDA
8.	CHE YUSLIZA BINTI MAT ISA	740317-02-5980	WAKIL WANITA
9.	NORHANIM BINTI HJ. KASSIM	620326-01-5710	PENGURUS JENAZAH WANITA
10.	AHMAD SUHAIDEEBIN SHAHARUDDIN	661209-06-5461	AJK
11.	HAFIZI BIN YUSOF	700205-08-6299	AJK
12.	ABDULL GHAFAR BIN TALIB	700201-11-5638	AJK
13.	AMIRULHIZAN BIN MOHAMAD	611020-05-5205	AJK
14.	YAZEED BIN MOHD YAHYAA	721001-02-5681	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	TAJUDDIN BIN SHAHRUDIN	730422-01-5347	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

37/166

SENARAI PEGAWAI SURAU DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI SESI JUN 2013 HINGGA 31 MEI 2016

SURAU	**NURUL IMAN**	KARIAH MASJID	**AN NUR, SAUJANA UTAMA**
Alamat	**BUKIT SAUJANA, SAUJANA UTAMA, SG BULOH.**	Daerah	**Kuala Selangor**

BIL	NAMA PENUH	NO.KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	OTHMAN BIN MOHAMED YUDIN	810102-03-5111	PENGERUSI
2.	SHAHRUL NAZRI	770922-01-6019	SETIAUSAHA
3.	ELDA AZRIEL SAHADAN	810605-08-6199	BENDAHARI
4.	ABD HAFIZ B MOHD SHAHAR	791009-10-5567	IMAM
5.	HAFIZ IZWAN HASHIIM	801206-10-5431	BILAL
6.	AMRY B WAN CHIK	730704-03-5717	SIAK
7.	SHAH RAFZEE B MOHD ARASAT	791129-08-6570	WAKIL PEMUDA
8.	SHARIFAH MUTTAKIAH MUSANIF	741001-08-6570	WAKIL WANITA
9.	FADZLINA BT AHMAD	781129-06-5492	PENGURUS JENAZAH WANITA
10.	HJ HAINUDDIN HANAFIAH	720124-08-6033	AJK
11.	FAIRUL HAFIZ B RAZALI	741112-03-5143	AJK
12.	ROSLEE B IBRAHIM	730717-08-6257	AJK
13.	MUHAMMAD ASYHAR SALLEH	760526-02-5811	AJK
14.	ZALMAN B ABD AZIZ	780622-01-5531	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	MASRIN B MD MAHAYUDIN	800915-08-6195	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

MAIS/SU/UKS/011/1 JLD.2 (91)

SENARAI PELANTIKAN PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2016 HINGGA 31 DISEMBER 2018

Masjid	**MASJID SAUJANA UTAMA**	Mukim	**IJOK**
Alamat	**JALAN KEMBOJA 2, TAMAN SAUJANA UTAMA 2, 47000 SUNGAI BULOH**	Daerah	**KUALA SELANGOR**

KAEDAH 6 (1), KAEDAH-KAEDAH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA KARIAH (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2001

"Setiap Masjid hendaklah ditadbirkan oleh Pegawai Masjid dan suatu Jawatankuasa Kariah yang terdiri daripada":-

PEGAWAI MASJID

Bil.	Nama	No. K/P	Jawatan
1.	AHMAD SHUKRI BIN ISMAIL	750719-06-5167	**Nazir**
2.	ABDUL LATIF BIN ABDUL RAZAK	720803-02-5689	**Timb. Nazir**
3.	ADIM HIDAYAT BIN MUSLIM	840923-14-5817	**Imam I**
4.	ABD HALIM BIN ISHAK	731126-08-5783	**Imam II**
5.	SAIRI BIN YAAKOB	740207-03-5483	**Bilal I**
6.	MOHD MAUDUDI BIN GHAZALI	910121-14-5883	**Bilal II**
7.	KAMARULZAMAN BIN IBRAHIM	671009-03-5611	**Siak I**
8.	AHMAD NAZMI BIN HASSAN	720324-02-5315	**Siak II**

MAIS/SU/UKS/011/1 JLD.2 (91)

JAWATANKUASA KARIAH

Bil	Nama	No K/P	Jawatan
1.	SAIFUL FARIK BIN MAT YATIN	740212-06-5409	**Setiausaha**
2.	MOHD KHOIRUDDIN BIN MD AKHIR	760112-08-6497	**Penolong Setiausaha**
3.	RAHIMI BIN DOLLAH	720403-03-5335	**Bendahari**
4.	ANAS BIN MALEK	830811-10-5627	**AJK**
5.	ABDUL LATIF BIN ABDUL RAZAK	720803-02-5689	**AJK**
6.	MOHAMAD YASMI BIA ALIAS	750325-10-5605	**AJK**
7.	SHAHIDAN BIN HASHIM	700524-02-5493	**AJK**
8.	ABD RAHMAN BIN ABDULLAH	490129-01-5081	**AJK**
9.	WAN FAUZIAH BINTI WAN SALLEH	71111-10-5958	**AJK**
10.	MUHAMAD YUSRIZAL BIN YUSHAR	87110-14-5467	**Wakil Pemuda**
11.	ROHANA BINTI ABDUL RAHMAN	620129-10-5100	**Wakil Wanita**
12.	MOHD HAIZAN BIN MOHD AZIZ	740312-05-5371	**Pemeriksa Kira-Kira I**
13.	MOHAMMAD BIN ALI	590416-11-5235	**Pemeriksa Kira-Kira II**

Senarai Pelantikan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Khas Bil. 4/2015 pada 15 Disember 2015.

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

Tarikh: 23 DEC 2015

37/153

SENARAI PEGAWAI SURAU DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI SESI JUN 2013 HINGGA 31 MEI 2016

SURAU	AL-HIJRAH SBCR	KARIAH MASJID	SAUJANA UATAMA
Alamat	131 JLN ANGGERIK 3/1 SG BULOH COUNTRY RESORT	Daerah	KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PENUH	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	SHAHIDAN BIN HASHIM	700524-02-5493	PENGERUSI
2.	SHARIFUDDIN BIN SHAHBUDIN	691030-08-5427	SETIAUSAHA
3.	MD AMIN BIN AWALUDDIN	630428-05-5753	BENDAHARI
4.	ZAINUDDIN BIN HARUN	690518-03-5139	IMAM
5.	TUNKU HANIM BIN TUNKU ISMAIL	690903-05-5477	BILAL
6.	ZAKARIA BIN YA AHMAD	621230-01-5753	SIAK
7.	FAIZUL NAIM BIN JALALUDDIN	790507-08-5285	WAKIL PEMUDA
8.	AZLIN BINTI AZIZ	741103-14-5666	WAKIL WANITA
9.	RAJA RABIAH BINTI RAJA ISMAIL	701102-08-6769	PENGURUS JENAZAH WANITA
10.	HUSSIN BIN MUHAMMED	550728-10-5961	AJK
11.	GHAZALI BIN SAMAN	720818-10-5067	AJK
12.	KHAIRUL NIZAM BIN MOHD TOHID	730712-10-5759	AJK
13.	ALIM BIN JOHARI	720702-14-5057	AJK
14.	JASNI BIN JUARI	740414-08-6769	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	KHAIRUL AZMAN BIN ABD WAHAB	690304-10-5031	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

37/157

SENARAI PEGAWAI SURAU DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI SESI JUN 2013 HINGGA 31 MEI 2016

SURAU	NURHIDAYAH	KARIAH MASJID	SAUJANA UATAMA
Alamat	PERSIARAN SAUJANA 2, SAUJANA UTAMA, SG. BULOH	Daerah	KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PENUH	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	HJ ROSLI BIN MOHAMED HUSSAIN	580329-71-5305	PENGERUSI
2.	AZRUL FAIZI BIN ABDUL RAHMAN	730425-08-5538	SETIAUSAHA
3.	ABDUL MOFTI BIN AHMAD JANTAN	700722-08-6203	BENDAHARI
4.	MUZAMMIL BIN ABU BAKAR	870926-43-5307	IMAM
5.	AZLAN BIN AHMAD	660308-08-5113	BILAL
6.	UMOR CP VEERAVU	581112-10-6757	SIAK
7.	LOKMAN HAKIMI BIN KAMALUDIN	890405-13-6203	WAKIL PEMUDA
8.	KHADIJAH BINTI ABD MUTHALIB	880628-02-5448	WAKIL WANITA
9.	NORSANI BINTI BDUL RAHMAN	670607-08-6916	PENGURUS JENAZAH WANITA
10.	HJ MOHD FAKARUDIN BIN HJ ISMAIL	720520-03-5553	AJK
11.	DR ABDUL LATIF BIN ABDUL RAZAK	720803-02-5689	AJK
12.	HJ AZHAR BIN HARUN	680521-10-5247	AJK
13.	MOHD MAHFUD BIN MASHUD	650328-10-7149	AJK
14.	ISMAZAINI BIN ISMAIL	741125-07-5021	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	CHE MANSOR BIN MOHAMED	681110-03-5447	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

37-/154

SENARAI PEGAWAI SURAU DAN JAWATANKUASA KARIAH
BAGI SESI JUN 2013 HINGGA 31 MEI 2016

SURAU	SBCR	KARIAH MASJID	SAUJANA UTAMA
Alamat	29, JLN SEROJA 1/1, SG. BULOH COUNTRY RESORT	Daerah	KUALA SELANGOR

BIL	NAMA PENUH	NO KAD PENGENALAN	JAWATAN
1.	WAN NOORASROMEI BIN MOHD NOOR	770103-14-5597	PENGERUSI
2.	MOHD AZMANIZAM	770124-05-5435	SETIAUSAHA
3.	NORJALANI BIN ABU HASAN	740117-02-5555	BENDAHARI
4.	MOHD HELMI BIN HAMID	860210-42-5089	IMAM
5.	A RASHID BIN SALIM	540319-01-6109	BILAL
6.	SYED MUSTAFA BIN RAJA SYED NORDIN	560925-08-6703	SIAK
7.	MOHAMAD ROSLI BIN HAMID	730117-02-5645	WAKIL PEMUDA
8.	NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR	730216-02-5720	WAKIL WANITA
9.	SUZAIDA BINTI KHALID		PENGURUS JENAZAH WANITA
10.	MOHD IKRAM RAJOD BIN ABDULLAH	670422-10-5519	AJK
11.	MUHAMAD HAZMANBIN KARIM	660805-06-5287	AJK
12.	MOHAMMAD ZAIRIN BIN ZAKARIA	650316-10-6683	AJK
13.	SHAFII BIN ABD WAHAB	790714-14-5025	AJK
14.	MOHD SARFAWI BIN ABDUL LATIF	741129-03-6265	PEMERIKSA KIRA-KIRA 1
15.	HANIF BIN NGADI	780709-01-5665	PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

Disahkan Oleh:

.....

Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh: 31 JUL 2013

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : TANAH TOL DI SABAK BERNAM

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan keluasan dan lokasi tanah TOL di Sabak Bernam.

b) Berapakah perbezaan hasil cukai tanah TOL pada tahun 2008 dan 2015 di Sabak Bernam?

c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas tanah TOL yang tidak diusahakan?

JAWAPAN:

a) Keluasan dan lokasi tanah TOL di Sabak Bernam adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	LOT/PT	LUAS (HEKTAR)	TUJUAN
1.	Kampung Tanjung Jawa, Mukim Sabak	PT 2861	0.044	Memetik kelapa sawit
2.	Jalan Parit 5 ½ Gambut, Mukim Panchang Bedena	PT 21531	1.507	Memetik kelapa sawit
3.	Changkat Menteri, Mukim Sungai Panjang	PT 3972	0.405	Memetik kelapa sawit
4.	Changkat Menteri, Mukim Sungai Panjang	PT 4190	0.809	Memetik kelapa sawit
5.	Pekan Sungai Besar	PT 2522	0.078	Memetik kelapa sawit

b) Tanah TOL tidak dikenakan cukai tanah. Bagi Daerah Sabak Bernam, bayaran yang diterima untuk tanah-tanah TOL ini adalah dalam bentuk bayaran permit memetik kelapa sawit. Hasil kutipan bayaran permit ini pada tahun 2008 dan 2015 adalah seperti berikut:

2008 (RM)	2015 (RM)	Perbezaan (RM)
140,765.67	26,172.00	114,593.67

c) Selaras dengan peruntukan Seksyen 67 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 iaitu di dalam Borang 4A bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS), lesen LPS ini

mempunyai klausa di mana ianya boleh dibatalkan dengan **serta merta** dan tanpa apa-apa bayaran pampasan jika berlaku perlanggaran mana-mana peruntukan yang tertakluk. Ini termasuklah sekiranya pemegang LPS ini tidak mengusahakan tanah tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KAWASAN TADAHAN HUJAN, PARIT 4 SG HAJI DORANI

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini kawasan tersebut?

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk membangunkan kawasan tersebut.

JAWAPAN:

a) Kawasan tadahan tersebut telah disiapkan pada tahun 2014 dan beroperasi mengikut keperluan jumlah kapasiti air yang diperlukan oleh pesawah. Kolam takungan ini dapat menampung keperluan pengairan seluas 90 Ha.

b) Kos projek sebanyak RM27,381,889.00 daripada Kerajaan Persekutuan melalui IADA Barat Laut telah dibelanjakan untuk membangunkan kawasan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : CUKAI TANAH BERGANDA DI TAMAN BUKIT SEMENYIH

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapa sebahagian pemilik rumah Fasa 3 Taman Bukit Semenyih perlu membayar dua cukai tanah untuk sebuah rumah kediaman di samping cukai taksiran tahunan?

b) Bagaimana Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dapat menyelaraskan cukai tersebut yang dilihat tidak adil kepada mereka?

JAWAPAN:

a) Pada asalnya, Taman Bukit Semenyih wujud melalui pembangunan yang dibuat secara berfasa oleh Syarikat Brighton Properties Sdn. Bhd. yang merangkumi tiga (3) lot iaitu Lot 2013, Lot 2014 dan Lot 2200 seperti dalam pelan di **Lampiran A**. Isu yang diutarakan adalah 1 lot rumah mempunyai 2 hakmilik (2 cukai). Perkara ini timbul kerana pemaju membuat permohonan tukar syarat di bawah Seksyen 124A Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan kemudiannya baru dipecah sempadan di bawah Seksyen 137 KTN.


Hasil daripada pecahan lot ini, telah melibatkan satu (1) lot rumah terletak dalam dua (2) lot besar tadi. Apabila dikeluarkan hakmilik, maka pembeli akan menerima dua (2) hakmilik bagi satu (1) lot rumah yang dibeli. Pihak pemaju sepatutnya mengemukakan permohonan cantuman lot bagi lot-lot yang berkenaan sebelum urusan pindahmilik kepada pembeli, walau bagaimanapun tiada tindakan di pihak pemaju mengenai perkara tersebut.

Sehubungan itu, bagi mengelakkan isu pemilik membayar dua (2) cukai tanah untuk sebuah rumah kediaman, PTG Selangor mengesyorkan supaya pemilik kediaman mengemukakan permohonan cantuman lot ke Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Hulu Langat.

b) Bagi menyelaras isu tersebut, PTG Selangor telah membuat penolakan ke atas semua permohonan pembangunan tanah yang melibatkan lot-lot yang tidak lengkap berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam Bilangan 8/ 2005 bertarikh 20 Disember 2005. Sehubungan itu, pemilik atau pemaju tanah dikehendaki membuat pencantuman tanah dengan lot bersebelahan terlebih dahulu atau

mencantumkan dengan lot bersebelahan yang akan dibangunkan menjadi satu lot lengkap.

PELAN LAMPIRAN 'A'



PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PRESTASI ANAK SYARIKAT / GLC SELANGOR?

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan prestasi keuntungan sebelum dan selepas cukai bagi setiap anak syarikat / GLC pada tahun 2015.

b) Berapakah nilai sumbangan setiap anak syarikat / GLC kepada kewangan negeri pada tahun 2015?

JAWAPAN:

a) Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi.

Prestasi keuntungan selepas cukai bagi setiap anak syarikat / GLC pada tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:-

BIL.	NAMA ANAK SYARIKAT	KEUNTUNGAN / KERUGIAN TAHUN 2015 (RM)
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad	9,207,000.00
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	(511,478.00)
3	Tourism Selangor Sdn. Bhd.	(304,655.40)
4	Communication Corporation Sdn. Bhd.	(306,218.00)
5	Rantaian Mesra Sdn. Bhd.	(19,471.38)
6	Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	(8,947,368)
7	Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (MSNS Holdings Sdn. Bhd.)	457,730.00
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	6,261,727.00
9	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.	16,151,009.00
10	Invest Selangor Berhad	2,195,608.59

11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	28,349.10
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	(3,158,665.56)

b) Bagi tahun 2015, tiada pembayaran dividen dan bonus daripada anak syarikat kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dan Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM) telah membayar dividen kepada Menteri Besar Pemerbadanan (MBI) seperti jadual berikut:-

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	DIVIDEN / BONUS KEPADA MBI (RM)
KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)	Dividen akhir yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berjumlah RM10,700,000.
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)	2,400,000.00** (Akaun PNSB 2015 sedang dalam proses audit)
DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN BHD (MSNS)	45,773.00** (Akaun DEFM 2015 sedang dalam proses audit)

**PNSB & DEFM bercadang membayar dividen kepada MBI masing-masing berjumlah RM2.4 juta & RM45,773.00 sebaik sahaja selesai proses pengauditan Penyata Kewangan 2015.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2015, Perbadanan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan langsung yang berjumlah RM120,694,803.66 kepada pelbagai program / aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Perincian sumbangan bagi setiap Perbadanan / Anak Syarikat seperti jadual berikut:-

BIL	ANAK SYARIKAT / PERBADANAN	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	92,562,292.00
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	9,155,158.00
3	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	8,898,000.00
4	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	7,738,842.76
5	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	1,826,356.30
6	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	500,000.00
7	Invest Selangor Berhad	5,000.00
8	Darul Ehsan Facilities Management	9,154.60
	JUMLAH	**120,694,803.66**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Status dan tanda harga terkini penstrukturan semula industri air secara keseluruhan serta pelan tindakan untuk melaksanakan pemberian saham dalam entiti bergabung kepada rakyat Selangor seperti yang dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Rakyat pada Pilihanraya Umum 2013.

JAWAPAN:

a) Untuk melaksanakan penstrukturan semula perkhidmatan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, Perjanjian Utama (*Master Agreement*) di antara Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor") telah ditandatangani pada 12 September 2014 diikuti dengan Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Utama ditandatangani pada 10 Julai 2015.

Pada 8 September 2015, Air Selangor dan Pengurusan Aset Air Berhad ("PAAB") telah menandatangani Perjanjian Kemudahan, Pajakan, Hak Penggunaan dan Penyelesaian yang merupakan sebahagian daripada *Condition Predecent* (CPs) kepada Perjanjian Utama. Dengan ini, kesemua *Condition Precedent* (CPs) dalam Perjanjian Utama penstrukturan semula industri air telah disempurnakan pada 8 September 2015.

Dengan selesainya Perjanjian Utama, pengambilalihan 100% Puncak Niaga (M) Sdn Bhd ("PNSB") dan 70% Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") daripada Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB") juga telah dimuktamadkan pada 15 Oktober 2015. Manakala, pada 26 Januari 2016, pengambilalihan sepenuhnya ekuiti SYABAS dan ABASS telah dimuktamadkan dan kedua-dua syarikat kini menjadi anak syarikat milik sepenuhnya Air Selangor.

Operasi semua loji rawatan air ("LRA") di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah di bawah pengurusan Air Selangor kecuali LRA SSP1 dan LRA SSP3 di bawah pengendalian SPLASH. Rundingan dengan pemegang saham SPLASH masih lagi berjalan dan Air Selangor telah diberi tempoh sehingga Oktober 2016 selepas tamat Perjanjian Utama untuk memuktamadkan pengambilalihan SPLASH.

Dalam hal berkaitan dengan pemberian saham air untuk rakyat, program ini diutarakan oleh mantan Dato' Menteri Besar Selangor yang lepas. Pelaksanaan serta kaedah pemberian saham air ini tidak pernah dibincangkan dalam MMKN dan tiada kajian terperinci dibuat sebelum ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PENDAPATAN NEGERI MELALUI PELABURAN

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah pendapatan Negeri melalui pelaburan? Senaraikan pendapatan ini dari tahun 2007 hingga 2015.

b) Apakah faktor yang boleh meningkatkan pendapatan Negeri melalui pelaburan?

c) Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan pendapatan Negeri melalui pelaburan?

JAWAPAN:

a) Pendapatan Negeri melalui pelaburan deposit jangka pendek dan simpanan tetap adalah seperti berikut:

Tahun	Hasil atas Pelaburan (RM)
2007	14,495,507
2008	20,777,875
2009	20,513,794
2010	20,889,596
2011	44,208,310.96
2012	52,116,901.24
2013	73,494,840.18
2014	84,085,113.17
2015	109,233,898.37

b) Peningkatan rizab Kerajaan Negeri adalah menyumbang kepada peningkatan pendapatan Negeri melalui pelaburan. Selain itu, pengurusan kewangan Kerajaan Negeri yang cekap dan teratur serta mematuhi peraturan kewangan sedia ada merupakan faktor peningkatan pendapatan melalui pelaburan.

c) Antara usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan Negeri melalui pelaburan deposit jangka pendek dan simpanan tetap adalah dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang bermesyuarat setiap bulan bagi memastikan lebihan tunai dilaburkan dengan pulangan yang optima, mengkaji peluang-peluang pelaburan serta mendapatkan kadar faedah atas pelaburan yang tinggi dari Institusi Kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KEMPEN *HE FOR SHE*

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah program-program yang dirangka sepanjang 2016 bagi mencapai matlamat Kempen *HeForShe*?

JAWAPAN:

a) Kempen *HeForShe* di peringkat Negeri Selangor telah dilancarkan pada 2 Februari 2016 yang lalu dengan dihadiri lebih daripada 300 orang ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri, jabatan Kerajaan Persekutuan, pengurusan tertinggi anak-anak syarikat Kerajaan Negeri serta badan-badan berkanun Negeri.

Kempen *HeForShe* ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada kumpulan pengurusan tertinggi atau pembuat keputusan di setiap agensi dan jabatan akan kepentingan usaha bersama golongan lelaki dan wanita untuk bersama-sama mencapai kesaksamaan gender melalui pentadbiran dan pembentukan dasar yang menyokong usaha ke arah kesaksamaan gender di organisasi masing-masing.

Oleh yang demikian, bagi tahun 2016 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM50,000.00 untuk melaksanakan kempen dan program advokasi *HeForShe* di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menaikkan *billboard HeForShe* serta pelaksanaan forum *HeForShe* untuk memberi kefahaman kepada kakitangan penjawat awam serta orang ramai. Justeru itu, semua Ahli Yang Berhormat, jabatan, agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah Kerajaan Negeri khususnya berperanan dalam memberikan komitmen dan kerjasama padu bagi menjayakan program-program yang bakal dilaksanakan dalam memenuhi matlamat kempen *HeForShe* ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : PEMBANGUNAN LADANG ELMINA

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan pembangunan Ladang Elmina akan menghapuskan kedudukan padang bola, kuil hindu dan surau di kawasan tersebut ?

b) Jika ya, apakah akan disediakan tapak alternatif ?

JAWAPAN:

a) Pembangunan Sime Darby Elmina mempunyai 2 bahagian iaitu Elmina Timur di Seksyen U16 bersebelahan Seksyen U5, Shah Alam. Manakala sebahagian lagi di sebelah barat iaitu bersebelahan Bukit Subang melibatkan tiga seksyen iaitu di Seksyen U15, U16 dan U17.

Merujuk kepada soalan ini ia merupakan pembangunan di Sime Darby Elmina Barat iaitu di Seksyen U15, U16 dan U17 Shah Alam. Pembangunan ini telah diluluskan Kebenaran Merancang pada 22 Januari 2015 oleh Majlis Bandaraya Shah Alam melalui pelan daftar MBSA/PRG/PSA U17AV-6-14.

Pembangunan ini secara keseluruhannya telah mengambilkira keperluan kemudahan awam bagi menampung penduduk yang dianggarkan 66,744 orang berdasarkan bilangan unit rumah yang disediakan dalam pembangunan Elmina ini iaitu 16,686 unit rumah.

Walau bagaimanapun bagi kemudahan awam iaitu padang bola pihak Majlis telah mensyaratkan pemajuan taman bandar dengan penyediaan 12 padang bola yang akan dibangunkan oleh pihak pemaju Sime Darby Elmina.

Bagi kedudukan kuil hindu dan surau pihak Majlis telah mengambilkira kemudahan awam yang perlu disediakan di kawasan pembangunan Elmina ini.

Berikut merupakan kemudahan awam Rumah Ibadat Selain Islam dan Surau yang disyaratkan dalam pembangunan ini:

Bil.	Komponen	Unit	Keluasan (ekar)
1.	Rumah Ibadat Selain Islam	7	3.53
2.	Surau	8	2.09

b) Pihak Majlis telah mensyaratkan kemudahan Rumah Ibadat dan Padang Bola dalam pembangunan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : SOP BENCANA

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah SOP yang ditetapkan dalam menghadapi bencana dan adakah ADUN turut terlibat dalam pemilihan ahli jawatankuasa bencana?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Lampiran J, Arahan No. 20 (semakan semula) Dasar Dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Garis panduan dalam pengendalian kejadian bencana adalah seperti berikut :

1. Apabila mendapat laporan mengenai kejadian sesuatu Bencana sama ada daripada orang awam, media atau Pusat Kawalan PDRM (DCC, CCC ataupun MCC, yang mana berkaitan), pihak PDRM yang bertanggungjawab di kawasan kejadian bencana tersebut hendaklah dengan secepat mungkin menuju ke tempat kejadian untuk membuat penilaian tahap Bencana yang berlaku.

2. Pada masa yang sama, Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan pengendalian Bencana juga hendaklah menuju ke tempat kejadian dan bersedia untuk bertindak apabila diperintahkan berbuat demikian oleh Komander Operasi Bencana.

3. Ketua Polis Daerah atau Ketua Polis Negeri atau Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, PDRM yang mana berkaitan mengikut peringkat pengendalian Bencana hendaklah membuka PKTK dengan dan bertindak sebagai Komander Operasi Bencana mengikut peringkat pengendalian Bencana.

4. Komander Operasi Bencana hendaklah menyelaras segala tindakan yang diambil oleh Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dengan operasi mencari dan menyelamat dan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa Bencana.

5. Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan digerakkan pada masa yang sama mengikut peringkat pentadbiran pengendalian Bencana, bagi menyelaras, mengawasi serta melaksanakan operasi mencari dan

menyelamat serta lain-lain bantuan kecemasan dalam mengurus Bencana yang berlaku.

6. Komander Operasi Bencana hendaklah melaporkan dari semasa ke semasa keadaan Bencana kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana yang bersidang di PKOB untuk mendapatkan bantuan dan sebagainya.

7. Agensi Penyelamat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat dan lain-lain bantuan kecemasan di tempat kejadian Bencana hendaklah menjalankan tugas mengikut pembahagian tugas serta kepakaran masing-masing sebagaimana yang diarahkan oleh Komander Operasi Bencana.

Untuk makluman YB, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **tidak tersenarai** di dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Senarai keahlian adalah seperti di Lampiran D, Arahan No. 20 (semakan semula) Dasar Dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara :

A. KEAHLIAN :

Pengerusi : Pegawai Daerah

Ahli-ahli :

1. Ketua Polis Daerah
2. Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah
3. Pegawai Kesihatan Daerah
4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
5. Pegawai Jabatan Alam Sekitar Daerah
6. Wakil Angkatan Tentera Malaysia
7. Ketua Penguatkuasa Maritim Daerah / Wakil Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran / Daerah
9. Pegawai Pertahanan Awam Daerah
10. Wakil Jabatan Meteorologi Malaysia
11. Pegawai Penerangan Malaysia
12. Pegawai Pelajaran Daerah
13. Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
14. Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
15. Pegawai RELA Daerah
16. Wakil Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
17. Pengurus Telekom Malaysia Daerah
18. Pengurus Tenaga Nasional Berhad Daerah / Wakil Pengurus Syarikat Bekalan Elektrik Negeri
19. Wakil Pengarah / Pengurus Jabatan / Syarikat Bekalan Air Negeri

20. Wakil Pengurus Jabatan Penerbangan Awam Negeri / Daerah
21. Pengarah Kementerian Pelancongan Negeri / Pejabat Tourism Malaysia Negeri
22. Penghulu / Penggawa Mukim

Turut Hadir : Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

Setiausaha : Setiausaha Keselamatan Daerah,
Pegawai Pertahanan Awam Daerah
[Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menyerahkan kuasa sekretariat kepada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor menjadi sekretariat bersama JPAM di peringkat negeri]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : CUKAI TANAH

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila beri pecahan kutipan cukai tanah mengikut kategori kutipan, kediaman, kediaman bertingkat, komersial, industri, pertanian dan lain-lain untuk 3 tahun yang lepas

b) Apakah jenis pemilikan tanah yang dikecualikan bayaran atau dikenakan kadar nominal cukai tanah?

JAWAPAN:

a) Pecahan kutipan cukai tanah mengikut kategori kediaman, kediaman bertingkat, komersial, industri, pertanian dan lain-lain bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di **Lampiran.**

b) Jenis pemilikan tanah yang dikenakan bayaran nominal dan dikecualikan bayaran adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS PEMILIKAN TANAH	KADAR CUKAI DIKENAKAN
1.	Masjid	RM 1.00 (Kadar Nominal)
2.	Rumah Ibadat Bukan Islam	RM 1.00 (Kadar Nominal)
3.	Tapak Sekolah yang beroperasi tidak berasaskan keuntungan	RM 1.00 (Kadar Nominal)
4.	Tanah Pertanian Milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	RM1.00 selot
5.	Tanah Bangunan (Kediaman) Milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	RM1.00 selot
6.	Tapak Keagamaan Milik Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Dikecualikan bayaran

LAMPIRAN

PECAHAN KUTIPAN CUKAI TANAH MENGIKUT KATEGORI KEDIAMAN, KEDIAMAN BERTINGKAT, KOMERSIAL, INDUSTRI, PERTANIAN DAN LAIN-LAIN BAGI TEMPOH 2013-2015

BIL	JENIS GUNA TANAH	SYARAT NYATA	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
1	Pertanian	Pertanian	8,636,078.34	8,396,882.25	8,361,187.09
2	Bangunan	Kediaman	65,655,182.60	67,688,508.71	69,056,016.67
		Kediaman Bertingkat	5,101,130.15	5,065,587.30	5,205,443.06
		Perniagaan	148,419,952.81	154,377,277.65	161,121,899.99
		JUMLAH	**219,176,173.81**	**227,131,354.16**	**235,380,894.72**
3	Industri	Industri	142,034,018.41	140,823,293.17	143,550,742.24
4	Lain-Lain	Lain-Lain	23,059,476.57	26,977,487.31	25,923,383.87

Sumber: Bahagian Teknologi Maklumat SUK(Sistem e-SPHT) sehingga 16 Mac 2016

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)

TAJUK : PERMOHONAN KEMASUKAN KE TINGKATAN SATU SEKOLAH JAIS

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah pelajar yang memperoleh Mumtaz untuk diterima masuk ke MITS dan berapa jumlah yang ditolak?

b) Nyatakan jumlah keseluruhan permohonan ke sekolah JAIS. Jumlah yang diterima dan jumlah yang ditolak.

JAWAPAN:

a) JAIS telah menerima permohonan daripada pelajar yang memperoleh Mumtaz sebanyak 2033 permohonan, manakala jumlah yang dipanggil untuk ditemu duga adalah sebanyak 800 pelajar. Daripada jumlah yang ditemu duga tersebut hanya 230 pelajar yang ditawarkan dan sebanyak 1803 telah ditolak.

b) JAIS telah menerima permohonan ke SABK melalui *online* sebanyak 19, 338 permohonan. Jumlah yang berjaya hanya 3258 dan 16080 permohonan telah ditolak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : KOMPLEKS PASAR BESAR KLANG.

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status permohonan penambahbaikan kompleks tersebut?

b) Apakah kerja-kerja dikeluarkan bagi baikpulih dan menaik taraf kemudahan bangunan?

c) Berapakah kos diperuntukkan?

JAWAPAN:

a) Majlis telah memajukan permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi tahun 2016 kepada UPEN (P01) bagi kerja-kerja :

i) Penggantian kawasan bumbung Pasar Borong (Blok C)
ii) Mengecat semula Bangunan Blok A & B
iii) Penggantian pagar di sekeliling pasar

Majlis juga telah membuat permohonan pada pihak UPEN pada tahun 2015 untuk pembaikan biofilter tetapi belum mendapat sebarang maklumbalas. Pada masa yang sama juga, Majlis juga membuat beberapa kerja-kerja pembaikan di kompleks tersebut.

b) Kerja-kerja yang dikeluarkan bagi baikpulih, menaiktaraf kemudahan bangunan dan kerja-kerja elektrik pada tahun 2015 adalah meliputi pembaikan kebocoran paip air, menaiktaraf kemudahan bekalan air, pembaikan dan menaiktaraf tandas awan serta mengganti sebuah pam di kolam loji rawatan air kumbahan. Majlis juga menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bagi sistem rawatan air kumbahan di Kompleks Pasar ini.

Manakala kerja-kerja pada tahun 2016 sehingga bulan Februari adalah meliputi pembaikan kebocoran paip air, pembaikan semula jubin lantai secara berperingkat di Blok B dan menaiktaraf pencahayaan di Blok B.

c) Jumlah keseluruhan kos yang terlibat pada tahun 2015 adalah RM113,630.00 manakala bagi tahun 2016 peruntukan yang digunakan sehingga bulan Feb 2016 adalah sebanyak RM75,712.00 .

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : SAMBUNGAN JALAN

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah projek sambungan jalan dari KLIA ke Agroteck Ulu Chuchoh FT5 akan dimulakan?

JAWAPAN:

a) Projek ini telah diluluskan dalam RMKe-11 di bawah tajuk Membina Jalan dari Kg. Ulu Chuchuh ke KLIA dengan kos siling berjumlah RM100 juta. Projek ini dalam peringkat pelantikan perunding dan dijangka bermula pada tahun 2017.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PERUNTUKAN PORTFOLIO WANITA

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengikut belanjawan 2016, peruntukan sebanyak RM150 ribu untuk program sambutan berkaitan wanita dan keluarga. Sila nyatakan program apa yang dimaksudkan?

b) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk setiap program tersebut?

c) Nyatakan di bawah peruntukan yang sama untuk program 2015.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah P01-06001 Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bagi melaksanakan program-program khusus buat golongan wanita dan keluarga sepanjang tahun 2016. Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga merupakan jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan program wanita dan keluarga dengan berbekalkan peruntukan tersebut.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah mengagihkan peruntukan tersebut kepada enam (6) sasaran program besar diikuti dengan 20 projek yang disasarkan akan dilaksanakan pada tahun 2016.

Salah satu program yang disasarkan adalah program-program sambutan dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00. Antara projek yang disenaraikan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut :-

Bil	Program / Projek	Anggaran Perbelanjaan (RM)
1.	Sambutan Hari Wanita Sedunia	90,000.00
2.	Malaysia *Women Marathon* sempena Sambutan Hari Wanita	20,000.00

3.	Program *Walk For Humanity* dan Karnival Keluarga	40,000.00
Jumlah Anggaran Perbelanjaan (RM)		**150,000.00**

c) Sebagai makluman, peruntukan yang sama berjumlah RM150,000.00 juga disediakan untuk pelaksanaan program sambutan berkaitan wanita dan keluarga pada tahun 2015. Berikut adalah senarai program sambutan yang telah dilaksanakan pada tahun 2015 berserta jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan:-

Bil	**Program / Projek**	**Jumlah Perbelanjaan (RM)**
1.	Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Selangor & Pra Pelancaran Selangor Orked Fashion Festival 2015	75,725.00
2.	Program karnival Aspek Wanita Pandan Dengan Kerjasama Parlimen Pandan	10,000.00
3.	Karnival Hari Wanita Dengan Kerjasama Majlis Perbandaran Selayang	15,000.00
4.	Program Malaysia *Women Marathon*	20,000.00
Jumlah Perbelanjaan (RM)		**120,725.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : BIL UTILITI DIBAYAR OLEH PBT

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah keseluruhan bil utiliti untuk bekalan elektrik, air dan telekomunikasi mengikut setiap PBT bagi tahun 2015 .

b) Nyatakan jumlah bayaran utiliti bulanan yang dikenakan kepada setiap PBT bagi lampu jalan dari bulan Januari ke Februari tahun 2016.

JAWAPAN:

a) Jumlah keseluruhan bil utiliti untuk bekalan elektrik, air dan telekomunikasi mengikut PBT bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

PBT	Bil Elektrik 2015 (RM Juta)	Bil Air 2015 (RM Juta)	Bil Telekomunikasi 2015 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
MBSA	**4.10**	**1.91**	**0.22**	**6.23**
MBPJ	**12.21**	**2.89**	**0.24**	**15.34**
MPK	**11.33**	**1.61**	**0.25**	**13.19**
MPAJ	**4.77**	**0.76**	**1.13**	**6.66**
MPSJ	**10.2**	**1.04**	**0.58**	**11.82**
MPS	**6.46**	**0.75**	**0.30**	**7.51**
MPKJ	**7.19**	**0.68**	**0.18**	**8.05**
MPSP	**4.56**	**0.37**	**0.16**	**5.09**
MDKL	**2.89**	**0.49**	**0.18**	**3.56**
MDHS	**2.93**	**0.23**	**0.03**	**3.19**
MDKS	**2.63**	**0.51**	**0.14**	**3.28**
MDSB	**1.33**	**0.22**	**0.07**	**1.62**

PBT	Bil Elektrik 2015 (RM Juta)	Bil Air 2015 (RM Juta)	Bil Telekomunikasi 2015 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
JUMLAH	**70.66**	**11.46**	**3.48**	**85.54**

b) Bayaran utiliti bagi lampu jalan dari bulan Januari hingga Februari tahun 2016 bagi semua PBT berjumlah RM8.77 Juta. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	Bil Lampu Jalan Januari Dan Februari 2016 (RM)
MBSA	**1,376,380.92**
MBPJ	**627,597.85**
MPK	**996,608.63**
MPAJ	**925,230.70**
MPSJ	**1,080,000.00**
MPS	**679,401.00**
MPKJ	**1,257,753.75**
MPSP	**441,596.00**
MDKL	**499,393.93**
MDHS	**532,482.39**
MDKS	**245,732.70**
MDSB	**112,000.00**
JUMLAH	**8,774,177.87**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEPEJAL

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah pencapaian setiap PBT dalam memberi perkhidmatan secara *in-house* 15%?

b) Apakah rancangan kerajaan dalam mewajibkan penggunaan *compactor* dalam pengutipan sisa domestik?

c) Apakah rancangan struktur kerajaan dalam usaha pengurangan sisa pepejal, kitar semula dan pengurangan pelepasan karbon?

JAWAPAN:

a) Pencapaian PBT dalam memberi perkhidmatan secara *in-house* adalah seperti berikut:-

i. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)

Pada masa kini, MBSA hanya dapat menjalankan **5 % sahaja** perkhidmatan kutipan sisa pepejal (sisa domestik) secara *in-house*. Pada tahun 2016, pihak MBSA mensasarkan perkhidmatan kutipan secara *in-house* ini akan meningkat kepada 10% yang melibatkan 20,000 premis di kawasan perumahan pusat bandar Shah Alam. Setakat ini, MBSA mempunyai 12 lori kompaktor sendiri bagi menjalankan kerja-kerja kutipan sampah domestik di kawasan Majlis.

ii. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

1) MBPJ menyediakan kemudahan logistik dan peralatan bagi program gotong-royong yang dijalankan oleh penduduk.
2) Kemudahan pengangkutan aktiviti *spring cleaning*. Kerja-kerja pembersihan segera di kawasan yang tiada dalam inventori kontraktor.
3) Operasi pembersihan sampah haram yang dijalankan oleh jabatan.
4) Kemudahan logistik bagi operasi perobohan bangunan /binaan haram.

iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

Pada ketika ini, kerja kutipan sampah secara *in-house* hanya dilakukan semasa proses transisi pengambilan alih kawasan baru daripada pihak pemaju. Kerja-kerja kutipan dijalankan oleh kontraktor 100%.

iv. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

Kerja kutipan sampah dijalankan oleh kontraktor 100%. Namun, Di MPS hanya melibatkan penyediaan 2 buah tong roro bagi kerja-kerja *in-house* program gotong-royong.

v. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Tiada. Kerja-kerja dijalankan 100% oleh kontraktor.

vi. Majlis Perbandaran Klang (MPK)

Untuk kerja-kerja Pembersihan Awam secara *in-house* adalah di sekitar pusat Bandar Klang Utara dan Klang Selatan serta lain-lain lokasi (berdasarkan arahan dan keperluan), manakala lokasi untuk kerja-kerja perkhidmatan kutipan sampah secara *in-house* oleh Majlis Perbandaran Klang adalah seperti berikut:

BIL.	LOKASI	CATATAN
1.	Kuarters Pekerja Ladang Bukit Kerayong	80 unit Rumah
2.	Kuarters Pekerja Jalan Akob (Termasuk Sekolah & Kuil Divisyen)	50 unit Rumah
	Kuarters Pekerja Jalan Kerayong	14 unit Rumah
4.	Jalan Meranti Bunga 14/KU10: Taman Mewah	16 unit Rumah
5.	Jalan Meranti Bunga, Taman Mewah 7 (Tambahan)	9 unit Kedai/ IKS/ Kilang
6.	Jalan Rodat 1 – Rodat 6: Bandar Bukit Raja	
7.	Jabatan Perhutanan (TAMADAN)	2 unit 240L
8.	Taman Bkt Istana	52 unit Rumah
9.	Jalan Kebun Nenas 2 & 3N Bandar Putera 2, Johan Setia	65 unit Kedai/ IKS/ Kilang
10.	Jalan Teratai	
11.	Jalan utama Kg. Jawa (Bulatan JJ sehingga batu 4 Sek. Tamil)	
12.	Jalan Utama Kg. Jawa (Petronas – Jalan Raja Nong)	*Kutipan dibuat pada hari Ahad sahaja*
13.	Jalan Utama Kg. Delek Kanan/ Delek Kiri/ Delek Baru dan Jalan Yadi	30 unit Rumah
14.	Jalan Kapar (Jalan Utama)	
15.	Pusat Bandar Klang Utara	

16.	Pusat Bandar Klang Selatan	
17.	Jalan Pengkalan Batu	
18.	Taman Desa Bukit Nilam	75 unit Rumah 7 unit Kedai/ IKS/ Kilang
19.	Jalan Persiaran Raja Muda Musa KS4	1 unit Kedai/ IKS/ Kilang
20.	Jalan Pekan Baru KU 1, Laman Villa Klang	29 unit Rumah
21.	Sepanjang Jalan Meru (Jalan Utama)	*kutipan dibuat pada setiap hari Ahad sahaja*
22.	Jalan 13A/KU11 Taman Desa Kencana (Lorong Lapis 7)	30 unit rumah

Sokongan logistik bagi pasukan *in-house*:

BIL.	JENIS KENDERAAN	BILANGAN
1.	Lori *High Pressure*	1 unit
2.	Jengkaut	4 unit
3.	Motor Penguatkuasa	4 unit
4.	Lori RORO	4 unit
5.	Van	1 unit
6.	Lori *Suction Cleaner*	1 unit
7.	Lori Pemadat Sampah	3 unit
8.	Lori *Woodchiper*	2 unit
9.	Lori Terbuka (*Open Truck*)	7 unit
10.	Lori 1 Tan	1 unit
11.	Lori Servis 1 Tan	8 unit
12.	Pajero	4 unit
13.	Fortuner	1 unit
14.	Lori *Tailgate* 8 Tan	1 unit
15.	Lori *Tailgate* 3 Tan	1 unit
16.	Trisikal (Honda)	10 unit
17.	*Case Machine*	2 unit
18.	Lori Tangki	1 unit
19.	Traktor Racun	1 unit
20.	Lori 1 Tan	1 unit
21.	Lori *Tailgate*	1 unit
22.	Lori *Scope End*	1 unit
23.	Lori Terbuka	1 unit

vii. **Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)**
Buat masa ini, MPAJ hanya memberi perkhidmatan secara *in-house* **sebanyak 2.78%** selebihnya dijalankan oleh kontraktor.

viii. **Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)**
Buat masa ini, MPSp hanya memberi perkhidmatan secara *in-house* **sebanyak 4%** bagi kerja-kerja pembersihan awam selebihnya dijalankan oleh kontraktor.

ix. **Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)**
Buat masa ini MDKS menjalankan perkhidmatan pembersihan awam secara *in-house* **bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan sapuan jalan di pusat bandar Kuala Selangor** sahaja.

x. **Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)**
MDKL memberikan perkhidmatan secara *in-house* sebanyak 15% bagi pengurusan sampah pasar malam dan pasar pagi.

xi. **Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**
Pelaksanaan kerja pembersihan longkang, sapuan jalan dan potong rumput secara *in-house* di MD MDSB meliputi **75% dari keseluruhan kawasan MDSB**. Sebanyak 25% kawasan telah diswastakan disebabkan oleh pertambahan kawasan perumahan dan tiada pertambahan pekerja.

xii. **Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)**
Sebanyak 4 daripada 23 kawasan yang diurus sendiri oleh MDHS dengan keberkesanan **sebanyak 17.39%** pencapaian dengan menggunakan jentera, logistik dan sumber manusia (pekerja) majlis sendiri.

Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

b) Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 16/2015 pada 13 Mei 2015 bersetuju supaya PBT menggunapakai Garis Panduan Pelantikan Kontraktor sampah yang diseragamkan di PBT sebagai asas Perjanjian Tahap Perkhidmatan di mana penggunaan lori kompaktor termasuk spesifikasi kenderaan adalah meliputi di dalam Garis Panduan tersebut.

c) Dalam usaha pengurangan sisa pepejal Kerajaan Negeri telah melaksanakan perkara seperti berikut:-

i. **Projek Perintis Kitar Semula**
Dilaksanakan bermula bulan Julai sehingga bulan Disember 2015 yang melibatkan beberapa kawasan yang dipilih oleh empat (4) buah PBT iaitu MBPJ, MPKj, MPAJ dan MDHS meliputi kawasan perumahan kos rendah,

kampung (MBPJ / MDHS); kawasan perumahan teres/ semi-D/ Banglo (MPKj); apartment/ kondominium (MBPJ/MPAJ) dan kawasan komersial (MBPJ/MPKj/MDHS).

Projek ini bertujuan untuk melihat proses pelaksanaan kutipan bahan kitar semula secara *real time* dan mendapatkan punca masalah yang timbul dalam melakukan pengasingan sampah di peringkat punca sama ada di rumah atau premis perniagaan hingga ke tempat pengumpulan bahan kitar.
Selain itu, peranan PBT, masyarakat, pemilik premis dan kontraktor kutipan bahan kitar semula juga akan dinilai bertujuan untuk merangka strategi ke peringkat seterusnya bermula daripada peringkat pendidikan sehinggalah ke peringkat sistem pelaksanaan oleh komuniti di bawah PBT.

ii. Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 – 2018 (Jawatankuasa Teknologi Hijau) telah di luluskan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015. Melalui Pelan Tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Berteknologi Hijau dan terdapat 8 tindakan utama di dalam Pelan Tindakan ini yang telah dikenal pasti iaitu:-

1. Perbandaran Hijau Melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
2. Perolehan Hijau Kerajaan;
3. Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
4. Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
5. Penggunaan Bas Elektrik Bagi Program ‘Bas Percuma’ Di PBT;
6. Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
7. Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
8. Program Penghijauan Taman Industri

iii. Kaji Selidik Hari Tanpa Beg Plastik di Selangor

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor dengan kerjasama Merdeka Centre telah menjalankan satu kajian berkaitan Kaji Selidik Hari Tanpa Beg Plastik di Selangor. Daripada hasil kajian tersebut, satu analisa dapat dibuat di mana tahap kesedaran mengenai kempen “Hari Tanpa Beg Plastik” adalah amat tinggi iaitu 94% dan majoriti responden mendapat maklumat mengenai kempen ini di pasaraya.

Hasil kajian juga mendapati majoriti responden berusaha melaksanakan kempen ini dengan mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kehidupan mereka walaupun pencapaian objektif kempen dilihat agak

rendah. Tahap puas hati responden adalah positif iaitu dapat mendidik masyarakat menjaga alam sekitar manakala responden yang kurang berpuas hati adalah tertumpu kepada caj 20 sen yang dikenakan. 77% daripada responden menyokong pelaksanaan untuk menambah hari kempen namun 3/4 responden tersebut merasakan penambahan hari kempen akan membebankan golongan pengguna. Rata-rata responden yang menyokong penambahan hari tanpa beg plastik berpendapat agar penambahan bilangan hari kempen ini ditambah kepada 2-3 hari.

iv. Program Menggalakkan Pengurangan Penggunaan Polisterina

Program ini sentiasa dilaksanakan di peringkat semua Pihak Berkuasa Tempatan melalui Program Bazar Ramadhan dan Pasar Malam Mampan. Merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil. 2/2011 telah mencadangkan pelaksanaan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polisterin secara berperingkat seperti berikut :-

a) **Peringkat Pertama** : Pengurangan penggunaan polisterin dan beg plastik pada setiap hari Jumaat.

b) **Peringkat Kedua** : Pengurangan penggunaan polisterin dan beg plastik pada setiap hari Isnin dan Jumaat.

c) **Penyediaan makanan dalam bentuk '*buffet*' atau menggunakan pembungkus mesra alam / bahan guna semula**: Selain itu, salah satu PBT yang giat menjalankan Program tersebut adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di mana satu dasar larangan menggunakan styrofoam yang telah diluluskan di peringkat Majlis dan syarat larangan tersebut telah dimasukkan di dalam lesen penjaja bermula 1 Januari 2014. Antara inisiatif lain yang akan diambil oleh pihak MBPJ termasuklah memasukkan syarat larangan penggunaan Styrofoam ke dalam syarat lesen Establisymen Makanan yang melibatkan pemilik restoran bagi mencapai objektif sifar polisterin. Bagi perancangan jangka panjang, beberapa zon akan dikenal pasti bagi Zon Sifar Polisterin (Zero Polystyrene) bermula kawasan pentadbiran MBPJ iaitu Ibu Pejabat MBPJ dan Menara MBPJ.

v. Meletakkan Syarat Permohonan Lesen Perniagaan

Pihak MPKJ membuat penjadualan semula pemeriksaan dengan meletakkan syarat kepada pemohon lesen perniagaan premis makanan dan penjaja makanan iaitu tidak membenarkan penggunaan polisterina untuk penyediaan, penyajian dan / atau pembungkusan makanan.

Manakala pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mensyaratkan tiada penggunaan polisterin di dalam kelulusan permohonan lesen dan memperbaharui lesen bagi semua jenis premis makanan. Tindakan penguatkuasaan bagi pemegang lesen/permit yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen/permit. Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor sentiasa bersedia dan memberi kerjasama yang sangat baik sekiranya Arahan pelaksanaan dikeluarkan oleh peringkat Negeri.

vi. Kempen Kitar Semula Minyak Masak

Jumlah minyak masak terpakai yang telah di kitar semula menjadi biodiesel di Negeri Selangor sejak tahun 2010-2015 adalah seperti di bawah:

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015
KUTIPAN MINYAK (KG)	5,649	21,300	15,700	56,829.4	40,065.9	103,104.6

Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan terdapat peningkatan kesedaran bagi program kitar semula minyak masak bagi tujuan Biodiesel. Pada tahun 2015, berlaku peningkatan mendadak dan Kerajaan Negeri Selangor telah mensasarkan kutipan minyak masak terpakai untuk tujuan Biodiesel adalah sebanyak 60,000kg. Sehingga Disember 2015, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip 103,104.6kg minyak masak. Angka itu merupaka satu angka yang baik. Kerajaan Negeri akan terus komited di dalam pengumpulan minyak masak terpakai bagi tujuan Biodiesel dan mensasarkan kutipan sebanyak 150,000kg bagi tahun 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)

TAJUK : STATUS KERJA-KERJA PEMULIHAN PEMBINAAN BANGUNAN DI PERSIARAN BUKIT RAJA 2, BUKIT RAJA, MUKIM KAPAR

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status kerja-kerja pemulihan pembinaan bangunan di persiaran Bukit Raja 2, Bukit Raja, Mukim Kapar telah terbengkalai selama 19 tahun sejak tahun 1997?

b) Bilakah kerja-kerja tersebut dijangka siap berdasarkan kadar pembinaan buat masa ini?

JAWAPAN:

a) Bangunan ‘terbengkalai’ di Persiaran Bukit Raja 2, merupakan (Cadangan sebuah Hotel 24 tingkat di atas Lot H.S (M) 14957 (P.T 21444) Persiaran Bukit Raja 2, Mukim Kapar, Selangor Darul Ehsan oleh [Tetuan Dwelling Makers Sdn. Bhd. (Anak syarikat kepada Tetuan Acmar International Group)].

Projek ‘terbengkalai’ ini telah dijalankan semula. Pihak pemaju telah mendapatkan kelulusan pelan pindaan pada 02/03/2014 dan memajukan Borang B (Perakuan untuk memulakan kerja semula) pada 01/12/2014. Majlis telah memantau kemajuan projek ini secara bulanan di mana pihak perunding akan memajukan status kemajuan kerja bulanan kepada Majlis. Sehingga 22/02/2016 kemajuan kerja ditapak 65% dengan kelewatan kerja sebanyak 3%.

b) Pihak pemaju menyatakan bahawa projek dijangka siap pada akhir tahun 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBAYARAN DIBAWAH SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah pembayaran telah dibuat setiap tahun di bawah SKIM Mesra USIA EMAS (SMUE) dari tahun 2008 hingga 2015?

b) Berapakah jumlah penerima sumbangan SMUE mengikut pecahan kaum Melayu, India , Cina dan lain-lain setiap tahun dari 2008 hingga 2015?

c) Berapa ramai warga emas telah mendaftar di bawah SMUE, senaraikan bilangan mendaftar setiap tahun dari 2008 hingga 2015?

JAWAPAN:

a) Skim Mesra Usia Emas merupakan antara program Merakyatkan Ekonomi Selangor yang paling awal diwujudkan bermula pada tahun 2008. Ia bertujuan untuk menjaga kebajikan Warga Emas dan OKU dalam urusan berkaitan pengurusan jenazah apabila Ahli yang berdaftar meninggal dunia.

Proses pembayarannya pula akan melibatkan dua (2) fasa ia itu bayaran Fasa Pertama bernilai RM1000.00 akan dibuat di peringkat DUN dan bayaran Fasa Kedua akan dilaksanakan di peringkat Pejabat Daerah. Bayaran Fasa Kedua pula akan dibuat dalam tempuh dua (2) bulan selepas bayaran Fasa Pertama diselesaikan.

Jumlah bayaran mengikut pecahan tahun adalah seperti jadual yang dikemukakan di bawah.

PEMBAYARAN SMUE MENGIKUT TAHUN

Tahun	Jumlah (RM)
2008	867,000
2009	19,764,000
2010	21,515,500
2011	20,700,500

2012	24,725,500
2013	21,648,000
2014	30,303,000
2015	26,345,500
Jumlah	**165,869,000**

b) Untuk jumlah penerima sumbangan setiap tahun mengikut pecahan kaum pula, ia adalah seperti jadual berikut.

Statistik Penerima Sumbangan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) mengikut tahun

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	JUMLAH (orang)
2008	480	272	113	1	866
2009	3,595	3,308	1,292	96	8,291
2010	3,515	3,661	1,417	80	8,673
2011	3,595	3,917	1,440	71	9,023
2012	3,832	4,141	1,698	99	9,770
2013	3,634	3,580	1,727	166	9,107
2014	4,067	4,780	1,939	122	10,908
2015	4,180	4,691	1,809	89	10,769
JUMLAH	**26,898**	**28,350**	**11,435**	**724**	**67,407**

c) Sehingga bulan Disember 2015, seramai 229,148 orang telah berdaftar sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas. Senarai pendaftaran mengikut tahun adalah seperti jadual di bawah.

Statistik Pendaftaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) mengikut tahun

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	JUMLAH
2008	254	399	56	2	711

2009	47,964	56,617	14,158	743	119,482
2010	9,157	10,356	4,224	261	23,998
2011	9,105	14,591	5,154	306	29,156
2012	9,988	13,292	6,110	350	29,740
2013	6,646	6,296	3,560	190	16,692
2014	6,265	4,955	2,728	143	14,091
2015	5,716	4,518	2,340	102	12,676
JUMLAH	**95,095**	**111,024**	**38,330**	**2,097**	**246,546**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SELANGOR

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila berikan butiran tentang status terkini pembangunan bandar oleh Kwasa Land (2,303 ekar) dan pembangunan Pulau Indah termaksud Selangor Bio Bay (3,500 ekar) oleh Central Spectrum. Apakah peranan kerajaan negeri?

b) Apakah perkembangan Hub Halal Selangor? Senaraikan syarikat-syarikat terlibat, nilai dan pendapatan tahunan.

JAWAPAN:

a) Status terkini pembangunan bandar oleh Kwasa Land (2,303 ekar) dan pembangunan Pulau Indah termasuk Selangor Bio Bay (3,500 ekar) oleh Central Spectrum adalah seperti berikut;-

i. <u>Status Terkini Pembangunan Bandar oleh Kwasa Land</u>

Pemilikan tanah-tanah milik Lembaga Getah Malaysia (”LGM”) di Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor oleh Kwasa Land Sdn. Bhd. (”Kwasa Land”) dibuat berdasarkan kepada dua (2) perjanjian jual beli tanah yang telah ditandatangani pada 16 Ogos 2011 seperti yang berikut:

1. Perjanjian di antara LGM dan dan Asset Tanah Negara Berhad (ATNB) (MOF INC);
2. Perjanjian di antara ATNB dan Kwasa Land.

Keluasan tanah milik LGM yang dibeli adalah seluas 2,620.04 ekar.
Keluasan tanah yang kekal milik LGM adalah seluas 535 Ekar.
Selepas perjanjian tersebut, tanah seluas 290 ekar telah pula dibuat **Pengambilan Balik Tanah** untuk projek KVMRT. Keluasan terkini pembangunan ini adalah **<u>2,330 ekar</u>**.
Tapak cadangan pembangunan ini berada di bawah dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu:

- 678 Ekar = Majlis Bandaraya Shah Alam (“MBSA”); dan
- 1652 Ekar = Majlis Bandaraya Petaling Jaya (“MBPJ”)

Status Pengezonan Tanah Di Bawah Rancangan Tempatan
Zon tanah untuk kesemua tanah sewaktu pembelian adalah “Institusi”.
Semua tanah-tanah di kawasan MBSA telahpun dizonkan kepada

“Pembangunan Bercampur” mengikut Rancangan Tempatan MBSA 2020 yang telah diwartakan pada Julai 2012.
Zon MBPJ masih di dalam proses pengzonan semula di bawah Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Penggubahan 1) (“RTPJ2”).

Status Pembangunan Kwasa Damansara

Pelan Induk Pengzonan Tanah Kwasa Damansara.

Walaupun tanah-tanah tersebut berada di dalam dua PBT yang berbeza, SPC di dalam mesyuaratnya **bil 2/2011 pada 19 Julai 2011** telah bersetuju supaya Pelan Induk pembangunan ini diintegrasikan sebagai satu **Perbandaran Baru** melalui Pelan Induk Pembangunan yang dikenali sebagai **”Pelan Induk Pengezonan Tanah” (PIDT) Kwasa Damansara**.
PIDT Kwasa Damansara telahpun diluluskan oleh pihak Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 16.10.2013.

Seterusnya PIDT Kwasa Damansara ini juga telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor (“SPC”) pada 10.02.2014 selepas pindaan dibuat.

Pelan Induk Pengezonan Tanah yang telah diluluskan oleh SPC tersebut setelah mengambil kira komen daripada MPFN dan kesemua Jabatan Teknikal yang terlibat.

Kebenaran Merancang Peringkat 1 : Bagi Tanah-Tanah di Kawasan MBSA.

Pihak Kwasa Land telah memperolehi kelulusan penuh untuk permohonan Kebenaran Merancang bagi sebahagian tanah seluas 501 ekar tanah dikawasan MBSA (tidak termasuk Lot 481) pada 8 Disember 2014.
Permohonan bagi Serah Balik Kurnia Semula untuk 501 ekar tanah tersebut telah diluluskan oleh pihak **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor** pada 29 Julai 2015. Surat kelulusan bersama-sama borang 5A daripada pihak Pejabat Tanah Petaling telah diterima pada 30 Disember 2015

Kebenaran Merancang Peringkat 1 : Bagi Tanah-Tanah di Kawasan MBPJ.

Permohonan Kebenaran Merancang Peringkat 1 kepada MBPJ masih belum dikemukakan memandangkan pengezonan semula guna tanah bagi tanah-tanah yang berada di dalam kawasan MBPJ melalui RTPJ2 masih belum digazettekan.

Status Terkini Kerja-Kerja Ditapak.

Kwasa Land telahpun memulakan kerja-kerja infrastruktur untuk “*Package*” 1A bermula pada September 2015 yang melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan, parit , kolam takungan, tangki air, rumah pam dan paip air, Pencawang

Masuk Utama dan sambungan kabel elektrik, telekomunikasi dan juga kerja-kerja landskap.
Kwasa Land juga telah memulakan kerja-kerja pembinaan ”**Tempat Letak Kereta Sementara”** untuk dua Stesen MRT di dalam pembangunan Kwasa Damansara iaitu Stesen Kwasa Sentral dan Stesen Kwasa Damansara.
Sumber : Kwasa Land

ii. Status Terkini Pembangunan Selangor Bio Bay (3,500 ekar) oleh Central Spectrum

Pembangunan Pulau Indah oleh Central Spectrum (M) Sdn Bhd merangkumi 3 projek iaitu Pulau Indah Industrial Park, Selangor Halal Hub dan Selangor Bio Bay.

Pulau Indah Industrial Park dibangunkan dalam 3 fasa iaitu Fasa 1, 2 dan 3. Fasa 1 dan 2 telah siap dibangunkan. Pembangunan Fasa 3 dibahagikan dalam 3 fasa iaitu fasa 3A, 3B dan 3C. Fasa 3A & 3C sedang dalam pembangunan dan jualan. Fasa 3C baru dilancarkan oleh YAB Dato’ Menteri Besar Selangor pada bulan Oktober 2015. Fasa 3B masih dalam perancangan dan belum dibuka untuk jualan.
Pembangunan Selangor Bio Bay merangkumi keluasan bersih berjumlah 970 ekar dan butiran status terkini adalah seperti berikut :-

i) Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. (CSSB) sudahpun menyelesaikan Pelan Konsep Perancangan & Susunatur dan telah di bentang kepada Ahli Lembaga Pengarah CSSB pada 12 Februari 2016.
ii) Mengemukakan permohonan Cadangan Pengubahan Zon Guna Tanah pada 18 Disember 2015 kepada pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK).
iii) Memulakan aktiviti-aktiviti pemasaran di Australia dan juga Korea.
iv) Penubuhan Majlis Bio Bay oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. (CSSB) pada masa ini dalam proses rundingan dan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai garis panduan bagi mendapatkan susunatur yang optimum dan efektif bagi projek ini.
* *Sumber : Central Spectrum (M) Sdn Bhd*

Peranan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan projek-projek ini adalah seperti berikut:-

i. Membantu pihak pemaju bagi mendapatkan kelulusan-kelulusan pembangunan yang diperlukan.
ii. Usaha dan langkah-langkah mempromosikan dan memperkenalkan projek Selangor Bio Bay di dalam mahupun di luar negeri dan sekaligus

menarik minat pelabur untuk melabur dalam pembangunan ini.

iii. Sokongan padu dan kerjasama dalam memastikan kelancaran projek terutamanya yang melibatkan proses kelulusan dari semua jabatan teknikal dan pihak berkuasa tempatan.

b) Perkembangan Hub Halal Selangor adalah seperti berikut;-

Pembangunan Selangor Halal Hub, Pulau Indah berkeluasan kasar seluas 700 ekar termasuk infrastruktur; telah siap dibangunkan dalam tahun 2012.

Pelabur-pelabur di Selangor Halal Hub, Pulau Indah dan jenis industri adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Pelabur	Jenis Industri
1.	Oleon Sdn. Bhd.	Produk “Palm Oil Ester”
2.	F & N Dairies Sdn. Bhd.	Produk tenusu
3.	Longson Sdn. Bhd.	Produk Sos Cili. Tomato & Mayonis
4.	Premium Agro Products Sdn. Bhd.	Produk Herba
5.	Scientex Packaging Film Sdn. Bhd.	Produk “Stretch Packaging Films”
6.	Mewah Dairies Sdn. Bhd.	Produk tenusu
7.	Sydney Cake House Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku
8.	Kawan Food Manufacturing Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku
9.	Ramly Food Industries Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku
10.	Delstasia Sdn. Bhd.	Produk Makanan
11.	Polygold Beverages Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku
12.	Tech Food Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku
13.	Motivage Sdn. Bhd.	Produk Makanan Sejuk Beku

Jumlah pelaburan dianggarkan bernilai RM1,700 juta dan jumlah pekerjaan yang diwujudkan berjumlah 2,500 pekerjaan.

Pendapatan tahunan bagi Kerajaan Negeri ialah melalui cukai tanah dan cukai taksiran.

Sumber : Central Spectrum (M) Sdn Bhd

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KONTRAKTOR YANG DITAMATKAN KONTRAK

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memohon Kerajaan Selangor menyenaraikan kontraktor-kontraktor yang gagal menyelesaikan kerja setiap tahun bermula 2013 sehingga sekarang dan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN:

a) Terdapat satu (1) kontraktor yang gagal menyelesaikan kerja / perkhidmatan dari tahun 2013 sehingga kini di Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor iaitu Syarikat Perkhidmatan Nyaman Niaga Sdn. Bhd. yang telah ditamatkan kontrak perkhidmatannya pada Januari 2015. Kontraktor tersebut merupakan kontraktor kepada perkhidmatan penyelenggaraan secara *non-komprehensif* bagi sistem pendingin hawa di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Bangunan Annex dan Dewan Negeri Selangor. Prestasi kontraktor sangat lemah yang menyebabkan kerja ditamatkan lebih awal iaitu pada bulan ke 17 daripada jumlah kontrak selama 24 bulan (2 tahun).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH HAKISAN PANTAI DAN TIMBUNAN PASIR

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan kawasan muara sungai yang sering diancam masalah tersebut di Daerah Sabak Bernam ?

b) Apakah langkah proaktif yang dilakukan oleh JPS untuk mengurangkan masalah tersebut ?

c) Sila nyatakan bilakah benteng penghalang pasir di muara Sungai Sekinchan akan dipanjangkan ?

JAWAPAN:

a) Terdapat beberapa kawasan muara Sungai di dalam Daerah Sabak Bernam didapati mengalami masalah hakisan. Antara kawasan-kawasan tersebut adalah:

- Muara Sungai Burong
- Muara Sungai Haji Dorani
- Muara Sungai Banting
- Muara Bagan Nakhoda Omar
- Muara Beting Kepah
- Muara Pasir Panjang
- Muara Parit 6 Sekinchan
- Muara Bagan Sekinchan

b) Langkah proaktif yang dilakukan oleh JPS untuk mengurangkan masalah tersebut adalah dengan melaksanakan kerja-kerja kawalan hakisan pantai di kawasan muara sungai di dalam daerah Sabak Bernam termasuk Daerah Kuala Selangor. Skop kerja bagi kawalan hakisan pantai yang terlibat adalah pembinaan struktur pemecah ombak, pengukuhan benteng pantai dan sebagainya. Bagi tujuan tersebut, proses pelantikan perunding telah dilaksanakan untuk kerja-kerja rekabentuk struktur kawalan hakisan. Kos keseluruhan dalam RMK-11 bagi projek kawalan hakisan tersebut adalah sebanyak RM10 juta merangkumi 2 daerah yang terlibat.

c) Dijangkakan kerja-kerja membina benteng penghalang pasir akan dilaksanakan pada awal tahun 2017.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : ANAK MUDA

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan laporan prestasi setiap Ketua PeBT Selangor pada tahun 2014-2015.

b) Sila kemukakan maklumat usahawan muda Selangor.

JAWAPAN:

a) Laporan prestasi setiap ketua PeBT Selangor pada tahun 2014 - 2015 adalah sebagaimana berikut :-

NO	PBT	NAMA KETUA PeBT (INDUK) / ZON	ZON	BIL AKTIVITI DAN MESYUARAT 2014 & 2015			KPI	%
				2014	2015	JUMLAH		
1	MBPJ	Ahmad Zaim Bin Ishak	18	25	24	49	72	68%
2	MDKL	Nuresman Bin Ramli	4	40	26	66		91%
3	MPK	Adam Bin Abdul Kadir	N50	37	28	65		90%
4	MPSJ	Mohd Rizal Bin Abd Raman	12	35	26	61		72%
5	MDSB	Ismail Bin Hashim	2	90	38	128		100%
6	MPKJ	Mohd Salehuddin Bin Kidin	7	47	40	87		100%
7	MBSA	Muriza Hazrul Bin Abdul Muhi	7	27	31	58		80%
8	MPAJ	Muhamad Mizan Adli B Mohd Noor	17	31	31	62		86%
9	MDKS	Sharan Bin Mohd Salleh	10	47	33	80		100%
10	MDHS	Mohammad Effendi Bin Rahim	17	34	26	60		83%
11	MPS	Mohammad Azwan Bin Mohd Kamaruzaman	9	43	20	63		88%
12	MPSP	Mohd Nazwan Bin Saidi	**CYBERJAYA**	39	28	67		93%

MAKLUMAT TAMBAHAN :

Setiap Ketua Pengerusi (Induk) dinilai melalui bilangan:-

i. Penganjuran Program
ii. Kerjasama penganjuran di peringkat daerah
iii. Kehadiran jemputan program Negeri / PBT / Zon
iv. kehadiran mesyuarat peringkat Negeri / PBT
v. Penganjuran mesyuarat peringkat zon

Bilangan di carta di atas telah merangkumi semua aktiviti dan mesyuarat sepanjang 2014 dan 2015. KPI merujuk kepada Pengerusi perlu menghadiri sekurang-kurangnya 3 aktiviti di kawasan pentadbiran masing-masing dalam masa sebulan. Pengiraan KPI seperti berikut 24 bulan x 3 aktiviti bersamaan 72 aktiviti (2 tahun).

b)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : PENURAPAN JALAN SELANGOR

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan kerajaan diambil untuk tampal lubang jalan awam di kawasan perdagangan dan perumahan di bawah penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan?

b) Bagaimanakah pencapaian teknik *Cold In Place Recycling Method* dipakai di jalan-jalan awam di Selangor?

JAWAPAN:

a) Penyelenggaraan jalan di kawasan perdagangan dan perumahan yang di bawah seliaan pihak PBT yang melibatkan kos yang rendah atau kerosakan jalan yang kecil akan dilakukan secara *in-house* oleh pasukan 'Road Gang'. Manakala bagi kerja-kerja tampalan yang berskala besar dan kos yang tinggi, kontraktor akan dilantik untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut dengan menggunakan peruntukan MARRIS.

b) Teknik *Cold In Place Recycling Method* hanya sesuai digunakan di jalan-jalan yang mempunyai kapasiti laluan kenderaan yang rendah. Ianya tidak sesuai untuk laluan kenderaan berat dan kenderaan yang banyak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : SUKAN PARAGLIDING DI SELANGOR

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan tempat-tempat yang sesuai di Selangor bagi sukan paragliding?

b) Apakah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri terhadap sukan paragliding?

c) Status terkini naiktaraf kemudahan sukan paragliding di Bukit Batu Pahat, Kuala Kubu Bharu sebagai persiapan Sukan SEA 2017 dan menarik pelancong sukan tersebut.

JAWAPAN:

a) Sukan paragliding adalah sukan ekstrem dan ianya tidak disenaraikan dalam pembangunan sukan prestasi tinggi di pihak Majlis Sukan Negeri Selangor. Pihak Majlis juga tidak menjalankan sebarang program pembangunan sukan paragliding ini di peringkat daerah mahupun negeri.

Walau bagaimanapun, lokasi latihan sukan ini terdapat di Bukit Jugra, Kuala Langat di bawah seliaan Majlis Daerah Kuala Langat dan di Bukit Pahat, Kuala Kubu Bharu di bawah seliaan Majlis Daerah Hulu Selangor.

b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor tiada sebarang bentuk bantuan yang disalurkan kepada sukan ini kerana tiada peruntukan untuk membangunkan sukan paragliding ini di pihak Majlis. Pihak Majlis hanya membangunkan sukan-sukan yang bergabung dengan pihak Majlis termasuklah sukan-sukan yang telah digariskan oleh pihak Majlis Sukan Negara untuk dibangunkan di peringkat negeri.

Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan sentiasa menganjurkan kejohanan bagi memenuhi permintaan daripada peminat sukan tersebut.

c) Sukan paragliding ini tidak disenaraikan dalam penganjuran Sukan SEA 2017 ini. Pemilihan sukan-sukan yang dipertandingkan di Sukan SEA ini adalah dibuat oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan pihak Majlis Olimpik Malaysia (OCM) dan penganjurannya diselaraskan oleh pihak KBS sepenuhnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : SISTEM DAN REKOD PENANAMAN POKOK SEBAGAI LANSKAP MENGINDAHKAN ALAM SEKITAR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri melalui PBT mempunyai sistem rekod serta jadual penanaman pokok dan penanaman semula pokok sebagai lanskap bagi keindahan alam sekitar?

b) Senaraikan bilangan pokok yang ditanam menurut kaedah lanskap di seluruh Selangor menurut PBT sepanjang 2015.

c) Berapakah belanja yang dikeluarkan oleh setiap PBT di seluruh Selangor bagi tujuan di atas?

JAWAPAN:

a) Ya, Kerajaan Negeri melalui PBT mempunyai sistem rekod serta jadual penanaman pokok dan penanaman semula pokok yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap PBT masing-masing dan dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri pada setiap bulan.

b) Jumlah keseluruhan bilangan pokok yang ditanam adalah sebanyak 943,158 pokok. Jadual di bawah adalah pecahan mengikut jenis pokok yang ditanam secara terperinci mengikut PBT bagi sepanjang 2015 :

PBT	Jenis Pokok			Jumlah
	Pokok Utama	Pokok Bunga Raya	Pokok Lain-Lain	
MBSA	14,052	15,573	48,158	77,783
MBPJ	5,437	13,520	148,173	167,130
MPK	16,063	23,490	50,031	89,584
MPSJ	9,033	7,522	131,059	147,614
MPAJ	4,559	1,641	60,635	66,835
MPKj	11,590	17,072	24,676	53,338
MPS	7,371	22,955	68,165	98,491
MPSp	8,559	8,046	72,411	89,016
MDKS	7,148	18,150	2,582	27,880
MDKL	8,398	17,787	57,039	83,224
MDHS	5,336	8,790	17,372	31,498

MDSB	1,513	790	8,462	10,765
Jumlah	**99,059**	**155,336**	**688,763**	**943,158**

c) Perbelanjaan yang diperuntukkan oleh setiap PBT pada tahun 2015 bagi tujuan penanaman pokok adalah seperti berikut :

PBT	KOS PENANAMAN (RM)
MBSA	3,557,870.00
MBPJ	500,000.00
MPK	Ditanggung sepenuhnya oleh pemaju
MPSJ	218,070.00
MPAJ	RM9,750.00 (belian anak pokok) dibiak sendiri oleh tapak semaian PBT dan sumbangan daripada pemaju.
MPKj	8,796,980.00
MPS	91,395.00
MPSp	Tiada
MDKS	Tiada
MDKL	1,736,325.00
MDHS	392, 000.00
MDSB	20,000.00
JUMLAH	**15,322,390.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : DEWAN ORANG RAMAI MPK

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan semua dewan awam di bawah MPK serta tarikh siap.

b) Senaraikan dewan orang ramai yang DIHENTIKAN PENGGUNAAN (alasan baikpulih) orang awam sepanjang 2014-2015 dan tempoh tutup kepada orang awam.

c) Nyatakan norma tempoh waktu proses baikpulih sesebuah dewan.

JAWAPAN:

STATUS KERJA BAGI PROJEK DEWAN 2015

a) Dewan Awam di bawah MPK yang terlibat dalam pembaikan dan tarikh siap adalah seperti berikut:-

BIL	LOKASI	BIDANG KERJA	TARIKH SIAP KERJA
1	KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN	ELEKTRIK	10.03.2016
		AWAM	10.03.2016
2	DEWAN MERU	AWAM	17.01.2016
		ELEKTRIK	15.03.2016
3	DEWAN TELUK PULAI	AWAM	01.11.2015
		ELEKTRIK	15.03.2016
4	DEWAN SUKAN ANDALAS	ELEKTRIK	03.01.2016
		AWAM	17.01.2016
5	DEWAN PENDAMARAN JAYA	ELEKTRIK	07.03.2016
		AWAM	07.03.2016

b) Dewan orang ramai yang DIHENTIKAN PENGGUNAAN (alasan baikpulih) orang awam dan tempoh tutup kepada orang awam mulai tahun 2015 adalah seperti berikut :

1) Kompleks Sukan Pandamaran

2) Dewan Meru

3) Dewan Teluk Pulai

4) Dewan Sukan Andalas

5) Dewan Pandamaran Jaya

c) Tiada tempoh waktu yang khusus dapat ditetapkan bagi baikpulih sesuatu dewan memandangkan pembaikan melibatkan kerja-kerja penyediaan spesifikasi dan anggaran kos, prosedur sebutharga dan pelantikan kontraktor di samping kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak. Terdapat juga masalah-masalah kontijensi dan luar jangka yang perlu dihadapi di peringkat perlaksanaan menyebabkan tempoh pelaksanaan kerja melebihi daripada jangkaan atau tempoh masa yang ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : CARUMAN PERKUBURAN

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah caruman perkuburan yang tellah dikutip sejak 2008 mengikut daerah masing-masing.

b) Senaraikan jumlah wang yang telah dibelanjakan mengikut tanah perkuburan dan daerah masing-masing.

JAWAPAN:

a) Bermula tahun 2008 sehingga Februari 2016, jumlah terkumpul caruman Akaun Amanah Perkuburan adalah sebanyak **RM48,853,195.35**. Pecahan jumlah kutipan caruman mengikut daerah adalah seperti di berikut:

Bil	Daerah	Jumlah Kutipan (RM)
1	Petaling	7,574,549.45
2	Gombak	5,006,348.75
3	Klang	4,017,793.50
4	Kuala Langat	2,072,700.25
5	Hulu Langat	20,432,398.25
6	Sepang	6,918,766.60
7	Kuala Selangor	777,350.00
8	Hulu Selangor	1,235,793.50
9	Sabak Bernam	817,495.05
JUMLAH		**48,853,195.35**

Perincian caruman Akaun Amanah Perkuburan mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

b) Bermula tahun 2008 sehingga Februari 2016, sebanyak **RM18,216,670.81** telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek menaiktaraf infrastruktur di kawasan perkuburan. Perincian caruman serta jumlah perbelanjaan yang telah menggunapakai Akaun Amanah Perkuburan mengikut perkuburan dan daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Jenis Perkuburan		Jumlah Perbelanjaan (RM)
		Islam (RM)	Bukan Islam (RM)	
1	Petaling	3,086,320.00	1,500,000.00	4,586,320.00
2	Gombak	1,704,554.04	703,808.50	2,408,362.54
3	Klang	2,390,263.70	494,300.00	2,884,563.70
4	Kuala Langat	904,637.38	77,496.80	982,134.18
5	Hulu Langat	5,865,564.00	501,271.50	6,366,835.50
6	Sepang	214,294.80	0	214,294.80
7	Kuala Selangor	247,401.25	52,327.48	299,728.73
8	Hulu Selangor	178,278.86	296,152.50	474,431.36
9	Sabak Bernam	4,586,320.00	0	4,586,320.00
JUMLAH		**14,591,314.03**	**3,625,356.78**	**18,216,670.81**

LAMPIRAN A

LAPORAN KUTIPAN CARUMAN AKAUN AMANAH PERKUBURAN (65107)
NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA FEBRUARI 2016

BIL	DAERAH	TAHUN									JUMLAH
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	*2016	
1	Petaling	163,250.00	140,187.50	140,512.70	769,351.75	1,094,667.50	3,783,580.00	360,000.00	1,073,500.00	49,500.00	**7,574,549.45**
2	Gombak	393,367.00	116,785.25	114,343.75	152,244.00	1,028,000.00	1,618,465.00	369,425.00	1,171,518.75	42,200.00	**5,006,348.75**
3	Klang	200,606.50	64,470.00	157,779.25	707,406.50	673,093.75	703,750.00	559,750.00	810,187.50	140,750.00	**4,017,793.50**
4	Kuala Langat	47,296.25	27,313.00	77,405.75	168,781.25	101,000.00	654,750.00	307,000.00	587,900.00	101,250.00	**2,072,700.25**
5	Hulu Langat	3,057,860.45			2,148,906.30	1,939,000.00	5,862,875.00	2,982,819.00	2,622,125.00	1,818,812.50	**20,432,398.25**
6	Sepang	65,913.50	154,188.75	195,418.25	523,558.00	775,125.00	1,385,688.10	3,271,937.50	501,437.50	45,500.00	**6,918,766.60**
7	Kuala Selangor	0.00	0.00	0.00	0.00	150,118.75	288,750.00	112,081.25	224,900.00	1,500.00	**777,350.00**
8	Hulu Selangor	551,628.00			27,000.00	362.50	521,537.50	24,065.50	108,350.00	2,850.00	**1,235,793.50**
9	Sabak Bernam	188,676.00	74,075.25	26,696.00	137,911.00	79,946.80	81,075.00	74,715.00	144,200.00	10,200.00	**817,495.05**
JUMLAH											**48,853,195.35**

***Jumlah kutipan pada tahun 2016 adalah sehingga bulan Februari 2016**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : MENANGANI JANGKITAN VIRUS ZIKA

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah persediaan dan langkah pencegahan bagi menangani jangkitan zika yang kini menular di benua Amerika memandangkan vektor pembawa virus ini adalah nyamuk aedes?

b) Nyatakan agensi yang terlibat sekiranya berlaku wabak ini di Selangor.

JAWAPAN:

a) Usaha pencegahan wabak Zika adalah tertakluk kepada Zika Alert dan Arahan Pentadbiran untuk Pemantauan dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 4 Februari 2015. Kerajaan Negeri Selangor perlu akur kepada arahan tersebut kerana KKM adalah agensi Pusat yang mengeluarkan sebarang arahan tentang isu-isu kesihatan di Malaysia. Usaha-usaha yang telah dijalankan adalah :

i. Mengambil tindakan kesiapsiagaan bagi membendung penularan virus Zika dengan menjalankan Survelen klinikal untuk kes Zika di beberapa Klinik Kesihatan dan hospital di Selangor, terlibat secara langsung dengan program Survelan Makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) untuk virus Zika. Selain itu, Survelan “Microcephaly” juga dilaksana oleh KKM bagi memantau kejadian kes.

ii. Mengambil tindakan pencegahan dan kawalan oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri seperti garispanduan kawalan denggi jika terdapat kes yang dilaporkan.

iii. Kesiapsiagaan dan Respons Pintu Masuk Antarabangsa Negara di Pintu Masuk Utama Negara di negeri Selangor.

iv. Memanjangkan Zika Alert yang telah diumumkan oleh pihak KKM dan memaklumkan mengenai situasi virus Zika serta pelaksanaan pengurusan jangkitan virus Zika kepada fasiliti kesihatan kerajaan/swasta di Selangor.

Oleh kerana wabak Zika dibawa oleh vektor yang sama dengan Denggi, maka segala aktiviti dan kawalan wabak Zika masih menggunapakai strategi yang sama sebagaimana arahan KKM bagi menangani wabak Denggi.

b) Antara agensi-agensi yang terlibat di dalam isu ini adalah Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor, Pejabat Daerah & Tanah Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : INDEKS KEMISKINAN NEGERI SELANGOR (SPI)

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri selepas SPI diperkenalkan?

b) Nyatakan secara terperinci kriteria yang dimasukkan dalam SPI?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian yang serius di dalam membasmi kemiskinan di Negeri Selangor. Sehubungan itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor dengan kerjasama Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian. Objektif utama kajian ini adalah untuk:

   i. Mengenal pasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor;

   ii. Menganalisis Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan; dan

   iii. Mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang ditetapkan.

   Melalui data-data yang diperolehi daripada kajian dan Sistem Maklumat IKRAMS membolehkan Kerajaan Negeri mengenal pasti dan merangka dasar baru, program dan peruntukan yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif dan memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri tepat kepada golongan sasar yang memerlukan.

b) Secara lazimnya, kemiskinan diukur dalam satu dimensi, iaitu menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), isi rumah yang tidak mencapai tahap pendapatan tertentu dianggap miskin. Namun begitu, pelaksanaan kajian tersebut berdasarkan kerangka Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index* – MPI). MPI merupakan pendekatan

pengukuran kemiskinan relatif yang digunakan sebagai asas pengiraan PGK Negeri Selangor. *Selangor Poverty Index* (SPI) turut menilai prospektif kemiskinan berdasarkan 3 dimensi atau kriteria seperti berikut:

BIL	KRITERIA	INDIKATOR	
1.	Kesihatan	i.	Nutrisi (Kemampuan untuk mengambil makanan seimbang)
		ii.	Kadar kematian kanak-kanak
2.	Pendidikan	i.	Tempoh/tahun persekolahan (Tempoh menamatkan persekolahan. Di Malaysia, tempoh pembelajaran adalah sehingga SPM)
		ii.	Kehadiran sekolah (Kemampuan anak/pelajar hadir ke sekolah)
3.	Taraf Hidup	i.	Bahan api/minyak masak
		ii.	Kebersihan
		iii.	Minuman air bersih
		iv.	Bekalan elektrik
		v.	Tingkat/lantai (keadaan rumah)
		vi.	Aset

Setiap dimensi diberikan pemberat sebanyak satu pertiga. Pendekatan yang terdiri daripada tiga (3) dimensi dengan sepuluh (10) indikator ini mencerminkan kedua-dua insiden ketersisihan pelbagai dimensi (bilangan penduduk yang mengalami ketersisihan dalam pelbagai aspek kehidupan dalam populasi tertentu) dan intensiti (berapa batas ketersisihan dialami secara purata pada sesuatu masa). Menurut MPI, seseorang/seisi rumah yang mengalami ketersisihan dalam sekurang-kurangnya satu pertiga daripada indikator wajaran dianggap sebagai mudah terjejas atau berhadapan dengan risiko menjadi miskin dari pelbagai dimensi.

Pendekatan pelaksanaan kajian ini melihat kemiskinan dari sudut yang lebih holistik dan komprehensif dengan mengaplikasikan konsep SPI seterusnya menghasilkan impak yang positif dalam menangani serta mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : PRESTASI TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah nilai pengeluaran tanaman yang dikeluarkan TKPM pada tahun 2015.

b) Apakah pembaharuan yang dilakukan oleh TKPM?

JAWAPAN:

a) TKPM pada tahun 2015 telah mencapai jumlah pengeluaran mencecah RM30.5 juta yang merupakan sumbangan tertinggi bagi pengeluaran TKPM di Semenanjung Malaysia.

b) Antara pembaharuan yang akan dilakukan di TKPM di Selangor adalah dengan penjenamaan semula seperti Ladang Smart Selangor dengan 30% adalah daripada generasi muda bagi menarik minat golongan muda menyertai sektor pertanian. Selain itu TKPM juga akan disusun dengan memberi fokus kepada tanaman utama yang memberi nilai tambah dengan membuat kluster-kluster tertentu seperti TKPM buah-buahan, TKPM sayur-sayuran dan TKPM kontan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PROJEK LANGAT 2

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini berkenaan pelaksanaan Projek Langat 2?

b) Nyatakan jumlah peningkatan kos pembinaan Projek Langat 2.

JAWAPAN:

a) Projek Langat 2 ini adalah di bawah perlaksanaan Kerajaan Persekutuan. Mengikut maklumat yang diperoleh, pembinaan Loji Rawatan Air berkapasiti 1130 Juta Liter Sehari sedang giat dilaksanakan dan kemajuan fizikal adalah 30% siap. Komponen kerja yang lain seperti pemasangan paip dan pembinaan kolam air sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan secara keseluruhan, Projek Langat 2 ini dijangka hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 2019.

b) Projek Langat 2 ini adalah di bawah perlaksanaan Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh, pada setakat ini, masih tiada peningkatan dalam kos keseluruhan pembinaan Projek Langat 2.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : STATUS PROJEK RUMAH SELANGORKU, TAMAN UKAY INDAH, SUNGAI SERING

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek rumah Selangorku, Taman Ukay Indah, Sungai Sering selepas majlis pecah tanah yang diadakan pada 22 Februari 2014?

b) Bilakah para pembeli boleh menduduki kediaman Rumah Selangorku tersebut?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini projek Rumah Selangorku Taman Ukay Indah Sungai Sering adalah memfokuskan kepada pembangunan Sistem Bekalan Air Bersepadu (IWSS) Fasa 1B yang mana melibatkan lapan (8) pemaju yang berkongsi kos untuk membina sistem bekalan air tersebut. Projek Rumah Selangorku Taman Ukay Indah Sungai Sering merupakan penyumbang kos terbesar iaitu lebih RM10 juta bagi menampung pembinaan IWSS Fasa 1B yang keseluruhan kos dianggarkan melebihi RM20 juta. Walaupun kerja-kerja pembinaan Rumah Selangorku masih tertangguh sehingga kini disebabkan terdapatnya tuntutan daripada pemaju asal tapak tersebut di mahkamah, namun kerja-kerja pembinaan IWSS Fasa 1B tetap diteruskan memandangkan ianya memberi kesan kepada penduduk-penduduk di beberapa projek di Ukay Indah yang masih tidak dapat memiliki Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) penuh akibat kegagalan pemaju-pemaju menyediakan sistem bekalan air secara tetap hampir 10 tahun. Di samping itu juga, proses pengambilan balik tanah bagi tujuan laluan keluar masuk juga telah pun dimulakan yang mana proses pendengaran bantahan telah pun diadakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

b) Sekiranya proses perundangan di antara Menteri Besar Incoporated (MBI) / Kerajaan Negeri dengan pemaju asal tanah tersebut selesai, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menjual unit-unit Rumah Selangorku tersebut kepada orang ramai yang berkelayakan seawal-awalnya pada penghujung tahun 2016. Oleh itu, jangkaan projek ini dapat disiapkan adalah dalam tempoh selewat-lewatnya awal tahun 2019.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : BANTUAN INPUT PERTANIAN

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah jenis bantuan input pertanian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada petani dan usahawantani di Negeri Selangor?

b) Senaraikan jumlah peruntukan bantuan tersebut yang diluluskan pada tahun 2016 mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada petani dan usahawan tani di Negeri Selangor. Antaranya ialah dalam bentuk input seperti baja, racun, benih dan upah bagi kerja-kerja pembersihan kawasan.

b) Jumlah peruntukan yang diluluskan mengikut daerah pada 2016 adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah peruntukan (RM)
1	Sabak Bernam	3,210,000.00
2	Kuala Selangor	2,340,000.00
3	Klang	430,000.00
4	Kuala Langat	355,000.00
5	Hulu Langat	432,000.00
6	Sepang	675,000.00
7	Hulu Selangor	425,000.00
8	Gombak dan Petaling	1,030,000.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : LEBUHRAYA EKVE

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pembinaan Lebuhraya EKVE?

b) Apakah penyelesaian Kerajaan Negeri terhadap bantahan rakyat berkenaan pembinaan lebuhraya tersebut?

JAWAPAN:

a) Status kemajuan fizikal keseluruhan kerja-kerja pembinaan bagi Projek Lebuhraya EKVE setakat 29hb Februari 2016 adalah 1.10%. Aktiviti-aktiviti yang sedang giat dijalankan ditapak adalah melibatkan *site clearing* di Pakej 1 dan 2 iaitu kawasan Hulu Langat dan Ampang. Manakala di Pakej 3 iaitu kawasan Jalan Ukay Perdana, kerja-kerja menaik taraf sedang dijalankan dari Ukay Perdana ke Persimpangan Bertingkat Kg. Pasir dan juga penjajaran semula Sg. Sering di Ukay Perdana.

b) Jajaran EKVE telah dikenal pasti dan dibincangkan secara terperinci di peringkat Jawatankuasa Teknikal Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Ia juga telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Teknikal peringkat Persekutuan yang dipengerusikan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Cadangan jajaran EKVE telah dibentangkan dan dipamerkan secara khusus kepada umum untuk bantahan dan pandangan bagi proses pewartaan Rancangan Tempatan Negeri Selangor 2020. Siasatan dan pendengaran awam untuk deraf Rancangan Tempatan telah dilaksanakan terlebih dahulu mengikut kaedah-kaedah yang diperuntukkan di dalam Sub-Seksyen 12(3) Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172) sebelum pewartaan dibuat pada 26hb. Mei 2011, No. Warta 1921.

Di antara bantahan-bantahan yang diterima daripada penduduk setempat dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) adalah berkaitan jajaran EKVE yang melalui Rizab Hutan dan kawasan tadahan air Ampang serta penglibatan kerja-kerja menaiktaraf Jalan Ukay Perdana sebagai laluan lebuhraya yang dikhuatiri bakal memburukkan kesesakan yang sedia ada.

Pihak LLM dan EKVE Sdn. Bhd. sentiasa memberikan perhatian terhadap bantahan dan pandangan yang diterima daripada penduduk setempat. Setiap aduan dan bantahan dikaji dan diberikan maklumbalas yang sewajarnya berdasarkan kepada keupayaan yang ada berpandukan kepada Perjanjian Konsesi lebuhraya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : DARUL EHSAN INVESTMENT GROUP (DEIG)

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua aset termasuk *landbank* yang dimiliki oleh DEIG dan subsidiarinya.

b) Senaraikan semua projek usahasama DEIG atau subsidiarinya dengan syarikat swasta.

c) Senaraikan penjualan aset DEIG dan subsidiarinya, tarikh jualan, pembeli, harga, tender terbuka/ penjualan terus dan butiran-butiran lain.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman, Darul Ehsan Investment Group Berhad (“DEIG”) masih tidak menjalankan apa-apa aktiviti atau transaksi sama ada dari segi perniagaan atau pelaburan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PENDAPATAN YAYASAN SELANGOR

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci perbandingan pendapatan Yayasan Selangor pada 2008 dan 2015.

b) Nyatakan secara terperinci sumber pendapatan utama Yayasan Selangor sekarang.

JAWAPAN:

a) Berikut merupakan maklumat terperinci perbandingan pendapatan Yayasan Selangor pada 2008 dan 2015.

Bil	Jenis Pendapatan	Tahun 2015 *(Unaudited)* (RM'juta)	Tahun 2008 (RM'juta)
1.	Subsidi Kementerian Pendidikan Malaysia	0.89	1.74
2.	Yuran	0.29	1.08
3.	Sewaan	14.22	21.07
4.	Pendapatan Usahasama	2.33	38.55
5.	Faedah Simpanan Tetap dan Dividen	1.29	0.80
6.	Pendapatan Luar Jangka	-	0.47
7.	Pelbagai Pendapatan	4.85	102.80

Perbandingan pendapatan ketara disebabkan:

1. Subsidi Kementerian Pendidikan Malaysia - Pada tahun 2008 Yayasan Selangor mempunyai 2 Asrama Pusat di Kuala Lumpur iaitu Asrama Tun Dr Ismail dan Asrama Toh Puan Norashikin. Bagaimanapun, kedua-dua

asrama ditutup sepenuhnya pada tahun 2012. Berikutan lokasi asrama yang kurang sesuai untuk menempatkan pelajar di sekolah sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Terdapat cadangan pembangunan ke atas tanah tersebut dan hasil pembangunan akan disalurkan untuk pembangunan asrama baru di Selangor.

2. Yuran - Pada tahun 2008, pendapatan utama yuran adalah dari Institut Kemahiran Yayasan Selangor (IKYS) yang terletak di Bagan Terap, Sabak Bernam. Bagaimanapun, IKYS ditutup sepenuhnya pada tahun 2011. Lembaga ketika itu, meminta Yayasan Selangor memberi fokus pada pelajar peringkat sekolah menengah.

3. Sewaan - Meliputi sewaan bangunan, kem, tempat letak kereta dan ruang iklan. Terdapat perbandingan ketara di antara tahun 2008 dan 2015 kerana Yayasan Selangor tidak mendapat kontrak mengusahakan kem PLKN sejak tahun 2012. Selain itu, cadangan untuk menaik taraf Bangunan YS Bukit Bintang telah memberi impak sewaan bangunan dan ruang iklan. Walau bagaimanapun, semakan perjanjian penyewaan tempat letak kereta telah menyumbang peningkatan sewaan pada tahun 2015 iaitu RM2.86juta berbanding RM1.17juta tahun 2008.

4. Pendapatan usaha sama - Meliputi pendapatan usaha sama pembangunan, perladangan dan sewa pajak. Pada tahun 2008, pendapatan usaha sama adalah daripada pembangunan bagi tanah di Ara Damansara telah menyumbangkan pendapatan berjumlah RM37.61juta.

5. Faedah Simpanan Tetap dan Dividen – Peningkatan pada 2015 berbanding 2008, di mana Yayasan Selangor melaburkan lebihan dana ke dalam simpanan tetap dan simpanan jangka pendek di bank-bank yang telah dicadangkan oleh Perbendaharaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tunai yang diadakan pada setiap bulan.

6. Pelbagai Pendapatan - Meliputi pendapatan caj pinjaman pelajaran, geran, keuntungan di atas pelupusan aset/syarikat bersekutu dan sebagainya.

   Pada tahun 2015, terdapat geran yang direkodkan Yayasan Selangor berjumlah RM4.34juta. Berikutan pelupusan pinjaman Yayasan Selangor kepada Kerajaan Negeri sejak 1998 (digunakan bagi tujuan bagi tujuan pembiayaan operasi Kolej INPENS) yang telah diluluskan MMKN pada 17/12/2014.

   Manakala, pada tahun 2008 terdapat keuntungan di atas pelupusan syarikat bersekutu/aset yang disebabkan pembubaran syarikat bersekutu Ladang YS Sdn. Bhd.

Pada tahun 1990, Yayasan Selangor telah melibatkan diri dalam projek ladang kelapa sawit di Pulau Carey bersama syarikat Profile Padu Sdn. Bhd. dengan menubuhkan Ladang YS Sdn. Bhd. Tetapi pada tahun 2008, syarikat itu telah dibubarkan dengan nilaian RM102 juta. Pulangannya Yayasan Selangor menerima tanah ladang kelapa sawit seluas 1,200 ekar.

b) Sumber pendapatan Yayasan Selangor adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pendapatan	Nota
1.	Subsidi Kementerian Pendidikan Malaysia	Subsidi makanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pelajar tajaan Yayasan Selangor
2.	Sewaan	Bangunan, Rumah Kedai, Kondominium, Kem dan Asrama
3.	Pendapatan Usahasama	Perladangan
4.	Faedah Simpanan Tetap dan Dividen	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : HASIL KUTIPAN CAJ DAN SAMAN PARKIR

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kutipan caj dan saman parkir pada tahun 2015 mengikut PBT.

b) Nyatakan kegunaan hasil kutipan tersebut.

JAWAPAN:

a) Jumlah kutipan caj dan saman parkir bagi tahun 2015 mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

b) Hasil kutipan caj dan saman tersebut dimasukkan ke dalam akaun hasil dan digunakan bagi membiayai perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan di PBT.

JADUAL 1

PBT	Jumlah Kutipan Caj Parkir (RM)	Jumlah Kutipan Saman (RM)
MBSA	64,456.20	2,238,283.57
MBPJ	14,696,025.00	1,619,326.00
MPK	6,654,634.00	1,215,178.00
MPAJ	1,490,000.00	1,910,000.00
MPSJ	1,668,726.97	2,180,936.00
MPS	1,236,000.00	332,823.59
MPKJ	569,578.00	83,035.00
MPSP	341,372.00	10,575.00
MDKL	93,980.00	71,919.00
MDHS	Tiada Kutipan Caj Parkir	
MDKS	Tiada Kutipan Caj Parkir	7,410.00
MDSB	Tiada Kutipan Caj Parkir	
JUMLAH	26,814,772.17	9,669,486.16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : RANCANGAN PEMBANGUNAN DI HULU LANGAT

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon maklumat senarai kelulusan pembangunan seperti taman-taman perumahan, hotel mewah, kondominium dan lain-lain yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang di Daerah Hulu Langat sejak 2008.

b) Nyatakan hasil kajian impak lalu-lintas dan jumlah kenderaan terkini di

   i. Jalan Semenyih – Seremban

   ii. Jalan Batu 9 ke Hulu Langat sebelum meluluskan sesuatu pembangunan

c) Apakah faktor-faktor yang diambil kira sebelum sesuatu kelulusan pembangunan diluluskan?

JAWAPAN:

a) Senarai kelulusan pembangunan sejak tahun 2008 yang diluluskan oleh MPKj adalah seperti di lampiran B.

b) Perkara ini di luar bidang kuasa pihak MPKj.

c) Faktor-faktor yang diambil kira untuk kelulusan pembangunan (Kebenaran Merancang) adalah seperti berikut:

   I. Selaras dengan Rancangan Tempatan
   II. Selaras dengan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor
   III. Mematuhi arahan di Pekeliling dan Kerajaan Negeri Selangor
   IV. Mematuhi keperluan Jabatan-Jabatan Teknikal dalaman dan Luaran
   V. Mematuhi undang-undang inventori dan dasar-dasar yang digunapakai oleh pihak Majlis.

BILANGAN PERMOHONAN PEMAJUAN YANG DIBERIKAN KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DARI 2008 SEHINGGA 2016

Bil	Tajuk Permohonan	Tetuan	Jenis Pemajuan	Kelulusan Km
Mukim Kajang				
1	Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi 44 Unit Town House Kos Sederhana (24'x65') 3 Tingkat, 16 Unit Town House (24'x65') 23 Tingkat, 24 Unit Rumah Berkembar (35'x70') 2 1/2 Tingkat,Dan 6 Unit Rumah Berkembar (40'x75') 2 1/2 Tingkat Di Atas Lot 8815, Kg. Sg. Tangkas, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	B & G Concept Property Sdn. Bhd.	Perumahan	10.09.2008
2	Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi 28 Unit Town House Kos Sederhana (24'x65') 3 Tingkat, 16 Unit Rumah Berkembar (35'x70') 2 1/2 Tingkat, 16 Unit Rumah Berkembar (35'x72.5') 2 1/2 Tingkat, 8 Unit Rumah Berkembar (35'x75') 2 1/2 Tingkat Dan 1 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot 8814, Kg. Sg. Tangkas, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Israq Holding Sdn. Bhd.	Perumahan	03.09.2008
3	Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi 26 Unit Town House Kos Sederhana (24'x65') 3 Tingkat, 24 Unit Town House (24'x65') 3 Tingkat, 16 Unit Rumah Berkembar (35'x70') 2 1/2 Tingkat Dan 10 Unit Rumah Teres Berkembar (35'x75') 2 1/2 Tingkat Di Atas Lot 8813, Kg. Sg. Tangkas, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	B & G Corporation Sdn. Bhd.	Perumahan	09.09.2008
4	Cadangan Pembangunan Yang Mengandungi 17 Unit Kedai/Pejabat 2 Tingkat, 1 Blok 12 Tingkat 264 Unit Pangsapuri Kos Sederhana Dan 4 Tingkat Tempat Letak Kereta Serta Kemudahan - Kemudahan (Tingkat Bawah), 1 Unit Pondok Pengawal, 1 Unit Rumah Sampah Dan 1 Unit Pencawang Elektrik Di Atas Lot 8812, Kg. Sg. Tangkas, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	B & G Development Sdn. Bhd.	Pangsapuri / Perniagaan	10.12.2008

5	Cadangan Pembangunan Bangunan Kediaman Di Atas Lot 267, 1045, 675 Dan 681, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Cheras Hong Soon Development Sdn. Bhd.	Perumahan	18.12.2012 (Batal Pada 27.10.2014)
6	Cadangan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204a, Kanun Tanah Negara 1965 Dan Pembangunan 62 Unit Rumah Berkembar Strata Dan 236 Unit Rumah Teres Strata Berserta Sebuah Rumah Kelab Di Bawah Seksyen 6(1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Di Atas Lot 5717 Dan 1953, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Dijaya Property Sdn. Bhd.	Perumahan	25.06.2012
7	Cadangan Bagi Rumah Bandar 3 Tingkat (26 Unit) Kepada Rumah Teres 3 Tingkat (13) Di Atas Lot Pt 47662, Pt. 47663 Dan Pt. 47664, (Lot Lama Pt. 6059 Pt. 6077), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Asas Project Development Sdn. Bhd.	Perumahan	31.07.2012
8	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Yang Telah Diluluskan Pada 02/03/2010 Bernombor Rujukan : Mpkj 1/P/34/2009 Yang Mengandungi :- A) 12 Unit Kedai Pejabat (22’ X 80’) 2 Tingkat B)1 Blok Rumah Bandar (18 Unit) 3 Unit/Lot (28’ X 35’) C)1 Blok Rumah Bandar (12 Unit) 3 Unit/Lot (25’ X 35’) 3 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot Pt. 38829 (Lot Asal 2256), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Lee Yen Kee (M) Sdn. Bhd.	Perumahan	28.04.2012
9	Cadangan Pembinaan Perumahan Yang Mengandungi : 1) 28 Unit 3 Tingkat Rumah Berkembar (12.2m X 27.4m) 2) 18 Unit 2 Tingkat Rumah Bandar (7.32m X 21.35m) 3) 1 Unit Pondok Pengawal 4) 1 Unit Pencawang Elektrik (Compact Sub) Di Atas Lot 8817, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Puncak Maju Development Sdn. Bhd.	Perumahan	16.02.2012
10	Cadangan Pembangunan Perumahan 28 Unit Rumah Berkembar 2 ½ Tingkat Di Atas Lot Pt 35805 35820 (Lot Asal 1634), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Tpg Resources Sdn. Bhd.	Perumahan	30.06.2010
11	Cadangan Pembinaan Perumahan Yang Mengandungi 44 Unit 3 Tingkat Rumah Berkembar (42' X 74') Di Atas Lot 2486 Dan Lot 2487, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Perumahan Setia Maju Sdn. Bhd.	Perumahan	10.07.2009

12	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan 1 Blok Pangsapuri (Blok A-323 Unit Kos Bebas & 138 Unit Kos Sederhana) 31 Tingkat, 1 Blok Podium Tlk 6 Tingkat Dan Kemudahannya, Di Atas Pt.74091, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Astana Asas (M) Sdn.Bhd.	Pangsapuri (Bebas / Sederhana)	28.04.2014
13	Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Secara Penyerahan Balik (Seksyen 197) Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 76) Kanun Tanah Negara, Bagi Cadangan Pembangunan 3 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat & 22 Unit Rumah Berkembar (40x 73- 90) 3 Tingkat Di Bawah Skim Guarded & Gated Communitymengikut Seksyen 6(1a) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985), Di Atas P.T 20226- P.T 20231 Serta Rezab Jalan, Bandar Country Heights, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Country Heights Sdn.Bhd.	Perumahan	20.05.2014
14	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Dan Berimilik Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204b, Kanun Tanah Negara Untuk Cadangan Membina 4 Unit Rumah Berkembar 2-3 Tingkat Dan 2 Unit Rumah Sesebuah 2-3 Tingkat Di Atas Lot 42077, 42078 Dan 42079, Seksyen 10, Bandar Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Daka Pembina Sdn. Bhd.	Perumahan	07.04.2014
15	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serah Balik Sebahagian Tanah Bagi Tujuan Jalan (Akses) Di Bawah Seksyen 200 Kanun Tanah Negara Dan Pembangunan Landed Strata (Pembangunan Akan Datang) Yang Mengandungi Rumah Berkembar Dan Rumah Teres Di Atas Lot 1109, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	New Planet Trading Sdn. Bhd.	Perumahan	06.05.2014
16	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Daripada Bangunan (Kediaman) Kepada Bangunan (Perniagaan) Di Bawah Seksyen 204b, Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 66273 Dan Pt 66274, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	Encik Ng Siew Yoon	Perniagaan	25.10.2014
Berikut merupakan senarai peserta program Pembangunan Usahawan bagi tahun 2008 hingga 2015 :

BIL.	PROGRAM	KUMPULAN SASAR	PESERTA
1.	Program Perintis Usahawan	Pelajar sekolah rendah	480
2.	Program Tunas Niaga	Pelajar sekolah menengah	11,224
3.	Kelab Permata	Pelajar Universiti	15,119
4.	Program GROW	Mahasiswa	150
5.	Sub Kontraktor Bumiputera	Kontraktor kecil	82
6.	Vendor Inkubator Payung	Pengilang bahan binaan	30
7.	Smart Retail	Usahawan peruncitan	190

8.	Akademi MPPB	Usahawan umum	8,690
JUMLAH KESELURUHAN			**35,965**

(a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti berikut :

Bil.	Tahun	Perbelanjaan (RM)
1.	2008	604,236.45
2.	2009	866,276.04
3.	2010	2,219,039.01
4.	2011	2,607,941.46
5.	2012	1,514,498.64
6.	2013	2,310,210.47
7.	2014	3,047,823.05
8.	2015	2,802,905.21
JUMLAH		**RM 15,972,930.33**

b) PKNS telah memperkenalkan beberapa program-program baru bagi menambahbaik program sedia ada selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

Senarai lengkap mengenai program-program berkenaan adalah seperti di lampiran 1.

Lampiran 1

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF/ MATLAMAT
1.	**Jaringan Data Usahawan BizData** PKNS BizData merupakan hub simpanan data-data usahawan di bawah program-program yang diuruskan oleh PKNS. Sistem ini adalah salah satu medan jaringan perniagaan secara maya untuk para usahawan dan bakal usahawan. Sejak penubuhannya dari 2014, PKNS BizData mempunyai **5,580 ahli** yang berdaftar.	• Peluang kepada usahawan-usahawan berkomunikasi dalam satu jaringan dan memasarkan produk,pembekal dan pemborong. • Ahli yang sedia ada dalam sistem Bizdata boleh mengiklankan produk barangan mereka kepada ahli yang sedia ada dalam sistem PKNS Bizdata. • Ahli-ahli akan mendapat emel dari Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS mengenai kursus, seminar, bengkel serta program berkaitan dengan perniagaan ahli.
2.	**PKNS BizClub** Penubuhan BizClub bertujuan untuk mewujudkan satu tempat pertemuan atau hub yang bukan sahaja menjadi medan usahawan untuk berkumpul tetapi dalam masa yang sama ia memberi nilai tambah dan sokongan kepada program BPU PKNS. Sejak penubuhannya dari Disember 2014, BizClub mempunyai **305 ahli** yang berdaftar.	• Memberi usahawan-usahawan baru peluang: i. Untuk mencari idea perniagaan. ii. Mendapatkan nasihat dan inspirasi melalui sesi-sesi jaringan bersama usahawan yang lebih berpengalaman dengan kaedah yang lebih berstruktur. iii. Memberikan usahawan-usahawan baru menguji kehendak pasaran menggunakan '*kiosk*' dan sesi-sesi '*market testing'*.

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF/ MATLAMAT
		• Memberikan usahawan-usahawan yang hendak berkembang peluang untuk: i. Mempromosikan jenama mereka melalui saluran pasaran di kalangan usahawan PKNS BizClub. ii. Mencari bakat dan potensi di kalangan usahawan-usahawan baru yang masih mencari idea. • Membantu usahawan-usahawan dalam: i. Menjadi saluran untuk bergiat aktif di BizClub. ii. Menggunakan ruang terbuka untuk menjalankan program bagi kumpulan-kumpulan kecil.
3.	**<u>Program Usahawan 5U</u>** Program 5U bertujuan melahirkan usahawan yang mampu berdaya saing ke tahap yang lebih tinggi melalui sokongan kemahiran pengurusan perniagaan, kewangan dan peluang perniagaan. Usahawan ini akan dibimbing dari mula penubuhan syarikat atau melalui pengambilalihan saham syarikat usahawan oleh PKNS berdasarkan kepada kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PKNS.	• Untuk melahirkan usahawan yang mempunyai kualiti yang tinggi seperti ciri-ciri berikut: i. Mampu bersaing di pasaran luar di peringkat tempatan malahan mungkin di peringkat antarabangsa. Usahawan ini tidak hanya bergantung kepada projek-projek PKNS. ii. Memiliki perniagaan dan syarikat yang berdaya maju yang dapat melonjakkan syarikat ke peringkat yang lebih tinggi sehingga disenaraikan di bursa saham.

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF/ MATLAMAT
	Setakat Mac 2016, 1 syarikat usahawan telah dilantik sebagai peserta pertama program 5U. Usaha untuk menambah lagi syarikat-syarikat usahawan di bawah program ini sedang giat dijalankan.	iii. Memiliki perniagaan yang mempunyai jenama yang dipercayai dan popular di kalangan pelanggan. iv. Memiliki kesinambungan perniagaan yang baik dan mampu berdikari serta mantap dari aspek sumber kewangan
4.	**<u>Program SmartRetail</u>** Program ini berbentuk latihan intensif kepada usahawan Bumiputera bertujuan untuk mengenalpasti dan melahirkan usahawan yang berkeupayaan dalam bidang peruncitan. Ia juga memberi peluang kepada usahawan untuk menjalankan perniagaan di premis-premis milik PKNS. Sejak dilaksanakan pada Oktober 2013, peserta yang mengikuti program SmartRetail adalah sebanyak **190 peserta**.	• Untuk menyediakan usahawan peruncitan yang berdaya juang, berdaya tahan serta berdaya saing supaya mereka boleh bertahan lama dan terus menjadi usahawan yang berjaya dengan pelaksanaan dan bimbingan keusahawanan yang berterusan yang berteraskan metodologi dan pendekatan yang sistematik. • Untuk membimbing dan memberi latihan kepada usahawan SmartRetail supaya bersedia untuk menjalankan perniagaan di pusat perniagaan yang berkelas tinggi • Usahawan-usahawan SmartRetail dapat membentuk perniagaan yang sistematik hasil dari apa yang dipelajari sepanjang sesi bimbingan dengan mendokumenkannya dalam Pembinaan Model Perniagaan dan menepati kehendak Program ini yang mana peserta mampu dan berkeupayaan menjalankan perniagaan *retail* di projek berkelas tinggi

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KAJIAN PENREMAJAAN BANDAR (*URBAN REGENERATION*)

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status Kajian berkaitan perlaksanaan Peremajaan Bandar (*Urban Regeneration*)?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor telah menyediakan beberapa kajian berkaitan *urban regeneration* seperti berikut:-

i. Kajian Pengenalpastian Kawasan-Kawasan Brownfield di Negeri Selangor;
ii. Kajian Pelan Induk Pelabuhan Klang ; Bandar Pelabuhan Mampan dan Pintar;
iii. Kajian Pengenalpastian Kampung Baru di Kawasan Bagan di Negeri Selangor; dan
iv. Kajian Dasar Perancangan Pembangunan Berorientasikan Transit Negeri Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui JPBD Negeri Selangor akan menyediakan Kajian Inventori Badan Air dan Potensi Pembangunan Badan Air (Bekas Lombong, Paya dan Tasik) di Negeri Selangor.

Terkini, pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengadakan satu mesyuarat *urban regeneration* yang antara lain bertujuan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pembangunan Semula Bandar yang bertujuan untuk memantau pelaksanaan pembangunan semula kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti. Di samping itu, LPHS telah mengenalpasti tapak untuk pelaksanaan pembangunan semula oleh pihak PKNS.

Rancangan tempatan – rancangan tempatan yang telah disediakan juga telah menyediakan cadangan pelaksanaan *'urban regeneration'* sebagai contoh Rancangan Tempatan Petaling Jaya yang mengenal pasti Kg. Dato' Harun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : PASAR MALAM

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah MPS dapat mengubah lokasi pasar malam di Kampung Melayu Sungai Buloh ke suatu tempat yang baru kerana kesesakan yang melampau?

b) Apakah MBSA dapat mengubah lokasi pasar malam di Kampung Paya Jaras Tengah ke suatu tempat yang baru kerana kesesakan yang melampau di jalan utama FT54?

c) Mengapakah Pihak Berkuasa Tempatan masih membiarkan aktiviti “rambo” secara berleluasa sedangkan mereka adalah dari kalangan pendatang asing tanpa izin?

JAWAPAN:

a) Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di dalam proses untuk mendapatkan kebenaran dengan Pejabat Daerah/Tanah bagi menggunakan tanah-tanah lapang/rizab-rizab untuk penempatan penjaja. Bagi isu itu juga, MPS masih mencari alternatif lokasi baru yang paling bersesuaian bagi menampung kesemua peniaga sedia ada bagi mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

****Sumber: Majlis Perbandaran Selayang*

b) Operasi pasar malam **di Kampung Paya Jaras Tengah** merupakan punca kesesakan yang melampau di kawasan tersebut, lebih-lebih lagi ianya beroperasi tiga (3) kali dalam seminggu. Kesesakan yang paling tinggi adalah pada hari Sabtu akibat daripada kenderaan yang diletakkan di bahu jalan besar oleh pengunjung pasar.

Sehubungan itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam perancangan untuk membina pasar moden bertingkat di tapak berkenaan bagi menggantikan aktiviti pasar malam di tapak tersebut seterusnya dapat mengatasi kesesakan lalu lintas di jalan utama FT54. Namun, cadangan ini perlu diteliti dan diperbincangkan oleh jabatan-jabatan berkaitan dalaman MBSA dan agensi luar bagi merangka dan melaksanakan rancangan ini.

Walau bagaimanapun, MBSA boleh mencadangkan untuk memindahkan peniaga-peniaga pasar malam ke satu lokasi baru yang dapat mengelakkan kesesakan lalulintas.

****Sumber: Majlis Bandaraya Shah Alam*

c) Aktiviti melibatkan penjaja-penjaja yang tidak memiliki apa-apa lesen atau permit yang sah dikeluarkan oleh pihak PBT yang masuk dan berniaga di tapak-tapak pasar pagi dan pasar malam yang dikendalikan oleh PBT adalah dimaksudkan sebagai "rambo" oleh kalangan peniaga-peniaga pasar malam/sehari. Aktiviti mereka telah menyebabkan gangguan kepada peniaga-peniaga lain yang mempunyai lesen/permit yang sah. Selain itu, aktiviti mereka menyebabkan berlakunya pertelingkahan antara penjaja yang sah dengan "rambo" di mana penjaja rambo ini sesuka hati menggunakan tapak-tapak penjaja yang sah. Di dapati penjaja "rambo" ini adalah terdiri dari kalangan warga asing dan warga tempatan.

Sehubungan itu, bagi membendung aktiviti "rambo" contohnya di **Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)**, Jabatan Penguatkuasa, sentiasa membanteras dan tidak memberikan mereka peluang untuk masuk dan berniaga di tapak-tapak pasar pagi dan malam kelolaan MBSA. Pemeriksaan berkala oleh anggota penguatkuasa akan dilakukan sepanjang masa waktu perniagaan berlangsung. Pihak MBSA akan mengambil pendekatan membuat rampasan barang-barang perniagaan dan tidak diberikan kelulusan untuk menuntut semula barang-barang tersebut sebagai pengajaran kepada "rambo" khususnya peniaga warga asing.

Di **Majlis Perbandaran Selayang (MPS)**, anggota penguatkuasa menjalankan **penguatkuasaan ke atas aktiviti "rambo" setiap hari** contohnya di **pasar Selayang Jaya, pasar pagi Bandar Country Homes dan Pasar Moden Bandar Rawang** berikutan **ramai aktiviti "rambo" dari kalangan warga asing terutamanya warga tempatan**. Manakala pasar **Selayang Baru dan pasar Kepong Industry Park** operasi dijalankan **secara berjadual berikutan telah mendapat kerjasama dan bantuan oleh persatuan penduduk** untuk melaporkan aktiviti "rambo" kepada Jabatan Penguatkuasa untuk di ambil tindakan. Tindakan yang diambil oleh penguatkuasa adalah terus menyita barangan jualan mereka dan tidak meluluskan tuntutan barang sitaan. Pada tahun 2015 hanya **satu (1) operasi bersepadu dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan bantuan anggota penguatkuasa MPS ke atas pengemis** di pasar-pasar sekitar selayang di mana hasil tangkapan adalah di bawah tindakan JKM.

Di **Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MBPJ)** pula telah melaksanakan sebanyak tujuh **(7) operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen** pada tahun 2015 dan hasilnya sebanyak **150 orang warga asing ditangkap** sepanjang operasi tersebut dan tindakan diambil oleh Imigresen.

Di **Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)** mengambil pendekatan **melalui program pemutihan peniaga pasar pagi/malam** sejak bulan Oktober 2015 hingga Januari 2016 di mana hasilnya **sebanyak 191 lesen dibatalkan dan sebanyak 465 lesen diluluskan** untuk penjaja bagi menggalakkan peniaga warga tempatan berniaga secara sah.

Selain itu, **Majlis Perbandaran Klang (MPK)** pula telah **menyita sebanyak 153 barang jualan** milik warga asing pada tahun 2015 dan tidak meluluskan mereka menuntut barangan mereka.

Manakala **Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)** pula mendapati tiada kehadiran “rambo” di pasar-pasar pagi dan malam berikutan Penguatkuasa PBT telah menjalankan pemantauan berjadual setiap hari termasuk hari cuti dan kawalan dilakukan seawal operasi dijalankan bagi mengelakkan kehadiran “rambo”.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : LANGKAH YANG DIAMBIL KERAJAAN NEGERI UNTUK MENANGANI MASALAH DENGGI

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk menangani masalah denggi selain gotong royong atau *fogging*?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor perlu akur kepada arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku agensi pusat yang mengeluarkan sebarang arahan tentang isu-isu kesihatan di Malaysia. Oleh yang demikian, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) memainkan peranan penting di dalam usaha-usaha membanteras wabak Denggi di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai usaha pencegahan dan kawalan Denggi, antaranya:

i. Kempen-kempen kesedaran Denggi dan Program Terjah dan Musnah Aedes;
ii. Menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kawalan Denggi Negeri yang bermesyuarat secara dwi-mingguan;
iii. Memberi pendedahan berkaitan isu denggi di dalam khutbah Jumaat dan ceramah di masjid dan surau;
iv. Melaksanakan Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Aedes dan Retreat Pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik Sifar Aedes;
v. Mewujudkan satu laman sosial ‘Facebook’ Selangor Bebas Denggi untuk mengemaskini maklumat serta membuat hebahan tentang program-program Denggi di Negeri Selangor;

Selain itu,Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan usaha-usaha kawalan dan pencegahan Denggi antaranya seperti berikut:

i. Mengadakan taklimat kesedaran Denggi di Tadika, Sekolah, IPT, Jabatan Kerajaan, Industri, Rumah Ibadat dan Persatuan Penduduk;
ii. Search & Destroy Aedes Ranger;
iii. Kajian Nyamuk Toxo;
iv. Program kebersihan bersama ADUN dan Ahli Majlis;
v. Program Gerak Gempur Aedes bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Segala usaha ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri di dalam membantu mencegah wabak Denggi di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : JAWATAN DI PWB

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah struktur PWB? Sila nyatakan KPI bagi setiap jawatan di dalam struktur ini?

b) Bagaimanakah prestasi setiap penjawat ini di ukur?

c) Apakah bimbingan dan kursus yang diberikan kepada mereka? Sila nyatakan program dan jumlah kewangan yang diperuntukkan.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri komited dalam pembentukan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap DUN. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah mengeluarkan garis panduan (manual prosedur operasi) sebagai sumber rujukan kepada semua para penyelia PWB di dalam mengendalikan dan melaksanakan program PWB di seluruh Selangor.

Struktur PWB di setiap DUN adalah diketuai oleh seorang penyelia PWB yang dilantik secara *Contract For Service* oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor. Penyelia yang dilantik ini adalah digalakkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil di peringkat PWB DUN bagi memastikan segala program dan aktiviti yang telah dirancang dapat di selaras dan dilaksanakan dengan jayanya bersama komuniti wanita di kawasan DUN tersebut.

Seramai empat (4) orang telah dilantik sebagai pengurusan penyelia PWB yang akan mengetuai Struktur PWB DUN Selangor dan berperanan dalam merancang, menyedia, menyelaras modul dan memastikan aktiviti/program PWB DUN yang dijalankan dilaksanakan dengan jayanya. Lantikan pengurusan PWB ini adalah selaras dengan keputusan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) No.57/15/2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 16/2015 pada 13 Mei 2015 yang lalu.

Pengurusan PWB ini adalah terdiri daripada empat (4) orang, diketuai oleh seorang Penyelaras PWB dan seorang Penolong Penyelaras PWB serta dua (2) orang Pembantu Penyelaras PWB yang ditempatkan di pejabat Yang Berhormat Exco.

Bagi jawatan penyelia PWB, mereka bertanggungjawab dalam :

i. Menyedia dan mengemukakan takwim PWB dengan merancang, merangka dan menyelaras aktiviti/program PWB DUN masing-masing;

ii. Menyediakan kertas kerja bagi pelaksanaan aktiviti/program yang telah dirancang dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga sekurang-kurangnya empat (4) minggu sebelum melaksanakan aktiviti/program;

iii. Memastikan pengurusan kewangan dan segala pembayaran adalah mengikut prosedur kewangan Kerajaan Negeri yang sedang berkuatkuasa;

iv. Menyedia dan mengemukakan laporan bergambar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pelaksanaan aktiviti/program dan lain-lain laporan berkaitan kepada Unit Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Seksyen Sektoral, UPEN Selangor bagi tujuan pembayaran elaun, pemantauan dan pelaporan keaktifan dan keberkesanan PWB di DUN kepada Yang Berhormat Exco;

v. Mempromosi dan mendapatkan penyertaan komuniti setempat terutama golongan wanita bagi menjayakan setiap aktiviti/program yang dirancang oleh PWB DUN (minima 15 orang/DUN), Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga serta lain-lain program Kerajaan Negeri di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) (minima 30 orang/DUN);

vi. Melaksanakan aktiviti/program mengikut Sasaran Kerja Tahunan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga di peringkat komuniti dan DUN;

vii. Membantu menyelaras aktiviti/program turun padang Yang Berhormat Exco ke DUN-DUN terpilih;

viii. Memantau dan mengemaskini aset dan peralatan asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa;

ix. Mewujudkan pangkalan data wanita di kawasan setempat berdasarkan golongan wanita yang telah dikenalpasti;

x. Mengadakan mesyuarat PWB secara berkala bersama Ahli Jawatankuasa bagi memastikan pengurusan operasi PWB dan pelaksanaan aktiviti/program yang telah dirancang berjalan dengan lancar;

xi. Memastikan keselamatan, kebersihan dan keharmonian PWB DUN dengan masyarakat setempat khususnya golongan wanita sentiasa terpelihara;

xii. Mengemukakan laporan kehadiran dan laporan bulanan PWB kepada Seksyen Sektoral, UPEN Selangor bagi tujuan pemantauan dan bayaran perkhidmatan.

b) Kerajaan Negeri amat menitik beratkan kualiti perkhidmatan yang disalurkan oleh penyelia PWB DUN kepada wanita setempat. Justeru itu, prestasi perkhidmatan para penyelia PWB dan pihak pengurusan PWB ini dipantau oleh Kerajaan Negeri melalui Borang Penilaian Prestasi yang telah disediakan. Prestasi para penyelia PWB dinilai dari segi kehadiran, pelaksanaan program-program PWB, serahan dokumen-dokumen berkaitan dan kemahiran serta kebolehan yang ditunjukkan para penyelia PWB ini di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Penilaian prestasi penyelia PWB ini dibuat oleh ADUN kawasan sebagai penilai pertama, pengurusan PWB Selangor sebagai penilai kedua dan Yang Berhormat Exco Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Selangor sebagai pembuat keputusan dalam memperakukan seseorang penyelia itu dilantik semula bagi tujuan penyambungan kontrak berdasarkan skala markah prestasi keseluruhan seperti berikut :

Cemerlang	Baik	Memuaskan	Kurang Memuaskan
76-100	51-75	26-50	1-25

c) Para penyelia PWB merupakan agen informasi dan perantara antara Kerajaan Negeri dan orang awam di akar umbi. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan memastikan para penyelia PWB ini sentiasa mendapat ruang dan peluang dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Bagi tahun 2015, antara kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri kepada para penyelia PWB seluruh Selangor adalah seperti berikut:

BIL	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	PERUNTUKAN (RM)
1.	Kursus Asas Penyelia PWB Selangor 2015	14 & 15 April 2015	Hotel Impian, Morib	22,190.00

2.	Kursus Pengurusan Kewangan Berhemah, Kemahiran Organisasi Dan Kefahaman Gender Untuk Penyelia PWB Selangor	10 & 11 Ogos 2015	Hotel Premiere, Klang	29,070.00
3.	Kursus Pengucapan Awam Untuk Para Penyelia PWB Selangor	6 November 2015	Hotel Premiere, Klang	15,950.00
4.	Program Pemantapan Organisasi Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor 2016	8, 9, & 10 Januari 2016	Hotel Impian, Morib	38,780.90

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : HAK MILIK INDIVIDU

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini mengenai diskaun bumiputera dan penalti bagi projek Lake Edge Puchong?

b) Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap Pakatan Perakbina Sdn. Bhd. atas kegagalan memenuhi syarat tersebut?

c) Bilakah jangka masa pemberian hak milik individu atas nama pembeli harta akan diselesaikan dengan sepenuhnya?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran ini telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak pemaju berkenaan isu ini dan terkini pada 23 Februari 2016. Walau bagaimanapun, pihak pemaju masih gagal mengemukakan beberapa dokumen sokongan sebagai asas bagi membolehkan pentadbiran ini mempertimbangkan permohonan rayuan tersebut. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini pada 25 Februari 2016 telah mengeluarkan surat kepada pemaju berkenaan keperluan senarai maklumat dan dokumen yang diperlukan oleh pentadbiran ini bagi membolehkan pentadbiran ini melakukan proses seterusnya. Namun begitu, sehingga kini pemaju belum mengemukakan sebarang maklumat dan dokumen kepada pentadbiran ini.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan '*blanket concent approval'* kepada pembeli bagi projek Lake Edge Puchong tidak dapat diproses atau hak milik tidak dapat didaftarkan di Pejabat Tanah selagi pembayaran diskaun Bumiputera dan penalti bagi projek tersebut tidak dijelaskan kepada pentadbiran ini. Kerajaan negeri tidak akan teragak- agak untuk membekukan segala projek- projek yang akan dibangunkan oleh pemaju sama ada di projek yang sama (fasa) atau di projek yang lain (baru). Selain itu, senarai nama ahli lembaga pengarah syarikat akan di senarai hitamkan.

c) Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju- pemaju yang tidak mematuhi jualan hartanah kuota Bumiputera yang telah disyaratkan, akan dikenakan bayaran sebanyak 12% iaitu 7% potongan harga Bumiputera dan 5% caj pelanggaran mekanisme penyelenggaraan kuota Bumiputera bagi hartanah kediaman daripada harga jualan setiap rumah tersebut. Kerajaan Negeri tidak akan

memproses permohonan pindah milik (*Blanket Consent*) pembeli- pembeli selagi pemaju tidak menjelaskan bayaran tersebut. Namun begitu, di atas keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembeli- pembeli tersebut, pemaju dibenarkan untuk membuat bayaran tersebut secara ansuran ataupun secara kontra dengan mana- mana hartanah milik pemaju dengan syarat nilaian hartanah tersebut mestilah sama dengan jumlah bayaran yang perlu dibayar. Setelah selesai urusan tersebut, maka Kerajaan Negeri akan segera memproses permohonan pindah milik pembeli-pembeli tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PERBANDARAN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berikutan proses perbandaran yang turut memberi kesan kepada budaya dan identiti kampung tradisi, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk memelihara nilai-nilai tradisi ini sebagai warisan yang bukan sahaja wajar diturunkan kepada generasi akan datang, tetapi juga penting dalam membangunkan sektor pelancongan negeri?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui JPBD Negeri Selangor telah mengambilkira dan mempunyai perancangan untuk memelihara identiti serta nilai-nilai tradisi bagi kampung tradisi di dalam penyediaan Kajian Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

Dasar Mapan (MP9) di dalam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 telah menyatakan bahawa

> *Petempatan desa perlu dirancang dan dibangunkan secara bersepadu dengan pembangunan bandar.*

Sebanyak 7 inisiatif pelaksanaan telah dikenalpasti untuk mencapai dasar ini. Antaranya, termasuklah pengenalpastian perkampungan yang perlu dikekalkan sebagai perkampungan tradisi/petempatan desa di bawah Inisiatif Pelaksanaan P1.

Manakala Inisiatif Pelaksanaan P5 pula menyentuh secara jelas berhubung pengekalan ciri-ciri unik kampung tradisi;

> *Menggalakkan perkampungan tradisi mengekalkan dan mengukuhkan ciri-ciri keunikan semulajadi petempatan desa sebagai meningkatkan imej dan identiti desa*.

Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan dan dipantau oleh Pejabat-pejabat Tanah Daerah serta dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, tapak-tapak warisan yang perlu dipelihara dan dipulihara juga telah dikenalpasti di peringkat rancangan tempatan daerah mengikut PBT. Sebagai

contoh, Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kajang 2020 telah mengenalpasti sebanyak sepuluh (10) Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) seperti berikut:-

1. PPD Kg. Sungai Serai
2. PPD Kg. Sungai Tekali
3. PPD Kg. Jawa, Batu 18
4. PPD Kg. Lubuk Kelubi
5. PPD Kg. Kuala Perdik
6. PPD Kg. Batu 20, Sungai Lui
7. PPD Kg. Batu 21, Sungai Lui
8. PPD Kg. Pasir Baru
9. PPD Kg. Sungai Purun
10. PPD Kg. Sesapan Kelubi
11. PPD Kg. Rinching Hilir

Kampung-kampung ini telah dikenalpasti mempunyai potensi pelancongan sumber semulajadi dan pelancongan inap desa seperti PPD Kg. Lubuk Kelubi, PPD Kg. Jawa dan PPD Kg. Sungai Tekali yang diperkukuhkan dengan aktiviti kem latihan dan motivasi.

Bagi memastikan kerajaan lebih peduli kepada rakyat termasuklah di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri telah mengarahkan JPBD Negeri Selangor untuk menyediakan Kajian Fizikal Desa Negeri Selangor di mana telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : BANTUAN UNTUK RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setiap tahun dari 2008 hingga 2016 bagi Rumah Ibadat Bukan Islam?

b) Berapakah jumlah Rumah Ibadat Selain Islam telah dibantu setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2016?

c) Berapa keluasan tanah yang telah digezetkan kepada Rumah Ibadat Selain Islam dari tahun 2008 hingga 2015?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan bilangan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) yang menerima sumbangan setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti jadual di bawah:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM)	BIL. RISI
2008	**-**	**-**	**-**
2009	6,000,000.00	4,755,500.00	437
2010	3,000,000.00	3,475,500.00	182
2010 (TAMBAHAN)	500,000.00		
2011	3,000,000.00	3,976,740.00	246
2011 (TAMBAHAN)	1,000,000.00		
2012	3,000,000.00	5,562,500.00	343
2012 (TAMBAHAN)	2,576,000.00		
2013	3,000,000.00	2,931,500.00	281
2014	3,000,000.00	3,000,000.00	294
2015	6,000,000.00	5,999,730.00	487
***2016**	6,000,000.00	275,000.00*	18

* Bagi tahun 2016, perbelanjaan adalah sehingga bulan Mac 2016.

Perincian bagi pembahagian peruntukan Rumah Ibadat Selain Islam dari tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti di **Lampiran A**.

c) Keluasan tanah yang telah digazetkan kepada Rumah Ibadat Selain Islam dari tahun 2008 hingga 2015 mengikut daerah adalah seperti jadual di bawah:

PTD	KELUASAN TANAH (EKAR)								JUMLAH (EKAR)
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	
PETALING	-	-	5	1	0.3	0.11	-	-	6.41
KLANG	-	-	-	0.5	1.6	0.6	0.5	1.2	4.4
GOMBAK	-	-	2.20	1.00	-	0.71	0.94	0.70	5.55
HULU LANGAT			1.17	0.75	0.20	0.12	10	-	12.24
SEPANG	-	-	-	0.48	-	-	-	0.5	0.98
KUALA SELANGOR	-	-	-	-	0.206	0.21	0.125	1.19	1.66
KUALA LANGAT	-	0.4006	0.5999	-	1.7295	-	-	-	2.73
HULU SELANGOR	-	-	-	1.197	-	0.201	0.824	0.929	3.151
SABAK BERNAM	-	-	-	-	-	0.0179	0.0388	-	0.0567

Jadual : Keluasan tanah yang diwartakan

LAMPIRAN A

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BIL	TOKONG (RM)	BIL	KUIL (RM)	BIL	GEREJA (RM)	BIL	GURDWARA (RM)	JUMLAH RIBI	JUMLAH (RM)
2008	TIADA										
2009	6,000,000.00	194	1,291,500.00	163	2,526,500.00	72	809,500.00	8	128,000.00	437	4,755,500.00
2010	3,000,000.00 500,000.00 (TAMBAHAN)	97	999,500.00	64	2,054,000.00	17	302,000.00	4	120,000.00	182	3,475,500.00
2011	3,000,000.00 1,000,000.00 (TAMBAHAN)	133	1,432,490.00	84	1,881,250.00	28	653,000.00	1	10,000.00	246	3,976,740.00
2012	3,000,000.00 2,576,000.00 (TAMBAHAN)	193	2,240,000.00	127	2,830,000.00	20	382,500.00	3	110,000.00	343	5,562,500.00
2013	3,000,000.00	171	1,372,500.00	91	1,307,500.00	18	231,500.00	1	20,000.00	281	2,931,500.00
2014	3,000,000.00	169	1,500,000.00	82	1,050,000.00	43	450,000.00			294	3,000,000.00
2015	6,000,000.00	341	3,678,600.00	113	1,748,380.00	33	572,750.00			487	5,999,730.00
*2016	6,000,000.00	0	0.00	15	210,000.00	3	65,000.00			18	275,000.00

* Bagi tahun 2016, perbelanjaan adalah sehingga bulan Mac 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukan MARRIS yang telah diterima dan dibelanja oleh Kerajaan Negeri setiap tahun dari 2013 ke 2015? Sila senaraikan perbelanjaan MARRIS mengikut Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Kerajaan dan tahun.

b) Sila berikan senarai projek MARRIS yang telah dilaksanakan di DUN Damansara Utama dari 2013 ke 2015 serta nilainya.

JAWAPAN:

a) Peruntukan MARRIS yang telah diterima dan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2013 ke 2015 adalah seperti berikut:-

Perkara	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
Terimaan	499,401,414.87	523,486,773.00	468,774,527.00
Perbelanjaan	308,582,900.58	592,892,129.44	732,138,596.67

Manakala, butiran perbelanjaan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan/Agensi Pelaksana ditunjukkan seperti berikut:-

Agensi Pelaksana	Perbelanjaan MARRIS (RM)		
	2013	2014	2015
Kerajaan Negeri	110,652,977.04	0.00	0.00
Jabatan Kerja Raya (JKR)	41,720,130.21	148,097,725.33	220,700,473.16
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	146,012,013.84	429,337,730.09	495,640,013.81
Pejabat Daerah / Tanah (PDT)	10,081,859.49	9,593,165.62	13,798,109.70
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)	115,920.00	5,863,508.40	2,000,000.00
JUMLAH	**308,582,900.58**	**592,892,129.44**	**732,138,596.67**

b) Terdapat sebanyak 107 projek MARRIS telah dilaksanakan di DUN Damansara Utama dari tahun 2013 hingga 2015 dengan nilai keseluruhan berjumlah RM 20,928,051.83. Kesemua projek tersebut dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Senarai projek yang dimaksudkan adalah seperti jadual di bawah:-

Senarai projek MARRIS yang telah dilaksanakan di DUN Damansara Utama pada 2013

Bil	Tajuk Projek	Nilai Projek (RM)
1	Cadangan membarumuka jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan SS 23/27, SS 24/16, SS 24/18 dan SS 24/19, Petaling Jaya	230,080.00
2	Cadangan membarumuka jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan SS 24/8 dan SS 24/9, Petaling Jaya	212,120.00
3	Cadangan membarumuka jalan dan lain-lain kerja yang berkaitan di Jalan SS 23/13, SS 24/11 dan SS 24/12, Petaling Jaya	332,960.00
4	Cadangan membarumuka jalan dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan19/1 , Petaling Jaya	335,719.20
5	Cadangan kerja penyelenggaraan parit tepi jalan , penutup longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 2/3, 4A, 16, 37, 40, 80 dan 98 dan kawasan sekitarnya di kawasan SS 2, Petaling Jaya.	96,885.00
6	Cadangan kerja penyelenggaraan parit tepi jalan , penutup longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 4A/2, SS 4B/2, 3, 10, Jalan SS 4D/2, 5, 6, 12, Jalan SS 4C/8 dan kawasan sekitarnya di kawasan SS 4, Petaling Jaya.	162,800.00
7	Cadangan kerja penyelenggaraan parit tepi jalan, penutup longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 23/9, 11, 17 dan kawasan sekitarnya di kawasan SS 23, Petaling Jaya.	88,995.00
8	Cadangan kerja penyelenggaraan parit tepi jalan, penutup longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 24/1, 7, 9, 11, 15 dan kawasan sekitarnya di kawasan SS 24, Petaling Jaya.	85,985.00
10	Cadangan kerja penyelenggaraan parit tepi jalan, penutup longkang dan lain-lain kerja berkaitan di Jalan SS 25/4, 16, Jalan SS 26/5, 10, 12, 14, 19, 21 dan kawasan sekitarnya di kawasan SS 25 dan SS 26, Petaling Jaya.	121,410.00
11	Cadangan Menurap Jalan Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan 19/1, 19/9, 19/10, 19/12, 19/16,	276,990.00

	19/27, 19/30, 19/32 Dan 19/34 Dan Kawasan Sekitarnya Seksyen 19, Petaling Jaya	
12	Cadangan Kerja Menyelenggara Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 22/2, 10, 17, 18, 20, 24, 22, 27, 29, 30, 37, 39, 40, 42, 44, 48 Dan Kawasan Sekitarnya Di Kawasan SS 22, Petaling Jaya	282,790.00
13	Cadangan Kerja Menyelenggara Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 22A/1, 3, 4, 5, 6, 8 Dan Kawasan Sekitarnya Di Kawasan SS 22A, Petaling Jaya	198,830.00
14	Cadangan Menurap Jalan Dan Lain-lain Kerja Yang Berkaitan Turap Di Jalan PJU 1/45 Dan Kawasan Sekitarnya Di Kawasan PJU 1, Petaling Jaya	296,500.00
Jumlah		**2,722,064.20**

Senarai projek MARRIS yang telah dilaksanakan di DUN Damansara Utama pada 2014

Bil	Tajuk Projek	Nilai Projek (RM)
1	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/2, SS 2/96, SS 2/98, SS 2/100, SS 2/102, SS 2/104, SS 2/105, SS 2/106, SS 2/107, SS 2/109, SS 2/111 dan SS 2/113, SS 2, Petaling Jaya	306,180.00
2	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/60, SS 2/61, SS 2/62, SS 2/63, SS 2/64, SS 2/65, SS 2/66, SS 2/67, SS 2/73 dan SS 2/75, SS 2, Petaling Jaya	801,400.00
3	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 4a/1, 4a/2, 4a/3, 4a/3a dan 4a/4, SS 4, Petaling Jaya	291,395.00
4	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 21/14, SS 21/15, SS 21/16, SS 21/8 dan SS 21/20, SS 21, Petaling Jaya	219,470.00
5	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 23/3, SS 23/7, SS 23/17, SS 23/10a, SS 23/9, SS 23/23, SS 23/37 dan SS 23/2a, SS 23, Petaling Jaya.	310,250.00
6	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 21/22, SS 21/7, SS 21/3, SS 21/6, SS 21/10, SS 21/13, SS 21/18, SS 21/19, SS 21/16, SS 21/11, SS 21/2 DAN SS 21/20, SS 21, Petaling Jaya.	791,680.00

7	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 21/3, Jalan SS 21/4, Jalan SS 21/7, Jalan SS 21/8, Jalan SS 21/12, Jalan SS 21/13, Jalan SS 21/18, Jalan SS 21/6 Dan Jalan SS 21/10 Di Kawasan SS 21, Petaling Jaya	507,010.00
8	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 22/27, SS 22/27A, SS 22/29, SS 22/38, SS 22/36, SS 22/34, SS 22/32, SS 22/32A dan SS 22/31, Seksyen 22, Petaling Jaya	494,631.00
10	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan PJU 1/3, PJU 1/3A, PJU 1/3B, PJU 1/3C, PJU 1/3D, PJU 1/3E, PJU 1/3F, PJU 1/3G dan PJU 1/43, PJU 1, Petaling Jaya	792,125.50
11	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 23/10, SS 23/10A, SS 23/10B, SS 23/10C, SS 23/39, SS 23/37, SS 23/12A, SS 23/35, SS 23/33, SS 23/31, SS 23/29, SS 23/27, SS 23/25, SS 23/23 dan SS 23/21, SS 23 Petaling Jaya.	618,830.00
12	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/5, SS 2/6, SS 2/10,SS 2/46, SS 2/47 dan SS 2/52, SS 2, Petaling Jaya	261,550.00
13	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Seksyen 17a/3, 17a/10, 17a/7, 17a/1 dan 17a/12, Di Kawasan Seksyen 17a, Petaling Jaya	240,225.00
14	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/45, SS 2/47, SS 2/51, SS 2/52 dan SS 2/53, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	278,480.00
15	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/76, SS 2/77, SS 2/79, SS 2/81 dan SS 2/83, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	248,150.00
16	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/4, SS 2/6, SS 2/8, SS 2/9, SS 2/11, SS 2/13 dan SS 2/15, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	392,075.00
17	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/16, SS 2/17, SS 2/18, SS 2/20 dan SS 2/22, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	341,215.00
18	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/82, SS 2/86, SS 2/84, SS 2/89, SS 2/87 dan SS 2/80, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	250,710.00

19	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/34, SS 2/36, SS 2/38, SS 2/40 dan SS 2/42, Di Kawasan SS 2, Petaling Jaya	225,125.00
20	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 4c/6, SS 4c/7, SS 4c/18 dan SS 4c/22, Di Kawasan SS 4, Petaling Jaya	199,660.00
21	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 22/22, Jalan SS 22/32, Jalan SS 22/41 dan Jalan SS 22/42, Di Kawasan SS 22, Petaling Jaya	319,460.00
22	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 22a/3, SS 22a/4 dan SS 22a/5, Di Kawasan SS 22a, Petaling Jaya	235,812.50
23	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 25/30, SS 25/33 dan SS 25/39a, Di Kawasan SS 25, Petaling Jaya	189,230.00
24	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 26/21, SS 26/7, SS 26/9, SS 26/1, SS 26/5 dan SS 26/14, Di Kawasan SS 26, Petaling Jaya	352,962.00
25	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Seksyen 19/15, 19/22, 19/13a, 19/13 dan 19/13b, Di Kawasan Seksyen 19, Petaling Jaya	233,380.00
26	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 20/20, SS 20/12, SS 20/10, SS 20/9 dan SS 20/22, Di Kawasan SS 20, Petaling Jaya	201,387.50
27	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 22/1, SS 22/2, SS 22/3, SS 22/5 dan SS 22/4, Di Kawasan SS 22, Petaling Jaya	262,242.50
28	Cadangan Kerja Penyelenggaraan Parit Tepi Jalan, Penutup Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 24/26 , SS 24/13, SS 24/19 dan SS 24/1, Di Kawasan SS 24, Petaling Jaya.	415,120.00
Jumlah		**9,779,756.00**

Senarai projek MARRIS yang telah dilaksanakan di DUN Damansara Utama pada 2015

Bil	Tajuk projek	Nilai Projek (RM)
1	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 21/15, SS 21/17, SS 21/17a, SS 21/19, SS 21/21, SS 21/24, SS 21/26, SS 21/28, SS 21/30, SS 21/32 Dan SS 21/34, SS 21 Petaling Jaya.	427,169.40
2	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 4b/1, SS 4b/1a, SS 4b/2, SS 4b/4, SS 4b/5, SS 4b/6, SS 4b/7, SS 4b/8, SS 4b/9, SS 4b/11, SS 4b/12, SS 4b/14, SS 4b/14a, SS 4b/14b, SS 4b/12a, SS 4b/16 Dan SS 4b/18, SS 4 Petaling Jaya.	606,129.20
3	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 4d/1, SS 4d/3, SS 4d/4, SS 4d/5, SS 4d/6, SS 4d/7, SS 4d/8, SS 4d/9, SS 4d/10, SS 4d/12, SS 4d/14, SS 4d/16, SS 4d/18, SS 4 Petaling Jaya.	522,177.20
4	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/23, Jalan SS 2/24, Jalan SS 2/25, Jalan SS 2/25a, Jalan SS 2/26, Jalan SS 2/27, Jalan SS 2/28, Jalan SS 2/29, Jalan SS 2/30, Jalan SS 2/31, Jalan SS 2/31, Jalan SS 2/32 Dan Jalan SS 2/33, Kawasan SS 2, Petaling Jaya.	494,608.00
5	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 21/56a, Jalan SS 21/56b, Jalan SS 21/58, Jalan SS 21/60, Jalan SS 21/62, Jalan SS 21/64 Dan Jalan SS 21/104, Kawasan SS 21, Petaling Jaya.	448,658.85
6	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan Seksyen 19/3, Jalan Seksyen 19/4, Jalan Seksyen 19/5, Jalan Seksyen 19/6, Jalan Seksyen 19/7, Jalan Seksyen 19/8, Jalan Seksyen 19/9 Dan Jalan Seksyen 19/10, Kawasan Seksyen 19, Petaling Jaya.	222,319.10
7	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 20/1, Jalan SS 20/4,Jalan SS 20/6,Jalan SS 20/8,Jalan SS 20/9, Jalan SS 20/10, Jalan SS 20/11 Dan Jalan SS 20/13, Kawasan SS 20, Petaling Jaya.	204,262.00

8	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 22/39, Jalan SS 22/39a, Jalan SS 22/39b, Jalan SS 22/40, Jalan SS 22/43, Jalan SS 22/44, Jalan SS 22/45, Jalan SS 22/46, Jalan SS 22/47, Jalan SS 22/12b Kawasan SS 22, Petaling Jaya.	444,730.00
9	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 23/19c, Jalan SS 23/19d, Jalan SS 23/21, Jalan SS 23/25, Jalan SS 23/27, Jalan SS 23/29, Jalan SS 23/31, Jalan SS 23/33, Jalan SS 23/35 Dan Jalan SS 23/39, Kawasan SS 21, Petaling Jaya.	322,059.80
10	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 24/14, Jalan SS 24/15, Jalan SS 24/16, Jalan SS 24/17, Jalan SS 24/18, Jalan SS 24/20, Jalan SS 24/21, Jalan SS 24/22, Jalan SS 24/23, Jalan SS 24/24 Dan Jalan SS 24/25, Kawasan SS 24, Petaling Jaya.	403,900.00
11	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 26/11, Jalan SS 26/13, Jalan SS 26/15, Jalan SS 26/19, Jalan SS 26/21, Jalan SS 26/23, Jalan SS 26/25, Jalan SS 26/17, Jalan SS 26/6 Dan Jalan SS 26/26, Kawasan SS 26, Petaling Jaya.	531,727.80
12	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 4/1, Jalan SS 4/1a, Jalan SS 4/2, Jalan SS 4/2a, Jalan SS 4/4, Jalan SS 4/4, Jalan SS 4/5, Jalan SS 4/6, Jalan SS 4/7, Jalan SS 4/8, Jalan SS 4/9, Jalan SS 4/10,Kawasan SS 4, Petaling Jaya.	302,190.10
13	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 25/20, Jalan SS 25/21, Jalan SS 25/22, Jalan SS 25/23, Jalan SS 25/24, Jalan SS 25/25, Jalan SS 25/26, Jalan SS 25/27, Jalan SS 25/28, Jalan SS 25/29, Jalan SS 25/31, Jalan SS 25/32, Jalan SS 25/34 Dan Jalan SS 25/35, Kawasan SS 25, Petaling Jaya	502,196.20
14	Cadangan Kerja-Kerja Membaiki Dan Menyiapkan Longkang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 20/13, Jalan SS 20/14, Jalan SS 20/15, Jalan SS 20/16, Jalan SS 20/17, Jalan SS 20/18, Jalan SS 20/19,Kawasan SS 20, Petaling Jaya.	473,323.92
15	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/55, SS 2/75, Dan Kawasan Sekitarnya SS 2, Petaling Jaya	875,851.50

16	Cadangan Perkhidmatan Menyelenggara Pokok-Pokok Dan Mengemas Rizab Hijau Di Sepanjang Jalan-Jalan: Jalan Belakang Seksyen 19/1, Seksyen 19/34, Jalan SS 20/10 Dan Jalan SS 2/24, Jalan SS 25/20 Jalan SS 26/15, Jalan SS 26/14, Jalan Emas 8, Jalan Lebuh Bandar Utama Dan Jalan Persiaran Bukit Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	382,969.52
17	Cadangan Menurap Semula Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Bukit Mayang 1/1, Jalan Bukit Mayang 1/2, Jalan Bukit Mayang 1/3, Jalan Bukit Mayang 1/4, Jalan Bukit Mayang 1/5, Jalan Bukit Mayang 1/6, Jalan Bukit Mayang 1/7, Jalan Bukit Mayang 1/8, Jalan Bukit Mayang 1/9, Jalan Bukit Mayang 1/10 Dan Jalan Bukit Mayang 1/11, Taman Bukit Mayang, Petaling Jaya	376,247.00
18	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 22/33, Petaling Jaya	20,847.02
19	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 24/1, Petaling Jaya	11,560.00
20	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti 'Railing' Yang Rosak Di Jalan SS 2/54 Serta Kerja-Kerja Membaiki Longkang Rosak Di Jalan SS 2/44 Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan, Petaling Jaya	18,815.00
21	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menukar Lampu Led Di Jalan SS 25/2, Petaling Jaya	19,445.70
22	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menukar Lampu Led Di Jalan SS 25/12, Petaling Jaya	19,445.70
23	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 26/10a Dan Kawasan Sekitarnya, Petaling Jaya	19,802.50
24	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/2, Jalan SS 2/6, Jalan SS 2/13, Jalan SS 2/21, Jalan SS 2/22 Dan Jalan SS 2/25, Petaling Jaya	19,840.00
25	Kerja-Kerja Membaikpulih Longkang Dan Dinding Longkang Yang Rosak Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan 19/1, Petaling Jaya	19,975.00
26	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Rosak Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/3, Petaling Jaya	20,754.80
27	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas Di Jalan SS 2/75, SS 2/60, SS 2/66 Dan SS 2/67, Petaling Jaya	19,585.00

28	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas/ Nama Jalan Termasuk Tiang Jalan SS 2/55, SS 2/60, SS 2/61, SS 2/62, SS 2/63 Dan Jalan SS 2/64, Petaling Jaya	19,834.00
29	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas/ Nama Jalan Termasuk Tiang Di Jalan SS 2/3 Jalan SS 2/24, Jalan SS 2/45, Jalan SS 2/55, Jalan SS 2/64 Dan Jalan SS 2/66, Petaling Jaya	19,824.50
30	Cadangan Kerja-Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Lalulintas Termasuk Tiang Sediada Di Jalan SS 21/60, SS 21/35 Dan SS 21/56, Damansara Utama, Petaling Jaya	19,978.00
31	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 23/5, Petaling Jaya	16,779.80
32	Kerja-Kerja Membaiki 'Scupper' Yang Telah Rosak Dan Menyebabkan Banjir Pada Jalan Termasuk Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Harapan (Dari Simpang Jalan 19/8 Ke Hotel Lisa), Petaling Jaya, Selangor	10,578.80
33	Cadangan Kerja-Kerja Penyenggaraan Dan Menukar Lampu Led Di Jalan SS 25/2, Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	19,445.70
34	Cadangan Kerja-Kerja Penyenggaraan Dan Menukar Lampu Led Di Jalan SS 25/12, Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	19,445.70
35	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/4b, Jalan SS 3/59, Jalan SS 4a/3, Jalan SS4A/4, Jalan SS 4c/1, Jalan SS 4c/4, Jalan SS 4c/6 Dan Jalan SS 4c/8, Petaling Jaya	19,840.00
36	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/2, Jalan SS 2/4, Jalan SS 2/6, Jalan SS 2/13, Jalan SS 2/21, Jalan SS 2/22, Dan Jalan SS 2/25, Petaling Jaya	19,840.00
37	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan/Tanda Permukaan Jalan Menggunakan "*Hot Applied Thermoplastic*" Di Jalan SS 26/1, Jalan SS 26/2, Jalan SS 26/3, Lorong SS 26/3a, Lorong SS 26/3b, Lorong SS 26/3c, Jalan SS 26/4, Jalan SS 26/5, Jalan SS 26/6, Jalan SS 26/7, Lorong SS 26/7a, Lorong SS 26/7b, Jalan SS 26/8, Jalan SS 26/9, Lorong SS 26/9a, Lorong SS 26/9b, Jalan SS 26/10, Lorong SS 26/10a, Jalan SS 26/11, Jalan SS 26/12, Jalan SS 26/13, Jalan SS 26/14, Jalan SS 26/15, Jalan SS 26/16, Jalan SS 26/17, Jalan SS 26/19, Jalan SS 26/21, Jalan SS 26/23,	15,730.40

	Jalan SS 26/25 Dan Jalan SS 26/26, Petaling Jaya	
38	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan/Tanda Permukaan Jalan Menggunakan "Hot Applied Thermoplastic" Di Jalan SS 2/76, Jalan SS 2/78, Jalan SS 2/80, Jalan SS 2/81, Jalan SS 2/82, Jalan SS 2/83, Jalan SS 2/84, Jalan SS 2/85, Jalan SS 2/86, Jalan SS 2/87, Jalan SS 2/88, Jalan SS 2/89, Jalan SS 2/90, Jalan SS 2/92, Jalan SS 2/94, Jalan SS 2/95, Jalan SS 2/96, Jalan SS 2/97, Jalan SS 2/98, Jalan SS 2/99, Jalan SS 2/100, Jalan SS 2/101, Jalan SS 2/102, Jalan SS 2/103, Jalan SS 2/104, Jalan SS 2/105, Jalan SS 2/107, Jalan SS 2/109, Jalan SS 2/111 Dan Jalan SS 2/113, Petaling Jaya	16,840.00
39	Kerja-Kerja Membaiki Jalan Rosak Dan Berlubang Di Jalan SS26/16, Petaling Jaya, Selangor	19,884.00
40	Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Permukaan Jalan Di Jalan SS 2/60, Petaling Jaya	20,924.40
41	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan / Tanda Permukaan Jalan Menggunakan *'Hot Applied Thermoplastic'* Di Jalan SS 20/1, Jalan SS 20/2, Jalan SS 20/3, Jalan SS 20/4, Jalan SS 20/5, Jalan SS 20/6, Jalan SS 20/7, Jalan SS 20/8, Jalan SS 20/9, Jalan SS 20/11, Jalan SS 20/13, Jalan SS 20/14, Jalan SS 20/15, Jalan SS 20/16, Jalan SS 20/17, Jalan SS 20/18, Jalan SS 20/19, Jalan SS 20/20, Jalan SS 20/21, Jalan SS 20/22, Jalan SS 20/23, Jalan SS 20/24, Jalan SS 20/25, Dan Jalan SS 20/26, Petaling Jaya	13,840.00
Jumlah		**7,983,375.61**
PERUNTUKAN 10% BAGI KERJA-KERJA KECEMASAN		
42	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 22/33, Petaling Jaya	20,847.02
43	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 24/1, Petaling Jaya	11,560.00
44	Cadangan Kerja-Kerja Mengganti *'Railing'* Yang Rosak Di Jalan SS 2/54 Serta Kerja-Kerja Membaiki Longkang Rosak Di Jalan SS 2/44 Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan, Petaling Jaya	18,815.00
45	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menukar Lampu LED Di Jalan SS 25/2, Petaling Jaya	19,445.70

46	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menukar Lampu LED Di Jalan SS 25/12, Petaling Jaya	19,445.70
47	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan SS 26/10A Dan Kawasan Sekitarnya, Petaling Jaya	19,802.50
48	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan SS 2/2, Jalan SS 2/6, Jalan SS 2/13, Jalan SS 2/21, Jalan SS 2/22 Dan Jalan SS 2/25, Petaling Jaya	19,840.00
49	Kerja-Kerja Membaikpulih Longkang Dan Dinding Longkang Yang Rosak Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan 19/1, Petaling Jaya	19,975.00
50	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Yang Rosak Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/3, Petaling Jaya	20,754.80
51	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas Di Jalan SS 2/75, SS 2/60, SS 2/66 Dan SS 2/67, Petaling Jaya	19,585.00
52	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas/ Nama Jalan Termasuk Tiang Jalan SS 2/55, SS 2/60, SS 2/61, SS 2/62, SS 2/63 Dan Jalan SS 2/64, Petaling Jaya	19,834.00
53	Cadangan Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Isyarat Lalulintas/ Nama Jalan Termasuk Tiang Di Jalan SS 2/3 Jalan SS 2/24, Jalan SS 2/45, Jalan SS 2/55, Jalan SS 2/64 Dan Jalan SS 2/66, Petaling Jaya	19,824.50
54	Cadangan Kerja-Kerja Menyadur Lapisan Anti Lekat Pada Muka Papan Tanda Lalulintas Termasuk Tiang Sediada Di Jalan SS 21/60, SS 21/35 Dan SS 21/56, Damansara Utama, Petaling Jaya	19,978.00
55	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan SS 23/5, Petaling Jaya	16,779.80
56	Kerja-Kerja Membaiki *'Scupper'* Yang Telah Rosak Dan Menyebabkan Banjir Pada Jalan Termasuk Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Jalan Harapan (Dari Simpang Jalan 19/8 Ke Hotel Lisa), Petaling Jaya, Selangor	10,578.80
57	Cadangan Kerja-Kerja Penyenggaraan Dan Menukar Lampu LED Di Jalan SS 25/2, Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	19,445.70

58	Cadangan Kerja-Kerja Penyenggaraan Dan Menukar Lampu Led Di Jalan SS 25/12, Petaling Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	19,445.70
59	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/4B, Jalan SS 3/59, Jalan SS 4A/3, Jalan SS 4A/4, Jalan SS 4C/1, Jalan SS 4C/4, Jalan SS 4c/6 Dan Jalan SS 4C/8, Petaling Jaya	19,840.00
60	Cadangan Kerja-Kerja Mengecat Bonggol Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Jalan SS 2/2, Jalan SS 2/4, Jalan SS 2/6, Jalan SS2/13, Jalan SS 2/21, Jalan SS 2/22, Dan Jalan SS 2/25, Petaling Jaya	19,840.00
61	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan/Tanda Permukaan Jalan Menggunakan "*Hot Applied Thermoplastic*" Di Jalan SS 26/1, Jalan SS 26/2, Jalan SS 26/3, Lorong SS 26/3A, Lorong SS 26/3b, Lorong SS 26/3c, Jalan SS 26/4, Jalan SS 26/5, Jalan SS 26/6, Jalan SS 26/7, Lorong SS 26/7A, Lorong SS 26/7B, Jalan SS 26/8, Jalan SS 26/9, Lorong SS 26/9A, Lorong SS 26/9B, Jalan SS 26/10, Lorong SS 26/10A, Jalan SS 26/11, Jalan SS 26/12, Jalan SS 26/13, Jalan SS 26/14, Jalan SS 26/15, Jalan SS 26/16, Jalan SS 26/17, Jalan SS 26/19, Jalan SS 26/21, Jalan SS 26/23, Jalan SS 26/25 Dan Jalan SS 26/26, Petaling Jaya	15,730.40
62	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan/Tanda Permukaan Jalan Menggunakan "Hot Applied Thermoplastic" Di Jalan SS 2/76, Jalan SS 2/78, Jalan SS 2/80, Jalan SS 2/81, Jalan SS 2/82, Jalan SS 2/83, Jalan SS 2/84, Jalan SS 2/85, Jalan SS 2/86, Jalan SS 2/87, Jalan SS 2/88, Jalan SS 2/89, Jalan SS 2/90, Jalan SS 2/92, Jalan SS 2/94, Jalan SS 2/95, Jalan SS 2/96, Jalan SS 2/97, Jalan SS 2/98, Jalan SS 2/99, Jalan SS 2/100, Jalan SS 2/101, Jalan SS 2/102, Jalan SS 2/103, Jalan SS 2/104, Jalan SS 2/105, Jalan SS 2/107, Jalan SS 2/109, Jalan SS 2/111 Dan Jalan SS 2/113, Petaling Jaya	16,840.00
63	Kerja-Kerja Membaiki Jalan Rosak Dan Berlubang Di Jalan SS 26/16, Petaling Jaya, Selangor	19,884.00
64	Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Permukaan Jalan Di Jalan SS 2/60, Petaling Jaya	20,924.40

65	Cadangan Kerja-Kerja Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan / Tanda Permukaan Jalan Menggunakan *'Hot Applied Thermoplastic'* Di Jalan SS 20/1, Jalan SS 20/2, Jalan SS 20/3, Jalan SS 20/4, Jalan SS 20/5, Jalan SS 20/6, Jalan SS 20/7, Jalan SS 20/8, Jalan SS 20/9, Jalan SS 20/11, Jalan SS 20/13, Jalan SS 20/14, Jalan SS 20/15, Jalan SS 20/16, Jalan SS 20/17, Jalan SS 20/18, Jalan SS 20/19, Jalan SS 20/20, Jalan SS 20/21, Jalan SS 20/22, Jalan SS 20/23, Jalan SS 20/24, Jalan SS 20/25, Dan Jalan SS 20/26, Petaling Jaya	13,840.00
Jumlah		**442,856.02**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KONTRAKTOR JKR

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan senarai kesemua 48 kontraktor yang telah dilantik untuk menyelenggara jalan-jalan JKR di Selangor untuk lima tahun yang akan datang serta peruntukan yang diberi kepada setiap kontraktor ini.

JAWAPAN:

a) JKR Selangor telah melantik tiga (3) kontraktor untuk menyelenggara jalan-jalan JKR di Selangor untuk tempoh lima tahun di dalam Kontrak Jangka Panjang.

Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri seperti berikut:

i) Zon I : Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor
MBI - Rolid Setia Sdn. Bhd
Harga kontrak termasuk GST : RM 24,154,814.45

ii) Zon II : Daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Selangor
Jurumart Sdn. Bhd.
Harga kontrak termasuk GST : RM 26,758,914.29

iii) Zon III : Daerah Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang
Edgenta Propel Berhad
Harga kontrak termasuk GST : RM 21,813,431.96

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH KEKURANGAN AIR DI BENDANG

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila perjelaskan kenapa masih berlaku masalah kekurangan air di bendang?

b) Sila nyatakan apakah kesan kekeringan El Nino kepada masalah tersebut?

c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang yang dirangka oleh Jabatan Pertanian?

JAWAPAN:

a) Kawasan penanaman padi di Selangor hanya bergantung kepada air sungai Bernam dan Sungai Tengi. Selain untuk kegunaan pengairan, sumber air ini juga digunakan bagi menampung keperluan domestik dan industri.

b) El Nino secara langsungnya memberi kesan yang negatif kepada bekalan air sungai dan jumlah curahan hujan. Dijangka pada bulan Mac hingga Mei, jumlah hujan akan merosot dan mengakibatkan kekurangan air di sawah padi.

c) Langkah-langkah pencegahan yang dirangka oleh Jabatan Pertanian:

   i. Menggunakan pam air bagi mengepam air dari parit
   ii. Merangka penjadualan semula penanaman padi jika masalah air berlaku dengan kritikal
   iii. Pembinaan parit tengah bagi bekalan air dalam petak sawah

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : KERJA-KERJA PENGINDAHAN DAN LANSKAP OLEH MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila menyatakan jumlah peruntukkan dan perbelanjaan yang digunakan oleh Majlis Daerah Kuala Langat sejak Tahun 2015 sehingga kini untuk kerja-kerja pengindahan dan lanskap (termasuk kerja-kerja cantas ranting pokok di DUN Telok Datok, Morib dan Sijangkang).

JAWAPAN:

a)

1. **Perkhidmatan dan penswastaan kawasan.**
   Pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melantik sebelas (**11**) kontraktor dengan pecahan sebelas (**11**) zon kawasan bagi kerja-kerja penyelanggaraan landskap di sekitar Kuala Langat. (*rujuk lampiran*)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Perkhidmatan dan penswastaan kawasan	1,200,000.00	1,028,012.64

2. **Kerja-kerja penyelenggaraan pokok teduhan.**
   Pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melantik dua (**2**) kontraktor panel dengan pecahan dua (**2**) zon bagi kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok teduhan di sekitar Kuala Langat. (*rujuk lampiran*)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Kerja-kerja penyelenggaraan pokok teduhan	450,000.00	196,695.00

3. **Kerja-kerja penyelenggaraan pokok teduhan di kawasan industri.**
   Pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah melantik tiga (**3**) kontraktor dengan menggunakan Peruntukan MARRIS.

KAWASAN	KONTRAKTOR	PERBELANJAAN (RM)
Kerja-Kerja cantasan dan pemotongan pokok di Jalan Tembaga , Jalan Gangsa dan Jalan Suasa, Kawasan Perusahaan Banting, Kuala Langat.	BNN Permai Enterprise 107, Jalan Mangga 8, Taman Permai, 42700 Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	55,950.00
Kerja-Kerja Cantasan dan pemotongan pokok di Jalan Gangsa dan Jalan Perak Kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang.	Mutiara Batu Laut Enterprise KM 53, Tg Layang, Batu Laut, Tanjung Sepat. 42800 Tanjung Sepat, Selangor Darul Ehsan.	50,721.00
Kerja-kerja cantasan dan pemotongan pokok di Jalan Emas, Jalan Waja, Jalan Waja 14, Jalan Waja 15 dan Jalan Waja 16, Kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang.	MNA Integrated Resources (M) Sdn. Bhd. No. 10-1, (1st. Floor), Jalan 1/3, Taman Sri Jaromas, Banting, 42600 Jenjarom, Selangor Darul Ehsan.	388,320.00
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN		**494,991.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : BELANJAWAN TAHUNAN NEGERI DAN PEMBANGUNAN KAFAI DAN SRAI

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah belanjawan Kerajaan Negeri yang diperuntukkan kepada JAIS diterjemahkan dalam membantu KAFAI dan SRAI?

b) Terdapat aduan daripada PIBG bahawa bantuan JAIS kepada SRAI dan KAFAI masih belum boleh mengatasi keperluan asas seperti meja dan kerusi untuk murid-murid. Sila beri ulasan.

c) Apakah JAIS ada membuat perancangan induk bagi membantu seluruh sekolah-sekolah ini mengatasi masalah sebegini?

JAWAPAN:

a) SRAI merupakan sekolah bantuan penuh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menanggung sepenuhnya daripada segi penyediaan guru, bangunan, utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Manakala bagi KAFAI pula Kerajaan Negeri hanya menyediakan 3/4 daripada jumlah guru sedia ada di sekolah tersebut.

b) Keperluan meja dan kerusi disediakan berdasarkan jumlah pelajar dan mencukupi setakat ini kecuali jika ada penambahan bilangan pelajar di luar jangkaan pengurusan.

c) Perancangan untuk membantu seluruh sekolah adalah menjadi keutamaan JAIS**.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : GEJALA SOSIAL

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan jumlah anak luar nikah dari 2008 hingga kini.

b) Berapakah jumlah perceraian dan perincikan mengikut tahun?

c) Berapakah kes tuntutan perceraian dari 2008 hingga kini?

JAWAPAN:

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NEGERI SELANGOR

a)

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

b) Jumlah perceraian dan perincian mengikut tahun dari 2008 hingga kini adalah seperti di Lampiran C.

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR

c)

LAMPIRAN C

TAJUK : GEJALA SOSIAL

Jawapan b)

STATISTIK PERCERAIAN BAGI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2008 - 2015

DAERAH	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
KLANG	541	672	742	890	922	1047	1016	1118
KUALA LANGAT	201	232	232	252	315	258	401	420
HULU LANGAT	712	945	1165	1079	1010	866	1204	1753
KUALA SELANGOR	210	204	259	218	339	330	399	437
HULU SELANGOR	168	160	252	304	302	280	333	416
GOMBAK BARAT	399	499	526	633	610	677	806	866
GOMBAK TIMUR	327	242	362	374	406	383	399	465
SABAK BERNAM	147	140	135	187	198	174	210	227
PETALING JAYA	594	673	765	1138	985	997	970	1127
SEPANG	157	167	160	262	244	264	316	341
SHAH ALAM	613	680	744	745	767	807	873	1005
JUMLAH	4069	4614	5342	6082	6098	6083	6927	8175

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PROGRAM TUISYEN PERCUMA

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah pelajar yang mengikuti program tuisyen percuma mengikut kaum dari tahun 2012-2015.

b) Nyatakan jumlah vendor yang dilantik dan lokasi program ini dijalankan.

c) Nyatakan jumlah permohonan yang diluluskan dan ditolak dari tahun 2012-2015.

JAWAPAN:

a) Pentadbiran ini tidak mempunyai data jumlah pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor mengikut kaum. Namun begitu berikut dinyatakan jumlah pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor bagi tahun 2012 sehingga 2015 seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Pelajar
2012	4,827
2013	3,966
2014	3,590
2015	4,096

b) Jumlah vendor yang dilantik untuk melaksanakan Program Tuisyen Rakyat Selangor pada tahun ini hanya sebuah syarikat sahaja iaitu membekal perkhidmatan menyediakan nota Program Tuisyen Rakyat Selangor. Lokasi program ini dijalankan adalah di seluruh Negeri Selangor di setiap kawasan Dewan Negeri sebagaimana yang dinyatakan di dalam Lampiran.

c) Jumlah permohonan yang diluluskan dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah sebanyak 16,479 orang dan tiada permohonan yang ditolak.

LAMPIRAN

Senarai lokasi Program Tuisyen Rakyat Selangor 2016

BIL	N	DUN	LOKASI
1	01	SUNGAI AIR TAWAR	1) DewanSek Agama Men Parit Baru 2) Balai Raya JKKK Simpang 4 BNO
2	02	SABAK	1) SMA KampungNelayan 2) Markas PAS 3) SMA BaganTerap 4) SMA Muhammadiah
3	03	SUNGAI PANJANG	1) Masjid SaidahPekanPanjang 45400 Sekinchan 2) Sek Agama Men Pasir Panjang 45400 Sekinchan 3) Sek Agama Menengah Sg Hj Dorani Sg,Besar 4) Masjid MakmuriahPekan Sungai Besar Sungai Besar
4	04	SEKINCHAN	1) Dewan Masjid Tali Air 7
5	05	HULU BERNAM	1) SMK Kampung Soeharto 2) SMK Kampung Gedangsa
6	06	KUALA KUBU BHARU	1) Pekan Kuala Kubu Bharu No.43A, Jalan Kamaruddin, 44000 Kuala Kubu Bharu, (Pekan KKB)
7	07	BATANG KALI	1) No. 1-5 JalanOrkid 1F Tmn Bukit Sentosa 48300 Rawang
8	08	SUNGAI BURONG	1) Sek.Ren Agama Parit Satu SgSireh 45500 TanjungKarang
9	09	PERMATANG	1) Taman Nilam 2) KampungTiramBuruk 3) KampungBestari Jaya
10	10	BUKIT MALAWATI	1) PKM Dun Bukit Malawati 2) Dewan Asam Jawa 3) Maahad Al Ansar 4) Dewan Taman Paduka
11	11	IJOK	1) Aras 3 PejabatAdunIjok 2) PusatBelia Bukit Badang 3) SMK RantauPanjang
12	12	JERAM	1) Balai Masyarakat Fasa 3 Bandar Puncak Alam 2) KAFA Integrasi Darul Syahadah Saujana Utama 3) Pejabat JKKK Pekan Jeram 4) Pejabat JKKK Kg Bukit Kuching Hilir
13	13	KUANG	1) Sek Men Kebangsaan BTP

BIL	N	DUN	LOKASI
14	14	RAWANG	1) Pusat IT SS 2) Sek KAFAC .Homes
15	15	TAMAN TEMPLER	1) Sek Ren Agama Nurul Iman, Selayang Baru
16	16	BATU CAVES	1) Sek Agama Al- Amaniah Batu Caves
17	17	GOMBAK SETIA	1)KAFA MuhajirinTmn. Selasih 1 2)Dewan Orang Ramai Kampung Changkat 3)KAFA Ibtidai'yah Gombak Utara
18	18	HULU KELANG	1) Dewan Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Hulu Kelang 2) Sek Ren. Agama Taman Permata Jalan Permata 4
19	19	BUKIT ANTARABANGSA	1) SRA Kampung Melayu Ampang
20	20	LEMBAH JAYA	1) Dewan JKK Kg.Ampang indah 2) No.49, Jalan Rasmi Taman Rasmi Jaya
21	21	CEMPAKA	1) Sek Ren Agama Kampung Medan
22	22	TERATAI	1) Dewan Orang Ramai Taman Muda ZON 22 Jalan Bunga Tanjung 4 2) Dewan Orang Ramai Taman Cheras Indah ZON 20 Jalan Indah Taman Cheras Indah
23	23	DUSUN TUA	1) SRA Dusun Tua Batu 16 Hulu Langat 2) Surau As Sobirin Tmn Sri Raya Batu 9 Hulu Langat
24	24	SEMENYIH	1) Balai Rakyat Kg. Sesapan Minangkabau, Beranang
25	25	KAJANG	1)PusatKhidmat Rakyat Dun Kajang 2)PusatKomuniti Kg Sg Kantan 3)PusatKomuniti Taman Delima 4)Dewan Orang Ramai Sungai Sekamat
26	26	BANGI	1) Bangi Care Seksyen 7
27	27	BALAKONG	1) Pusat Rakyat Serdang 2) Sek.Ren Islam Al-Hidayah
28	28	SERI KEMBANGAN	1) Alti Infiniti, Seri Kembangan
29	29	SERI SERDANG	1) Sek Men Islam Puchong 2) Balai Masyarakat MPSJ Puchong Indah 3) Kelab ICT Kembangan Tingkat Bawah Blok KempasJalan 7/1
30	30	KINRARA	1) Dewan JKKK Kg Tengah B Batu 13 Puchong

BIL	N	DUN	LOKASI
31	31	SUBANG JAYA	1) Sek Agama KAFA 2) Masjid Daru lEhsan
32	32	SERI SETIA	1) Blok 8, Desa Mentari 2) Masjid Al-Husna
33	33	TAMAN MEDAN	1) Center 1 (PJS 2C/8 Taman DatoHarun) 2) Center 2 (No 15 Tingkat Atas, Jln PJS 3/32 Taman Sri Manja
34	34	BUKIT GASING	Belum bermula
35	35	KAMPUNG TUNKU	Dewan IT MBPJ
36	36	DAMANSARA UTAMA	1) PangsapuriDamansaraBistari
37	37	BUKIT LANJAN	1) Sek Men KebDamansaraDamai 1
38	38	PAYA JARAS	1) Sek Agama Men PayaJaras Sungai Buloh
39	39	KOTA DAMANSARA	1) SmkSeksyen 8 Kota Damansara 2) SMK Subang, Shah Alam 3) SMK LembahSubang, Kelana Jaya 4) Pejabat PAS Kota Damansara (16-1, JalanPekakak 8/4 Kota Damansara
40	40	KOTA ANGGERIK	1) Masjid SSAAS, Shah Alam
41	41	BATU TIGA	-
42	42	MERU	1) Sek.Ren Agama PekanMeru
43	43	SEMENTA	1) SRA Kg Perepat 2) Premiskampungkapar
44	44	SUNGAI PINANG	1) Dewan Eng Ann 2) Taman Eng Ann Klang 3) Sek Agama Nurul Ehsan Batu Tiga Sg. Pinang Klang
45	45	SELAT KLANG	1)Sek.Men.Agama Al-Farabi,Klang 2)Dewan Putra Kg Delek, Klang
46	46	PELABUHAN KLANG	-
47	47	PANDAMARAN	1)Pusat Khidmat N47
48	48	KOTA ALAM SHAH	
49	49	SERI ANDALAS	1)Dewan MBSA TelukMenegunJln Kg Menegun
50	50	SRI MUDA	1) Taman AlamMegah 2) Taman Sri Muda 3) KampungJalanKebun 4) Kg Johan Setia
51	51	SIJANGKANG	1)SRA Kampung Medan

BIL	N	DUN	LOKASI
52	52	TELUK DATUK	- Belum bermula
53	53	MORIB	1) DewanKuliah Masjid At TaqwaBanting 2) KAFA Integrasi Taman KemuningBanting
54	54	TANJUNG SEPAT	1) SMK Sungai Rawang 2) Dewan Anti DenggiTanjungSepat 3) DataranAnakMudaTgSepat Kg BtLaut 4) DewanSepakat Kg Endah
55	55	DENGKIL	1) Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Majlis Zon Sri Dengkil 2) Bilik Gerakan JKKK Desa Putra,Kajang 3) Kompleks JKKK Sungai Merab Luar,Sungai Merab ,Kajang 4) Bilik Gerakan JKKK Bukit Changgang, Bukit Changhang
56	56	SUNGAI PELEK	1) Masjid Pekan Sungai Pelek

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : PENJENAMAAN SEMULA NAMA PROGRAM

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua penjenamaan semula nama program Kerajaan Negeri.

b) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk melakukan penjenamaan semula tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

BIL.	AGENSI	NAMA PROGRAM LAMA	NAMA PROGRAM BAHARU	KOS	CATATAN
1.	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan	Bantuan Kesihatan Rakyat Miskin Negeri Selangor	Bantuan Sihat Selangor	Tiada	-
2.	Seksyen Makro dan Penswastaan	Bas Selangorku	Bas Smart Selangor	Tiada	Bahan promosi sedia ada masih dikekalkan dan akan diganti baru sekiranya rosak. Kos cetakan bahan promosi seperti bunting, *banner*, *brochure* dan papan tanda yang menggunakan nama Smart Selangor akan menggunakan peruntukan sedia ada yang telah disalurkan kepada setiap PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : INDUSTRI PENTERNAKAN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan industri penternakan di Selangor?

b) Nyatakan secara terperinci bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2015.

JAWAPAN:

a) dan b)

Bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri (melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar) untuk memajukan industri penternakan di Selangor pada tahun 2015 adalah seperti dalam **Lampiran A**.

Selain daripada bantuan ternakan, peralatan dan bahan binaan, Kerajaan Negeri juga menyediakan plot-plot (kawasan) penternakan di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang boleh disewa oleh penternak terutamanya kepada penternak yang menghadapi masalah kawasan.

Lampiran A

SENARAI BANTUAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI PENTERNAKAN (MELALUI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR)

i. PEMBANGUNAN TERNAKAN RUMINAN
ii. PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN UNGGAS / BUKAN RUMINAN
iii. PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TERNAK

BAJET KESELURUHAN TAHUN 2015 = RM 1,795,603.95

BIL.	NAMA PROGRAM BANTUAN PADA TAHUN 2015	BENTUK BANTUAN YANG DIBERIKAN	BIL. PENE-RIMA (ORANG)	NILAI BANTUAN SETIAP PENERIMA (RM)	JUMLAH BANTUAN KESELU-RUHAN PROGRAM (RM)
1	Program Merakyatkan Ekonomi Penternak Ruminan (MES)	Bibit Lembu Pedaging Bibit Kambing Pedaging Mesin Chopper Bahan Binaan Kandang	4 9 10 8	3,900 hingga 12,000	318,201.40
2	Skim Penternakan Breedlot Kepada Penternak Ruminan Geran Pemadanan Nisbah 90:10	Bibit Lembu Pedaging Bibit Lembu Tenusu Bibit Kambing Tenusu	6 5 2	12,000 hingga 38,500	520,000.00
3	Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor (SPERS)	Bibit Lembu Tenusu	1	345,000	345,000.00
4	Merakyatkan Ekonomi Penternak Unggas / Bukan Ruminan	Bahan binaan, Ternakan Dan Peralatan Menternak	21	5,000 hingga 12,000	229,820.55
5	Transformasi Penternakan Unggas / Bukan Unggas (Ayam Kampung / Itik / Puyuh dan lain-lain	Bahan Binaan, Ternakan Dan Peralatan Menternak	10	12,000 hingga 90,000	199,878.00
6	Pembangunan Industri Asas Ternak	Peralatan IATn	10	10,000 hingga 49,117	182,704.00
JUMLAH KESELURUHAN					**1,795,603.95**

iv. PEMBANGUNAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)

BAJET KESELURUHAN TAHUN 2015 = RM 2,781,648.24

DAERAH	NAMA TKPM	BIL	NAMA PESERTA	LUAS PLOT (HK)	JENIS BIDANG USAHA	JUMLAH TERNAKAN / LUAS DIUSAHA
Sabak Bernam	Sepintas	1	Uyin Agro Farm	4.04	Ayam Pedaging	48,000 ekor sepusingan
Kuala Selangor	Bestari Jaya	1	Khairill Anuar bin Dalail	4.04	Ayam Pedaging (Reban Terbuka)	45,000 ekor sepusingan
		2	PPK Kuala Selangor	4.04	Ayam Pedaging (Reban Tertutup)	30,000 ekor sepusingan
Kuala Langat	Bukit Changgang	1	Jainal bin Mahpirin	4.04	Kambing Pedaging	25 ekor
		2	Mohd Safril bin Ming	4.04	Kambing Tenusu	115 ekor
Sepang	Sg Blankan	1	Syarikat Khidmat Cemerlang	1.10	Lembu Fidlot	114 ekor
		2	Ahmad Tarmizi bin Dulah Kusni	1.23	Lembu Pedaging	46 ekor
		3	Bakarudin bin Mohd Samah	0.98	Lembu Pedaging	17 ekor
		4	Atan bin Baok	1.22	Lembu Pedaging	11 ekor
		5	Hezrik bin Hailon	1.65	Lembu Fidlot	40 ekor
		6	Sulaiman bin Yusof	1.10	Lembu Pedaging	18 ekor
		7	Yaakob bin Sadikin	2.91	Lembu Fidlot	200 ekor
	Jenderam Hulu	1	Syarikat Chicken 9 Sdn. Bhd	4.04	Ayam Kampung	2000 ekor sepusingan
		2	Jukimas Enterprise	4.04	Lembu Pedaging	75 ekor
		3	Make Farm	4.93	Lembu Tenusu	44 ekor

Hulu Selangor	Sg. Nilam	1	Bio Agrotech Farm	4.13	Lembu Pedaging	5 ekor
		2	Manjit Singh a/l Sardara Singh	4.04	Lembu Tenusu	-
		3	Mohd Arif bin Mule'min	4.11	Lembu Pedaging	9 ekor
		4	Ambalagan	4.04	Lembu Tenusu	22 ekor
		5	Sarjan Singh a/l S.Sucha Singh	3.86	Lembu Tenusu	65 ekor
		6	Ladang Tenusu MS Sdn. Bhd	4.04	Lembu Tenusu	149 ekor
		7	Wahidanie Livestock	4.04	Lembu Fidlot	-
	Sg. Jang	1	Ambang Pertama Sdn. Bhd	9.71	Ayam Pedaging	36,000 ekor sepusingan
		2	Just Green Poultry	5.42	Ayam Kampung	600 ekor
		3	Dr. Ibrahim bin Shuib	8.094	Kambing Pedaging	24 ekor
			Dr. Ibrahim bin Shuib		Ikan Air Tawar	10,000 ekor setahun
		4	Jesunathan a/l Soosainathan	8.094	Ikan Air Tawar	5 kolam
		5	Mai Farm Trading	8.094	Ternakan Bebiri	0 ekor
			Mai Farm Trading		Kelapa Sawit	-
	Hulu Bernam	1	Al-Wafaa Enterprise		Kelapa Sawit	-
	Buloh Telor	1	Al-Mawasih Livestock(M) Sdn. Bhd	25.7	Lembu Tenusu	24 ekor
		2	Persatuan Penternak Kuala Kubu Bharu	8.094	Lembu Pedaging	0 ekor
		3	Nur farm Livestock	8.094	Rumput Napier	-
	Sg. Tamu	1	Ramanathan a/l Thangamuthu	8.094	Lembu Tenusu	90 ekor
		2	Mejar (B) Kirubaraja a/l Kanagamy	42.5	Lembu Tenusu	103 ekor
		3	Rumpun Asia Sdn. Bhd	16.18	Kambing Pedaging	200 ekor
Gombak	Batu Arang	1	My Kenaf Sdn. Bhd	8.10	Kambing Pedaging	250 ekor
Hulu Langat	Semenyih	1	Mohd Naim bin Mohd Shariff	17.40	Lembu Tenusu	45 ekor
		2	Jaspal Singh a/l Sadara Singh	8.094	Lembu Tenusu	152 ekor
		3	Suganthiran a/l Rajan	8.094	Lembu Tenusu	142 ekor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : MARRIS

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan MARRIS yang diberi kepada Daerah Kuala Selangor pada 2015?

b) Senaraikan agensi yang menerima peruntukan berkenaan.

c) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan di dalam DUN Permatang pada 2015.

JAWAPAN:

a) dan b)

Berdasarkan rekod, sejumlah RM39,208,666.90 peruntukan MARRIS telah dikhususkan bagi penyelenggaraan Jalan Negeri di daerah Kuala Selangor pada tahun 2015 seperti pecahan berikut:-

Bil	Jenis Peruntukan	Jumlah (RM)
1.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	23,013,666.90
2.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	14,700,000.00
3.	Pejabat Daerah /Tanah (PDT)	1,111,000.00
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)	384,000.00
Jumlah		**39,208,666.90**

Nota :-

(a) Pecahan peruntukan MDKS:-

Peruntukan Mengikut Kawasan Dewan Negeri : RM15,000,000.00
Peruntukan Mengikut Panjang Jalan : RM8,013,666.90

c) Terdapat lapan (38) projek telah dilaksanakan di dalam DUN Permatang pada tahun 2015. Senarai projek tersebut mengikut agensi pelaksana adalah seperti di lampiran.

LAMPIRAN

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	
1	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan SGG 5/4, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
2	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dan Saliran Di Jalan 1, Jalan 2 Dan Jalan 3 Taman Bukit Belimbing Indah, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
3	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Murni, Lorong Murni 1, Lorong Murni 2, Lorong Murni 4, Lorong Murni 6 Dan Lorong Murni 8, Taman Murni, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
4	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Sungai Gulang-Gulang Baru, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
5	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Tiram Utama 1, Jalan Tiram Utama 1 (Lorong Belakang), Jalan Tiram Utama 2, Jalan Tiram Utama 3, Jalan Tiram Utama 5, Jalan Tiram Utama 7 Dan Jalan Tiram Utama 7 (Lorong Tepi), Taman Tiram Utama, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
6	Kerja-Kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 1,3,5 Dan 7, Taman Suria Indah, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
7	Kerja-Kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Bayu 1, Jalan Bayu 4 Dan Jalan Bayu 8, Taman Bayu, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
8	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan 1 Taman Raja Musa, Permatang, Daerah Kuala Selangor
9	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan Pekan Kampung Baru Tiram Setia, Permatang, Daerah Kuala Selangor
10	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Sekolah, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
11	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Desa Mawar 1,Jalan Desa Mawar 1/1, Jalan Desa Mawar 1/1 (Lorong Tepi), Jalan Desa Mawar 1/5 (Lorong Tengah), Jalan Desa Mawar 1/7, Jalan Desa Mawar 2/11 , Permatang, Daerah Kuala Selangor.

12	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Nilam 1, Jalan Nilam 1 (Lorong Tepi), Jalan Nilam 6, Jalan Nilam 13 Dan Jalan Nilam 13 (Lorong Tepi), Taman Nilam, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
13	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Jalan 2 Taman Seri Mengkuang, Permatang, Daerah Kuala Selangor
14	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 Dan 8 Taman Sri Belimbing Permatang, Daerah Kuala Selangor.
15	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Besar Pasir Penambang, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
16	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Sungai Terap Dan Lorong 4 Sungai Terap, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
17	Kerja-Kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Di Jalan 2, 4, 5, 9 Dan 11, Taman Tan Sri Manickavasagam Dan Jalan 1, Taman Tennamaram, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
18	Kerja-Kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Di Jalan Bayu 4, 5, 6, 6A, 7, 7A Dan 7B, Taman Desiran, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
19	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penebangan Pokok Teduhan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 1, Jalan 2, Jalan 3, Jalan 5 Dan Jalan 8, Taman Raja Musa, Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
20	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penebangan Pokok Teduhan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan 1, Jalan 2, Jalan 3 Dan Jalan 10 Taman Bukit Belimbing Indah, Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
21	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penebangan Pokok Teduhan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Tiram Utama, Taman Tiram Utama Dan Jalan Seri Tiram 2 Dan Jalan Seri Tiram 3, Taman Sri Tiram, Mukim Pasangan, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
22	Kerja-Kerja Membaiki Dan Selenggara Saliran Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Desa Mawar 1, Jalan Desa Mawar 2, Jalan Desa Mawar 2/3, Jalan Desa Mawar 3, Permatang, Daerah Kuala Selangor.
23	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penebangan Pokok Teduhan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Sepanjang Jalan Bukit Belimbing Mengahala Ke Raja Musa, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

24	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Di Taman Suria Indah, Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor

Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor (PDTKS)	
1.	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan SGG 5/4, Permatang, Daerah Kuala Selangor.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor	
1.	Kerja-Kerja Membaikpulih Jalan Ladang Di Jalan Masjid Sepanjang 2.2km Di Kampung Sungai Yu Kawasan Mukim Hujung Permatang, Daerah Kuala Selangor

Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor	
1.	Kerja-Kerja Membaiki Dan Menurap Semula Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 2.0 Jalan Persatuan Kg.Sri Tiram Jaya Daerah Kuala Selangor.
2.	Kerja-Kerja Membaiki dan menurap semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 2.0 Hingga Km 4.5 Jalaan Mutiara Kg.Parit Serong, Tg.Karang Daerah Kuala Selangor.
3.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 1.0 Jalan Hj. Omar Bkt.Belimbing Daerah Kuala Selangor.
4.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 2.5 Jalan Pusara Kg.Parit Serong, Tg.Karang Daerah Kuala Selangor.
5.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 2.2 Jalan Gawar-Gawar Tg.Karang Daerah Kuala Selangor.
6.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 2.4 Jalan SGG 5/2,6/2,7/2 Tg.Karang Daerah Kuala Selangor.
7.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 1.0 Jalan SGG 6/5 Tg Karang Daerah Kuala Selangor.

8.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 1.5 Jalan Kg.Lubok Kg.Raja Musa Daerah Kuala Selangor.
9.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 2.5 Jalan Sekolah Kg.Raja Musa Daerah Kuala Selangor.
10.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 1.0 Jalan Hj.Mohammad 2 Bkt.Belimbing Daerah Kuala Selangor.
11.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari km 0.0 hingga km 3 Jalan Ara Parit Besar Sg.Yu, Daerah Kuala Selangor.
12.	Kerja-Kerja Membaiki, Menurap Semula jalan dan kerja berkaitan Jalan Dari Km 0.0 Hingga Km 3.0 Jalan Timur Tambahan Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : BANJIR DI DUN KOTA DAMANSARA

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah faktor berlakunya banjir yang kerap berlaku di DUN Kota Damansara?

b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

c) Nyatakan bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir pada tahun 2015?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, lokasi yang kerap dilanda banjir di kawasan DUN Kota Damansara adalah di persekitaran Kampung Melayu Subang iaitu di Jalan Jati, Jalan Merbau, Jalan Gajah 16 dan Jalan Gajah 23 berdasarkan laporan penuh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor pada tahun 2015. Antara faktor berlakunya banjir di kawasan tersebut adalah disebabkan oleh Sistem Perparitan Dalaman yang sedia ada gagal berfungsi untuk menampung larian air di atas permukaan. Selain itu, paras air Sungai Damansara yang boleh mencapai had ketinggian sehingga mencecah 18.52 meter berikutan hujan lebat juga adalah merupakan salah satu faktor menyumbang berlakunya banjir.

b) Kerajaan Negeri di bawah penyeliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor telah membuat beberapa langkah pencegahan bagi mengurangkan berlakunya kejadian banjir tersebut. Di antara langkah pencegahan yang te lah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

   (I) Bagi langkah jangka masa pendek, JPS Negeri Selangor telah melaksanakan kerja-kerja mengeluarkan kelodak dan membersihkan '*row*' kawasan perparitan. Selain itu, kerja menaik taraf tebing dan struktur '*outlet*' anak Sungai Damansara juga dilaksanakan supaya air sungai tidak akan melimpah sekiranya air sungai berada di paras had ketinggian maksimum ketika waktu hujan lebat.

   (II) Bagi pelan jangka panjang, Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Selangor telah mengeluarkan tender bagi membina tebatan banjir di Sungai Pelempas, Kampung Melayu Subang pada bulan Februari 2016 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan Jun 2016.

c) Kadar bantuan kewangan bagi mangsa bencana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Kadar Maksimum (RM)
1.	Mangsa banjir a. Banjir b. Banjir kilat yang tidak melibatkan pemindahan mangsa (pembayaran tidak boleh melebihi kadar tahunan dan hanya rumah yang dimasuki air sahaja layak menerima bantuan kewangan)	 500.00 200.00 (kadar maksimum setahun)
2.	Mangsa kebakaran a. Musnah keseluruhan b. Musnah sebahagian	 500.00 250.00
3.	Mangsa tanah runtuh dan ribut	500.00
4.	Waris kepada mangsa bencana yang meninggal dunia	1,000.00

Pada tahun 2015, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui sembilan (9) buah Pejabat Daerah dan Tanah telah menyalurkan sumbangan kepada 1,713 buah keluarga mangsa banjir dengan jumlah RM476,055.48.

Selain itu, agensi lain yang turut membantu memberi sumbangan adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang telah membelanjakan sebanyak RM207,586.70 untuk mangsa banjir sepanjang tahun 2015. Bantuan yang telah diberikan kepada mangsa banjir termasuk bantuan makan minum dan barangan keperluan asas sepanjang mangsa berada di Pusat Pemindahan Banjir.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah terkini rizab Kerajaan Negeri Selangor?

b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan jumlah rizab tanpa melakukan projek pembangunan di Selangor?

JAWAPAN:

a) Rizab kewangan negeri terdiri dari wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 14 Mac 2016 adalah berjumlah RM3,393.38 juta berbanding RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015.

b) Rizab kewangan Kerajaan Negeri Selangor akan digunakan bagi program, projek dan aktiviti untuk tujuan pembangunan Negeri Selangor dan kebajikan rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor Sidang November 2015 telah membentangkan lima (5) strategi Belanjawan 2016 yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik di mana strategi ketiga Belanjawan 2016 adalah mempertingkat Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : PASUKAN BOLA SEPAK SELANGOR

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk pasukan bola sepak Selangor pada tahun 2015?

b) Nyatakan secara terperinci nama syarikat dan jumlah tajaan yang diterima pasukan bola sepak Selangor pada tahun 2015.

JAWAPAN:

a) Perbelanjaan 2014 berjumlah RM12.7 juta dan perbelanjaan 2015 RM20.2 juta dan peruntukan bagi 2016 ialah RM20 juta.

	2014	2015
Perbelanjaan Pentadbiran	634,000	643,000
Perbelanjaan Pasukan Liga Super	10.7 juta	16.1 juta
Perbelanjaan Piala Presiden	348,000	914,000
Perbelanjaan Pasukan Belia	354,000	1.3 juta
Perbelanjaan Futsal	365,000	750,000
Perbelanjaan Liga Domestik	291,000	376,000

Sumber dana 2014 dari Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan 2015 dari Perbendaharaan Negeri Selangor. Perbelanjaan FAS adalah sederhana jika dibandingkan dengan pasukan lain seperti :-

<u>Pasukan Liga Super</u>

Johor	RM150 juta
Felda	RM38 juta
Terengganu	RM28 juta
Pahang	RM28 juta
Kedah	RM30 juta
Pulau Pinang	RM22 juta

Pasukan Liga Perdana

Negeri Sembilan	RM25 juta
Kuala Lumpur	RM20 juta

b) Pada tahun 2015, penajaan dari KNS ialah RM20.1 juta dan perbelanjaan adalah sebanyak RM20.1 juta. Berikut adalah senarai penajaan sejak tahun 2013

2013 : Tajaan dari MBI ialah RM8.5 juta. Perbelanjaan RM10.3 juta.

2014 : Tajaan dari MBI ialah RM10.5 juta. Perbelanjaan RM12.7 juta.

2015 : Tajaan dari KNS ialah RM20.1 juta. Perbelanjaan RM20.1 juta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU DI SABAK BERNAM

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan lokasi dan keluasan tanah rizab Melayu yang masih ada di daerah Sabak Bernam?

b) Nyatakan secara terperinci tanah rizab Melayu yang telah bertukar status dan tempat gantinya?

JAWAPAN:

a) Pada masa kini, lokasi dan keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang masih ada di Daerah Sabak Bernam adalah seperti di bawah:

Bil	Nama TRM	Mukim	Keluasan (Ekar)
1	Sabak	Sabak	2,560.00
2	Raja Hitam	Sabak	6,540.00
3	Sungai Lang	Sabak & Bagan Nakhoda Omar	21,676.35
4	Bedena	Panchang Bedena	18,320.51
5	Tanjong Karang	Panchang Bedena & Pasir Panjang	35,626.00
6	Lubok Pusing	Sungai Panjang	9,402.00
7	Raja Hitam Tambahan	Sabak	2,380.41
8	Bedena Tambahan	Panchang Bedena	274.00
9	Sepintas	Sungai Panjang	1,770.00
10	Sungai Panjang	Sungai Panjang	45,376.00
11	Tanjong Karang Tambahan	Panchang Bedena	2,944.00
12	Sungai Panjang Tambahan	Sungai Panjang	11,648.00
13	Air Manis	Panchang Bedena	33.98
14	Sungai Besar	Panchang Bedena	25.17
15	Sungai Tengar Utara	Sabak	77.00
JUMLAH KESELURUHAN			**158,653.42**

b) Mengikut butir-butir yang ada di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, berikut adalah Tanah Rizab Melayu (TRM) yang telah bertukar status dan tempat gantinya.

Bil	Nama TRM	Mukim	Jenis Transaksi	Tahun Warta	Keluasan (Ekar)
1	Sungai Lang	Sabak & Bagan Nakhoda Omar	Batal Sebahagian	1990	23.65
2.	Bedena	Panchang Bedena	Batal Sebahagian	1934	5.13
			Batal Sebahagian	1951	10.25
			Batal Sebahagian	1960	5.51
			Batal Sebahagian	1967	0.25
			Batal Sebahagian	1981	4.03
			Penambahan	1981	3.97
			Batal Sebahagian	1990	13.29
3.	Tanjong Karang	Panchang Bedena & Pasir Panjang	Batal Sebahagian	1950	4,310.00
			Batal Sebahagian	2015	77.00
4.	Raja Hitam Tambahan	Sabak	Batal Sebahagian	1990	22.59
5.	Air Manis	Panchang Bedena	Penggantian	1990	33.98
6.	Sungai Besar	Panchang Bedena	Penggantian	1990	25.17
7.	Sungai Tengar Utara	Sabak	Penggantian	2015	77.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : STATUS HUTAN SIMPAN SG KARANG, DUN SG PANJANG

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini Hutan Simpan Sg Karang?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah tersebut?

JAWAPAN:

a) Hutan Simpan Sungai Karang telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 08.01.1990 dan sehingga kini ianya masih berstatus HSK.

b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah memberikan Permit Penggunaan kepada Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) bagi menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pertanian. Daripada perjanjian tersebut, Kerajaan Negeri Selangor akan mendapat hasil daripada fi Permit Penggunaan berjumlah RM773,600.00 setahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KUMPULAN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (KWHB)

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan secara terperinci sumbangan KWHB pada tahun 2015?

b) Apakah perancangan KWHB pada tahun 2016?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan prestasi kewangan KDEB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2015.

b) Apakah usaha KDEB untuk menambahbaik prestasi kewangan tersebut?

JAWAPAN:

a) Prestasi kewangan KDEB yang merangkumi penyata pendapatan, penyata ekuiti pemilik dan penyata aliran tunai pada tahun 2015 adalah seperti Lampiran 1 hingga 3.

b) Antara usaha-usaha KDEB yang dirancang untuk menambahbaik prestasi kewangan tersebut adalah seperti berikut:

- Penyelesaian hutang kerajaan negeri dan komersial melalui program merealisasi nilai pelaburan dalam anak-anak syarikat;
- Penstrukturan semula hutang berkaitan dengan aset air; dan
- Pembangunan hartanah milik KDEB di mana pihak Pemerbadanan Menteri Besar telah dilantik sebagai pengurus projek

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

	Sebelum diaudit 2015 RM'000
Pendapatan	12,096
Kos jualan	-
Keuntungan kasar	12,096
Pendapatan lain-lain operasi	4,175
Perbelanjaan pentadbiran	(6,921)
Lain-lain perbelanjaan	(3,228)
Keuntungan operasi	6,122
Kos kewangan	9,594
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	15,716
Cukai dan zakat	(1,024)
Keuntungan selepas cukai dan zakat	14,692

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Perubahan Ekuiti
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 (Sebelum diaudit)

		<---------- Tidak boleh diagihkan ---------->				
	Jumlah ekuiti RM'000	**Modal saham RM'000**	**Premium saham RM'000**	**Saham keutamaan RM'000**	**Rizab sumbangan RM'000**	**Kerugian terkumpul RM'000**
Baki pada 1 Januari 2015	162,342	262,408	37,458	100	11,677	(149,301)
Jumlah pendapatan komprehensif	14,692	-	-	-	-	14,692
Baki pada 31 Disember 2015	177,034	262,408	37,458	100	11,677	(134,609)

Kumpulan Darul Ehsan Berhad
Penyata Aliran Tunai
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 (Sebelum diaudit)

	Sebelum diaudit 2015 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi	(3,142)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan	(12,080)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan	(12,123)
Pengurangan bersih tunai dan bersamaan tunai	(27,345)
Tunai dan bersamaan tunai di awal tahun	28,622
Tunai dan bersamaan tunai di akhir tahun	1,277

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERBELANJAAN MENGURUS FAS

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Perincian lengkap perbelanjaan operasi FAS bagi tahun 2014 dan 2015 serta peruntukan bagi 2016 termasuk gaji, elaun dan sebarang imbuhan lain untuk pemain, jurulatih dan pengurus pasukan serta sumber dana untuk menampung perbelanjaan tersebut.

JAWAPAN:

a) Perbelanjaan 2014 berjumlah RM12.7 juta dan perbelanjaan 2015 RM20.2 juta dan peruntukan bagi 2016 ialah RM20 juta.

	2014	2015
Perbelanjaan pentadbiran	634,000	643,000
Perbelanjaan Pasukan Liga Super	10.7 juta	16.1 juta
Perbelanjaan Piala Presiden	348,000	914,000
Perbelanjaan Pasukan Belia	354,000	1.3 juta
Perbelanjaan Futsal	365,000	750,000
Perbelanjaan Liga Domestik	291,000	376,000

Sumber dana 2014 dari Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan 2015 dari Perbendaharaan Negeri Selangor.

Perbelanjaan FAS adalah sederhana jika dibandingkan dengan pasukan lain seperti :-

<u>Pasukan Liga Super</u>

Johor RM150 juta
Felda RM38 juta
Terengganu RM28 juta
Pahang RM28 juta
Kedah RM30 juta
Pulau Pinang RM22 juta

<u>Pasukan Liga Perdana</u>

Negeri Sembilan RM25 juta
Kuala Lumpur RM20 juta

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PEMBANGUNAN SG KLANG

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah akan dimulakan kajian komprehensif pembangunan Sg Klang?

b) Apakah tindakan yang dikenakan ke atas pihak yang mencemarkan Sg Klang?

c) Senaraikan nama/syarikat dan jumlah saman yang telah dikeluarkan dari tahun 2013-2015 oleh PBT atas sebab mencemarkan Sg Klang.

JAWAPAN:

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

a) Kajian Komprehensif Program Pemuliharaan dan Pengindahan Sungai Klang sepanjang 120km telah disediakan oleh pihak JPBD Negeri Selangor dan pihak UPEN Negeri Selangor pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, tindakan pelaksanaan projek tertangguh dan perlu dirujuk semula kepada pihak UPEN untuk penyelarasan semula kerana melibatkan PBT-PBT seperti MBPJ,MBSA dan MPK.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

b) Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan mengkompaun kesalahan dan mahkamah di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009 dan Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

c) Tiada maklumat

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : PADANG BOLA DAN REKREASI BELIA

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kerajaan dapat mengadakan padang bola dan rekreasi di kampung-kampung bagi tanah milik kerajaan atau MAIS yang telah di beri pajakan kepada persatuan?

b) Apakah perancangan Kerajaan Selangor untuk mewujudkan dewan badminton/takraw bagi Kampung Paya Jaras Dalam?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil maklum terhadap keperluan kemudahan sukan termasuk padang bola dan rekreasi di kampung-kampung. Justeru itu, Kerajaan Negeri di bawah Vot Kemudahan Asas Desa telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi menyediakan kemudahan asas desa di kawasan kampung termasuk pembinaan dan baikpulih dewan, balairaya dan infrastruktur sukan bagi tanah milik kerajaan. Walau bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada keperluan. Manakala, bagi tanah milik Jabatan Agama Islam (JAIS) tiada halangan berkenaan perkara tersebut tetapi tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian di atas tapak tersebut. Pihak JAIS memberi tempoh selama 3 tahun sewaan tanah yang akan berakhir pada bulan Jun 2016 dan boleh dilanjutkan sekiranya masih tiada perancangan fizikal oleh pihak JAIS.

b) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti riadah. Sehubungan itu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6,680,000.00 untuk projek membaikpulih kemudahan sukan di Negeri Selangor termasuk peruntukan untuk membaikpulih kemudahan sukan di peringkat DUN yang telah dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM40,000.00 kepada setiap DUN untuk tujuan ini yang mana projek ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan(PBT). Pemilihan bagi kelulusan projek ini adalah mengikut tahap projek

kemudahan tersebut. Berikutan, pihak DUN boleh mengemukakan permohonan tersebut kepada pihak PBT untuk kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah membina sebanyak 33 Dataran Anak Muda atau gelanggang serbaguna di seluruh Selangor termasuklah di Paya Jaras yang boleh digunakan sebagai dewan badminton atau sepak takraw.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila butirkan senarai EXCO bertanggungjawab, pengarah, dan pegawai kanan IDEA.

b) Apakah peruntukan kewangan yang diberi kepada IDE pada tahun 2015 dan 2016?

c) Apakah topik dan hasil kajian IDE setakat ini?

JAWAPAN:

a) Pengarah-pengarah Institut Darul Ehsan ("IDE") adalah seperti berikut:

i. Y.Bhg. Dato' Dr Siddiq bin Fadhil
ii. Y.Bhg. Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan bin Othman
iii. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
iv. Y.Bhg. Prof Emeritus Shaharir bin Mohamad Zain
v. Y.Bhg. Prof Dr Shaharuddin bin Badaruddin
vi. Y.B. Dato' Kamaruddin bin Jaffar

Pengurusan IDE diketuai oleh Y.Bhg. Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan bin Othman.

b) Pada tahun 2015 IDE telah menerima peruntukan sebanyak RM2.0 juta. Peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri kepada IDE untuk 2016 ialah RM 5.0 juta.

c) IDE melaksanakan program dan aktivitinya meliputi 4 kluster utama iaitu Kluster Penyelidikan, Kluster Polisi dan Ketamadunan, Kluster Pendidikan Politik dan Demokrasi, Kluster Pendemokrasian dan Ekonomi, Kluster Pendidikan dan Budaya.

Dalam tempoh singkat penubuhannya, hasil kajian dan penyelidikan utama IDE yang dijalankan pada 2015 adalah seperti berikut:

1. Kajian Persepsi Rakyat Permatang Pauh berkaitan Pilihan Raya Kecil P044 kesannya terhadap Selangor pada April 2015.

2. Kajian Persepsi Rakyat Selangor Siri 1, pada Julai 2015.

3. Kajian Persepsi Rakyat Selangor Siri 2, pada November 2015. Keduanya melibatkan 56 kawasan Dewan Undangan Negeri. Kajian ini mengukur landskap persepsi rakyat berkaitan dengan isu semasa, pihak berkuasa tempatan (PBT), polisi dan perkhidmatan.

4. Kajian Iklim Politik Menjelang Pilihan Raya Negeri Sarawak dan Impak Kaitannya Dengan Senario Selangor.

5. Projek Penyelidikan Maqasid Syariah dengan meliputi program kajian terjemahan, penyelidikan Bengkel Pakar Maqasid Syariah secara berkala dan Kuliah bersiri Maqasid Syariah. IDE sedang menggerakkan projek terjemahan berkaitan dengan Maqasid Syariah yang ditulis oleh Sheikh Ahmed al-Raissouni, Sheikh Yusof al-Qardhawi dan ramai lagi.

6. Membantu Projek rintis pembangunan Generasi Muda melalui mewujudkan model awal pusat sehenti aktiviti generasi muda iaitu ADAB YOUTH GARAGE (AYG) bermula di AYG Bangi dan AYG Kota Damansara.

Selain melakukan projek penyelidikan, IDE juga mengadakan siri-siri pencerahan secara berkala bagi kepentingan rakyat Selangor yang meliputi seminar, latihan, wacana dan diskusi yang mencakupi isu-isu kenegaraan, demokrasi dan politik, sosio budaya, pendidikan, belia dan antarabangsa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : KEMPEN HIJAUKAN BUMI.

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah tahap kesedaran kempen hari tanpa beg plastik?

b) Bagaimanakah dan apakah cara mempergiatkan kempen mengurangkan penggunaan bekas *polystyrene* dapat dikuatkuasa setiap program kerajaan dan agensi di bawahnya?

c) Berapakah peratus peningkatan kempen pengumpulan minyak masak terpakai?

JAWAPAN:

a) Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Merdeka Center telah menjalankan satu kajian berkaitan Kaji Selidik Hari Tanpa Beg Plastik di Selangor. Daripada hasil kajian tersebut, satu analisa dapat dibuat di mana tahap kesedaran mengenai kempen “Hari Tanpa Beg Plastik” adalah amat tinggi iaitu 94% dan majoriti responden mendapat maklumat mengenai kempen ini di pasaraya.

   Hasil kajian juga mendapati majoriti responden berusaha melaksanakan kempen ini dengan mengurangkan penggunaan beg plastik dalam kehidupan mereka walaupun pencapaian objektif kempen dilihat agak rendah. Tahap puas hati responden adalah positif iaitu dapat mendidik masyarakat menjaga alam sekitar manakala responden yang kurang berpuas hati adalah tertumpu kepada caj 20 sen yang dikenakan.

   77% daripada responden menyokong pelaksanaan untuk menambah hari kempen namun3/4 responden tersebut merasakan penambahan hari kempen akan membebankan golongan pengguna. Rata-rata responden yang menyokong penambahan hari tanpa beg plastik berpendapat agar penambahan bilangan hari kempen ini ditambah kepada 2-3 hari.

b) Program-program menggalakkan pengurangan penggunaan polisterin sentiasa dilaksanakan di peringkat semua Pihak Berkuasa Tempatan melalui Program Bazar Ramadhan dan Pasar Malam Mampan.

Merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT bil 2/2011 telah mencadangkan pelaksanaan Kempen Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polisterin secara berperingkat seperti berikut :-

i. Peringkat Pertama : Pengurangan penggunaan polisterin dan beg plastik pada setiap hari Jumaat.

ii. Peringkat Kedua : Pengurangan penggunaan polisterin dan beg plastik pada setiap hari Isnin dan Jumaat.

iii. Penyediaan makanan dalam bentuk '*bufet*' atau menggunakan pembungkus mesra alam atau bahan guna semula.

Salah satu PBT yang giat menjalankan Program tersebut adalah Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di mana satu dasar larangan menggunakan *styrofoam* yang telah diluluskan di peringkat Majlis dan syarat larangan tersebut telah dimasukkan di dalam lesen penjaja bermula 1 Januari 2014.

Manakala pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mensyaratkan tiada penggunaan polisterin di dalam kelulusan permohonan lesen dan memperbaharui lesen bagi semua jenis premis makanan pada tahun 2016.

Tindakan penguatkuasaan bagi pemegang lesen/permit yang gagal mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan pembatalan lesen/permit. Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor sentiasa bersedia dan memberi kerjasama yang sangat baik sekiranya Arahan pelaksanaan dikeluarkan oleh peringkat Negeri.

c) Jumlah minyak masak terpakai yang telah dikitar semula menjadi biodiesel di Negeri Selangor sejak tahun 2010 – 2015 adalah seperti di bawah:

TAHUN	**2010**	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**	**2015**
KUTIPAN MINYAK (KG)	5,649	21,300	15,700	56,829.4	40,065.9	103,104.6

% PENINGKATAN	Tahun bermula	277%	-100%	300%	-100%	200%

Berdasarkan jadual tersebut menunjukkan terdapat peningkatan kesedaran bagi program kitar semula minyak masak bagi tujuan Biodiesel. Pada tahun 2015, berlaku peningkatan mendadak dan Kerajaan Negeri Selangor telah mensasarkan kutipan minyak masak terpakai untuk tujuan Biodiesel adalah sebanyak 60,000kg. Sehingga Disember 2015, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip 103,104.6kg minyak masak. Angka itu merupakan satu angka yang baik. Kerajaan Negeri akan terus komited di dalam kempen pengumpulan minyak masak terpakai bagi tujuan Biodiesel dan mensasarkan kutipan sebanyak 150,000kg bagi tahun 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : ISU KERETAKAN DI INDAHRIA - MBSA

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini isu kes keretakan di Pangsapuri Indah Ria Seksyen 22 Shah Alam?

b) Apakah yang menyebabkan kes ini masih belum dapat diselesaikan?

c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan perkara ini?

JAWAPAN:

a) Merujuk kepada kenyataan pengerusi Badan Pengurusan Bersama Indah Ria, JMB pada 09hb September 2015 telah memfailkan saman kepada Pemaju Shanghai Realty Sdn Bhd di Mahkamah Seksyen Shah Alam. Untuk makluman, kes tersebut masih dalam prosiding Mahkamah dan menunggu untuk pendengaran kes.

Pihak Majlis telah membuat kajian teknikal bagi mengenal pasti punca berlakunya keretakan di tempat letak kereta. Kajian dilaksanakan oleh Tetuan Ikram Perunding Geoteknikal yang dilantik oleh Majlis. Kajian telah siap sepenuhnya pada tahun 2014. Kos kajian geoteknikal berjumlah RM1,019,312.03.

b) Isu keretakan tidak boleh diselesaikan oleh pihak Majlis kerana ia berlaku di dalam kawasan Pangsapuri Indah Ria iaitu kawasan pentadbiran persendirian dan ianya diselenggarakan oleh Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* / JMB) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation* / MC), maka Majlis tidak boleh dan tidak wajar mengeluarkan sebarang kos untuk pembaikan kerosakan di dalam kawasan pentadbiran JMB atau MC kerana ia merupakan kawasan persendirian. Kewajipan Majlis hanya untuk membaiki kerosakan di kawasan awam pentadbiran Majlis.

Pihak MBSA telah menghantar surat bertarikh 31hb Januari 2013 kepada pihak pemaju Shanghai Realty Sdn Bhd untuk mengarahkan beliau untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas kes tanah mendap di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Indah Ria dalam tempoh 2 minggu berdasarkan Laporan keputusan

Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor tetapi masih tiada tindakan yang diambil oleh pihak pemaju. Dan pemaju telah menghantar surat bertarikh 08hb Februari 2013 kepada Majlis Bandaraya Shah Alam berkenaan keengganan pihak pemaju untuk bertanggungjawab ke atas kes tersebut.

c) Merujuk kepada Laporan keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 5/2013 yang diadakan pada 6hb Februari 2013 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 6/2013 pada 13hb Februari 2013, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai hasil laporan pemeriksaan IKRAM ke atas kawasan tanah mendap di kawasan tempat letak kereta Pangsapuri Indah Ria, Taman Impiana, Jalan Batu Tiga-Sungai Buloh, Seksyen 22 Shah Alam dan cadangan-cadangan tindakan yang disyorkan adalah seperti berikut :

i. MBSA diarahkan untuk berunding dengan pemaju supaya membetulkan keadaan tanah mendap di kawasan tempat letak kereta di Pangsapuri Indah Ria dalam tempoh 2 minggu. Kerajaan Negeri berpandangan pemaju bertanggungjawab ke atas insiden tanah mendap tersebut berdasarkan kepada siasatan dan kajian yang dibuat oleh IKRAM. Tindakan segera untuk jangka masa pendek perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kejadian yang lebih serius ;

ii. Sekiranya pemaju enggan melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut, MBSA akan diminta melantik kontraktor untuk melaksanakannya. Segala kos pembaikan dan pemulihan akan diserahkan kepada pemaju untuk pembayaran;

iii. MBSA diminta memaklumkan kepada penduduk bahawa tindakan segera akan diambil oleh pemaju untuk membaiki dan memulihkan keadaan di tapak dan menasihatkan penduduk supaya bersedia untuk bersama-sama dengan MBSA untuk mengambil tindakan perundangan ke atas pemaju bagi memastikan pemaju bertanggungjawab ke atas kesilapan dan kecuaian mereka terhadap pembangunan pangsapuri tersebut :

iv. Melantik IKRAM sebagai *Independence Checker* untuk menyemak kaedah pembaikan yang dicadangkan oleh pemaju dan memberi nasihat perunding kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : AHLI LEMBAGA AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan wakil-wakil rakyat (MP/ ADUN/ Senator) yang dilantik sebagai ahli lembaga bagi setiap agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

a) Jawapan adalah seperti di jadual senarai wakil-wakil rakyat (MP/ ADUN/ Senator) yang dilantik sebagai ahli lembaga bagi setiap agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor:-

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR)
MENTERI BESAR PEMERBADANAN (MBI)	1) Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	1) Dato' Menteri Besar Selangor
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)	1) Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Iskandar Bin Abdul Samad 3) Y.B Dato' Teng Chang Khim	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)	1) Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B. Tuan Hj. Zaidy Bin Abdul Talib 3) Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

PERBADANAN ADAT DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)	1) Y.B Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi	1) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)	1) Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali 2) Y.B. Puan Lee Kee Hiong 3) Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran 4) Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib 5) Y.B. Tuan Idris Bin Ahmad	1) Adun Selat Klang 2) Adun Kuala Kubu Bharu 3) Adun Bukit Gasing 4) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 5) Adun Ijok
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B. Tuan Hj. Zaidy Bin Abdul Talib 3) Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR SDN BHD (LPHS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Iskandar Bin Abdul Samad	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
YAYASAN SELANGOR	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	1) Dato' Menteri Besar Selangor
TOURISM SELANGOR SDN BHD (TSSB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	1) Dato' Menteri Besar Selangor
KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)	1) Y.B Mohd Khairuddin Bin Othman	1) Adun Paya Jaras
RANTAIAN MESRA SDN BHD (RMSB)	1) Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi	1) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
COMMUNICATION CORPORATION SDN	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	1) Dato' Menteri Besar Selangor

BHD (CCSB)		
YAYASAN ALQARD	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dr. Daroyah Binti Alwi 3) Y.B Dr. Abd Rani Bin Osman 4) Y.B Dato' Mansor Bin Othman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Adun Meru 4) Ahli Parlimen Nibong Tebal
PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)	1) Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali	1) Dato' Menteri Besar Selangor
PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD (PIYSB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad 3) Y.B Dr. Che Rosli bin Che Mat	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Ahli Parlimen Hulu Langat
INVEST SELANGOR BERHAD	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Teng Chang Khim	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN BHD (MSNS)	1) Y.B Tuan Amirudin Bin Shari	1) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PERTANIAN DALAM BANDAR

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan menggalakkan pertanian secara domestik dalam kalangan penduduk bandar untuk mengurangkan kos sara hidup?

b) Apakah galakan atau inisiatif yang diberikan olah kerajaan dalam pertanian dalam bandar?

c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan *domestic composting* di setiap PBT atau taman perumahan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor telah melaksanakan kebun komuniti di bawah Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA21) bagi menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan penduduk bandar. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 5/2008 telah memperkenalkan Program Bumi Hijau yang menggalakkan rakyat menyediakan bahan makanan sendiri melalui 'Tanam, ternak & makan sendiri'. Melalui program ini, masyarakat bandar digalakkan untuk menanam sayur-sayuran dan tumbuh-tumbuhan di kawasan kejiranan mereka sama ada secara individu atau secara kebun komuniti. Ia merupakan salah satu usaha yang boleh menggalakkan pengeluaran makanan tempatan, menjadi sumber untuk bekalan hasil-hasil pertanian bagi kegunaan sendiri atau dijual bagi membantu ekonomi masyarakat bandar.

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor ada memberikan galakan atau insentif kepada peserta pertanian dalam bandar dengan menyediakan khidmat nasihat dan keperluan bahan tanaman seperti menyediakan plot tapak pertanian, membantu membuat persiapan tapak, mengedarkan biji benih dan baja serta memberi khidmat nasihat mengenai sistem penyiraman yang berkesan. Selain itu, PBT-PBT Negeri Selangor turut mengadakan pertandingan di antara kebun-kebun komuniti dan kempen kesedaran mengenai pertanian dalam bandar kepada masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan seperti NGO.

c) Kerajaan Negeri Selangor melalui PBT-PBT Negeri Selangor ada mewujudkan Pusat Kompos Setempat di setiap PBT atau di taman-taman perumahan Negeri Selangor di bawah Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA21).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJK(C)

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setiap tahun dari 2008 hingga 2015 untuk program bantuan SJK (C)?

b) Berapa jumlah sekolah yang telah dibantu di bawah program bantuan SJK(C) setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015?

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setiap tahun dari tahun 2008 sehingga 2015 untuk program bantuan kepada SJK (C) adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	TAHUN PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN (RM)
SJKC	2009	2,345,000.00
	2010	4,165,000.00
	2011	5,835,000.00
	2012	6,000,000.00
	2013	5,690,000.00
	2014	5,030,000.00
	2015	6,000,000.00
	Jumlah keseluruhan	35,065,000.00

b) Jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang telah dibantu ialah sebanyak 107 buah sekolah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : PRODUK PELANCONGAN DAN WARISAN SELANGOR

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini berkenaan dengan Galeri Seni dan Muzium Tekstil di Royal Klang Club yang berjumlah RM30 juta serta Muzium Setem di Shah Alam yang berjumlah RM15 juta? Sila huraikan dengan terperinci.

b) Bagaimana pula tentang perancangan Projek Peta Kebudayaan?

JAWAPAN:

PERBADANAN ADAT DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)

a) (i) Status terkini mengenai Muzium Setem sedang dalam mengenal pasti tapak yang berhampiran Pejabat Pos Besar Shah Alam oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor. Pihak UPEN adalah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan projek pembinaan muzium ini.

Pihak PADAT dan Persatuan Filateli Malaysia akan membantu dari segi pengisian dan keperluan bagi pewujudan sesebuah muzium. Manakala Pihak JKR adalah jabatan yang menguruskan pembinaan Muzium Setem.

Mesyuarat bagi cadangan pembinaan Muzium Setem telah pun diadakan yang dipengerusikan oleh Unit Perancangan Ekonomi Selangor (UPEN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

(ii) Kertas cadangan Muzium tekstil telah diluluskan di peringkat Ahli lembaga Pengarah perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan satu Jawatankuasa Induk telah ditubuhkan dan akan bersidang dalam masa terdekat bagi membincangkan mengenai cadangan pengisian Muzium Tekstil tersebut.

b) Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) masih belum menerima arahan rasmi berkenaan Projek Peta Kebudayaan, sebagaimana yang diberitahu oleh pihak UPEN (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan). Perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pada

16 Mac 2016 dan pihak UPEN akan memberikan jawapan lebih lanjut mengenai perkara ini.

SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPBT)

a) Pada pembentangan Belanjawan Selangor 2016 yang lepas, YAB Dato' Menteri Besar Selangor ada menyatakan berkenaan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi membina Galeri Seni dan Muzium Tekstil di Kelab Diraja Klang dengan kos sebanyak RM30 juta dan Muzium Setem di Shah Alam dengan kos sebanyak RM15 juta.

Bagi pembinaan Muzium Setem di Shah Alam, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) selaku pihak yang bertanggungjawab bagi menyelaras projek pembinaan Muzium Setem berkenaan telah mengadakan mesyuarat penyelarasan projek baru-baru ini di mana ia melibatkan beberapa buah agensi yang berkaitan termasuklah Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT), Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.

Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT) dengan kerjasama Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor telah mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pembinaan muzium berkenaan iaitu berhampiran dengan Pejabat Pos Besar Shah Alam di Seksyen 12 Shah Alam.

Pada masa yang sama, pihak PADAT dengan kerjasama Persatuan Filateli Malaysia akan membantu dari segi pengisian dan keperluan muzium berkenaan, manakala Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) adalah jabatan yang akan menguruskan pembinaan Muzium Setem itu nanti.

Bagi pembinaan Galeri Seni dan Muzium Tekstil di Kelab Diraja Klang, kertas cadangan berkenaan telah diluluskan di peringkat Ahli lembaga Pengarah PADAT dan satu Jawatankuasa Induk telah ditubuhkan dan akan bersidang dalam masa terdekat bagi membincangkan mengenai cadangan pengisian Muzium Tekstil tersebut. Kerajaan Negeri melalui PADAT akan sentiasa memantau dan menyelaras pelaksanaan projek ini agar ia dapat dizahirkan seperti yang diharapkan di dalam Belanjawan Negeri Selangor 2016.

b) Perkembangan bagi Projek Peta Kebudayaan Negeri Selangor dengan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan PUSAKA sedang berjalan dengan baik. Seperti yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam ucapan

Belanjawan 2016 yang lalu, Projek Peta Kebudayaan yang memakan belanja sebanyak RM1juta akan menyelami dan mengkaji bagi tujuan pemuliharaan budaya-budaya persembahan dan tradisi bagi suku kaum Mah Meri, suku kaum Temuan dan Kompang Jawa.

Selain itu, Projek ini mempunyai hala tuju yang jelas dengan dilaksanakan di atas tujuan dan objektif seperti berikut:

1) Mencari dan mendokumenkan seni persembahan tradisional daripada semua negeri Semenanjung Malaysia dan mewujudkan sebuah badan yang mempunyai bahan yang banyak serta menarik yang membolehkan orang ramai untuk menghargai, mengakui dan mengenal pasti kepelbagaian tradisi budaya yang wujud;

2) Memulihkan dan mengukuhkan semula daya maju setiap tradisi budaya dalam masyarakat tempatan melalui penyertaan dan persembahan tradisional yang aktif dianjurkan di peringkat komuniti;

3) Bekerjasama dengan pewaris tradisi tempatan untuk mewujudkan projek-projek latihan belia tempatan dalam komuniti yang terpilih dengan menggalakkan pewarisan pengetahuan budaya yang mendalam kepada generasi akan datang dalam memastikan kelestarian setiap tradisi;

4) Menerbitkan satu siri bahan audio-visual dan bertulis (CD, DVD, monograf, artikel, buku) bagi setiap tradisi budaya berdasarkan dokumentasi projek Peta Kebudayaan, untuk mewujudkan satu sumber pengetahuan mengenai Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan warisan;

5) Menyediakan peluang kepada penduduk bandar untuk melihat, merasai pengalaman dan melibatkan diri dengan tradisi dan budaya dari kawasan jauh di luar bandar Semenanjung Malaysia untuk menghargai dan memahami kepelbagaian kekayaan warisan budaya Malaysia; dan

6) Menggalakkan kerjasama kreatif tradisional dan kontemporari.

Melalui objektif ini, Kerajaan Negeri dan PUSAKA berharap untuk memastikan daya maju dan akses kepada tradisi persembahan ini dapat diterokai dan didokumenkan di bawah Peta Kebudayaan Negeri Selangor.

Sehubungan itu, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor telah diberi tanggungjawab untuk memantau dan keberkesanan projek ini. Oleh yang demikian, satu Kertas Pertimbangan berkenaan perkara ini telah pun diangkat untuk makluman dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi membolehkan Projek Peta Kebudayaan ini dilaksanakan dengan jayanya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua projek pembangunan Kerajaan Persekutuan di Selangor yang menghadapi masalah atau kelewatan, contohnya pembinaan sekolah, hospital, bangunan kerajaan dan sebagainya.

b) Sertakan kos setiap satu projek tersebut.

JAWAPAN:

a) dan b)

Sehingga Mac 2016, terdapat sembilan (9) daripada keseluruhan 121 buah projek Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor yang menghadapi masalah atau kelewatan. Di antara projek-projek tersebut, tujuh (7) daripadanya di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor manakala dua (2) di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor. Perincian projek adalah seperti berikut:

PROJEK DI BAWAH JABATAN KERJA RAYA (JKR) NEGERI SELANGOR

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
1	MENYIAPKAN KERJA TERBENGKALAI KUARTERS INTEGRASI KLANG DI HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	18/7/2012	06/4/2016	34,676,878.53	96.8%	85.7%	135 HARI LEWAT	RUHANIBABA ENTERPRISE SDN. BHD	1) KEGAGALAN STRUKTUR TANAH, MENYEBABKAN MENDAPAN PADA LURANG DAN PAIP PEMBENTUNG SERTA TURUT MENYEBABKAN PERGERAKAN CERUCUK DI KAWASAN LOJI KUMBAHAN. KELEMAHAN INI MENYEBABKAN BEBERAPA KERJA TAMBAHAN PERLU DILAKSANA BAGI MENGATASI MASALAH YANG TIMBUL.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
2	PEMBINAAN MAKMAL SAINS DI KOLEJ MARA (KM) BANTING, SELANGOR	11/8/2015	8/8/2016	9,944,996.32	16.2%	7.9%	82 HARI LEWAT	MARAPUTRA SDN BHD	1) MASALAH DALAMAN PIHAK KONTRAKTOR 2) KEKURANGAN TENAGA KERJA DI TAPAK BINA 3) KELEWATAN MEMPERBAIKI KECACATAN KEPADA NCR YANG TELAH DIKELUARKAN.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
3	PEMBINAAN KOMPLEKS PEJABAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA SELANGOR	5/2/2014	13/9/2016	38,896,427.20	37.4%	23.8%	90 HARI LEWAT	FELCRA BINA SDN BHD	1) SURAT AMARAN LEWAT PENYIAPAN KERJA NO. 2 AKAN DIBERIKAN PADA PIHAK KONTRAKTOR. 2) RECOVERY PLAN TELAH DITERIMA DARI PIHAK KONTRAKTOR. 3) PUNCA KELEWATAN DISEBABKAN KONTRAKTOR BERMASALAH. 4) KONTRAKTOR DIBERI TEMPOH 5 BULAN LAD UNTUK SIAPKAN KERJA.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
4	CADANGAN UBAHSUAI KLINIK KESIHATAN JENIS 3 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR	3/1/2014	21/7/2016	7,872,241.78	96.4%	64.2%	137 HARI LEWAT	MERGER NETWORK (M) SDN BHD	ISU TANAH COMPACT SUB TELAH SELESAI. EOT AKAN DIBERIKAN KEPADA KONTRAKTOR.
5	PEMBINAAN GELANGGANG SERBAGUNA TERBUKA BERBUMBUNG DI SMK SERI BEDENA, SELANGOR	27/1/2015	22/4/2016	1,503,664.50	89.8%	63.7%	67 HARI LEWAT	SOLID BASE ENGINEERING	1) SURAT AMARAN NO. 4 TELAH DIKELUARKAN PADA PIHAK KONTRAKTOR DISEBABKAN KELEWATAN PENYIAPAN KERJA. 2) PUNCA KELEWATAN DISEBABKAN KONTRAKTOR BERMASALAH.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
6	BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BANDAR TUN HUSSEIN ONN, SELANGOR	27/10/2015	13/3/2017	5,757,507.24	16.6%	0.6%	131 HARI LEWAT	JBS ENGINEERING SDN BHD	MASALAH 'UNSUITABLE MATERIAL' TELAH SELESAI DAN EOT AKAN DIBERIKAN PADA KONTRAKTOR DALAM MASA TERDEKAT.
7	NAIKTARAF PADANG PERMAINAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TINGGI KAJANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR.	27/1/2015	30/3/2016	987,000.00	99.6%	85.8%	97 HARI LEWAT	ZARGON ENTERPRISE	PROJEK DALAM KERJA-KERJA AKHIR SERTA KEKEMASAN. DIJANGKA DAPAT MENGADATAKAN T&C PADA PERTENGAHAN FEBUARI 2016.

PROJEK DI BAWAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS) NEGERI SELANGOR

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUM BALAS
1	PROJEK MENAIKTARAF SUNGAI DAMANSARA DARI CH 0.00 HINGGA CH 7500 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN, PETALING KELULUSAN EOT No. 1 SEHINGGA 6/7/2016	9/3/2015	8/3/2016	14,909,246.80	100%	98.80%	4 HARI LEWAT	SMART RELIANCE SDN. BHD.	BERLAKU PEMENDAPAN TANAH DI BEBERAPA LOKASI SEPANJANG JAJARAN SUNGAI DAN KERJA PENYIASATAN TANAH TELAH DIBUAT. LAPORAN TELAH DIHANTAR KE BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR, JPS MALAYSIA UNTUK ULASAN.

BIL	PROJEK	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS KONTRAK SEMASA (RM)	JADUAL	SEBENAR	KEMAJUAN	KONTRAKTOR	MAKLUMBALAS TERKINI (11.03.2016)
2	MENINGKAT TARAF SUNGAI PANDANG DI ZOO NEGARA MALAYSIA, ULU KELANG, AMPANG SELANGOR	8/7/2015	5/7/2016	2,011,992.36	72%	61%	36 HARI LEWAT	ASTANA WATAN SDN BHD	1) PUNCA KELEWATAN ADALAH DISEBABKAN PEMASANGAN HOARDING YANG MEMERLUKAN KELULUSAN DARI PIHAK ZOO. 2) KEPUTUSAN MESYUARAT TEKNIKAL MEMUTUSKAN UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN BEKALAN DARI PIHAK ZOO.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : JAMBATAN KE-3 KLANG

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan apakah status pembinaan terkini projek tersebut?

b) Sila huraikan berapakah kos tambahan yang diperlukan sehingga setakat ini?

c) Sila nyatakan bilakah tarikh projek tersebut dijadualkan siap sepenuhnya dan berapa lama daripada tarikh asal?

JAWAPAN:

a) Kemajuan fizikal projek berdasarkan kepada penilaian pada 4 Mac 2016 adalah 68.04% (jadual) dan 67.40% (sebenar).

b) Tiada kos tambahan setakat ini.

c) Tarikh siap sepenuhnya dijadualkan pada 15 Disember 2016 dengan lanjutan masa sebanyak 155 hari dari tarikh siap asal (13 Julai 2016).

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : DEKLARASI ASET

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan deklarasi aset terkini Menteri Besar dan EXCO-EXCO Kerajaan Selangor.

b) Sila kemukakan deklarasi aset terkini pegawai-pegawai kerajaan bertaraf gred 48 dan ke atas yang berkhidmat di Selangor.

JAWAPAN:

a) Sebanyak 70% daripada senarai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan YAB Menteri Besar Selangor dan Exco-Exco Kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan harta.

b) Sejumlah 96% daripada 306 orang pegawai-pegawai kerajaan bertaraf Gred 48 dan ke atas berkhidmat di Selangor telah pun membuat pengisytiharaan harta.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : PERUNTUKAN TURAP JALAN DI DAERAH KUALA LANGAT BAWAH JABATAN KERJA RAYA

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan jumlah wang dibelanjakan, nama dan lokasi jalan di bawah penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya yang telah menerima peruntukkan untuk diturap dan dinaikkan taraf di DUN Telok Datok , Morib dan Sijangkang sejak Tahun 2015 sehingga terkini.

JAWAPAN:

a) Mohon rujuk senarai lampiran Laporan MARRIS 2015 seperti berikut:

BIL	ID MARRIS	TAJUK	SEKSYEN JKR K.LGT	HARGA SST +GST	TARIKH MULA - TARIKH SIAP	STATUS	KONTRAKTOR
DUN TELOK DATOK							
1	15602	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Lorong Raja Udang Kg. Sri Cheeding, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM134,880.00	25/3/15 – 15/4/15	SIAP	Nilam Saujana Enterprise
2	15613	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Di Jalan Yusof 2, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM133,700.00	25/3/15 – 15/4/15	SIAP	Gaya Variasi Enterprise
3	10140	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Di Jalan Masjid, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM343,820.00	25/3/15 – 15/4/15	SIAP	LDH Impiana Enterprise

4	15614	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan di KM 0.0 hingga KM 3.0 Jalan Damansor, Kg. Jenjarom	JENJAROM	RM485,060.00	7/5/15 – 17/6/15	SIAP	Silver Bright Construction
5	15625	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Permukaan Jalan dan Jalan Mendap di Jalan Sukepi dari KM 0.0 hingg KM 4.0, Kg. Jenjarom	JENJAROM	RM504,817.05	7/5/15 – 3/6/15	SIAP	HRS Capital Sdn Bhd
6	15627	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Surau, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM200,000.00	24/2/15-2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
7	15601	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Rajawali, Kg. Sri Cheeding, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM140,000.00	24/2/15-2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
8	15589	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Merak, Kg. Sri Cheeding, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM92,000.00	24/2/15-2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
9	15624	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Mokhtar, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM267,488.00	7/7/15 - 4/8/15	SIAP	Can Builders
10	15629	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Disebahagian	JENJAROM	RM425,378.00	7/7/15 – 4/8/15	SIAP	Farihas Enterprise

		Jalan Mahang, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat					
11	15623	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Hj. Idris, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM411,974.00	7/7/15 – 4/8/15	SIAP	Kober Enterprise
12	10004	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap semula Disebahagian Jalan Utama Kg. Sri Cheeding, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM389,105.00	12/8/15 – 2/9/15	SIAP	Diabina
13	15616	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Hj. Masyrik, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM142,626.00	12/8/15 – 2/9/15	SIAP	Sazazam Enterprise
14	15630	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Waiman, Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM172,270.00	12/8/15 – 2/9/15	SIAP	Jumali Jais Resources
15	15608	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Kg. Jenjarom, Daerah Kuala Langat	JENJAROM	RM461,166.78	12/8/15 – 2/9/15	SIAP	NZBinar Resources
16	10037	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Pulau Banting, Kg. Telok Bunut, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM405,311.35	12/8/15 – 9/9/15	SIAP	Kontraktor Ramsah

17	10048	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Kg. Pulau, Telok Bunut, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM151,117.37	8/4/15 – 22/4/15	SIAP	Jarudi Enterprise
	JUMLAH			**RM4,860,713.55**			
				DUN MORIB			
1	10155	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Raba-Permatang Pasir, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM371,837.70	8/4/15 – 29/4/15	SIAP	ZD Teguh Enterprise
2	10142	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Muhibbah, Kg. Sg Buaya, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM260,000.00	24/2/15 - 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
3	10051	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Jambatan Baru Kg. Sawah, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM500,000.00	24/2/15 – 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
4	15904	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Tok Mujir, Kg. Sg Buaya, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM130,000.00	24/2/15 - 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
5	10168	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Permatang Pasir - Chodoi, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM155,479.00	7/7/15 – 21/7/15	SIAP	Binaan Jainudin

6	10239	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Telok Pulai Kg. Sawah, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM360,031.12	7/7/15 – 4/8/15	SIAP	Alaf Tenaga Enterprise
7	10254	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Ke Jeti Kg Kelanang, Daerah Kuala Langat	KATHONG	RM351,595.64	7/7/15 – 28/7/15	SIAP	Z-Zas Makmur Enterprise S/B
8	15849	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Sukun, Kg. Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat	MORIB	RM371,837.70	8/4/15 – 29/4/15	SIAP	DRA Unique Resources
9	15845	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Sempadan, Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat	MORIB	RM378,291.04	8/4/15 – 29/4/15	SIAP	Jati Tanjung Enterprise
10	10035	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Utama Sg. Kelambu, Daerah Kuala Langat	MORIB	RM450,000.00	24/2/15 – 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
11	15888	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Teratai 2, Kg. Sg. Kelambu, Daerah Kuala Langat	MORIB	RM180,000.00	24 2/15 – 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
12	15846	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula	MORIB	RM392,274.00	7/7/15 - 4/8/15	SIAP	Hasnah Basri Enterprise

		Disebahagian Jalan Nangka, Kg. Kanchong Darat, Daerah Kuala Langat					
	JUMLAH			**RM3,901,346.20**			
			DUN SIJANGKANG				
1	15668	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Melor, Batu 10, Sijangkang, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM375,021.60	8/4/15 - 29/4/15	SIAP	RSA Warisan Enterprise
2	15719	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Pisang, Kg. Medan, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM156,978.00	8/4/15 - 22/4/15	SIAP	Dwansah Enterprise
3	15648	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Merak, Batu 9, Kebun Baru, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM225,000.00	24/2/15 – 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
4	15653	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Pipit, Batu 9, Kebun Baru, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM400,000.00	24/2/15 – 2/11/15	SIAP	Kontrak Pusat-TN Synergy S/B
5	15667	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Masjid Batu 10, Sijangkang, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM147,344.00	7/7/15 - 4/8/15	SIAP	Hazeman bin Chunong
6	15660	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian	TELOK PANGLIMA GARANG	RM101,030.00	7/7/15 - 21/7/15	SIAP	Binasuri Enterprise

		Jalan Sekolah Batu 10, Daerah Kuala Langat					
7	15666	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Cempaka Batu 10, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM174,782.34	7/7/15 - 4/8/15	SIAP	Mann Engneering Works
8	15654	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Peladang, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM429,826.00	7/7/15 - 4/8/15	SIAP	Hermyzam bin Hindarsin
9	10258	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Sg. Rambai, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM428,211.38	12/8/15 - 9/9/15	SIAP	Indasah Enterprise
10	15656	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Puyoh, Batu 9, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM147,350.00	12/8/15 - 26/8/15	SIAP	Sayap Satria Enterprise
11	15649	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Disebahagian Jalan Murai, Batu 9, Daerah Kuala Langat	TELOK PANGLIMA GARANG	RM236,571.00	12/8/15 - 2/9/15	SIAP	Lingkaran Usaha Enterprise
	JUMLAH			**RM2,822,114.32**			

RINGKASAN PENYELENGGARAAN JALAN MENGIKUT KAWASAN DUN		
1	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Di DUN Telok Datok	RM 4,860,713.55
4	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Di DUN Morib	RM 3,901,346.20
5	Kerja-kerja Penyelenggaraan Jalan Di DUN Sijangkang	RM 2,822,114.32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : SUKAN DAN REKREASI BAGI ANAK-ANAK OKU

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai program untuk membangunkan kawasan sukan dan rekreasi bagi kanak-kanak OKU?

b) Senaraikan kemudahan-kemudahan ini jika ada?

c) Berapakah peruntukan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan kemudahan ini bagi tahun 2016?

JAWAPAN:

a, b dan c)

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil berat mengenai kemudahan sukan untuk semua golongan masyarakat termasuklah OKU. Kerajaan Negeri sedia maklum mengenai peratusan OKU yang semakin meningkat dan berusaha pada masa akan datang bagi menyediakan kemudahan sukan untuk OKU bagi menjamin keselamatan dan keselesaan mereka.

Namun begitu, di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan setakat ini tiada menyediakan peruntukan dan tidak membangunkan kawasan sukan dan rekreasi yang khusus untuk golongan OKU. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama Kerajaan Negeri berusaha membangunkan kawasan sukan dan rekreasi yang inklusif untuk semua tanpa mengira golongan OKU ataupun tidak dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan sukan serta untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai tahap kecergasan fizikal dan kecerdasan minda yang tinggi, aktif dan sihat

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN YANG TELAH DILULUSKAN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kemudahan sukan serta nilai kos yang telah berjaya disediakan oleh kerajaan sejak 2013 mengikut DUN.

b) Senaraikan kriteria prioriti kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Negeri.

JAWAPAN:

a) Senarai kemudahan sukan yang telah berjaya disediakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2013 sehingga 2015 mengikut DUN/PBT dan PDT adalah sebagaimana berikut :-

i. Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan Negeri Selangor adalah sebanyak RM800,000.00. Projek yang telah dibaikpulih dan dinaiktaraf pada tahun tersebut adalah sebagaimana berikut :-

Bil	DUN	Projek	Kos (RM)
1.	Hulu Bernam	Membaikpulih Kemudahan Sukan iaitu 2 Gelanggang Futsal Di Pekan Hulu Bernam, Hulu Bernam,Hulu Selangor.	19,670.00
2.	Kuala Kubu Bharu	Membina baru Kemudahan Sukan iaitu Gelanggang Bola tampar Di Padang Awam Taman Rasa Utama, Rasa,Hulu Selangor.	19,989.00
3.	Batang Kali	Menaiktaraf Kemudahan Sukan iaitu Gelanggang Sepak Takraw Di Taman Seri, Batang Kali, Hulu Selangor.	15,889.00
4.	Ijok	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Suria, Daerah Kuala Selangor	19,560.00
5.	Ijok	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Kasawari, Bukit Rotan, Daerah Kuala Selangor	19,560.00

6.	Jeram	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Kampung Jeram, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
7.	Ijok	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Purnama, Daerah Kuala Selangor	13,800.00
8.	Jeram	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Puncak Alam Fasa 2, Daerah Kuala Selangor	19,560.00
9.	Pelabuhan Klang	Permohonan Menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw Bandar Armada Putra, Pulai Indah Pelabuhan Klang.	18,820.00
10.	Sungai Pinang	Membaiki trek jogging di padang permainan Lorong Muda 73C, Batu Belah	16,625.00
11.	Batu Tiga	Membaiki trek jogging di Lorong Tiong (Belakang Bangunan MAA), Taman Orkid	19,200.00
12.	Sementa	Membaikpulih satu (1) unit gelanggang takraw di Jalan Tahir Manan, Kapar	19,180.00
13.	Seri Andalas	Membaikpulih satu (1) unit gelangang badminton di Jalan Mohd Tahir 25, Klang.	19,900.00
14.	Selat Klang	Membaikpulih satu (1) unit gelanggang badminton di Jalan Teluk Gedung Besar	19,900.00
15.	Kota Alam Shah	Membina semula satu(1) unit gelanggang badminton di Jalan Batu Unjur 3, Taman Bayu Perdana	18,820.00
16.	Sri Muda	Membaikpulih pagar dan lantai Gelanggang Futsal Putra Heights, seksyen 9/1, Putra Height.	14,566.00
17.	Subang Jaya	Membaikpulih ‘Backboard’ dan ‘Ring’ Gelanggang Bola Keranjang Jalan SS17/2A	6,150.00
18.	Batu Tiga	Membaikpulih Pagar dan Lantai Gelanggang Futsal Taman Batu Tiga, Shah Alam.	14,206.00
19.	Sri Kembangan	Membaikpulih Gelanggang Bola Keranjang SK 8, Seri Kembangan	19,844.00
20.	Kinrara	Membaikpulih Gelanggang Bola keranjang Kampung Tengah A, Batu 13, Puchong	19,844.00

21.	Subang Jaya	Membaikpulih Gelanggang Badminton SS18/5A, Subang Jaya	10,442.00
22.	Sri Serdang	Membaikpulih Pagar dan lantai Gelanggang Futsal 18/45, Taman Seri Serdang	14,206.00
23.	Sungai Pelek	kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Bowling Padang (Lawn Bawls),Sepang Perdana, Bandar Baru Salak Tinggi.	1,995.00
24.	Telok Datok	Membaikpulih Kemudahan Sukan di Kawasan Balairaya Taman Seri Telok Datok, Banting	17,840.00
25.	Morib	Membaikpulih kerja-kerja Gelanggang Futsal di Kg Seri Jugra Banting	17,330.00
26.	Sijangkang	Membaikpulih kemudahan sukan di Taman Jaya Utama danTaman Dato' Hormat, Telok Panglima Garang, Kuala Langat.	19,245.00
27.	Tanjung Sepat	Membaikpulih Gelanggang Bola Keranjang di Tanjung Sepat Indah, Kuala Langat.	19,655.00
JUMLAH KESELURUHAN			**455,496.00**

ii. Pada tahun 2014 juga, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukkan untuk Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan Negeri Selangor adalah sama iaitu sebanyak RM800,000.00. Projek yang telah dibaikpulih dan dinaiktaraf pada tahun tersebut adalah sebagaimana berikut :-

Bil	DUN	Projek	Kos (RM)
1.	Ijok	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Cempakasari, Ijok, Daerah Kuala Selangor	19,700.00
2.	Jeram	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Zon Gapi Seksyen 7, Puncak alam Fasa 2, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
3.	Malawati	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Sri Kuantan, Daerah Kuala Selangor	19,700.00
4.	Permatang	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang badminton/takraw di Taman Tennamaram, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
5.	Sungai Burong	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Damai, Tg. Karang, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
6.	Sijangkang	Kerja-kerja membaikpulih gelangang Badminton dan Takraw di Taman Kota, Sungai Rambai, Taman Dato' Hormat dan Taman Desawira, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat	19,986.00
7.	Telok Datuk	Kerja-kerja membaikpulih gelangang Badminton dan Takraw Taman Yayasan serta Taman Melawti, Jenjarom dan Taman Sari Serta Taman Delima, Banting, Kuala Langat	19,970.00
8.	Morib	Kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Badminton dan Takraw di Taman Permai dan Taman Setia Jaya, Banting, Kuala Langat.	19,778.00
9.	Tg. Sepat	Kerja-kerja membaikpulih Gelanggang Futsal di Kg. Tanjung Sepat dan Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langat	19,980.00
10.	Ijok	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Cempakasari, Ijok, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
11.	Jeram	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Zon Gapi Seksyen 7, Puncak Alam Fasa 2, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00

12.	Malawati	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Sri Kuantan, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
13.	Permatang	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang badminton/takraw di Taman Tennamaram, Daerah Kuala Selangor.	19,700.00
14.	Sungai Burong	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang futsal di Taman Damai, Tg. Karang, Daerah Kuala Selangor	19,700.00
15.	Bukit Antara bangsa	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang bola tampar / badminton dan kerja-kerja penyelenggaraan padang bola sepak di Jalan Bukit utama 2/2, Taman Bukit Utama	16,000.00
16.	Hulu Kelang	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang bola keranjang dan gelanggang futsal di Jalan H 12, Taman Melawati (Dataran Anak Muda	6,000.00
		Kerja-kerja membaikpulih gelanggang badminton/sepak takraw dan membaikpulih semula jaring penghadang bola (Goal Barrier) di Jalan Permata 9, Taman Permata	10,000.00
17.	Lembah Jaya	Kerja-kerja memasang tiang gol futsal dan tiang jaring penghadang gol (Goal Barrier) di Jalan Kesuma, Taman Kesuma	6,000.00
		Membaikpulih jaring penghadang bola dan kerja-kerja mengecat semula permukaan lantai gelanggang dan garisan di Jalan Kempas, Dewan Datuk Ahmad Tahir. Kg. Melayu Ampang	10,000.00
18.	Cempaka	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang badminton / sepak takraw dan membuat garisan di Jalan Persiaran 1, Taman Pandan Jaya	6,000.00
		Kerja-kerja mengorek pasir sediada ditapak Pentaque dan menambak semula pasir baru dan meratakannya di tapak Pentaque di Taman Perbandaran Pandan Indah (Town Park)	10,000.00

19.	Teratai	Kerja-kerja menaiktaraf gelanggang badminton/sepak takraw di Jalan Bunga Melati 9, Taman Seraya	16,000.00
20.	Kota Anggerik	Kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw di Jalan Bangau, Taman Bekerly	19,980.00
21.	Meru	Gelanggang Badminton di Lengkongan Berkat Taman Berkat dan (2) dua Unit gelangang Takraw di Jalan Seri Kenangan, Taman	13,900.00
22.	Sementa	Menaiktaraf (1) satu Unit Gelanggang Takraw di Lorong Klang Perdana 2C, Taman Klang Perdana.	19,780.00
23.	Selat Klang	Kerja-kerja menaiktaraf gelanggang Badminton di Padang permainan (berdekatan kuarters Blok B), Jalan Tepi Sungai.	19,980.00
24.	Pelabuhan Klang	Menaiktaraf lampu gelanggang di Jalan Sungai Chandung 9, Bandar Armada Putera.	19,661.00
25.	Pandamaran	Gelanggang Tenis Jalan Sukma, Pandamaran	19,970.20
26.	Kota Alam Shah	Gelanggang bola Tampar di Padang Chetty dan Litar Kawalan Jauh di Jalan Padang, Klang.	18,433.10
27.	Seri Andalas	Kerja-kerja Membekalkan dan Memasang Tiang 10 Meter Tinggi Jenis MID HINGE untuk Lampu Kawasan Taman Permainan di Jalan Bendahara 38E, Taman Mulia Off Jalan Sungai Jati, Klang.	19,805.00
28.	Sri Muda	Kerja-kerja Membekal dan Memasang Tiang 10 Meter Tinggi Jenis MID HINGE untuk lampi kawasan Taman Permainan di Jalan Kebun Nenas 2K/KS 7, Bandar Putera	19,835.00
29.	Dusun Tua	Gelanggang Badminton/Sepak Takraw di Kawasan Lapang Jalan Mutiara 4/6 Taman Sri Nanding,	19,900.00
30.	Semenyih	Gelanggang Badminton/Sepak Takraw di Kawasan Lapang Jalan Harmoni 13, Taman Harmoni,Mukim Semenyih, Majlis Perbandaran Kajang	19,900.00

31.	Kajang	Kerja-Kerja Membaikpulih Gelanggang Badminton/Sepak Takraw di Taman Jelok Indah,Mukim Kajang, Majlis Perbandaran Kajang	19,900.00
32.	Bangi	Kerja-Kerja menaiktaraf Gelanggang Badminton/Sepak Takraw di Taman Seri Ramal, Sungai Ramal, Kajang	19,900.00
33.	Balakong	Kerja-Kerja Menaiktaraf Gelanggang Badminton/Sepak Takraw di Taman Kota Cheras Fasa 3, Mukim Cheras, Majlis Perbandaran Kajang	19,900.00
34.	Batu Caves	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang Futsal di Kampung Laksamana, Batu Caves	10,000.00
35.	Batu Caves	Kerja-kerja membina pagar gelanggang kawasan lapang di Apartment Sri Batu Caves	19,900.00
36.	Dengkil	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang Futsal di Taman Awam, Medan Selera, Dengkil.	19,913.20
37.	Sungai Pelek	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang Futsal di Kawasan Taman Seroja, Bandar Baru Salak Tinggi	17,980.00
38.	Dengkil	Kerja-kerja membaikpulih gelanggang Futsal di Taman Awam, Medan Selera, Dengkil	19,913.20
39.	Salak Tinggi	Menaiktaraf dan pembaikan kerosakan Gelanggang Tenis di Stadium Mini Komplek Sukan Bandar Baru Salak Tinggi	17,980.00
JUMLAH KESELURUHAN			**752,944.70**

iii. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri amat prihatin dengan masalah Insfrastruktur Sukan di Negeri Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukkan daripada RM800,000.00 kepada RM12,000,000.00. Antara projek-projek yang telah dibaikpulih dan dinaiktaraf pada tahun tersebut adalah sebagaimana berikut :-

Bil	DUN/ PBT	Projek	Kos (RM)
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Projek Menaiktaraf Stadium Hoki MBPJ Dan Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Selangor, Petaling Jaya.	1,560,132.42
2.	Majlis Perbandaran Selayang	Kerja-Kerja Menaiktaraf Litar Lumba Bmx Di Taman Ekstrem Gua Damai, Wira Damai, Selayang, Selangor	48,500.00
		Kerja-Kerja Menaiktaraf Laman Sukan Taman Batu Caves, Batu Caves, Selangor Darul Ehsan	172,250.00
3.		Kerja-Kerja Menaiktaraf Laman Sukan Taman Kanching Jaya, Rawang, Selangor	200,000.00
4.	Paya Jaras	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Kg. Melayu Sungai Buloh	20,000.00
5.	Gombak Setia	Kampung Kerdas, Taman Greenwood dan Taman Samudera	19,980.00
6.	Batu Caves	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Taman Jasa Utama, Kg. Laksamana dan Kg. Selayang Baru	20,000.00
7.	Rawang	Membaikpulih Padang Bola di Padang Taman Kancing Jaya, Rawang	19,789.00
8.	Kuang	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Kg. Permata Kundang, Mukim Rawang II	20,000.00
9.	Taman Templer	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Taman Bidara	20,000.00
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Membaikpulih Pusat Latihan Tinju di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam	171,203.43
11.	Sekinchan	Kerja-Kerja Menaiktaraf Gelanggang Bola Tampar Di Balai Raya Jkkk Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Parit 5, Sekinchan Daerah Sabak Bernam.	19,990.00
12.	Sekinchan	Kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Futsal di Taman Ria Sekinchan, Daerah Sabak Bernam	20,000.00
13.	Sungai Panjang	kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Futsal di Taman Berkat Sungai Besar,	20,000.00

		Daerah Sabak Bernam	
14.	Sabak	kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Sepak Takraw di Taman Pertama 1 Sabak, Daerah Sabak Bernam	20,000.00
15.	Sungai Air Tawar	kerja-kerja menaiktaraf Gelanggang Futsal di Dewan Dato Hormat Sungai Air Tawar, Daerah Sabak Bernam	20,000.00
16.	Sekinchan	Kerja-kerja Menaiktaraf Gelanggang Futsal di Taman Sekinchan Jaya, Sekinchan Daerah Sabak Bernam	19,880.00
17.	Sekinchan	Kerja-kerja Menyelanggara dan Membaikpulih Gelanggang Bola Keranjang di Pekan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam.	19,350.00
18.	Majlis Daerah Kuala Langat	Menaiktaraf Pusat Latihan Perahu Layar, Majlis Daerah Kuala Langat	180,467.00
19.	Morib	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Kg. Kelanang, Banting Kuala Langat	19,850.00
20.	Tanjung Sepat	Membaikpulih Gelanggang Futsal di Kg. Sungai Lang Tengah, Banting, Kuala Langat	19,940.00
21.	Telok Datuk	Membaikpulih Kemudahan Sukan di Taman Seri Jarom, Taman Gembira, Banting, Kuala Langat	19,050.00
22.	Sijangkang	Membaikpulih Kemudahan Sukan di Taman Sijangkang, Taman Dato Hormat, Taman Jaya Utama, Telok Penglima Garang	19,625.00
23.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Projek Membaikpulih Dan Memasang Bulb Lampu Limpah Di Kelab Shah Alam Seksyen 13, Shah Alam	5,400.00
24.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Projek Membaikpulih Gelanggang Futsal Kelab Sukan Anggerik 3 (Kesura) Untuk Majlis Daerah Hulu Selangor	19,800.00
25.	Hulu Bernam	Kerja-kerja Membaikpulih kemudahan sukan iaitu 1 unit Gelanggang Takraw dan 1 unit Gelanggang Bola Keranjang di Pekan Hulu Bernam, Hulu Bernam, Hulu Selangor	19,868.00
26.	Kuala Kubu Bharu	Kerja-kerja Membaikpulih kemudahan sukan iaitu Gelanggang Takraw di Jalan Padang Tembak, Kuala Kubu	19,950.00

		Bharu, Hulu Selangor	
27.	Batang Kali	Menaiktaraf kemudahan sukan iaitu Gelanggang Sepak Takraw di Taman Idaman, Jalan Anggerik Serendah, Hulu Selangor	19,705.00
28.	Majlis Perbandaran Sepang	Kerja Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Stadium Mini Majlis Perbandaran Sepang	59,810.00
		Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Membaikpulih Lampu Limpah Di Stadium Mini, Bandar Baru Salak Tinggi	250,000.00
TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN FT54 SUNGAI BULOH

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah JKR dapat mengadakan suatu pembahagi jalan bagi kawasan hadapan Shell Jalan Sungai Buloh memandangkan ia sering berlaku kemalangan ?

b) Bilakah JKR dapat mengadakan lampu jalan di hadapan stesen Caltex memandangkan ia amat gelap ketika waktu malam?

c) Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi kesesakan trafik yang melampau di FT54 pada hari pasar malam?

JAWAPAN:

a) Ini adalah Jalan Persekutuan FT54. JKR Selangor telah memohon untuk menaiktaraf jalan tersebut kepada Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

b) Ini adalah Jalan Persekutuan FT54. JKR Selangor telah membuat siasatan di kawasan tersebut dan mendapati kawasan tersebut berada di bawah talian rentas TNB. Pemasangan lampu jalan tidak dibenarkan di bawah talian rentas TNB kerana berisiko tinggi yang boleh menyebabkan kemalangan.

c) Ini adalah Jalan Persekutuan FT54. Kesesakan adalah disebabkan lokasi pasar malam. Oleh itu lokasi pasar malam hendaklah diubah ke lokasi yang tidak menyebabkan kesesakan lalulintas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : ISU TAPAK SURAU DAN MASJID

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status permohonan pengambilan tanah sebagai tapak masjid di Kampung Melayu Sungai Buloh?

b) Apakah status permohonan pengambilan tanah bagi surau At Taqwaniah di Kampung Paya Jaras Hulu?

c) Apakah Kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan naik taraf surau kepada masjid bagi Kampung Matang Pagar?

JAWAPAN:

a) Jabatan telah memohon penilaian tanah kepada JPPH dan akan memohon peruntukan kepada UPEN setelah nilaian daripada JPPH diterima.

b) Pengambilan akan diteruskan dengan menggunakan peruntukan yang akan disediakan oleh UPEN pada tahun 2016.

c) Boleh dipertimbangkan sekiranya menepati syarat minima keluasan tanah, faktor jarak dari masjid-masjid kariah yang berhampiran, pertambahan kepadatan penduduk, mendapat sokongan dari Orang Besar Daerah dan Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : DEIG

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila butirkan perkembangan terkini aktiviti perniagaan dan pelaburan DEIG.

b) Senaraikan semua anak syarikat DEIG, serta pengarahnya.

c) Adakah DEIG atau mana-mana anak syarikatnya dibenarkan mengambil pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, Darul Ehsan Investment Group Berhad (“DEIG”) masih tidak menjalankan apa-apa aktiviti atau transaksi sama ada dari segi perniagaan atau pelaburan.

b) DEIG mempunyai satu anak syarikat yang baru ditubuhkan iaitu DEIG Land Sdn. Bhd. (“DEIG Land”). Keanggotaan lembaga Pengarah DEIG Land masih lagi disandang oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi MBI yang hanya merupakan penaja *(promoters)* mengikut kehendak Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tujuan menubuhkan sesebuah syarikat. Proses lantikan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah DEIG Land yang lengkap akan dijalankan selepas struktur amalan tadbir urus korporat DEIG disempurnakan.

c) Mana-mana syarikat berkaitan Kerajaan Negeri termasuk DEIG mahupun syarikat persendirian atau awam tidak mempunyai apa-apa halangan untuk mendapatkan tawaran perbankan daripada mana-mana institusi kewangan. Kuasa atau mandat sesuatu syarikat untuk menerima tawaran perbankan adalah mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Memorandum dan Tata Urus Pertubuhan (M&A) syarikat tersebut dan seterusnya, mengikut kepada peruntukan undang-undang, terutamanya Akta Syarikat 1965.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA.

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimana baki peruntukan yang tidak habis diguna bagi kewangan tahunan?

b) Berapakah peruntukan program yang telah dibelanjakan? Senaraikan setiap DUN.

c) Berapakah had bagi setiap penyelia mengeluarkan peruntukan tersebut? Nyatakan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM1,680,000.00 kepada Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita setempat di peringkat DUN. Penyaluran peruntukan ini adalah dibuat kepada semua Pejabat Daerah/Tanah seluruh Selangor mengikut bilangan PWB di daerah masing-masing. Setiap PWB DUN diperuntukkan sebanyak RM30,000.00 setahun daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disediakan Kerajaan Negeri bagi melaksana dan seterusnya menjayakan program-program PWB ini.

Bagi tahun 2015, PWB Selangor telah membelanjakan sebanyak RM1,280,114.50 dengan perincian perbelanjaan mengikut DUN pada Lampiran A dengan baki yang tidak dibelanjakan berjumlah RM399,885.50. Sebagai makluman Yang Berhormat, baki peruntukan yang dikawalselia oleh Pejabat Daerah/Tanah seluruh Selangor ini akan dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya.

c) Peruntukan sebanyak RM30,000.00 yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada setiap PWB DUN adalah bertujuan untuk melaksana dan menjayakan program-program pemberdayaan bagi pembangunan dan manfaat komuniti wanita setempat.

Sehubungan itu, para penyelia PWB adalah digalakkan untuk merancang dan menjalankan program-program pemberdayaan berskala kecil supaya program-program ini boleh dilaksanakan di setiap pelusuk kawasan di DUN dan ianya

dapat dinikmati dan memberi manfaat seterusnya menyentuh semua golongan wanita di Selangor.

Dalam melaksanakan sesuatu program di peringkat PWB DUN, had maksima peruntukan yang diluluskan melalui kertas kerja cadangan yang disediakan oleh penyelia PWB adalah sebanyak RM2,500.00 sahaja. Namun begitu, had maksima perbelanjaan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Exco Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

SENARAI PWB DUN DAN JUMLAH PERUNTUKAN DIBELANJAKAN BAGI TAHUN 2015

BIL	PWB DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN TAHUN 2015
1.	N.01 - SUNGAI AIR TAWAR	RM 30,000.00
2.	N.02 - SABAK	RM 27,890.00
3.	N.03 - SUNGAI PANJANG	RM 26,620.00
4.	N.04 - SEKINCHAN	RM 29,993.00
5.	N.05 - HULU BERNAM	RM 17,105.00
6.	N.06 - KUALA KUBU BAHARU	RM 14,770.00
7.	N.07 - BATANG KALI	RM 26,464.00
8.	N.08 - SUNGAI BURONG	RM 18,450.00
9.	N.09 - PERMATANG	RM 28,700.00
10.	N.10 - BUKIT MELAWATI	RM 30,000.00
11.	N.11 - IJOK	RM 29,710.00
12.	N.12 - JERAM	RM 21,900.00
13.	N.13 - KUANG	RM 30,000.00
14.	N.14 - RAWANG	RM 29,754.00
15.	N.15 - TAMAN TEMPLER	RM 28,800.00
16.	N.16 - BATU CAVES	RM 30,000.00
17.	N.17 - GOMBAK SETIA	RM 11,000.00
18.	N.19 - BUKIT ANTARABANGSA	RM 28,950.00
19.	N.20 - LEMBAH JAYA	RM 30,000.00
20.	N.21 - CHEMPAKA	RM 18,620.00
21.	N.22 - TERATAI	RM 30,000.00
22.	N.23 - DUSUN TUA	RM 30,000.00
23.	N.24 - SEMENYIH	RM 29,635.00
24.	N.25 - KAJANG	RM 21,100.00
25.	N.26 - BANGI	RM 30,000.00
26.	N.27 - BALAKONG	RM 26,520.00
27.	N.28 - SERI KEMBANGAN	RM 27,540.00

BIL	PWB DUN	PERUNTUKAN YANG TELAH DIGUNAKAN TAHUN 2015
28.	N.29 - SERI SERDANG	RM 6,000.00
29.	N.30 - KINRARA	RM 10,800.00
30.	N.32 - SERI SETIA	RM 14,500.00
31.	N.33 - TAMAN MEDAN	RM 10,800.00
32.	N.34 - BUKIT GASING	RM 27,500.00
33.	N.35 - KAMPUNG TUNKU	RM 10,000.00
34.	N.36 - DAMANSARA UTAMA	RM 5,000.00
35.	N.37 - BUKIT LANJAN	RM 25,700.00
36.	N.38 - PAYA JARAS	RM 17,200.00
37.	N.39 - KOTA DAMANSARA	RM 25,300.00
38.	N.40 - KOTA ANGGERIK	RM 11,140.00
39.	N.41 - BATU TIGA	RM 13,330.00
40.	N.42 - MERU	RM 16,900.00
41.	N.43 - SEMENTA	RM 25,500.00
42.	N.44 - SUNGAI PINANG	RM 30,000.00
43.	N.45 - SELAT KLANG	RM 27,500.00
44.	N.46 - PELABUHAN KLANG	RM 25,440.00
45.	N.47 - PANDAMARAN	RM 13,543.50
46.	N.48 - KOTA ALAM SHAH	RM 12,560.00
47.	N.49 - SERI ANDALAS	RM 8,691.00
48.	N.50 - SRI MUDA	RM 19,794.00
49.	N.51 - SIJANGKANG	RM 29,400.00
50.	N.52 - TELOK DATOK	RM 27,610.00
51.	N.53 - MORIB	RM 26,205.00
52.	N.54 - TANJONG SEPAT	RM 28,900.00
53.	N.55 - DENGKIL	RM 28,020.00
54.	N.56 - SUNGAI PELEK	RM 25,350.00
JUMLAH		**RM 1,280,114.50**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : PWB

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambahkan peruntukan tambahan kepada PWB di setiap DUN?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat komited dengan pembangunan wanita Selangor. Oleh yang demikian, mulai tahun 2015 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM30,000.00 setahun bagi pembangunan wanita di setiap DUN melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB). Jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM1,680,000 setahun untuk 56 DUN.

Justeru itu, bagi tahun 2015, sebanyak 740 program telah dijalankan oleh PWB di seluruh Selangor dengan perbelanjaan berjumlah RM1,280,114.50 atau 76% oleh para penyelia PWB Selangor. Namun demikian, sekiranya peruntukan tersebut dimaksimakan penggunaannya bagi manfaat komuniti wanita di Selangor dan sekiranya ada keperluan terhadap tambahan peruntukan, maka Kerajaan Negeri menyambut baik dan akan mempertimbangkan cadangan penambahan peruntukan tersebut pada masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : ISU BANJIR KILAT

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Memandangkan kepada banjir kilat di kawasan DUN Sungai Pelek, di mana projek pembangunan terutama projek JPS tiada token dalam buku bajet. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN:

a) Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor akan memohon semula peruntukan projek pembangunan di kawasan Sungai Pelek kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN). Walau bagaimanapun, JPS Negeri Selangor mengambil langkah-langkah proaktif dengan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran di dalam kawasan Sungai Pelek menggunakan peruntukan mengurus negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : DENGGI

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Pelan Pencegahan dan Kawalan denggi telah dilengkapkan? Sila nyatakan pelannya.

b) Senaraikan DUN yang telah melaksanakan program yang telah dibuat melalui peruntukan EXCO sebanyak RM10 ribu seperti yang dibentangkan dalam belanjawan yang lepas.

c) Sila nyatakan kesan dari program ini.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menghapuskan dan mengurangkan kes demam Denggi di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa akur dan mengambil tindakan secara proaktif sebagai langkah pencegahan selaras dengan Pelan Strategik Pencegahan dan Kawalan Denggi (2009 – 2013) dan Hala Tuju Baru untuk Kawalan Denggi 2014 serta Pendekatan Ekosistem 2015 yang telah diperkenalkan oleh KKM.

   Sehubungan dengan itu, bagi menyokong usaha KKM untuk membanteras dan mengurangkan kes Denggi terutamanya di Negeri ini, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes yang telah diadakan pada 27-29 Julai 2015 untuk membincangkan cara terbaik menangani isu Denggi di Negeri Selangor. Bengkel ini turut dihadiri oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (PBT), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

   Hasil daripada Bengkel berkenaan, beberapa Program Pencegahan, Pendidikan dan Kesihatan serta Tindakan Penguatkuasaan telah dibentangkan dan dibincangkan. Sehubungan itu, program-program di bawah Bengkel Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes dan akan dilaksanakan pada tahun 2016 secara berperingkat.

b) Satu Kertas Cadangan bagi penyaluran peruntukan kepada semua ADUN telah disediakan dan sedang di dalam peringkat permohonan kelulusan pembayaran

kepada semua ADUN yang berjumlah RM560,000.00 bagi program membasmi Denggi. Penyaluran peruntukan ini akan dibuat setelah mendapat kelulusan dan memperoleh maklumat lengkap akaun setiap ADUN.

c) Dengan penurunan peruntukan ini diharap semua pihak ADUN dapat bekerjasama dengan proaktif bagi membantu Kerajaan Negeri membasmi wabak Denggi di peringkat akar umbi. Dengan peruntukan ini, diharapkan ADUN dapat menjalankan sekurang-kurangnya 5 aktiviti pencegahan Denggi di peringkat DUN. Program ini juga membawa satu mesej bahawa ADUN-ADUN di Selangor dan Kerajaan Negeri komited dalam usaha mengurangkan wabak Denggi dengan kerjasama dan peranan yang dimainkan oleh semua pihak dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab ini kepada Kerajaan Negeri Selangor semata-mata.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : KES KEHILANGAN DAN KEMATIAN PENDAKI DI HUTAN

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah kes kehilangan dan kematian pendaki di hutan kawasan Selangor mengikut lokasi sejak 2013

b) Apakah tindakan untuk mengelakkan kes-kes tersebut berlaku?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PEKERJA ASING

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Selangor memiliki statistik pekerja asing di Negeri Selangor dan apakah kesan kehadiran pekerja asing kepada masyarakat setempat dari segi masalah sosial, pengurusan sampah, penyakit berjangkit dan wabak?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri mendapatkan perkhidmatan Jabatan Imigresen Negeri Selangor sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat berkenaan statistik pekerja asing di Negeri Selangor.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen, seramai 189,631 pekerja asing direkodkan bekerja di Negeri Selangor bagi tahun 2015

Walaupun kehadiran pekerja-pekerja asing ini amat diperlukan dalam sektor perindustrian, namun ianya juga membawa kesan kepada masyarakat setempat seperti;-

i. Isu ganggu bising
ii. Isu kebersihan di kawasan penempatan
iii. Isu pembukaan kedai-kedai tanpa izin milik warga asing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PROGRAM BANTUAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015 untuk program bantuan SJK(T)

b) Berapakah jumlah sekolah yang telah dibantu di bawah program bantuan SJK(T) setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2015

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan setiap tahun dari tahun 2008 sehingga 2015 untuk program bantuan kepada SJK(T) adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	TAHUN PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN (RM)
SJKT	2009	3,957,726.00
	2010	4,121,552.80
	2011	3,755,758.00
	2012	3,080,115.00
	2013	3,439,615.00
	2014	3,965,000.00
	2015	4,000,000.00
	Jumlah keseluruhan	26,310,766.80

b) Jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang telah dibantu ialah sebanyak 97 buah sekolah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Institut Darul Ehsan (IDE) telah ditubuhkan? Sila bekalkan carta organisasi, senarai lembaga pengarah, elaun dan gaji serta butiran-butiran lain.

b) Bagaimanakah IDE akan membelanja RM 5 juta yang diperuntukkan?

c) Apakah yang telah dibuat dan dicapai oleh IDE? Sila huraikan.

JAWAPAN:

a) Institut Darul Ehsan ("IDE") telah ditubuhkan dan beroperasi. Pengarah-pengarah IDE adalah seperti berikut:

i. Y.Bhg Dato' Dr Siddiq bin Fadhil
ii. Y.Bhg Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan bin Othman
iii. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
iv. Y.Bhg Prof Emeritus Shaharir bin Mohamad Zain
v. Y.Bhg Prof Dr Shaharuddin bin Badaruddin
vi. Y.B. Dato' Kamaruddin bin Jaffar

b) Untuk tahun 2016 Perbelanjaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

i.	Pengurusan dan Operasi	RM2.8 juta
ii.	Kluster Penyelidikan	RM1.0 juta
iii.	Kluster Polisi dan Ketamadunan	RM200,000.00
iv.	Kluster Pendemokrasian dan Ekonomi	RM200,000.00
v.	Kluster Pendidikan Politik dan Demokrasi	RM300,000.00
vi.	Kluster Pendidikan dan Kebudayaan	RM200,000.00
vii.	Kolaborasi dan jaringan	RM100,000.00
viii.	Penerbitan	RM200,000.00

c) Hasil kajian utama IDE ialah Kajian Persepsi Rakyat Selangor yang telah dilaksanakan pada Julai 2015 dan November 2015 melibatkan 56 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Selain melakukan projek penyelidikan, IDE juga mengadakan siri-siri pencerahan secara berkala yang meliputi seminar, latihan, wacana dan diskusi

yang mencakupi isu-isu kenegaraan, demokrasi dan politik, sosio budaya, pendidikan, belia dan antarabangsa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PESURUHJAYA BANGUNAN PETALING JAYA

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua pertikaian yang telah, masih belum dan sedang diselesaikan oleh Pesuruhjaya Bangunan Petaling Jaya pada tahun 2015?

b) Bagaimana jawatan Pesuruhjaya Bangunan dilantik di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN 5 (FR5)

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam akan dimulakan?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan bagi kerja-kerja tersebut?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan kacau ganggu kepada penduduk semasa projek dijalankan?

JAWAPAN:

a) Ini adalah Jalan Persekutuan FR5. Projek Menaiktaraf dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam akan bermula pada 21 Mac 2016.

b) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM735,717,776.94.

c) Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia ialah :-

(i) Telah mengadakan perjumpaan *(public engagement)* sebanyak 10 kali sejak tahun 2013 iaitu perjumpaan bersama pemimpin tempatan, penduduk setempat, Pejabat Daerah dan Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia dalam tindakan untuk mengadakan perjumpaan bersama pemimpin tempatan sekali lagi.

(ii) Memastikan aliran trafik sedia ada tidak terganggu semasa kerja pembinaan dijalankan dengan melaksanakan pelan pengurusan trafik.

(iii) Satu (1) laman web khas juga dalam tindakan untuk dibangunkan oleh Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi tujuan mempertingkatkan saluran aduan berkaitan projek untuk disalurkan terus kepada pihak JKR dan kontraktor.

MAKLUMAT PROJEK:

Tajuk Projek	:	Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan Dari Tanjong Karang ke Sabak Bernam, Selangor
Kontraktor	:	Mangkubumi Sdn. Bhd.
Tarikh Milik Tapak	:	21 Mac 2016
Tarikh Jangka Siap	:	20 Mac 2020
Tempoh Kontrak	:	48 bulan
Kos kontrak	:	RM708,928,000.00
Panjang Jalan	:	45km

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : PEMBINAAN DEWAN SERBAGUNA DI BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Dalam pelan pembangunan Bandar Saujana Putra, Jenjarom adakah pihak pemaju perumahan diwajibkan untuk menyediakan sekurang-kurangnya sebuah tapak untuk tujuan pembinaan dewan serba guna untuk penduduk yang mempunyai kepadatan sehingga kini 35,000 orang?

b) Jika ada, sila nyatakan nombor plot, lokasi dan tempat tapak pembinaan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Sebuah tapak dewan telah disediakan berkeluasan 2.00 ekar di Jalan SP 4/1, Bandar Saujana Putera.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : BILLBOARD DI LEBUHRAYA KONSESI DI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dasar Kerajaan terhadap pemasangan *billboard* di lebuhraya-lebuhraya konsesi?

b) Adakah Kerajaan Negeri mendapat sebarang hasil daripada iklan-iklan *billboard* ini?

c) Berapakah kes-kes pelanggaran syarat sama ada di pihak PBT mahupun Pejabat Daerah dan Tanah yang dilakukan oleh pihak yang memasang *billboard* sepanjang 2015?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) UPEN : SPBT Bil.5/2008 melalui rujukan IPK.Sel.60015/18 Jld.3 (1) bertarikh 26.08.2008 telah menyatakan bahawa semua struktur papan iklan yang didirikan di atas tanah milik Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan rezab persekutuan perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang, kelulusan Permit Struktur dan lesen paparan Iklan daripada PBT berkenaan.

b) Kerajaan Negeri melalui PBT mendapat hasil daripada iklan-iklan *billboard* daripada kutipan :-
   i. Fi Kebenaran Merancang dari Jabatan Perancangan Bandar
   ii. Fi Proses Pelan dan Permit Tahunan dari Jabatan Kawalan Bangunan
   iii. Fi Permohonan Lesen dan Visual Iklan Luaran dari Jabatan Pelesenan

c) Jumlah keseluruhan bilangan kes pelanggaran oleh pihak yang memasang *billboard* di PBT sepanjang 2015 adalah sebanyak 1,412 kes. Jadual di bawah adalah perincian mengikut setiap PBT di Selangor :

PBT	BILANGAN KES-KES PELANGGARAN SEPANJANG 2015
MBSA	Penurunan Visual Iklan – 28 Perobohan Struktur Billboard - 13

MBPJ	50 unit paparan iklan tanpa kebenaran (*illegal billboard)*
MPK	9
MPAJ	Tiada
MPSJ	Kompaun - 970 Turun Visual - 23 Perobohan Struktur - 68
MPS	30
MPKj	Tiada
MPSp	165 bilangan struktur tanpa kelulusan
MDKL	56 struktur jenis *billboard* dan *unipole* dibina secara haram
MDHS	Tiada
MDKS	Tiada
MDSB	Tiada
JUMLAH	**1,412**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : JENIS PELABURAN DI SELANGOR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan jenis pelaburan dari 2013 hingga sekarang.

b) Senaraikan nama syarikat dan nilai pelaburan.

c) Apakah pelaburan signifikan yang telah dirancang untuk 3 tahun akan datang?

JAWAPAN:

a) Jenis pelaburan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut;-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Modal Pelaburan (RM)
Transport Equipment	83	7,625	3,753,152,022	1,709,748,320	5,462,900,342
Rubber Products	23	9,060	2,304,704,758	387,475,657	2,692,180,415
Chemical & Chemical Products	73	3,144	1,474,337,144	1,010,312,251	2,484,649,395
Food Manufacturing	58	4,388	861,746,216	1,312,719,512	2,174,465,728
Electronics & Electrical Products	61	4,566	451,462,365	1,459,314,580	1,910,776,945
Fabricated Metal Products	81	4,353	863,895,187	819,186,614	1,683,081,801
Machinery & Equipment	101	4,971	860,903,211	795,546,025	1,656,449,236
Paper, Printing & Publishing	18	2,475	339,051,941	1,175,296,652	1,514,348,593
Basic Metal Products	31	1,933	1,026,390,639	349,842,038	1,376,232,677
Non-Metallic Mineral Products	20	1,310	468,445,644	757,880,783	1,226,326,427
Plastic Products	44	3,378	732,177,416	261,666,867	993,844,283
Scientific & Measuring Equipment	26	2,610	478,900,407	174,932,740	653,833,147
Beverages & Tobacco	4	364	123,896,594	203,349,175	327,245,769
Wood & Wood Products	21	838	166,700,701	70,956,584	237,657,285

Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	9	245	111,129,864	77,366,349	188,496,213
Furniture & Fixtures	13	846	103,517,689	10,162,553	113,680,242
Textiles & Textile Products	9	352	54,758,018	13,750,121	68,508,139
Leather & Leather Products	0	0	0	0	0
Miscellaneous	4	318	51,889,060	22,500,000	74,389,060
Jumlah	**679**	**52,776**	**14,227,058,876**	**10,612,006,821**	**24,839,065,697**

- Sumber : MIDA

b) Antara projek-projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor bagi tahun 2013 hingga 2015 seperti berikut;-

i. **<u>Antara projek - projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 2013</u>**;

BIL.	SYARIKAT	LOKASI	PRODUK
1	Hartalega NGC Sdn. Bhd.	Sepang, Selangor.	Examination gloves and surgical gloves
2	Perodua Global Manufacturing SB	Serendah, Selangor	Manufacture and assembly of energy efficient vehicle (EEV) and engine for EEV
3	AA Lite Industries Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor	LED Lightings
4	Emery Oleochemicals Marketing (M) S.B	Kuala Langat, Selangor	Sodium lauryl sulfate and sodium lauryl ether sulfate
5	Nestle Manufacturing (Malaysia) Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor.	Ultra heat-treated (UHT) milk, fruit& vegetable juices and ready-to-drink beverages.
6	LMG Rail Car Sdn. Bhd.	Rasa, Hulu Selangor, Selangor	Manufacturing and assembly of electric train
7	Bekaert Southern Speciality Wire Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor.	Tyre Bead Wires; CO2 welding wires &submerged arc-welding wires & wire-ropes; steel wires &strands

8	SR Technics Malaysia Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor	Maintenance, repair & overhaul for aircraft parts, equipment and components
9	Cargill Palm Products Sdn. Bhd.	Port Klang, Selangor	NBD coconut oil, refined sunflower oil, refined corn oil, vegetable oil blends & vegetable oil based soap stock
10	Cargill Palm Product Sdn Bhd	PKFZ, Pulau Indah Selangor	Refined sunflower oil (high oleic),refined canola oil, refined corn oil &vegetable oil blends

* Sumber : MIDA

ii. **<u>Antara projek – projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 2014</u>**;

BIL.	SYARIKAT	LOKASI	PRODUK
1	GS Paper & Packaging Sdn. Bhd.	Kuala Langat, Selangor.	1) Kraftliner 2) Liner
2	G & U Districenters (M) Sdn. Bhd.	Pulau Indah, Selangor	1) Fatty Acid 2) Fatty Alcohols 3) Metal Stearates 4) Methyl Estersulphonate 5) Glycerine (crude& refined) 6) Laundry soap etc
3	Petroleum Equipment and Supplies Sdn. Bhd	Menara UOA Bangsar,, A-33-1,Lv33,Tower A, No.5,J.B'sar Utama 1, Bangsar 59000 KL	Repair, refurbish & upgrading of highly technical oil field equipment including drilling & measurement (DBM) & reservoir evaluation wire-line (REW)
4	Malaysia Steel Works (K.L) Bhd.	Petaling Jaya, Selangor.	1) Steel billets 2) Round bars
5	Posco-MKPC Sdn. Bhd.	Port Klang, Selangor	Slitted / sheared steel sheets / coils, steel blanking process for TWB blanking, steel welding, fabricated metal products, steel plate etc
6	Warisan TC Automotive Manufacturer (M) Sdn. Bhd	Petaling Jaya, Selangor	Manufacture & assembly of passenger and commercial vehicles

7	Kawan Food Manufacturing Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor.	Frozen convenience food
8	Bakers Maison (M) Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor.	Bakery products
9	Sepang Aircraft Engineering Sdn Bhd	Sepang, Selangor	Aircraft and components refurbishment, maintenance repair and overhaul
10	Ecolex Sdn. Bhd.	Klang, Selangor	Inter esterified fat & esterified fat, RDB hydrogenated oil, RDB repeseed oil, RDB coconut oil, coconut fatty acid distillate & etc

- Sumber : MIDA

iii. **<u>Antara projek – projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 2015</u>**;

BIL.	SYARIKAT	LOKASI	PRODUK
1	Nippon Electric Glass (Malaysia) Sdn. Bhd	Shah Alam, Selangor.	Glass fibre in all forms
2	SCA Hygiene Malaysia Sdn. Bhd.	Shah Alam, Selangor.	Disposable diapers
3	Hanwha Q Cells Malaysia Sdn. Bhd.	Sepang, Selangor	Development & manufacture of silicon photovoltaic ingots, wafers, cells, modules and thin film solar modules /panels
4	UMW Aerospace Sdn. Bhd.	Serendah, Selangor	Fan case for aero-engines
5	Fleetsol Sdn. Bhd.	Rawang, Selangor.	Manufacturing of special vehicle chassis, trucks and buses
6	Natural Wellness Holding (M) Sdn. Bhd.	Petaling Jaya, Selangor.	Research, development and manufacturer of pharmaceuticals and bio

			pharmaceuticals in form of vaccines, tablets, capsules, liquid preparations, creams & ointments
7	POSCO-MKPC Sdn. Bhd.	Rawang, Selangor.	Steel plate cutting / processing for heavy equipment, API pipe, pressure vessel, shipbuilding, construction, oil &gas and offshore
8	POSCO-MKPC Sdn. Bhd.	Klang, Selangor	Steel plate cutting / processing for construction, oil & gas and offshore
9	KJM Aluminium Can Sdn. Bhd.	Batu Caves, Selangor.	2 piece aluminium beverage cans
10	Scientex Great Wall Sdn. Bhd.	Klang, Selangor.	Biaxial oriented polypropylene film (BOPP film)

* Sumber : MIDA

Nota : Nilai pelaburan tidak dapat dinyatakan kerana perlu mendapat kebenaran daripada pihak syarikat terlebih dahulu.

c) Bagi tempoh 3 tahun yang akan datang, Invest Selangor mensasarkan kepada beberapa industri tumpuan utama seperti berikut;-

i. Life Sciences (Pharmaceuticals, Bio-Technology, Medical Devices, Specialty Chemical etc.)
ii. Electrical & Electronics (Solar, etc)
iii. Machinery & Equipment
iv. Food & Beverages Manufacturing (Halal Products, etc)
v. Transport Equipment (Aero Space, Automotive)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PANEL DIALISIS SIHAT SELANGOR

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan secara terperinci pusat dialisis swasta yang menyertai panel dialisis sihat Selangor.

b) Berapakah jumlah pesakit yang telah mendapatkan perkhidmatan ini mengikut pecahan kaum?

c) Nyatakan kekerapan rawatan dan kadar bayaran per-sesi bagi setiap pesakit yang menerima bantuan ini.

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2015, sebanyak 20 pusat dialisis swasta telah menyertai panel dialisis sihat Selangor. Berikut adalah senarai pusat dialisis tersebut :

BIL	NAMA PUSAT DIALISIS
1.	Renal Care Dialysis Services Sdn. Bhd., Petaling Jaya
2.	Pusat Hemodialisis Mawar, Seri Kembangan
3.	Pusat Dialysis Mesra S/B, Klang
4.	Persatuan Dialisis Touch Petaling Jaya
5.	Syukur Dialisis Sdn Bhd, Shah Alam
6.	Pusat Dialisis An-Nur Seksyen 13, Shah Alam
7.	Pusat Hemodialysis Harmoni (Kota Damansara), Petaling Jaya
8.	Renal Team Dialysis Centre, Petaling Jaya
9.	Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd. Pusat Putra Permai, Seri Kembangan
10.	Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd., Taman Lestari Perdana, Seri Kembangan
11.	Subang Dialysis Centre (Asia Renal Network Sdn. Bhd.) Subang Jaya

12.	Persatuan Dialisis Kurnia Petaling Jaya
13.	Islah Dialisis Sdn. Bhd., Ampang Jaya
14.	Pusat Hemodialysis Harmoni (Sg. Long), Kajang
15.	Pusat Perubatan Dialisis (Cerqofy Sdn. Bhd.), Kajang
16.	Pusat Dialisis Nephrocare, Klang
17.	Pusat Dialysis Mesra S/B, Sungai Buloh
18.	Jerteh Dialysis Centre Sdn. Bhd., Klang
19.	Pusat Dialysis Mesra S/B, Kuala Selangor
20.	Yayasan Islam Darul Ehsan (Mais), Kuala Selangor

b) Pada tahun 2015, sebanyak 250 orang pesakit telah mendapat bantuan Dialisis di bawah Program Bantuan Sihat Selangor. Berikut adalah pecahan bantuan mengikut kaum pada tahun tersebut.

BANTUAN DIALISIS MENGIKUT PECAHAN KAUM	**TAHUN 2015**
	PERMOHONAN LULUS
Melayu	81
Cina	96
India	73
JUMLAH	**250**

c) Kekerapan rawatan adalah berdasarkan tahap keseriusan penyakit yang dialami oleh pesakit. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya pesakit akan mendapatkan rawatan sebanyak 3-4 kali di dalam seminggu dan setiap sesi rawatan menelan kos sebanyak RM 200.00-RM300.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(N13 KUANG)

TAJUK : KAJIAN IMPAK PROGRAM BLUEPRINT PEMBASMIAN KEMISKINAN

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan status terkini kajian impak program *Blueprint* pembasmian kemiskinan?

b) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk menyelesaikan kajian tersebut?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan komited dalam menangani masalah kemiskinan di Negeri Selangor. Dalam usaha menangani masalah kemiskinan ini secara berkesan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan telah memperkenalkan Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan. Program ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Bagi memastikan program ini berupaya memberikan impak bersifat jangka panjang dan ketara dari segi pengurangan kadar kemiskinan, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan kini sedang menjalankan Kaji Selidik/Kajian Impak bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan penerima bantuan bagi tahun 2008 hingga tahun 2014. Kaji Selidik/Kajian Impak ini dilaksanakan oleh Pejabat Daerah/Tanah dengan kaedah turun padang ke setiap rumah/premis penerima untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Hasil daripada Kaji Selidik/Kajian Impak Program *Blueprint* Kemiskinan Bagi Tahun 2008-2014 mendapati bahawa 90% daripada jumlah penerima bantuan telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala 1% daripada jumlah penerima bantuan didapati pendapatannya berkurangan dan 9% pula tiada perubahan terhadap pendapatan. (Berdasarkan maklumat 5 daerah)

   Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sedar satu kaedah pengukuran terhadap kadar kemiskinan perlu diwujudkan serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini perlu dikenal pasti. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum

serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor seterusnya melantik Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding bermula pada Mac 2015 sehingga Mac 2016. Sehingga kini, pihak perunding sedang menyiapkan draf akhir laporan kajian tersebut.

b) Sebagai kerajaan yang prihatin dalam menangani permasalahan rakyat terutamanya dalam isu kemiskinan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM438,600.00 (kos keseluruhan kajian) untuk melaksanakan kajian tersebut. Bagi Kaji Selidik/Kajian Impak bagi Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, kajian dilaksanakan secara *'In House'* dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah dan tidak melibatkan sebarang kos.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : SIARAN LANGSUNG PERLAWANAN BOLA SEPAK MELIBATKAN PASUKAN SELANGOR

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah pihak Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menayangkan siaran langsung perlawanan bola sepak yang melibatkan pasukan Selangor di TV Selangorku?

b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik sokongan rakyat kepada pasukan bola sepak Selangor?

JAWAPAN:

a) Media Selangorku (TV Selangor) adalah merupakan media rasmi pasukan Red Giant yang membuat liputan di semua perlawanan termasuk *home* dan *away* buat masa kini. Pihak Kerajaan Negeri melalui TV Selangor buat masa ini belum berhasrat untuk menayangkan siaran langsung perlawanan bola sepak yang melibatkan pasukan Selangor di TV Selangorku kerana pihak TV Selangor tiada hak penyiaran secara langsung. Pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) memberikan hak penyiaran kepada pihak Media Prima (TV3).

   Walau bagaimanapun, pihak TV Selangor telah mengambil inisiatif-inisiatif lain antaranya seperti membuat liputan keseluruhan perlawanan sama ada *home* atau *away*, memuatnaik setiap rangkuman atau aksi di TV Selangor sejurus selepas tamat perlawanan dan juga setiap jaringan atau gol akan dimuatnaik di *Facebook* di Media Selangor.

b) Kerajaan Negeri Selangor melalui pihak Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan pihak Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor (FAS) untuk menarik sokongan rakyat kepada pasukan kebanggaan rakyat Selangor ini. Pelbagai inisiatif rancak dijalankan seperti memperhebatkan lagi promosi pasukan Red Giant di acara-acara tertentu, melalui laman sosial juga banyak berita-berita yang terkini tentang perkembangan pasukan bola sepak Selangor dan juga aktiviti terkini mahupun yang akan datang melalui media massa, media cetak elektrik dan elektronik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PEMBALAKKAN DI PROJEK JAJARAN TALIAN PENGHANTARAN ELEKTIRK TNB

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci kaedah pemberian tender dan proses perolehan kontrak untuk kerja pembalakan di Projek Jajaran Talian Penghantaran Elektrik TNB.

b) Senaraikan syarikat yang memohon sekiranya pemberian kerja melalui kaedah tender tertutup.

c) Berapakah jumlah pendapatan hasil dari pembalakan tersebut?

JAWAPAN:

a) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menerima empat (4) permohonan untuk mengeluarkan Kayu Balak dan Kayu Jaras di dalam Hutan Simpanan Kekal yang melibatkan Projek Jajaran Talian Penghantaran Elektrik 275/132kV dari Mahkota Cheras Hartamas ke PMU Mahkota Cheras dan Projek Jajaran Talian Penghantaran Elektrik 275kV dari Bukit Tarek ke PMU Chubadak. JPNS telah mengangkat keempat-empat (4) senarai nama syarikat tersebut. JPNS telah satu jawatankuasa bagi menyemak dan membuat syor untuk syarikat yang berkelayakan dan memenuhi kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selepas itu JPNS telah mengangkat Kertas Ringkasan MMKN dan mengesyorkan dua (2) syarikat iaitu Syarikat Three Point Sdn. Bhd. dan Syarikat NS Gemilang Trading & Services bagi melaksanakan kerja-kerja pengeluaran kayu balak dan kayu jaras di kedua-dua projek tersebut. Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju dengan syor yang dibuat. Berdasarkan keputusan tersebut Pengarah Perhutanan Negeri Selangor telah diberi kuasa untuk pengeluaran Lesen Mengeluarkan Hasil Hutan.

b) Terdapat empat (4) buah syarikat yang telah memohon dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah menyenaraikan ke semua syarikat yang terlibat untuk diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri. Senarai keempat-empat (4) syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nama syarikat	Alamat
1.	Three Point Sdn. Bhd.	9-2, Tingkat 2, Jalan 56/10, Pusat Dagangan KOP, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Selangor D.E.
2.	Intelligant Promenande Sdn. Bhd.	43 – 2, Jalan Wangsa Delima 5, KLSC, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
3.	NS Gemilang Trading & Services	No.49A, Jalan Kajang Impian 2/1, Taman Kajang Impian, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E
4.	3T Maju Sdn. Bhd.	Suite 35K-1-10, Jalan Wangsa Delima 5, KLSC, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

c) Jumlah keseluruhan pendapatan pengusahasilan hasil hutan dari tahun 2014-2015 adalah RM20,829,167.30 yang mana jumlah gantirugi / pampasan adalah RM20,526,050.30 manakala bayaran premium, royalti dan ses serta fi-fi yang berkaitan adalah berjumlah RM303,117.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN
(N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYEDIAAN TONG SAMPAH DI PREMIS PERNIAGAAN

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang diambil ke atas premis perniagaan yang tidak menyediakan tong sampah?

b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kesedaran penjagaan kebersihan di kalangan pemilik premis perniagaan di Selangor?

JAWAPAN:

a) Arahan penyediaan tong sampah di premis perniagaan adalah antara syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan & Perindustrian 2007. Keingkaran terhadap syarat tersebut, PBT boleh mengambil tindakan notis amaran atau mengeluarkan kompaun sebanyak RM1,000.00 jika didapati ingkar terhadap notis amaran yang dikeluarkan oleh PBT.

b) Antara usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT adalah:-

i. Keperluan penyediaan tong sampah dalam syarat lesen;

ii. Menyelaraskan Undang-Undang Kecil di PBT Negeri Selangor seperti Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan 2007 & Perindustrian dan Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Sampah Sarap 2007;

iii. Menjalankan kajian pengasingan sisa melalui Projek Perintis Kitar Semula di kawasan komersial contohnya di Bandar Sg Long, Kajang;

iv. Menggalakkan PBT menjalankan kempen kebersihan di kawasan masing-masing contohnya inisiatif yang diambil oleh:-

1) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) yang menjalankan Projek Kebersihan Kawasan Komersial Jalan Kenari, Puchong dan SS 15, Subang Jaya yang melibatkan Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan komuniti peniaga; dan

2) Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) telah melancarkan kempen kebersihan dan mensyaratkan kepada pihak pemaju serta

penduduk supaya menggunakan tong sampah seragam (MGB) yang lebih selamat dari gangguan haiwan liar; dan

3) PBT mengeluarkan risalah yang mengandungi pendidikan dan kesedaran kebersihan.

v. PBT menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan berterusan di kawasan komersial.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : RAMPASAN TANAH OLEH KERAJAAN NEGERI

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah keluasan rampasan tanah oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah dari tahun 2013-2015.

b) Apakah status tanah rampasan dan perancangan pada masa akan datang?

c) Nyatakan *Standard Of Procedure* (SOP) rampasan tanah?

JAWAPAN:

a) Jumlah keluasan rampasan tanah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah adalah seluas **4,176.6312 ekar** dan butirannya seperti di **Lampiran A.**

b) Tanah rampasan di bawah Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 akan dilucuthak dan menjadi tanah Kerajaan Negeri. Kajian akan dilaksanakan dari segi fizikal dan kesediaan tanah untuk menentukan potensinya bagi tujuan pembangunan yang bersesuaian agar dapat menyumbang pendapatan kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya dapat dimanfaatkan oleh rakyat Negeri Selangor ke arah *'Membangun Smart Selangor Yang Peduli'.*

Tanah yang telah dikenalpasti berpotensi untuk tujuan pembangunan akan dilupuskan melalui beberapa kaedah, antaranya melalui jualan tender terbuka mengikut nilaian pasaran yang akan ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan dan Pengurusan Harta (JPPH), dibangunkan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri, diwartakan untuk kegunaan awam dan lain-lain.

c) *Standard Operating Procedure (SOP)* rampasan tanah dikemukakan seperti di **Lampiran B.**

LAMPIRAN A


JUMLAH KELUASAN RAMPASAN TANAH OLEH KERAJAAN NEGERI MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2013-2015

BIL	DAERAH	KELUASAN (EKAR)
1.	Sepang	40.8698
2.	Sabak Bernam	19.7013
3.	Klang	2,908.4290
4.	Kuala Selangor	570.6960
5.	Kuala Langat	103.7751
6.	Hulu Selangor	503.6116
7.	Gombak	23.7312
8.	Hulu Langat	5.8172
JUMLAH		**4,176.6312**


Sumber: Bahagian Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal, PTGS

LAMPIRAN B


CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH



CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH
- Seksyen 127(1A) KTN




CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH
- Seksyen 128 KTN




CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Seksyen 129 KTN



CARTA ALIRAN PENGUATKUASAAN APABILA BERLAKU PELANGGARAN SYARAT PENGGUNAAN TANAH

- Perintah Perampasan



PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : MEMBANTERAS PENIPUAN DALAM PERNIAGAAN

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk membanteras peniaga yang menipu dalam urusan jual beli?

b) Adakah Kerajaan Negeri pernah menyelesaikan masalah penipuan di antara peniaga dan pembeli di Selangor?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kesalahan-kesalahan berkaitan lesen perniagaan?

b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membendung peniaga tempatan yang menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing?

c) Nyatakan jumlah tindakan penguatkuasaan lesen perniagaan pada tahun 2015 mengikut PBT?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah kesalahan-kesalahan berkaitan lesen perniagaan yang sering berlaku di PBT:-

i. Tidak memperbaharui lesen perniagaan;
ii. Tidak menjalankan aktiviti perniagaan seperti yang dilesenkan;
iii. Tidak menyelenggara kebersihan kedai dengan baik; dan
iv. Menjalankan perniagaan melebihi waktu yang ditetapkan.

b) Sekiranya peniaga tempatan menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing dan perkara ini dapat dibuktikan atau pemilik lesen gagal memberi alasan yang munasabah, proses penarikan dan pembatalan lesen akan dilaksanakan.

c) Jumlah tindakan penguatkuasaan lesen perniagaan pada tahun 2015 mengikut PBT adalah seperti jadual di bawah:-

PBT	**JUMLAH TINDAKAN PENGUATKUASAAN LESEN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2015**
MBSA	10
MBPJ	**TIADA**
MPSJ	Kompaun – 17,021 Sita - 1,689 Tutup Premis – 274
MPKj	<u>82 Premis Hiburan Tiada Lesen</u> - 119 Kompaun - 58 Sitaan - 4 Notis Amaran

	<u>Pemeriksaan Premis Besi Buruk</u> - 10 Kompaun - 23 Sitaan - 2 Notis Amaran <u>Pemeriksaan Premis Cuci Kereta</u> - 36 Kompaun - 52 Sitaan - 19 Notis Amaran
MPS	273 Kompaun dikeluarkan (RM130,250.00) 270 lesen yang ditarik 11 premis (notis tutup)
MPK	**TIADA**
MPAJ	Jumlah Operasi – 25 Operasi Jumlah Sitaan – 25 Sitaan Jumlah Kompaun – 594 Kompaun
MPSp	Notis Kesalahan – 506 Sita – 93
MDKS	**TIADA**
MDSB	138 Kompaun
MDHS	**TIADA**
MDKL	**TIADA**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : NAIK TARAF MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci tarikh mula dan siap,jumlah,kos dan kontraktor yang dilantik bagi kerja-kerja naik taraf Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

b) Bagaimanakah proses lantikan kontraktor dan senaraikan syarikat kontraktor yang memohon?

c) Adakah terdapat pertambahan kos untuk projek naik taraf masjid negeri?

JAWAPAN:

a)

Tarikh Milik Tapak	: 25 Mei 2015
Tarikh Siap	: 5 Disember 2016
Jumlah Harga Kontrak	: RM32,420,000.00
Kontraktor yang Dilantik	: SMART RELIANCE SDN. BHD No 16-2F, Jalan Boling Padang G 13/G, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

b) Proses tender dibuat secara Tender Terbuka dan diiklankan di akhbar tempatan.

Tarikh iklan	: 12 Februari 2015
Tarikh tutup iklan	: 12 Mac 2015

Proses lantikan kontraktor dibuat secara kaedah sedia ada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk tender terbuka. Lantikan kontraktor dibuat oleh Lembaga Tender SUK.

Senarai kontraktor yang memohon seperti berikut :-

1. Al-Mutiara Holdings (M) Sdn. Bhd.
2. Jujur Juta Sdn. Bhd.
3. Zaci Millenium Sdn. Bhd.
4. Smart Reliance Sdn. Bhd.
5. Teguh Amani Sdn Bhd.
6. Oxford Alliance Sdn. Bhd.
7. B & I Builder Sdn. Bhd.

8. Ehsan Pantas Sdn. Bhd.
9. Cekal Tulin Development Sdn. Bhd.
10. Taqi Holdings Sdn. Bhd.
11. Worldbay Solution Sdn. Bhd.
12. Iqtiqad Maju Sdn. Bhd.
13. Juruwajar Sdn. Bhd.
14. Retrofit System Sdn. Bhd.
15. Koridor Padu Sdn. Bhd.

c) Tiada pertambahan kos yang terlibat, dan masih mengikut kos harga kontrak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PENGIKTIRAFAN UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini pengiktirafan UEC?

b) Bagaimanakah pembahagian kuota kemasukan pelajar dengan kelayakan sedia ada?

c) Berapakah gred minima UEC yang membolehkan pelajar memasuki UNISEL?

JAWAPAN:

a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 21 Oktober 2015 telah bersetuju agar Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) diiktiraf bagi penyambungan pengajian di peringkat pengajian tinggi. Pada masa ini, Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Antarabangsa Industri Pendidikan Selangor (INSPENS) bersetuju untuk menerima kemasukan daripada pelajar lepasan UEC.

   Pada masa ini, KUIS sudah pun mendapatkan pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkenaan UEC untuk beberapa program, manakala UNISEL pula sedang di dalam proses mendapatkan pengiktirafan UEC sebagai sijil yang setara dengan sijil asasi, daripada pihak MQA untuk program-program kursus pembelajaran.

b) Tiada pembahagian kuota bagi kemasukan pelajar graduan UEC dan pelajar kelayakan sedia ada.

c) Gred minima UEC yang membolehkan pelajar memasuki UNISEL adalah lulus UEC dengan mendapatkan sekurang-kurangnya gred B6 dalam 3 mata pelajaran bagi kemasukan Sijil Diploma dan lulus UEC dengan mendapatkan sekurang-kurangnya gred B6 dalam 5 mata pelajaran bagi kemasukan Sijil Sarjana Muda.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PEMASANGAN BILLBOARD #BEBASANWAR

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah kos yang dibelanjakan untuk memasang *Billboard* Bebas Anwar di seluruh Negeri Selangor mengikut kawasan PBT?

b) Siapakah yang diberi kontrak mencetak serta memasang *billboard* berkenaan?

c) Mohon menyatakan daripada peruntukan agensi Kerajaan Negeri mana digunakan untuk pemasangan *billboard* tersebut?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kempen Bebas Anwar adalah inisiatif oleh individu dan tidak melibatkan kos serta tiada kaitan dengan pihak Kerajaan Negeri. Urusan mencetak dan memasang adalah di bawah pengurusan individu yang terlibat. Tiada agensi kerajaan yang mengeluarkan peruntukan bagi membiayai kempen ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PREMIUM TANAH

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah hasil kutipan premium tanah oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 mengikut daerah.

b) Berapakah jumlah tunggakan premium tanah di Selangor pada tahun 2015 mengikut daerah?

JAWAPAN:

a) Prestasi kutipan hasil premium tanah oleh semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) bagi tahun 2015 adalah berjumlah **RM1,291,685,192.16** dan butirannya seperti di **Lampiran.**

b) Berkuatkuasa mulai 25 Mei 2010 dan selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 7/ 2010, kaedah bayaran premium secara ansuran telah **dibatalkan**. Oleh yang demikian, tiada lagi istilah tunggakan bayaran premium kerana premium perlu dibayar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh penerimaan Notis Borang 5A, dan bagi premium tambahan tempoh 3 bulan dari tarikh penerimaan Notis Borang 7G. Sekiranya pemilik tidak menjelaskan premium, maka kelulusan tanah adalah terbatal.

LAMPIRAN

PRESTASI KUTIPAN HASIL PREMIUM TANAH MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2015

2.	MPK	Harum Intisari Sdn. Bhd.	Di atas Lot PT 129711, Bandar Botanic, Daerah Klang.	306 (Jenis C)	2018
3.	MPKj	TPPT Sdn. Bhd.	Di atas Lot 43783, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	57 (Jenis D)	Dis 2016
4.	MPSp	Sterling Prima Sdn. Bhd.	Di Blok 19, Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	160 (Jenis C) 800 (Jenis D)	2018
5.	MPKj	Luxhome Property Sdn. Bhd.	Hakmilik HSM 18911 PT 41867, HSM 18918 PT 41876, HSM 18919 PT 41877, HSM 18922 PT 41880, HSM 18912 PT 41870, HSM 18920 PT 41878, HSM 18921 PT 41879 dan HSM 18923 PT 41881, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	144 (Jenis C)	2018
6.	MPSp	Wandeerfull Property Development Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 4851 Lot 786, PM 4852 Lot 787, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	198 (Jenis C)	Dis 2016
7.	MPKj	Agenda Istimewa Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 236131, Lot 11397, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat.	377 (Jenis C) 251 (Jenis D)	2018
8.	MDKS	Seristana Sdn. Bhd.	HSD 20215 PT 20608 Dan PN 20110 Lot 4491 Di Seri Pristana, Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor	175 (Jenis C) 230 (Jenis D)	2018
9.	MPSJ	Leo Vista Sdn. Bhd.	Lot HSD 247473 PT 78441 Dan Lot HSD 247472 PT 78440, Daerah Petaling.	408 (Jenis C)	2018
10.	MPSp	Hap Seng Land Development (Puchong) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 98723 Lot 105048 Di Taman D'Alpinia, Mukim Dengkil, Daerah	240 (Jenis C1) 232 (Jenis C2)	2018

			Sepang		
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
11.	MPK	Sime Darby Property (Klang) Sdn. Bhd.	Di atas hakmilik HSD 138520 PT 69097, HSD 15134 PT 72198, Geran 154246 Lot 45390 dan Geran 164622 Lot 46961, Mukim Kapar, Daerah Klang.	903 (Jenis C) 1,500 (Jenis D)	(Fasa 17A) 2018
12.	MPKj	Eco Majestic Sdn. Bhd. (Eco World Development Berhad)	Di atas Lot 35, Lot 1252 Dan Lot 42195, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.	870 (Jenis B)	2018
13.	MPKj	Jade Homes Sdn. Bhd. (Gamuda Land Berhad)	Di atas Lot PT No 71607, 71608 dan 71609, Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	142 (Jenis A) 72 (Jenis B) 72 (Jenis C) 428 (Jenis D)	Nov 2018
14.	MDKL	Bandar Rimbayu Sdn. Bhd. (IJM Land Berhad)	Di atas Lot PT 36346 (HSD 33613), Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.	2,330	2018
15.	MPK	Gabungan Efektif Sdn. Bhd.	Di atas Hakmilik HSD 141418 PT 106978 (A6), HSD 141419 PT 106981 (A7), HSD 141319 PT 106870 (A9), Dan HSD 141417 PT 106976 (A10) Di Mukim Klang, Daerah Klang.	321 (Jenis A) 240 (Jenis C) 160 (Jenis C) 320 (Jenis D)	Ogos 2017
16.	MPS	Elite Park Sdn. Bhd. (Mah Sing Sdn. Bhd.)	Di atas Lot 24673 PT 3080, Bandar Kundang, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	488 (Jenis C)	Jun 2018
17.	MPK	Gemilang Waras Sdn. Bhd.	Di atas Hakmilik GRN 155543 Lot 117120 (1J) dan GRN 155544 Lot 117125 (1H) Di Mukim Klang Daerah Klang.	323 (Jenis C2) 372 (Jenis D)	Jun 2018
18.	MBSA	Bandar Setia Alam Sdn. Bhd. (SP Setia Berhad)	Hakmilik HS(D) 204089 PT 7716, HS(D) 295909 PT 32437, HS(D) 295910 PT 32438, HS(D) 295911 PT 32439 dan HS(D) 252841 PT 23564, Setia Alam, Seksyen U13 Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	2,258 (Jenis A) 1,467 (Jenis C1) 723 (Jenis C2)	Nov 2018
JUMLAH				**16,609**	

v. Projek yang belum dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)	2019
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	2018
3.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (RMM)	2018
JUMLAH				**4,980**	

vi. Projek yang belum dibina oleh pihak pemaju swasta adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MPKj	Regal Form Sdn. Bhd.	Lot 68252 - Lot 68503, PT 68249 Dan PT 68251 (Lot Lama 671, 1493, 3178 Dan 11749) Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	250 (RMM)	2018
2.	MPSp	Mainstay Development Sdn. Bhd.	Lot 3514, Mukim Sepang, Daerah Sepang.	28 (Jenis D)	2018
3.	MBSA	PPC Glomac Sdn. Bhd.	Di atas Lot 49018 & PT 48447 Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	243 (Jenis A) 210 (Jenis C)	2018
4.	MPKj	Kueen Lai Properties Sdn. Bhd.	Di Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	90 (Jenis C)	2018
5.	MPS	Pinggir Mentari Sdn. Bhd.	Hakmilik PM 854 Lot 1048 Dan GRN 54445 Sebahagian Lot 18056, Mukim Rawang, Daerah Gombak.	400 (Jenis C) 200 (Jenis D)	2018

6.	MDKS	Goldpage Assets Sdn. Bhd.	Lot 14, Lot 15, Lot 27, Lot 32, Lot 619, Lot 620, Lot 655, Lot 618, PT 1 dan Lot 469 Mukim Kuala Selangor dan Pekan Pasir Penambang, Daerah Kuala Selangor.	144 (Jenis C) 128 (Jenis D)	2018
7.	MPAJ	Gapadu Harta Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 62143 PT 3902 – HSD 62303 PT 4062 Bandar Ulu Kelang, Daerah Gombak.	60 (Jenis A) 202 (Jenis B) 27 (Jenis C) 9 (Jenis D)	2018
8.	MPSJ	Taman Equine (M) Sdn. Bhd.	Hakmilik PN 7397 Lot 53383, Mukim Petaling. (dipinda ke HSD 258562 PT 73892 Persiaran Permai Sentosa Bandar Putra Permai).	120 (Jenis C)	2018
9.	MPKj	Pan Majestic Development Sdn. Bhd.	Hakmilik GRN 235494 Lot 44433 Dan GRN 235511 Lot 44450 Di Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	24 (Jenis A) 124 (Jenis D)	2018
10.	MPKj	Prestige Improvement Sdn. Bhd.	Ke Atas Hakmilik HSD 146983 PT 73122 Dan HSD 146984 PT 73123 Seksyen 9 Di Bandar Kajang, Daerah Hulu Langat.	102 (Jenis B) 204 (Jenis C)	2018
11.	MPKj	Tanming Raya Sdn. Bhd.	PT 46823 dan PT 46824 (Tapak Baru), Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat.	173 (Jenis C)	2018
12.	MPSp	Usahasama Utama Sdn. Bhd.	Di Taman Putra Impiana Di Atas Lot PT 49685, PT 49687 Dan PT 49688, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	320 (Jenis C) 56 (Jenis D)	2018
13.	MDKS	Soon Sin Hin Development Sdn. Bhd.	Lot 1591 Dan PT 2053, Mukim Hujong Permatang, Daerah Kuala Selangor.	34 (Jenis C)	2018
14.	MKDS	Perfect Eagle Development Sdn. Bhd.	HS(D) 23278 PT 21746 dan HS(D) 23277 PT 21745 Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor.	45 (Jenis A) 135 (Jenis C)	2018
15.	MDKS	Glomac Land Sdn. Bhd. & Magic Season Sdn. Bhd.	Lot 2968 PT 1887, Lot 2969 PT 1888, Lot 2970 PT 1889, Lot 2971 PT 1890, Lot 2972 PT 1891 Dan Lot 2973 PT 1892, Di Batu 22 Ijok, Saujana Aman, Mukim Ijok,	315 (Jenis C)	2018

			Daerah Kuala Selangor		
16.	MPSp	Lakefront Residence Sdn. Bhd.	Di Projek One Residence @ Lakefront Cyberjaya, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.	1,932	2018
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
17.	MPK	Selaman Sejati Sdn. Bhd. (Selaman Sdn. Bhd.)	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	4 (Jenis A) 40 (Jenis B) 40 (Jenis C)	Ogos 2018
18.	MDKL	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	262 (Jenis C1) 1050 (Jenis C2)	Dis 2018
19.	MPS	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak	560 (Jenis B)	Nov 2018
JUMLAH				**7,531**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : POLIS DI KUALA LANGAT

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan bilangan anggota polis di Daerah Kuala Langat mengikut pangkat dan jawatannya.

b) Sila nyatakan bilangan kenderaan / motosikal / balai bergerak yang ada di Daerah Kuala Langat.

JAWAPAN:

a) Bilangan anggota polis di Daerah Kuala Langat mengikut pangkat dan jawatannya adalah seperti di lampiran.

b)

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN TERKINI
1	SUPT	1	KETUA POLIS DAERAH	1
2	DSP	1	TIMBALAN KETUA POLIS DAERAH	1
3	ASP	6	KBPD	1
			KBPJKK	1
			KBKA/KTD	1
			KBSJND	1
		NAIK PANGKAT ASP (BELUM ADE PENEMPATAN)	KBStaRT	1
			PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH	1
4	ASP (KUP)	2	INSP SIASATAN/PERUNDANGAN, JENAYAH	1
			KETUA POLIS BALAI BANTING	1
5	INSP	26	PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH	9
			INSP. (D13) SIASATAN DATABANK DNA, JENAYAH	2
			PEG. PENYIASAT TRAFIK	4
			INSP. PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH NARKOTIK	2
			INSP. (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN), NARKOTIK	1
			INSP PEG.PENYIASAT JENAYAH KOMERSIL	2
			KETUA UNIT MOBILE PATROL VEHICLE, JPJKK	1
			INSP. POLITIK, CAWANGAN KHAS	1
			INSP. SOSIAL/AGAMA/PELAMPAU, CAWANGAN KHAS	1
			INSP. HAL EHWAL AWAM	1
			INSP PELESENAN DAERAH	1
			INSP. PERKHIDMATAN/PERJAWATAN	1
6	SI	4	SI UNIT URB/e-SEKTOR	1
			KETUA POLIS BALAI TELOK PANGLIMA GARANG	1
			SI/D (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN), BSJN	1
			PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH, JSJ	1
7	SM	6	PENOLONG KETUA POLIS BALAI, BALAI POLIS BANTING	1
			KPL/SJN/SM MPV	1
			PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH, JSJ	1
			KETUA POLIS BALAI SG JAROM	1
			SM/D POLITIK, CAWANGAN KHAS	1
			SJN/SM/D (D6C) BANTUAN TEKNIK, JSJ	1
			PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH	6

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN SEKARANG
8	SJN	53	KPL/SJN/SM MPV	4
			SJN/SM PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT TRAFIK NARKOTIK	4
			PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT TRAFIK	4
			SJN/SM PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT TRAFIK	2
			SJN/SM KOMUNIKASI OPERASI	1
			SJN OPERASI/ PENCEGAHAN	1
			SJN/D D9 SIASATAN JENAYAH	1
			SJN/SM PENOLONG PENYIASAT TRAFIK	1
			SJN/SM/D EKONOMI/ANCAMAN LUARAN	1
			SJN/SM (D5) STOR BARANG KES JENAYAH	1
			SJN/SM/D SOSIAL/AGAMA/PELAMPAU	1
			SJN/SM PENGAWAL/PENGIRING	1
			SJN/SM/D (D7B) (TAHANAN/PENCEGAHAN/PENGAWASAN)	1
			SJN/SM/D POLITIK	1
			KETUA PERSENJATAAN DAERAH	1
			SJN/SM/D (D7B) (JUDI/MAKSIAT/GANGTERISM)	1
			SJN/SM/D (PENGUATKUASAAN/PENCEGAHAN/KEPOLISAN AM)	1
			SJN/SM PENGANGKUTAN TEKNIKAL 1	1
			SJN/SM (D5) MAHKAMAH, JSJ	1
			PENOLONG KETUA POLIS BALAI	1
			SJN/SM PENGANGKUTAN OPERASI	1
			SJN/SM KEPOLISAN AM TRAFIK	1
			SJN/SM MPV, BHG K/AWAM	1
			SJN/SM/D (D4) RISIKAN JENAYAH	1
			SJN/SM/D (D13) SIASATAN DATABANK DNA	1
			SJN/SM PENOLONG PEGAWAI PENYIASAT JENAYAH KOMERSIL	1
		NAIK PANGKAT SJN 01/07/2015	KONS/L/KPL/KPL (D5) STOR BARANG KES JENAYAH	1
			KPL/D (D11) SIASATAN SEKSUAL WANITA & KANAK-KANAK , JSJ	1
			KPL (D5) ESKOT TAHANAN, JSJ	1
			KPL/D (D9) SIASATAN KHAS	1
			KPL MPV (4)	1
			KPL SIASATAN TRAFIK, CAW TRAFIK	1
			KPL TUGAS AM JENAYAH	1

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN TERKINI
			KPL PENGUATKUASAAN PATROL (1), CAW TRAFIK	1
			KPL STOR BARANG KES TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGAWAL/PENGIRING (2)	1
			KPL/D (D4) RISIKAN JENAYAH	1
9	KPL	57	KPL KOMUNIKASI OPERASI	3
			KPL/SJN/SM MPV	3
			KPL MPV	6
			KPL BIT	5
			PEGAWAI BERTUGAS DCC TEAM C	3
			KPL/D (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN)	4
			KPL INTEGRITI (TATATERTIB)	2
			KPL PENGAWAL/PENGIRING	2
			KPL PENGANGKUTAN OPERASI	2
			KPL GERAKAN	2
			KPL/D POLITIK	2
			KPL PENGUATKUASAAN HMPV TRAFIK	1
			KPL PENGANGKUTAN TEKNIKAL	1
			KPL HAL EHWAL AWAM	1
			KPL (D5) MAHKAMAH	1
			KPL OPERASI / PENCEGAHAN	1
			KPL MAHKAMAH SYARIAH	1
			KPL PENGUATKUASAAN POINT DUTY TRAFIK	1
			KPL PATROL	1
			KPL TUGAS AM	1
			KPL DAFTAR SENJATA API	1
			KPL PENGUATKUASAAN PATROL	1
			KPL PEJABAT PERTANYAAN TRAFIK	1
			KPL/D EKONOMI/ANCAMAN LUARAN	1
			KPL PERSENJATAAN	1
			KPL OPERASI / PENCEGAHAN	1
			KPL/D PERLINDUNGAN KESELAMATAN	1
			KPL PEMPROSESAN WARAN TANGKAP TRAFIK	1
			KPL BALAI POLIS, BPK SERI EHSAN	1

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN TERKINI
			KPL PENGUATKUASAAN ESKOT TRAFIK	1
			KPL KEPOLISAN AM TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL/D (D7A) JUDI / MAKSIAT / GANGSTERISM	1
			KONS/L/KPL/KPL/D (D6C) BANTUAN TEKNIK	1
			KPL STOR BARANG KES TRAFIK	1
10	KPL (TIME BASED)	69	KONS/L/KPL/KPL PATROL	12
			KONS/L/KPL/KPL BIT	9
			KONS/L/KPL/KPL PEJABAT PERTANYAAN	8
			KONS/L/KPL/KPL BILIK KURUNGAN	8
			KONS/L/KPL/KPL PONDOK	5
			KONS/L/KPL/KPL PENGANGKUTAN OPERASI 1	3
			KONS/L/KPL/KPL DAFTAR SENJATA API	3
			KONS/L/KPL/KPL MPV	3
			KONS/L/KPL/KPL GERAKAN	2
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN POINT DUTY TRAFIK	2
			KONS/L/KPL/KPL PENGANGKUTAN TEKNIKAL	2
			KONS/L/KPL/KPL/D (D4) RISIKAN JENAYAH	1
			KONS/L/KPL/KPL (D5) ESKOT TAHANAN	1
			KPL/D SOSIAL/AGAMA/PELAMPAU	1
			KONS/L/KPL/KPL (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN)	1
			KONS/L/KPL/KPL KOMUNIKASI OPERASI	1
			PENOLONG PEGAWAI BERTUGAS DCC TEAM C	1
			KONS/L/KPL/KPL (D5) MAHKAMAH	1
			KONS/L/KPL/KPL/D (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN)	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN HMPV TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN ESKOT TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGAWAL PENGIRING	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN PATROL TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL BILIK KURUNGAN (1), BP TPG	9
			KONS/L/KPL/KPL PEJABAT PERTANYAAN (3), BP SG JAROM	7
			KONS/L/KPL/KPL RONDA (2), BPK SERI EHSAN	5
			KONS/L/KPL/KPL PATROL (3), BP TPG	9
			KONS/L/KPL/KPL PENGAWAL PENGIRING (1)	2

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN SEKARANG
11	L/KPL	76	KONS/L/KPL/KPL PENGANGKUTAN (OPERASI 14)	8
			PENOLONG PEGAWAI BERTUGAS DCC TEAM C (2)	3
			KONS/L/KPL/KPL MPV (4), BHG K/AWAM	3
			KONS/L/KPL/KPL/D POLITIK (1), CAW KHAS	2
			KONS/L/KPL/KPL/D PERLINDUNGAN KESELAMATAN (2), CAW KHAS	2
			KONS/L/KPL/KPL PONDOK (1), PP SUNGKANG, BP TPG	2
			KONS/L/KPL/KPL BIT (14), BP BANTING	5
			KONST/L/KPL/KPL/D (D11) SIASATAN SEKSUAL WANITA & KANAK-KANAK (2)	2
			KONS/L/KPL/KPL GERAKAN	2
			KONS/L/KPL/KPL/D (D7A) (JUDI/MAKSIAT/GANGTERISM), JSJ	1
			KONS/L/KPL/KPL PEMPROSESAN WARAN TANGKAP TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL SIASATAN TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL DAFTAR SENJATAPI, BP SG JAROM	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN HMPV TRAFIK (2)	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN ESKOT TRAFIK (1)	1
			KONS/L/KPL/KPL KOMUNIKASI OPERASI (1)	1
			KONS/L/KPL/KPL/D (RISIKAN/OPERASI/TAHANAN) 3 , BSJN	1
			KONS/L/KPL/KPL JURUGAMBAR TRAFIK	1
			KONS/L/KPL/KPL JENAYAH KOMERSIL (1) BSJK	1
			KONS/L/KPL/KPL/D EKONOMI/ANCAMAN LUARAN (1), CAW KHAS	1
			KONS/L/KPL/KPL/D SOSIAL/AGAMA/PELAMPAU (1), CAW KHAS	1
			KONS/L/KPL/KPL PERSENJATAAN (1)	1
			KONS/L/KPL/KPL/D (PENGUATKUASAAN/PENCEGAHAN/KEPOLISAN AM), BSJN	1
			KONS/L/KPL/KPL PENGUATKUASAAN PATROL TRAFIK (2)	1
12	KONS	34	KONS/L/KPL/KPL.PEJABAT PERTANYAAN	9
			KONS/L/KPL/KPL PENGANGKUTAN	5
			KONS/L/KPL/KPL PONDOK	4
			KONS/L/KPL/KPL PATROL	2
			KONS/L/KPL/KPL BIT (4), BP BANTING	2
			PENOLONG PEGAWAI BERTUGAS DCC TEAM A	1
			KONS/L/KPL/KPL MAHKAMAH SYARIAH	1
			KONS/L/KPL/KPL PERSENJATAAN	1
			KONS/L/KPL/KPL BEKALAN	1

KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN APR DI IPD KUALA LANGAT MENGIKUT PANGKAT DAN JAWATAN

BIL	PANGKAT	JUMLAH	JAWATAN	KEKUATAN TERKINI
			KONS/L/KPL/KPL GERAKAN	1
			KONS/L/KPL/KPL MPV	1
			KONS/L/KPL/KPL/D SIASATAN JENAYAH PEMALSUAN/JENAYAH KOMPLOT/SIBER	1
			KONS /L/KPL /KPL /D (RISIKAN/OPERAS /TAHANAN)	1
			KONS/L/KPL/KPL RONDA CEGAH JENAYAH	1
			KONS/L/KPL/KPL PENG/PENGIRING	1
			KONS/L/KPL/KPL DAFTAR SENJATA API	1
			KONS/L/KPL/KPL KOMUNIKASI OPERASI	1
13	KPL/S	8	KONS/L/KPL/KPL PENGANGKUTAN	4
			KONS/L/KPL/KPL/S PENGAWAL / PROWLER	2
			KONST/S/L/KPL/S/KPL/S KOMUNIKASI OPERASI	1
			KONS/L/KPL/KPL/S MPV	1
14	L/KPL/S	22	KONS/L/KPL/KPL/S MPV	14
			KONS/L/KPL/KPL/S PATROL	4
			KONS/L/KPL/KPL/S BEKALAN	1
			KONS/L/KPL/KPL/S PENGANGKUTAN	1
			KONS/L/KPL/KPL/S PENGAWAL / PROWLER	1
			KONS/L/KPL/KPL/S BIT	1
15	KONS	8	KONS/L/KPL/KPL/S BIT	3
			KONS/L/KPL/KPL/S KEBAJIKAN/PERKEP	1
			KONS/L/KPL/KPL/S TUGAS AM	1
			KONS/L/KPL/KPL/S KOMUNIKASI	1
			KONS/L/KPL/KPL/S PENGANGKUTAN	1
			KONS/L/KPL/KPL/S PENGAWAL/PENGIRING	1
JUMLAH KEKUATAN TERKINI				97

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : BANGUNAN STESEN BAS KUALA KUBU BHARU

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan hasil sewa yang diperolehi oleh MDHS daripada bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu secara terperinci.

b) Nyatakan lot-lot di bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu yang tidak disewa dan langkah yang diambil oleh MDHS supaya bangunan tersebut tidak menjadi satu projek gajah putih.

c) Adakah benar bangunan stesen bas Kuala Kubu Bharu dipenuhi dengan tahi burung? Jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mencegah burung dari menghinggapi kawasan tersebut.

JAWAPAN:

a) Jumlah kutipan sewa bulanan yang diperolehi oleh MDHS daripada bangunan Stesen Bas Kuala Kubu Bharu sebanyak RM 3,605.00.

BIL	NAMA / ALAMAT PREMIS	KADAR SEWA (RM)
1	Yogeswaran A/L Krishnan 2 Kompleks Bas, K.K. Bharu	225.00
2	Applasuwami A/L Suridemudu 3 Kompleks Bas, K.K. Bharu	150.00
3	Kamaraja A/L Sockan @ Subramaniam 4 Kompleks Bas, K.K. Bharu.	150.00
4	Norhayati Bt Jasman 6 Kompleks Bas, K.K.Bharu	150.00
5	ST Electric Engineering And Servicing 7 Kompleks Bas, K.K. Bharu	150.00
6	(T-5/15) Norhasimah Binti Mohd Jamil No.8, Tkt 1 Kompleks Perhentian Bas KKB	0.00
7	Choo Tak Yuen 9 Komplek Bas, K.K. Bharu	100.00
8	Puspanita Daerah Hulu Selangor 10 Kompleks Bas, K. K. Bharu	150.00
9	Choo Tuck Sau 11 Kompleks Bas, K. K. Bharu	150.00

10	K. Dorai Raj 15, Tingkat 2 Kompleks Bas K.K. Bharu	130.00
11	Tetuan Nazrin Nasir T.Anand & Co 2s Tkt. 2, Kompleks Bas KKB	500.00
12	Muhammad Omar Bin Mohd Arsad Tingkat 2 Kompleks Bas K. K. Bharu	150.00
13	Zanariah Binti Rapingi 8 Tkt. 2 Kompleks Bas KKB	150.00
14	Suthes Kumar A/L Muniandy 1-A Kompleks Bas KKB	250.00
15	Tetuan Nazrin Nasir T.Anand & Co 9 Kompleks Bas KKB	1,200.00
JUMLAH KESELURUHAN SEWA BULANAN		**3,605.00**

b) Terdapat 15 lot bangunan di Stesen Bas Kuala Kubu Bharu dan tiada kekosongan buat masa ini, sekiranya terdapat kekosongan maka pihak MDHS akan mengiklankan tawaran ruang niaga di kawasan terbabit.

c)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KAWASAN REKREASI GUNUNG NUANG

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan induk bagi membangunkan Taman Hutan Gunung Nuang?

b) Berapa bilangan permit yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan sepanjang 2015 bagi pendaki Gunung Nuang?

c) Apakah rekod keluar masuk hutan dan turun naik ke gunung tersebut disimpan oleh Jabatan Perhutanan?

JAWAPAN:

a) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sedang menyediakan Rancangan Pelan Pengurusan Hutan Lipur bagi keseluruhan Hutan Lipur yang terdapat di Negeri Selangor bermula pada tahun 2016. Manakala Pelan Pembangunan Hutan Lipur bagi setiap hutan lipur di Negeri Selangor akan disediakan secara berasingan yang akan menjadi panduan kepada JPNS mengurus dan membangunkan hutan lipur secara lebih spesifik, teratur dan sistematik.

   Pelan Pembangunan Hutan Lipur ini akan disediakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada jumlah peruntukan tahunan yang diterima. Pelan Pembangunan Hutan Lipur Gunung Nuang yang akan disediakan pada tahun 2016 ini adalah selaras dengan keperluan bagi mewujudkan kawasan rekreasi berasaskan kepada aktiviti pendakian gunung. Pelan pembangunan tersebut juga turut akan mengambil kira keperluan bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pengguna serta konsep pembangunan mesra alam sekitar. Ianya juga berpotensi besar untuk dimajukan sebagai salah satu lokasi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara untuk aktiviti eco-tourism bagi Negeri Selangor.

b) Jumlah bilangan tiket yang dikeluarkan kepada pengunjung di Hutan Lipur Gunung Nuang sepanjang tempoh 2015 adalah seperti berikut:

BULAN	PENGUNJUNG TEMPATAN	PENGUNJUNG LUAR NEGARA	JUMLAH
Januari	1,638	15	1,653

Februari	2,032	22	2,054
Mac	2,012	8	2,020
April	2,088	25	2,113
Mei	2,509	21	2,530
Jun	1,282	21	1,303
Julai	729	48	777
Ogos	1,386	40	1,426
September	1,719	17	1,736
Oktober	1,500	0	1,500
November	1,519	0	1,519
Disember	1,685	0	1,685
JUMLAH KESELURUHAN	**20,099**	**217**	**20,316**

c) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan merekodkan setiap pengunjung yang menjalankan aktiviti di kawasan Hutan Lipur Gunung Nuang termasuklah aktiviti pendakian yang dilakukan di Gunung Nuang. Semua pengunjung diwajibkan mendaftar di dalam buku pendaftaran dengan mencatatkan maklumat peribadi dan sebagainya. Semua maklumat pengunjung akan direkod dan disimpan dengan baik sebagai rujukan. Pengunjung juga dinasihatkan untuk melapor diri ke Balai Polis yang berhampiran sebagai makluman dan rekod keselamatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : '*ROADMAP*' PELAN MITIGASI BANJIR DI DUN SELAT KLANG

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan pelan sepadu mitigasi banjir dengan mengambilkira penglibatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

b) Sila butirkan *progress.*

JAWAPAN:

a) Pelan sepadu mitigasi banjir di DUN Selat Klang adalah seperti berikut:

   i. Kerja Pelan Induk Pengurusan Air Ribut dan Saliran Bandar Klang telah disiapkan oleh perunding HLA pada 2009. Sebanyak 23 tadahan yang melibatkan keluasan 512 Ha dalam bandar Klang telah dikenalpasti punca-punca banjir serta cadangan pelan mitigasi yang melibatkan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti Pejabat Tanah, Majlis Perbandaran Klang, Lembaga Pelabuhan Klang, Perbadanan Keretapi dan lain-lain.

b) Sebanyak 7 projek sedang dilaksanakan di Daerah Klang seperti RTB Sungai Rasah, RTB Johan Setia, RTB Kg Teluk Menegun, RTB Sungai Aur, RTB Pelabuhan Klang, RTB Sungai Binjai Jalan Hamzah Alang dan RTB Pandamaran.

   Bagi kawasan DUN Selat Klang, permohonan RTB Teluk Gadong telah dimasukkan ke dalam RMK-11 dan akan bermula pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, JPS Negeri Selangor sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan berkala untuk sistem saliran menggunakan peruntukan mengurus negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : KAWASAN TADAHAN AIR DI SELANGOR

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kawasan tadahan air di Selangor dan jumlah kapasiti air yang boleh dimuatkan.

b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kawasan tadahan air di Selangor bebas dari pencemaran?

c) Nyatakan apakah tindakan kepada pihak yang melakukan pencemaran di kawasan tadahan air?

JAWAPAN:

a) Terdapat tujuh (7) kawasan tadahan air empangan Negeri Selangor yang telah diwartakan sebagai kawasan zon perlindungan di bawah seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 pada 2 Disember 2010. Senarai kawasan tadahan air empangan Negeri Selangor berserta jumlah kapasitinya adalah seperti berikut:

Bil.	Empangan	Keluasan (hektar)	Kapasiti (MCM, Juta Meter Padu)
1.	Sungai Selangor	20,219	230
2.	Sungai Tinggi	3,962	114.50
3.	Klang Gates	7,560	22.60
4.	Batu	5,059	27.50
5.	Sungai Langat	3,905.8	36.77
6.	Tasik Subang	1,080.8	3.45
7.	Semenyih	5,692.5	60.4
	JUMLAH	**47,479.1**	**495.22**

b) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 dan tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi empangan dan kawasan tadahannya daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Pemantauan berkala dan penguatkuasaan bersepadu dilaksanakan oleh Lembaga bersama operator empangan dan agensi berkaitan seperti Jabatan

Perhutanan bagi memastikan empangan dan kawasan tadahannya tiada pencerobohan daripada aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesan negatif kepada kualiti dan kuantitinya.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,

ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan

iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

Dari segi aspek perundangan pula, cadangan untuk menambahbaik setiap perundangan adalah boleh dipertimbangkan mengikut keadaan semasa.

c) Tindakan yang dikenakan kepada pihak yang melakukan pencemaran di kawasan tadahan air adalah dengan pemberian Notis, Kompaun dan sitaan mengikut jenis kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Enakmen LUAS 1999.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : PRESTASI AHLI DEWAN NEGERI KERAJAAN

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada setiap ADUN Kerajaan pada tahun 2015.

b) Nyatakan secara terperinci semua perbelanjaan ADUN Kerajaan pada tahun 2015.

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah **meluluskan peruntukan** berjumlah RM900,000.00 kepada 12 Ahli Dewan Negeri (ADN) Kerajaan merangkap Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN), sejumlah RM700,000.00 kepada 32 Ahli Dewan Negeri Kerajaan dan sejumlah RM500,000.00 pula kepada 12 Pegawai Penyelaras DUN yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor. Keseluruhan peruntukan DUN Kerajaan pada tahun 2015 adalah berjumlah **RM39,200,000.00** bagi tujuan pelaksanaan projek kecil dan program mesra rakyat.

   Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada semua Pejabat Daerah pada bulan Januari 2015 dan garis panduan penggunaan peruntukan tersebut tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.

b) Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan daripada Pejabat Daerah untuk membawa baki peruntukan DUN yang tidak dibelanjakan pada tahun 2014 berjumlah RM8,920,145.48 ke tahun 2015 menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan DUN Kerajaan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM48,120,145.48. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 44,772,886.78 telah dibelanjakan oleh 56 kawasan DUN Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 yang dikawal selia oleh sembilan (9) Pejabat Daerah di Negeri Selangor. Ringkasan perbelanjaan DUN Kerajaan mengikut daerah adalah seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1
Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri Kerajaan Bagi Tahun 2015

BIL	DAERAH	BIL DUN	BAKI TAHUN 2014 (RM)	PERUNTUKAN 2015 DUN KERAJAAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	BELANJA (RM)
1	PETALING	14	2,140,695.68	10,400,000.00	12,540,695.68	12,024,468.71
2	KLANG	9	2,155,250.28	6,900,000.00	9,055,250.28	6,858,261.30
3	GOMBAK	6	838,460.37	4,400,000.00	5,238,460.37	5,431,753.30
4	HULU LANGAT	9	2,001,423.56	6,500,000.00	8,501,423.56	6,798,008.85
5	SEPANG	2	288,779.82	1,200,000.00	1,488,779.82	1,639,613.98
6	KUALA LANGAT	4	162,286.33	3,000,000.00	3,162,286.33	3,058,306.28
7	KUALA SELANGOR	5	956,237.20	2,700,000.00	3,656,237.20	3,954,914.79
8	HULU SELANGOR	3	181,915.37	1,700,000.00	1,881,915.37	2,068,308.63
9	SABAK BERNAM	4	195,096.87	2,400,000.00	2,595,096.87	2,939,250.94
JUMLAH		**56**	**8,920,145.48**	**39,200,000.00**	**48,120,145.48**	**44,772,886.78**

Selain itu, Kerajaan Negeri buat pertama kalinya pada tahun 2015 telah meluluskan sejumlah RM2,400,000.00 iaitu RM200,000.00 kepada setiap 12 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor untuk digunakan bagi tujuan yang sama. Walau bagaimanapun, tiada perbelanjaan dibuat oleh DUN Bukan Kerajaan.

Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri melalui cabutan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 30/2015 yang diadakan pada 17 September 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 31/2015 pada 22 September 2015 bersetuju meluluskan penyelarasan semula peruntukan mesra rakyat berjumlah **RM2,400,000.00** (**Ringgit Malaysia : Dua Juta Empat Ratus Ribu Sahaja**) iaitu RM200,000.00 kepada setiap 12 kawasan DUN Bukan Kerajaan di Negeri Selangor untuk digunakan oleh Pegawai Penyelaras ADN yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada perkara berikut:

a) Bersetuju cadangan penyelarasan semula penggunaan peruntukan pembangunan Perkhidmatan Masyarakat yang disediakan kepada ADN Bukan Kerajaan berjumlah RM200,000.00 boleh digunapakai oleh Pegawai Penyelaras DUN;

b) Bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat ADN Bukan Kerajaan digunapakai oleh Pegawai Penyelaras DUN tertakluk apabila peruntukan pembangunan sedia ada kawasan DUN yang diselia oleh Pegawai Penyelaras DUN tahun 2015 berjumlah RM500,000.00 dan baki peruntukan pembangunan tahun 2014 telah habis dibelanjakan; dan

c) Perbelanjaan/ penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015.

Senarai penuh butiran perbelanjaan peruntukan setiap DUN Kerajaan mengikut daerah adalah seperti di lampiran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : RUMAH MAMPU MILIK

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan projek dan jumlah rumah mampu milik yang telah dilancarkan tetapi masih belum dibina hingga sekarang dan apakah sebab-sebabnya?

b) Nyatakan projek dan jumlah rumah mampu milik yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015.

JAWAPAN:

a) Bermula Mac 2015, Kerajaan Negeri melalui Skim Insentif Galakan Rumah Selangorku yang disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor telah melancarkan sebanyak 13 projek Rumah Selangorku yang melibatkan 20,008 unit. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, 1 projek telah siap dibina sebanyak 536 unit, 7 projek sedang dalam pembinaan sebanyak 12,699 unit dan terdapat 5 projek yang masih belum dibina dan butiran projek adalah seperti berikut :-

Bil.	Pemaju	Lokasi	Bil. Unit	Sebab - Sebab / Status
1.	Selaman Sejati Sdn. Bhd. (Selaman Sdn. Bhd.)	Lot 9754 PT 18288 Jalan Rusa, Mukim Klang, Daerah Klang.	84	i. Isu jalan masuk belum diselesaikan, maka kelulusan Kebenaran Merancang tidak dapat dikeluarkan. Pihak pemaju perlu menyelesaikan isu pengambilan tanah. ii. Kerja tanah sedang dijalankan.
2.	Semai Meranti Sdn. Bhd. (Mah Sing Group Berhad)	Di Atas PT 2802 HS(D) 75285, Mukim Rawang Daerah Gombak.	488	i. Pembangunan akan mula dibina sehingga pembangunan tapak Elite Park habis dijual. ii. Kerja tapak masih belum dijalankan.
3.	Seribu Baiduri Sdn. Bhd. (LBS Bina Group Berhad)	Di Atas Lot 32884, 32885 & 62611 (32886), Bandar Saujana Putra, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala	1,312	i. Permohonan Pelan Bangunan akan dibuat setelah proses pencantuman tanah dan isu di Jabatan Bomba & Penyelamat selesai. (Kerja tanah sedang dijalankan) ii. Kerja tanah sedang dijalankan.

		Langat, Selangor Darul Ehsan.		
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418	Pembangunan dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2016.
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	Pembangunan bagi Fasa 1 (140 unit) dan Fasa 2 (210 unit) dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2016.

b) Secara keseluruhannya sebanyak 236 unit rumah mampu milik (Rumah Selangorku) telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri melalui anak syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB). Selain itu, pembinaan rumah mampu milik (Rumah Selangorku) juga melalui anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), ia samada secara bersendiri, anak syarikatnya atau secara usahasama sehingga kini. Terdapat sebanyak 313 unit rumah sedang dalam pembinaan, dan sebanyak 4,980 unit masih belum dibina. Perincian projek adalah seperti berikut.

i. Projek yang telah disiapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit
1.	MBPJ	Semponia Sdn. Bhd. & Country Wheel Sdn. Bhd. & (PNSB)	Lot PT 11904 (HSD 261773), Sutera Damansara, Mukim Pekan Baru Sungai Buloh, Daerah Petaling.	236 (Jenis B)
JUMLAH				**236**

ii. Projek yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	PBT	Pemaju / Pemaju Usahasama	Projek	Bil. Unit	Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina
1.	MBSA	(PKNS) & Debbin Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 8093, Persiaran Seri Wangi, Desa Alam Seksyen U12,	20 (Jenis B) 84	Dis 2016

			Shah Alam, Daerah Petaling.	(Jenis C)	
2.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas Sebahagian PT1 HS(D) 39397 Seksyen 1D (Fasa 1), Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	129 (Jenis D)	Dis 2016
3.	MDHS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di PT 1 Blok 1, Di Seksyen 1, Antara Gapi, Bandar Sungai Chik, Daerah Hulu Selangor.	80 (Jenis D)	2018
JUMLAH				**313**	

iii. Projek yang belum dibina oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

Bil.	**PBT**	**Pemaju / Pemaju Usahasama**	**Projek**	**Bil. Unit**	**Tarikh Sasaran Untuk Siap Dibina**
1.	MDKS	Kumpulan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (SAP Holding Berhad)	HS(D) 5289 PT 620 Dan HS(D) 5290 PT 621 Bandar Kuala Selangor, Daerah Kuala Selangor.	91 (Jenis D)	2019
PROJEK DIBAWAH SKIM INSENTIF GALAKAN RUMAH SELANGORKU 2015					
2.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Seksyen 9, Kota Puteri, Bandar Batu Arang, Daerah Gombak.	4,471	2018
3.	MPS	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Di Atas PT11466 Dan PT11415 Kg. Sri Temenggung, Mukim Batu Daerah Gombak.	418 (RMM)	2018
JUMLAH				**4,980**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : STATUS MASJID AR RAHMAN KG RANCANGAN TANAH BELIA BUKIT CHANGGGANG, BANTING

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status pembinaan Masjid Ar-Rahman Kg Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang Banting?

b) Nyatakan tarikh mula, tarikh siap dan syarikat kontraktor yang membina masjid tersebut?

c) Berapakah jumlah kos pembinaan masjid tersebut?

JAWAPAN:

a) Masjid Ar-Rahman Kg. Rancangan Tanah Belia Bukit Changgang Banting telah dibajetkan di dalam RMK-11 pada tahun 2016. Status terkini adalah dalam perancangan pihak JAIS untuk penyediaan brif projek dan penyerahan projek kepada pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (Bahagian Bangunan). Status tanah telah diwartakan pada tahun 2000 dan keluasan tanah adalah 12.0 ekar.

b) Proses penyediaan brif projek dan penyerahan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk pembinaan.

c) Peruntukan RMK-11 adalah sebanyak RM11,000,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : PENYEBARAN AJARAN SESAT DI SELANGOR

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri ke atas kumpulan ajaran sesat yang masih aktif beroperasi di Selangor?

b) Apakah bentuk pencegahan atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras dan melumpuhkan ajaran ini sehingga ke akar umbi?

JAWAPAN:

a) Antara tindakan Kerajaan Negeri ke atas kumpulan ajaran sesat yang masih aktif di Selangor adalah seperti berikut:

1) Merangka pelan tindakan dan modul bagi memantapkan akidah umat Islam, seperti Modul *Training Of Trainer* Isu-isu Akidah Negeri Selangor dan Modul Penghayatan Islam.

2) Mengetengahkan kepada masyarakat secara terancang dan tersusun perkara-perkara yang boleh membatalkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

3) Mewujudkan 70 penceramah-penceramah pakar dalam bidang akidah untuk berhadapan dengan mana-mana kumpulan ajaran sesat dan memberi penjelasan kepada masyarakat.

4) Mempertingkatkan media dakwah melalui laman sesawang JAIS dan portal untuk memberi penjelasan dan berhadapan dengan sebarang bentuk penyebaran fahaman mahupun dakyah agama lain sehingga ke akar umbi.

5) Memanggil kumpulan atau pengikut yang terlibat dengan ajaran sesat untuk mendapatkan penjelasan dan menasihati mereka untuk meninggalkan ajaran sesat tersebut, seperti mengadakan sesi penjelasan sepanjang tahun 2015, 4 sesi dialog kefahaman ASWJ dan penjelasan ajaran sesat telah diadakan yang melibatkan 10 buah pusat rawatan Islam, 3 dialog berkenaan isu akidah iaitu Kumpulan Hizbut Tahrir, Kumpulan Tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol dan Fahaman Syiah, pada 3 Februari 2016 telah sesi penjelasan pengikut Tarekat Naksyabandiah Kadirun Yahya bersama panel Mesyuarat Jawatankuasa Pengawalan Akidah MAIS.

6) Mengeluarkan fatwa oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh JAIS bagi menghalang umat Islam terlibat dengan ajaran sesat.

7) Mengadakan muzakarah terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang membawa fahaman atau ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

8) Menguatkuasakan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 Enakmen Jenayah Syariah 1995 dan Enakmen pentadbiran agama Islam (Negeri Selangor) 2003 & Pindaan 2011 atas mana-mana seksyen kesalahan yang berkaitan.

b) Beberapa bentuk pencegahan atau program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk Membanteras dan melumpuhkan ajaran ini sehingga ke akar umbi adalah seperti berikut:

1) Memberi penjelasan mengenai bahaya ajaran sesat atau mana-mana ajaran sesat yang telah difatwakan kepada masyarakat melalui Khutbah, Forum, seminar dan lain-lain medium yang boleh menyampaikan keburukan ajaran sesat kepada agama, bangsa dan negara. **Seperti di lampiran A.**

2) Menerbitkan buku akidah untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sebenar.

3) Meminta institusi masjid dan NGO bekerjasama untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai bahayanya ajaran sesat kepada masyarakat.

4) Memperkasakan tauliah mengajar di masjid dan surau Negeri Selangor bagi mengawal atau penceramah yang membawa fahaman yang mengelirukan masyarakat.

5) Mengeluar dan menyebarkan bahan penerbitan termasuk poster berkaitan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kalimah Allah dan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam untuk edaran ke masjid, surau, agensi-agensi kerajaan atau swasta dan sebagainya bagi menyanggah aliran-aliran yang menyimpang dari ajaran Islam.

6) Membuat jalinan kerjasama antara agensi kerajaan mahupun swasta untuk mengekang dan membanteras ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam.

7) Mengadakan majlis dan program istitabah terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang telah bertaubat untuk membetulkan akidah dan kefahaman salah mereka kepada ajaran Islam yang sebenar.

LAMPIRAN A

1. Program-program yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan & Pembangunan, JAIS.

    - Seminar Pemahaman Tarekat Tasawwuf Zon 2 – Rawang (28/03/2015)
    - Seminar Perubatan Islam 2015 Zon 1 – Klang (18/04/2015)
    - Seminar Penyelewengan Akidah Dalam Media Zon 3 – KUIS, Hulu Langat (21/04/2015)
    - Wacana Pemikiran Pluralisme & Liberalisme Zon 1 – INPENS Kuala Selangor (15/04/2015)
    - Wacana Pemikiran Pluralisme & LiberalismeZon 3 – MMU Cyberjaya, Sepang (12/05/2015)
    - Wacana Pemikiran Pluralisme & Liberalisme Zon 1 – Masjid Negeri Shah Alam (02/06/2015)
    - Seminar Penyelewengan Akidah Dalam Media Zon 2 – UiTM Gombak (16/06/2015)
    - Seminar Pemahaman Tarekat Tasawwuf Zon 3 – ILP Kuala Langat (15/09/2015)
    - Seminar Penyelewengan Akidah Dalam Media Zon 1 - Sabak Bernam (08/10/2015)
    - Program Forum Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan & Isu-Isu Akidah Di Negeri Selangor di masjid-masjid terpilih berdasarkan isu-isu semasa.
    - Bagi memberi pendedahan dan berkongsi maklumat tentang isu-isu yang boleh mengelirukan akidah umat Islam seterusnya mem berkemahiran kepada fasilitator/pendakwah untuk menangani dan menyampaikan isu-isu akidah secara berkesan, Bengkel*Training Of Trainer* (TOT) Isu-Isu Akidah Negeri Selangor 2015 telah dilaksanakan sebanyak 2 kali, iaitu Siri I pada 27-29/05/2015 bertempat di Hotel De Palma Shah Alam dan Siri II pada 25-27/11/2015 di Hotel Carlton Holiday & Suites, Shah Alam.
    - Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Gombak telah diadakan pada 24 Februari 2016, bertempat di Auditorium UITM Sungai Buloh.
    - Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Petaling Siri 1/2016 telah diadakan pada 07 Mac 2016, bertempat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Penceramah jemputan YBhg. Ustaz Mat Jais bin Kamos, Ketua Penolong Mufti, tajuk ceramah yang disampaikan ialah ‘Ancaman Syiah dan Perkara-perkara Khilafiah’. Jumlah peserta mencapai 214 orang.
    - Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Hulu Selangor telah diadakan pada 10 Mac 2016,

bertempat di Dewan Kompleks Sukan, Kuala Kubu Bharu dengan tajuk Penjelasan Millah Abraham & Islamic State (IS).

- Pada 16 Mac 2016 akan diadakan Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Sepang Siri 1/2016, dalam Kuliah Maghrib bertempat di Masjid Jamek Sultan Hisamuddin, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.
- Pada 23 Mac 2016 akan diadakan Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Kuala Selangor Siri 1/2016, dalam Kuliah Maghrib bertempat Masjid Jamiur Ridhuan, Pekan Jeram.
- Pada 31 Mac 2016 akan diadakan Program Penjelasan Ajaran Sesat Yang Telah Difatwakan Dan Isu-isu Akidah Di Negeri Selangor Daerah Hulu Langat Siri 1/2016, bertempat di Dewan Utama, PAID Hulu Langat dengan penceramah jemputan, YBhg. Dato' Ayob Khan bin Mydin Pithchay akan menyampaikan tajuk ceramah 'Penyelewengan Doktrin Palsu, Ancaman kepada Keganasan'.
- Pada 21 April 2016 akan diadakan Seminar Kesedaran Islam dan Media: Isu dan Cabaran Zon 1 (Klang, Kuala Selangor & Sabak Bernam) bertempat di daerah Kuala Selangor.

2. Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan sentiasa meneruskan usaha pemantauan dan pencegahan melalui pelbagai pendekatan mengikut kategori ajaran sesat seperti mengambil tindakan undang-undang, melaksanakan dialog pakar, forum penjelasan dan soal jawab serta penulisan khutbah bagi tujuan memberi penjelasan dan kefahaman kepada masyarakat sekali gus mengekang pengembangan ajaran-ajaran sesat tersebut di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KADAR PASARAN GRADUAN UNISEL

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah terkini graduan UNISEL?

b) Nyatakan peratusan pelajar yang masih menganggur selepas 6 bulan tamat belajar?

c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memasarkan graduan UNISEL?

JAWAPAN:

a) Jumlah graduan UNISEL dari tahun 2006 hingga 2015 ialah seramai 26,930 orang.

b) Ini adalah data yang diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk tahun 2014 adalah seperti berikut :

Yang masih menganggur selepas 6 bulan tamat belajar adalah 26.22%. Data untuk tahun 2015 belum keluar lagi.

c) Usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memasarkan graduan UNISEL adalah dengan mengadakan inisiatif berikut :

i. Ekspo Kerjaya dan Pameran Fakulti yang akan dianjurkan pada bulan Ogos 2016 di kampus UNISEL Bestari Jaya.Ini membuka peluang kepada para majikan untuk mengadakan pameran dan temuduga setempat;

ii. Berkolaborasi dengan industri untuk menghantar pelajar menjalani latihan praktik di anak-anak syarikat kerajaan negeri bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar sebaik sahaja mereka tamat pengajian nanti;

iii. Di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan Sains, Teknologi dan Inovasi bekerjasama dengan Selangor *Human Resource Development Centre* (SHRDC) menyediakan tempat praktikal pelajar di industri dan berpeluang untuk bekerja di industri selepas tamat tempoh praktikal di sesebuah syarikat; dan

iv. Melaksanakan Program Jom Kerja iaitu program tahunan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk semua belia yang belum dan ingin mencari peluang pekerjaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN JALANRAYA DI DUN SEMENYIH

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sejak lima tahun lalu berapakah peruntukkan yang telah dibelanjakan untuk menyelenggara jalan-jalan negeri dan jalan-jalan PBT di DUN Semenyih?

b) Mohon disenaraikan jalan-jalan yang telah diselenggarakan itu

c) Nyatakan apakah peruntukan menyelenggara jalan tersebut daripada kerajaan negeri atau menggunakan peruntukan MARRIS serta bagaimana pengagihannya kepada PBT?

JAWAPAN:

a) Peruntukan yang dibelanjakan : RM13,760,000.00.

b) Seperti di lampiran C.

c) Peruntukan bagi menyelenggara jalan-jalan tersebut seperti yang disenaraikan adalah daripada peruntukan PBT dan MARRIS. Pengagihan peruntukan tersebut adalah secara :

1) Peruntukan Jabatan
2) Geran Kerajaan Negeri (MARRIS)

Lampiran C

a) Senarai Jalan-jalan yang telah diselenggara seperti di bawah :

1.	Kerja-kerja menurap semula Jalan Harmoni 2/1, 2/2, 5, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14 Dan 16, Taman Harmoni, Kajang, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
2.	Kerja-kerja menurap semula jalan dengan kaedah 'Mill & Pave' di Jalan Utama Seksyen 5 dan 6, Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
3.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Anggerik Villa 1, 2, 3, 3A, 5, 6, 7, 8, 9, 10 Dan 11, Taman Anggerik Villa, Kajang, Daerah Hulu langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
4.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Kenanga 1/2, 1/3 Dan 2, Taman Desa Kenanga, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
5.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan 2/1A, 2/2, 2/2A, 2/3, 2/3A, 2/3B, 2/3C, 2/3D, 2/3E, 2/6, 2/7A, 2/7B, 2/7C, 2/7D, 2/7H, 2/7I Dan 2/8B, Seksyen 2, Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
6.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Hiew Piow 3, 3A, 4 Dan 5, Taman Hiew Piow Dan Jalan Aik Ann 2, Taman Aik Ann, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
7.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan 4/3, 4/6, 4/12 Dan 4/13, Seksyen 4, Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
8.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Kajang Perdana 7, 8A, Dan 8B, Taman Kajang Perdana, Kajang Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
9.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Utama Taman Sri Jelok, Jalan TSJ 1, TSJ 2, TSJ 4, TSJ 6, TSJ 8 Dan TSJ 10, Taman Sri Jelok, Kajang Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

10.	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Sri Damai 1 Dan 24, Taman Seri Damai, Kajang Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
11.	Kerja - kerja menurap semula jalan Sri Haneco 1/14, 2/1, 2/2, 2/3, 2/4, 2/5, 2/6, 2/7, 2/8, 2/14, 3/2, 3/4, 3/6, 3/10, 4/1, 4/2, 4/4, 4/6 Dan 4/8, Taman Sri Haneco, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
12.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Persiaran Taman Tasik Semenyih, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
13.	Kerja – kerja menurap semula Jalan P4/6, P4/8, P4/10,P4/11,P4/13, Dan P6/1 Kawasan Perindustrian Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
14.	Kerja – kerja menurap semula Jalan 3/16,3/17,3/18,3/19 dan 3,21 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
15.	Kerja - kerja menurap semula Jalan 1/12, 1/13, 1/14, 1/15, 1/16, 1/17, Dan 1/18 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
16.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Paling Jaya, Jalan Paling Jaya 2, 3, 4, 5, 6, Jalan Kenari Dan Jalan Kekabu Taman Paling Jaya, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
17.	Kerja - kerja menurap semula Jalan 6/5g, 6/6a, 6/6b, 6/6c, 6/6d, 6/7, 6/7a /7b, 6/7c, 6/7d, 6/7e, 6/7f, 6/8 Dan 6/8a Seksyen 6 Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
18.	Kerja - kerja menurap semula Jalan 3/1, 3/2, 3/4, 3/6, 3/8, 3/9, 3/13, 3/14 Dan 3/15 Bandar Teknologi, Semenyih, Daerah Hulu langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
19.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Utama Di Hadapan Taman Tan Sri Manikavasagam Dan Jalan 2/9 Bandar Rinching, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
20.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Angerik Villa 2/1, 2/2 Dan 3/20 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang

	berkaitan dengannya.
21.	Kerja - kerja menurap semula Jalan P6/4 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
22.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Semenyih Ria 1, 2, 3 Dan 4, Taman Semenyih Ria, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
23.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Semenyih Ria 1, 2, 3 Dan 4, Taman Semenyih Ria, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
24.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Hiew Piow 6,7,8 dan 9, Taman Hiew Piow, Semenyih ,Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
25.	Kerja - kerja menurap semula Jalan 1/2, 1/3, 1/4 Dan 1/5 Rumah PKNS Beranang, Beranang Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
26.	Kerja - kerja menurap semula Jalan Impian 1,2,3,4 Dan 5, Taman Impian Broga, Semenyih Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
27.	Kerja - kerja membaiki jalan Rosak Di Jalan 7/19, 7/19A, 7/20, 7/21,7/22 Dan 7/23, Kesuma Lake, Beranang Daerah Hulu Langat serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
28.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak Di Jalan 1/2 Seksyen 1 Bandar Teknologi Kajang Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
29.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak Di Antara Jalan 1/6 Hingga 1/7 Seksyen 1 Bandar Teknologi Kajang Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
30.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak Di Antara Jalan 1/8 Hingga 1/9 Seksyen 1 Bandar Teknologi Kajang Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
31.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Antara Jalan 1/10 Hingga 1/11 Seksyen 1 Bandar Teknologi Kajang Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

32.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 4/1 Seksyen 4 Bandar Teknologi Kajang Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
33.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 2 Dan TTS 2/2 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
34.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 2/3 Dan TTS 2/5 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
35.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 5 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
36.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 5/6 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
37.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 5/5 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
38.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 5/4 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
39.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan TTS 6, TTS 6/4 Dan TTS 6/5 Taman Tasik Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
40.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan Aik Ann 4 Taman Aik Ann Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
41.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan Sireh 4 dan kawasan sekitarnya serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
42.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan10, 12 dan 15, Kampung Baru Semenyih, Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
43.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan Besar Berhadapan Taman Permai, Semenyih serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
44.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 1/1 Dan 1/3 Taman Villa Heights, Kajang serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

45.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 5/16 Seksyen 5,Bandar Rinching Semenyih, dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
46.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan Besar Hadapan Seksyen 2, Bandar Rinching, Semenyih dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
47.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 5/35 Seksyen 5, Bandar Rinching, Semenyih dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
48.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan Basar Hadapan Seksyen 4, Bandar Rinching dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
49.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 2/5B dan 2/9C, Seksyen 2, Bandar Rinching, Semenyih dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
50.	Kerja - kerja segera membaiki jalan yang rosak di Jalan 4/6 Seksyen 4, Bandar Rinching, Semenyih dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.
51.	Kerja-kerja segera membaiki jalan yang rosak di hadapan kedai Seksyen 5, Bandar Rinching, Semenyih dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KELUASAN HUTAN SIMPAN KEKAL DAN TANAH RIZAB MELAYU DI SELANGOR

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Keluasan terkini hutan simpan kekal dan tanah rizab Melayu di Selangor serta pelan tindakan terperinci, jika ada, untuk meningkatkan keluasan ini termasuk sasaran bagi semua jangka masa dan strategi pelaksanaan.

JAWAPAN:

PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

a) Keluasan terkini Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor adalah lebih kurang **250,129 hektar** atau bersamaan dengan **31.54%** daripada keluasan Negeri Selangor. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang mengenal pasti kawasan berhutan di atas tanah kerajaan yang sesuai untuk dijadikan Hutan Simpanan Kekal selaras dengan titah tuanku untuk memperluaskan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor. Selain itu, ia juga penting bagi mengekalkan sasaran Kerajaan Negeri Selangor untuk mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal sekurang-kurangnya **seluas ±30%** daripada keluasan Negeri Selangor.

Manakala jumlah keluasan terkini **Tanah Rizab Melayu (TRM)** di Negeri Selangor selepas dibuat penggantian adalah seluas **407,867.34 ekar**. Kerajaan Negeri pada masa ini hanya akan **mengekalkan** jumlah keluasan tersebut dengan memastikan setiap pembatalan ke atas tanah-tanah rizab Melayu di Negeri Selangor dibuat **penggantian serentak** selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001 mengenai Dasar dan Garis Panduan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu Selangor, dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan Dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Di Negeri Selangor.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

a) Sehingga Disember 2015, jumlah HSK di Negeri Selangor adalah seluas lebih kurang 250,129 hektar. Pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor adalah komited untuk meningkatkan jumlah keluasan kawasan HSK di mana proses pewartaan setiap kawasan HSK yang

di warta keluar akan dibuat pewartaan masuk HSK (penggantian) secara serentak. Pada masa kini, kebanyakan jumlah keluasan kawasan penggantian yang akan dijadikan HSK juga adalah lebih luas berbanding kawasan yang di warta keluar. Maklumat kawasan penggantian yang telah dipersetujui dan sedang dalam proses pewartaan menjadi Hutan Simpanan Kekal adalah seperti di Jadual I.

Selain itu, Pihak Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengenalpasti beberapa kawasan berhutan milik Tanah Kerajaan Negeri untuk dijadikan sebagai HSK di Negeri Selangor. Ini juga adalah selaras dengan titah tuanku untuk meningkatkan keluasan kawasan berhutan di Negeri Selangor. Selain daripada itu, pengekalan jumlah kawasan HSK di Negeri Selangor ini perlu dikekalkan bagi menjamin komitmen Kerajaan Negeri Selangor yang berkehendakkan keluasan kawasan HSK di Negeri Selangor tidak kurang 30% daripada keluasan tanah Negeri Selangor dan akan senantiasa menambahkan keluasan HSK dari semasa ke semasa.

JADUAL I: Maklumat keluasan kawasan keluar/masuk HSK yang telah dipersetujui dan akan dibuat proses pewartaan menjadi Hutan Simpanan Kekal.

Bil.	Nama Projek	Keluasan HSK yang di warta keluar (Ha)	Keluasan HSK yang di warta masuk (penggantian) (Ha)	Perbandingan Perbezaan keluasan (Ha)
1.	Tanah Perkuburan	23.0	60.0	37.0
2.	Lebuhraya LATAR	3.2	7.6	4.4
3.	Lebuhraya DASH	2.5	2.5	0.0
4.	Lebuhraya EKVE	106.6	126.0	19.4
5.	Lebuhraya SUKE	34.0	60.0	26.0
	JUMLAH	169.3	256.1	86.8

Sekiranya berlaku pencerobohan pihak berkenaan akan dikenakan tindakan selaras dengan peruntukan yang terkandung di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di bawah Seksyen 32, Seksyen 47(1) dan Seksyen 81(1)(g) bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PENGURUSAN KAWASAN BERSAMA DI PERUMAHAN BERTINGKAT

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapa kerja-kerja selenggara kawasan bersama flat kos rendah tidak diserahkan terus kepada PBT setelah tamat tempoh pembaikan oleh pemaju?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangsapuri sendiri. Tiada dalam mana-mana peruntukan undang-undang yang memperuntukkan kuasa dan tugas kepada PBT secara langsung untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan bersama flat kos rendah setelah tamat tempoh pembaikan oleh pemaju.

Walau bagaimanapun, Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), telah memperuntukkan Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di pangsapuri berkaitan. Setakat ini, terdapat 224 kawasan pemajuan telah diuruskan oleh ejen pengurusan yang dilantik Pesuruhjaya Bangunan.

Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor mengambil alih semua pengurusan kos rendah di Negeri Selangor, adalah dianggarkan Kerajaan Negeri perlu menanggung kos yang sangat tinggi sejumlah RM139.2 juta setahun (anggaran kos penyenggaraan termasuk fi ejen pengurusan, insurans dan sebagainya sejumlah purata setiap unit petak RM50.00 melibatkan 231,947 unit petak pangsapuri kos rendah). Oleh itu, cadangan ini perlu dikaji dengan lebih teliti terutamanya kos sebenar yang terlibat termasuk kos akibat vandalisme dan kegagalan pemilik tidak membayar caj serta impak kepada usaha-usaha ke arah pemberdayaan komuniti yang tidak bergantung pada kerajaan secara berterusan.

Berdasarkan analisis yang dibuat kepada JMB atau MC pangsapuri-pangsapuri yang berjaya, faktor utama yang mendorong kepada penyelesaian isu-isu JMB adalah kemahuan, komitmen dan kerjasama sesebuah komuniti pangsapuri itu sendiri untuk membuat perubahan menjadikan pangsapuri mereka kepada pangsapuri “Bersih, Ceria Dan Harmoni”. Malahan Kerajaan Negeri mendapati

pengurusan bangunan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa JMB atau MC adalah lebih baik kerana kos pengurusan yang lebih optimum.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)

TAJUK : TAMAN CAHAYA ALAM (BUKIT CERAKAH)

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri akan terlibat membangunkan Taman Botani Negara Shah Alam (Bukit Cerakah)?

b) Apakah Kerajaan Negeri akan mengiktiraf pengusaha yang pernah melabur dan membangunkan mana-mana bahagian di taman tersebut?

c) Apakah Kementerian Pertanian mempunyai perjanjian untuk mendapatkan hak mutlak ke atas taman tersebut?

JAWAPAN:

a) Semua permohonan dan pembangunan yang hendak dijalankan di TBNSA perlu mendapatkan persetujuan daripada Kerajaan Negeri Selangor.

b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih meneliti penyelesaian yang terbaik bagi mengiktiraf atau tidak pengusaha yang pernah melabur dan membangunkan mana-mana bahagian di taman tersebut. Ini adalah kerana pembangunan fasiliti kekal di Hutan Simpanan Kekal adalah **tidak dibenarkan** di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985. Semua aktiviti yang hendak dijalankan hendaklah mematuhi permit penggunaan yang diluluskan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

c) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tiada hak mutlak ke atas TBNSA. Ini adalah kerana, TBNSA telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal Negeri Selangor iaitu Hutan bagi maksud-maksud persekutuan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 27/2015 bertarikh 26 Ogos 2015 telah meluluskan Cadangan Penggunaan Tanah Taman Botani Negara Shah Alam oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seluas **100 hektar** sahaja berdasarkan aktiviti guna tanah semasa dan pembangunan sedia ada yang dijalankan oleh MOA di kawasan TBNSA.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : STATUS PEMBAHARUAN TANAH PAJAKAN

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status permohonan PTD.P 2A/BPJ 246/2012 & PTD.P 2A/BPJ 247/2012?

b) Sila butirkan kronologi permohonan ini.

c) Apakah faktor yang melambatkan permohonan ini daripada mencapai KPI?

JAWAPAN:

a) Permohonan PTD.P 2A / BPJ 246 / 2012 & PTD.P 2A / BPJ 247 / 2012 telah dikemukakan ke Pejabat Tanah & Galian Selangor untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selanjutnya.

b) Butir kronologi permohonan adalah seperti di Lampiran A.

c) Dimaklumkan bahawa pejabat ini telah menerima permohonan memperbaharui tempoh pajakan tanah bagi kawasan Bandar Petaling Jaya seperti berikut :-

<u>Bangunan Kediaman</u>

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH LULUS / DISELESAIKAN
2011	461	461
2012	265	261
2013	111	108
2014	133	128
2015	78	52

Merujuk kepada jadual di atas, hampir kesemua permohonan melanjutkan tempoh pajakan tanah yang diterima oleh Pentadbiran ini telah berjaya diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh KPI Pentadbiran kecuali permohonan-permohonan yang dikenalpasti terdapat perlanggaran syarat tanah di Bandar Petaling Jaya. Terdapat segelintir pemilik tanah yang menjadikan tapak kediaman sebagai perniagaan terhad di kawasan ini dan pentadbiran ini perlu memastikan pemilik tanah memulihkan kegunaan tanah terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun untuk permohonan PTD.P 2A / BPJ 246 / 2012 & PTD.P 2A / BPJ 247 / 2012 yang diterima daripada The Superior Of The Institute Of The Franciscan Missionaries Of Mary, merupakan permohonan lanjut tempoh pajakan tanah bagi tujuan **institusi**, Pentadbiran ini menghadapi masalah dalam menentukan kadar premium dan cukai tahunan kerana tidak terdapat dalam mana-mana peruntukan undang-undang di Negeri Selangor.

Setakat ini hanya permohonan daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sahaja yang mendapat bayaran premium tanah pada kadar RM1,000.00 (Nominal). Pentadbiran ini juga telah memohon wakil daripada pemohon iaitu Tetuan Iza Ng Yeoh & Kit untuk mengemukakan dokumen bagi membuktikan bahawa institusi yang telah dibina di atas tapak (Sekolah Kebangsaan Assunta dan Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta) merupakan sekolah Bantuan Modal ataupun Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan kerana berpandangan adalah wajar dikenakan kadar premium nominal ke atas permohonan ini walaupun tapak yang dipohon bukan hakmilik yang didaftarkan di bawah PTP. Walau bagaimanapun, Pentadbir Tanah Petaling telah mengemukakan syor yang sewajarnya terhadap permohonan ini untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

PTD.P 2A / BPJ 246 / 2012 & PTD.P 2A / BPJ 247 / 2012

KRONOLOGI PERMOHONAN UNTUK SERAH BALIK TANAH DI BAWAH SEKSYEN 197 KANUN TANAH NEGARA DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA KERANA MEMPERBAHARUI TEMPOH PAJAKAN TANAH KEPADA 99 TAHUN UNTUK TUJUAN INSTITUSI.

BAGI HAKMILIK : I) HS(D) 168032 PT 33 SEKSYEN 4, BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING

II) PN 3916 LOT 119 SEKSYEN 9, BANDAR PETALING JAYA, DAERAH PETALING

TARIKH	PERKARA
12.12.2012	Terima permohonan untuk memperbaharui tempoh pajakan bagi kedua-dua hakmilik.
21.1.2013	Laporan Pelukis Pelan dikemukakan
1.4.2013	Laporan Tanah dari Pegawai Pertempatan Tanah dikemukakan
14.3.2016	Permohonan telah dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PENGANGGURAN

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah punca-punca pengangguran?

b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai program menangani masalah tersebut?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan maklum balas daripada beberapa jabatan dan agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN), Selangor Human Resource Develepment Centre (SHRDC) dan Jobstreet.com, diperhatikan bahawa antara punca-punca pengangguran adalah:

i. permintaan gaji yang tinggi (*unrealistic*);
ii. penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah;
iii. terlalu memilih pekerjaan dan syarikat;
iv. kurang kemahiran berkomunikasi; dan
v. karakter, sikap dan personaliti graduan yang lemah.

b) Antara program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pengangguran adalah:

(i) Melaksanakan **Program Pembangunan Bakat** dengan kerjasama Selangor Human Resource Develepment Centre (SHRDC) yang dikenali sebagai Program YES : *Youth Enhancement Strategy* Selangor (Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia Selangor) dan Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT). Program YES disasarkan kepada belia dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak berjaya ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk diberi peluang menjalani latihan persijilan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri. Program i-HIT pula disasarkan kepada pelajar UNISEL, KUIS dan INPENS dengan memberi peluang kepada pelajar-pelajar mendapat latihan tambahan subjek-subjek yang strategik yang diperlukan industri. Pelajar-pelajar akan dipilih oleh industri sebelum memasuki program dan seterusnya mendapat tawaran pekerjaan secara langsung. Fokus utama kedua-dua program ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan kepada peserta dalam mencari peluang kerjaya dengan lebih luas.

(ii) **Program Kerjaya - Jom Kerja** berbentuk Karnival yang telah diadakan di semua daerah di Negeri Selangor dengan mengadakan temu duga terbuka (*walk in interview*) oleh syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja.

(iii) **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)** bertujuan untuk membantu para siswazah dan rakyat Selangor yang masih belum mendapat pekerjaan dalam meningkatkan pengetahuan dan keupayaan diri mereka melalui penyediaan latihan sama ada dalam bentuk kemahiran umum (*softskill*) atau kemahiran teknikal sebagai contoh bidang keusahawanan seperti penternakan, bakeri, percetakan segera, jahitan pakaian, mutawwif, rawatan wanita selepas bersalin, jurubekam klinikal bertauliah, penjagaan awal kanak-kanak, makanan ringan (cendol dan laksa), penyelenggaraan penyaman udara, penyelenggaraan motosikal, kesetiausahaan, pemasaran internet dan kontraktor binaan kecil-kecilan. Peserta terdiri daripada suri rumah, pesara, belia dan ibu tunggal.

(iv) Menganjurkan kursus dan latihan keusahawanan untuk belia bagi memberi pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : STATISTIK POLIS DAN JENAYAH

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah anggota polis di Negeri Selangor? Sila senaraikan mengikut jabatan.

b) Sila berikan statistik kes jenayah (bilangan dan jenis jenayah) di Selangor dari 2013 ke 2015.

c) Sila berikan statistik kes jenayah di DUN Damansara Utama dari 2013 ke 2015.

JAWAPAN:

a) Jumlah anggota polis di Negeri Selangor mengikut jabatan adalah seperti berikut:

Daerah	Orang
IPK Selangor	1088
Petaling Jaya	1644
Subang Jaya	1047
Serdang	883
Klang Selatan	755
Klang Utara	582
Gombak	1024
Kajang	1120
Ampang Jaya	1084
Shah Alam	1080
Kuala Langat	345
Kuala Selangor	335
Hulu Selangor	524
Sabak Bernam	313
Sungai Buloh	370
Sepang	721
KLIA (1)	374
KLIA (2)	311
JUMLAH	**13600**

b)

c)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA YDP UNTUK KERJA-KERJA INDEN

241. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa banyakkah peruntukan kepada YDP dan Datuk Bandar untuk melaksanakan kerja-kerja inden di setiap kerajaan tempatan setiap tahun?

b) Senaraikan kegunaan peruntukan ini bagi tahun 2015 untuk setiap PBT.

JAWAPAN:

a) dan b)

Tiada peruntukan kepada Datuk Bandar dan YDP untuk melaksanakan kerja-kerja inden di PBT setiap tahun. Pelaksanaan kerja-kerja inden di PBT setiap tahun adalah berdasarkan kepada peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Penggunaan inden adalah bagi tujuan perolehan kerja dan dikeluarkan oleh PBT-PBT Negeri Selangor selaras dengan peraturan kewangan dan tujuan inden dikeluarkan adalah seperti berikut:

I. Kerja-kerja kemudahan jalan
II. Kerja-kerja kemudahan talian dan pengairan
III. Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan
IV. Kerja-kerja pendawaian elektrikal
V. Kerja-kerja kecil penyelenggaraan kemudahan awam

Secara keseluruhan, sebanyak 2,514 inden telah dikeluarkan oleh semua PBT di Negeri Selangor dan berjumlah RM74 juta pada tahun 2015. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

Tahun 2015		
PBT	**Bilangan Inden yang dikeluarkan**	**Jumlah RM**
MBSA	**324**	**3,871,312.61**
MBPJ	**47**	**1,002,110.96**
MPK	**Tiada Maklumat**	**500,000.00**

Tahun 2015		
PBT	**Bilangan Inden yang dikeluarkan**	**Jumlah RM**
MPAJ	**229**	**11,665,820.81**
MPSJ	**175**	**2,732,621.30**
MPS	**624**	**11,519,866.28**
MPKJ	**629**	**12,479,251.91**
MPSP	**167**	**3,084,209.80**
MDKL	**96**	**1,642,487.40**
MDHS	**52**	**1,209,298.00**
MDKS	**171**	**24,818,491.52**
MDSB	**Tiada**	
JUMLAH	**2,514**	**74,525,470.59**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)

TAJUK : PINJAMAN PERUMAHAN DANA-SEL

242. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah peserta yang berjaya memperolehi pinjaman DANA-SEL mengikut kaum dan pecahan daerah.

b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan untuk tujuan tersebut?

c) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai kriteria yang dikenakan untuk memperolehi Pinjaman DANA-SEL.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek perintis bagi Skim DANA-SEL melibatkan 2 projek iaitu RKR Rimba Jaya dan RKR Sg. Sering. Setakat ini seramai 96 orang Peneroka Bandar telah panggil untuk hadir temuduga Bagi projek RKR Rimba Jaya Walau bagaimanapun, hanya 71 orang sahaja yang hadir dan daripada jumlah tersebut 51 orang didapati layak untuk ditawarkan menyertai skim ini. Manakala bagi projek RKR Sg. Sering pula pelaksanaan skim ini terpaksa ditangguhkan sehingga kes saman yang dikemukakan oleh pemaju Triump City Sdn. Bhd. terhadap Kerajaan Negeri selesai. Ini adalah kerana pemaju berkenaan telah bertindak membekukan penjualan unit-unit mereka.

b) Jumlah peruntukan yang disalurkan untuk skim DANA-SEL adalah sebanyak RM10 juta.

c) Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria yang dikenakan untuk memperolehi Pinjaman DANA-SEL adalah seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas;
2. Berpendapatan tidak tetap seperti peniaga kecil, petani, pemandu teksi, nelayan dan sebagainya;
3. Pembelian kali pertama rumah kediaman kos rendah/sederhana;
4. Untuk didiami;
5. Pendapatan kasar minima RM1,000 sebulan;
6. Pembayaran bulanan pinjaman perumahan tidak melebihi 40% daripada pendapatan kasar;

7. Pembayaran bulanan kesemua pinjaman tidak melebihi 65% daripada pendapatan kasar; dan
8. Tiada rekod-rekod negatif lain bagi tempoh 24 bulan terkini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : SYARIKAT-SYARIKAT MILIKAN KERAJAAN SELANGOR

243. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan semua nama pengarah setiap GLC Selangor.

b) Sila kemukakan senarai nama wakil rakyat yang juga merupakan pengarah di syarikat-syarikat GLC Selangor.

JAWAPAN:

a) dan b)

Jawapan adalah seperti di jadual senarai Ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor:-

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 4) Y.Bhg Dato' Ir. Haji Hamizan Bin Mohd. Inzan 5) Y.B Dato' Iskandar Bin Abdul Samad 6) Y.B Dato' Teng Chang Khim 7) Y.Bhg Dato' Mohd. Saleh Bin Mahmud 8) Y.Bhg Datuk Ahmad Badri Bin Mohd. Zahir	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 4) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor 5) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 6) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 7) Ahli Bebas 8) Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik SSID, Kementerian Kewangan Malaysia

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	9) Y.Bhg Datuk Razali Bin Che Mat	9) Pengarah Seksyen Pembangunan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 4) Y.B Tuan Hj. Zaidy Bin Abdul Talib 5) Y.B Tuan Amirudin Bin Shari 6) Y.Bhg Tuan Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim 7) Y.Bhg Dato' Hadzir Bin Md. Zain 8) Y.Bhg Puan Hjh. Noriah Bt. Shaharuddin 9) Y.Bhg Dato' Hj. Ali Bin Ahmad	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 4) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 5) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 6) Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor 7) Timbalan Ketua Pengarah (Pusat Transformasi Penyampaian) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri 8) Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan Malaysia 9) Mantan Pengurus Besar Kumpulan PKPS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)	1) Y.B Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali 2) YBhg Prof. Zainal Abidin Bin Kidam	1) Adun Selat Klang 2) Mantan Dekan Fakulti Ekonomi & Pengurusan UPM

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	3) Y.B Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya	3) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	4) Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor/ wakil	4) Pegawai Kerajaan Negeri
	5) Y.Bhg Dato' Raslin Bin Abu Bakar	5) Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia/ wakil
	6) Encik Kamal Bin Sujak	6) Wakil Tetap Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)
	7) Y.B Dato Noordin Bin Sulaiman	7) Pegawai Kewangan Negeri Selangor atau wakil
	8) Y.D.H Dato' Hj. Emran Bin Hj. Kadir	8) Orang Besar Daerah Petaling
	9) Y.B Puan Lee Kee Hiong	9) Adun Kuala Kubu Baharu
	10) Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran	10) Adun Bukit Gasing
	11) Y.B Tuan Zaidy Bin Abdul Talib	11) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
	12) Y.B Tuan Idris Bin Ahmad	12) Adun Ijok
	13) Encik Rahimi Bin Md. Saad	13) Pensyarah UM
	14) Puan Faridah Binti Talib	14) Perpustakawan UiTM
	15) Encik Mohd Jamali Bin Salamon	15) Perunding Perpustakaan
PERBADANAN ADAT DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)	1) Y.B Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi	1)Pengerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
	2) Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya	2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
	3) Y.B. Dato' Noordin bin	3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	Sulaiman 4) Y.Bhg Dato' Ahmad Zaharin Bin Mohd Saad 5) Y.Bhg. Encik Mohd Faizul Fitri Bin Muslil 6) Y.D.M. Prof. Madya Dato' Dr. Tengku Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj 7) Y.Bhg. Encik Kamarul Baharin Bin A.Kassim 8) Y.Bhg. Dr. Zainah Binti Ibrahim 9) Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Bin Zakaria 10) Y.Bhg. Puan Zubaidah Binti Sual @ Shawal 11) Y.Bhg. Dr. Haji Ann Wan Seng 12) Y.Bhg. Prof. Dr. Rajantheran A/L Muniandy	 4) Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam 5) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 6) Wakil Pihak Istana 7) Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia 8) Pesuruhjaya Warisan Negara 9) Pakar Sejarah 10)Pakar/ Ahli Budaya Melayu 11)Pakar / Ahli Budaya Cina 12)Pakar / Ahli Budaya India
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd. Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.Bhg Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 5) Y.B Tuan Haji Zaidy Bin Abdul	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Undang-Undang Negeri Selangor 4) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 5) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	Talib 6) Y.B Puan Elizabeth Wong Keat Ping 7) Y.Bhg Dato' Ir. Zainor Rahim Bin Ibrahim 8) Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim 9) Y.Bhg Tan Sri Dato' Ir. Syed Muhammad Shahabudin Bin Syed Hassan Shahabudin 10) Y.Bhg Datuk Ir. Mohd Adnan Bin Mohd Nor 11) Puan Ir. Dr. Salmah Binti Zakaria	Negeri Selangor 6) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 7) Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) 8) Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor 9) Pengarah Urusan SMHB Sdn Bhd 10) Pengarah Urusan RPM Engineers Sdn Bhd 11) Pengerusi Jawatankuasa Air, Akademi Sains Malaysia
LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 3) Y.B Dato' Iskandar Bin A. Samad 4) Puan Norzaton Aini Binti Mohd Kassim 5) Sr Nazmi Bin Osman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 4) Pengarah Eksekutif LPHS 5) Pengurus Besar PHSSB / Pengarah
YAYASAN SELANGOR	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd. Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	4) Y.B Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad 5) Y.Bhg Datin Nawal Binti Salleh 6) Y.Bhg Tuan Ismail Bin Haji Idris	4) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 5) Professional 6) Pengurus Besar Yayasan Selangor
MENTERI BESAR SELANGOR PEMERBADANAN (MBI)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd. Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor
KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD (KDEB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman 4) YM Raja Dato' Idris Bin Raja Kamarudin 5) Encik Suhaimi Bin Kamaralzaman 6) YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 7) Encik Soffan Affendi Bin Aminudin	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 4) Pengerusi Kumpulan Perangsang Selangor 5) Ketua Pegawai Eksekutif, KDEB 6) Ketua Pegawai Eksekutif, MBI 7) Ketua Pegawai Operasi, MBI
BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT BERHAD (BBGC)	1) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 2) Dato' Amirul Azizan Bin Abd Rahim 3) Tuan Mohd Azizi Bin Mohd	1) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 2) Pegawai Kerajaan Negeri 3) Pegawai Kerajaan Negeri

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	Zain 4) Tuan Ahmad Suaidi Bin Abd Rahim 5) Tuan Ahmad Ashraf Bin Asnan	 4) Pegawai Kerajaan Negeri 5) Professional
COMMUNICATION CORPORATION SDN BHD (CCSB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd. Amin Bin Ahmad Ahya 3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 4) Raja Shahreen Bin Raja Othman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 4) Ketua Pegawai Eksekutif, MBI
KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)	1) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 2) Encik Cheong Seng Gee 3) Encik Sabtu Bin Md Ali 4) Y.B Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman 5) YM Raja Shahreen Bin Raja Othman 6) Encik Soffan Affendi Bin Aminudin	1) Pegawai Kewangan Negeri 2) Professional 3) Professional 4) Adun Paya Jaras 5) Ketua Pegawai Eksekutif, MBI 6) Ketua Pegawai Operasi, MBI
DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN BHD (MSNS)	1) Y.B Amiruddin bin Shari 2) Y.B Dato' Noordin bin Sulaiman 3) Y.Bhg Tuan Nor Azmie Bin Diron	1) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
PERMODALAN	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed	1) Dato' Menteri Besar Selangor

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)	Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 3) Y.Bhg Dato' Haji Ahmad Bin Omar 4) Raja Shahreen Bin Raja Othman 5) Encik Soffan Affendi Bin Aminudin	 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Profesional 4) Ketua Pegawai Eksekutif, MBI 5) Ketua Pegawai Eksekutif, MBI
PENDIDIKAN INDUSTRI YS BHD (PIYSB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 3) Y.B Dato' Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4) Y.B Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad 5) Y.Bhg Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bin Bardaie 6) Y.B Dr. Che Rosli Bin Che Mat	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Pegawai Undang-undang Negeri Selangor 4) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 5) Profesional 6) Ahli Parlimen Hulu Langat
RANTAIAN MESRA SDN BHD (RMSB)	1) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 2) Y.B Puan Dr. Daroyah Binti Alwi	1) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
INVEST SELANGOR	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	3) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 4) Y.Bhg Tuan Nor Azmie Bin Diron 5) Y.B Dato' Teng Chang Khim 6) Tuan Hasan Azhari Bin Hj. Idris	3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 4) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri 5) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 6) Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad
TOURISM SELANGOR SDN BHD (TSSB)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) YB Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya 3) YB Dato' Noordin Bin Sulaiman	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 3) Pegawai Kewangan Negeri Selangor
YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B. Dato` Noordin Bin Sulaiman 3) Y.B. Dato` Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman 4) Y.Bhg. Dato' Idris Bin Md. Tahir 5)Y.Bhg. Dato' Siti Khamnah Bt Hashim	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Penasihat Undang-Undang Negeri 4) Pengarah Kumpulan Perangsang Selangor 5) Ahli Perniagaan
YAYASAN AL-QARD	1) Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali 2) Y.B Dato' Noordin Bin Sulaiman 3) Y.B Dr. Daroyah Binti Alwi	1) Dato' Menteri Besar Selangor 2) Pegawai Kewangan Negeri Selangor 3) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

PERBADANAN / ANAK SYARIKAT	NAMA AHLI LEMBAGA	LATAR BELAKANG AHLI LEMBAGA (MP / ADUN / SENATOR / PEGAWAI KERAJAAN / PROFESIONAL)
	4) Y.B Dr. Abd Rani Bin Osman 5) Y.B Dato' Mansor Bin Othman	4) Adun Meru 5) Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Al Qard

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)

TAJUK : PENURAPAN JALAN KEBUN DUN TELOK DATOK

244. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan menyediakan dana, peruntukkan untuk menurap semula jalan-jalan kebun di Bukit Perah, sekitar kebun Seri Cheeding dan Tanjong Dua Belas?

b) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah diluluskan pada tahun 2015 untuk DUN Teluk Datuk?

c) Berapakah jumlah keluasan jalan yang telah diturap?

JAWAPAN:

a) Pada tahun 2012-2013 terdapat sebanyak RM480,274.00 diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelenggara jalan-jalan kawasan kebun sekitar Kampung Bukit Perah, Seri Cheeding dan Tanjong Dua Belas di bawah pengurusan dan pemantauan Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat. (Rujuk lampiran 1)

b) Pada tahun 2015, sebanyak RM154,940.00 diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan di DUN Teluk Datuk menggunakan Peruntukan Infrastruktur Luar Bandar (PILB). (Rujuk lampiran A)

c) Jumlah keluasan jalan yang diturap bagi tahun 2015 bagi DUN Teluk Datuk ialah 2880 meter persegi.

Lampiran 1

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	KELULUSAN KOS (RM)	PARLIMEN	DUN	MUKIM	KAMPUNG	STATUS TANAH	CATATAN	PENGESAHAN	CATATAN
PROJEK 500K PERUNTUKAN ADUN 2012											
1	Cadangan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dengan batu campur	20,000.00	20,000.00	Kuala Langat	Telok Datok	Tanjung Dua Belas	Kampung Telok Bunut	Jalan JPS	330m x 4m x 150mm	Disahkan oleh Adun Telok Datok	Telah diperakukan oleh UPEN surat bertarikh 27.9.2012
2	Cadangan menurap semula jalan premix	20,000.00	20,000.00	Kuala Langat	Telok Datok	Tanjung Dua Belas	Kg Sg Sedu	Kawasan kampung	3.5m x 50mm x 250m	Disahkan oleh Adun Telok Datok	Telah diperakukan oleh UPEN surat bertarikh 27.9.2012
3	Cadangan Menurap semula jalan premix	20,000.00	20,000.00	Kuala Langat	Telok Datok	Tanjung Dua Belas	Kg baru	Kawasan kampung	3.5m x 50mm x 250m	Disahkan oleh Adun Telok Datok	Telah diperakukan oleh UPEN surat bertarikh 27.9.2012
4	Cadangan menurap semula jalan premix	20,000.00	20,000.00	Kuala Langat	Telok Datok	Tanjung Dua Belas	Kg Sri Cheeding	Kawasan kampung	3.5m x 50mm x 250m	Disahkan oleh Adun Telok Datok	Telah diperakukan oleh UPEN surat bertarikh 27.9.2012
5	Cadangan menurap batu campur	20,000.00	20,000.00	Kuala Langat	Telok Datok	Tanjung Dua Belas	Bukit Perah, Pulau Kempas	Kawasan Kg Asli	330m x 4m x 150mm	Disahkan oleh Adun Telok Datok	Telah diperakukan oleh UPEN surat bertarikh 27.9.2012
PROJEK MARRIS 2013											
6	Kerja-kerja penyelenggaraan jalan dengan batu campur di Kampung Busut Baru (Orang Asli), Daerah Kuala Langat	50,000.00	41,400.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)	Kampung Orang Asli Busut Baru	Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
7	Kerja-kerja penyelanggaraan jalan dengan batu campur di Kampung Bukit Perah, Daerah Kuala Langat	50,000.00	38,050.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)	Kampung Bukit Perah	Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
PROJEK 500K PERUNTUKAN ADUN 2013 (BAKI)											
8	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan jalan dengan Batu campur di Jalan A, Kampung Telok Bunut, Banting, Kuala Langat	19,520.00	14,850.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	

9	Cadangan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dengan Batu campur di Jalan B, Kampung Telok Bunut, Banting, Kuala Langat	19,520.00	14,700.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
10	Cadangan menurap semula jalan premix di Jalan Lot 45, Kg. Sg. Sedu, Banting Kuala Langat	18,440.00	17,940.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
11	Cadangan menurap semula jalan premix di Jalan Lot 30, Kg. Sg. Sedu, Banting Kuala Langat	27,323.00	24,401.50	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
12	Cadangan menurap semula jalan premix di Jalan Lot 77, Kg. Sg. Sedu, Banting Kuala Langat	14,255.00	12,100.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
13	Cadangan Menurap Semula Jalan Premix di Jalan Lot 911, Kg. Sg. Jarum Banting Kuala Langat	23,178.50	21,501.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
14	Cadangan menurap semula jalan premix di Jalan Lot 312, Kg. Sg. Jarum, Banting Kuala Langat	25,325.00	20,125.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
15	Cadangan Menurap Semula jalan premix di Jalan Lot 1011, Kg. Seri Cheeding Banting Kuala Langat	19,034.00	15,224.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
16	Cadangan Menurap Semula Jalan Premix di Jalan Lot 1013, Kg. Seri Cheeding, Banting, Kuala Langat	35,598.50	29,155.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
17	Cadangan Menurap Batu Campur di Jalan Site A, Kg. Bukit Perah Banting, Kuala Langat	19,520.00	14,200.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung Orang Asli		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
18	Cadangan Menurap batu campur di Jalan Site B, Kg. Bukit Perah, Banting, Kuala Langat	19,520.00	15,220.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung Orang Asli		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
19	Cadangan Menurap batu campur di Jalan Site C, Kg. Bukit Perah, Banting, Kuala Langat	19,520.00	12,870.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung Orang Asli		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
20	Cadangan Menurap batu campur di Jalan Site D, Kg. Bukit Perah, Banting, Kuala Langat	19,520.00	15,052.00	K.Langat	Telok Datok	Tg. 12(1)		Kawasan kampung Orang Asli		Disahkan oleh Adun Telok Datok	
	JUMLAH KESELURUHAN	**480,274.00**									

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PENGERUSI JKKK KG TRADISI DI SELANGOR

245. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah Pengerusi JKKK Kg Tradisi yang sedia ada mengikut pecahan parti politik.

b) Adakah pelantikan Pengerusi JKKK Kg Tradisi yang baru akan dibuat mengikut pecahan yang dipersetujui oleh parti-parti pemerintah Selangor pada tahun ini? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

c) Adakah semua Pengerusi JKKK Kg Tradisi menerima surat lantikan sebagai Penolong Pendaftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya memandangkan terdapat Pengerusi JKKK Kg Tradisi tidak tahu terdapat pelantikan sedemikian?

JAWAPAN:

a) Ketua Kampung adalah seorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di Negeri Selangor. Pelantikan yang dibuat mengikut Pekeliling Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (Pekeliling Selangor Bil. 2 Tahun 1991).

Kaedah pelantikan Ketua Kampung terikat dengan “Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor Darul Ehsan” yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri Selangor Tahun 2001.

Justeru itu, sesiapa sahaja yang berminat boleh memohon untuk menjadi Ketua Kampung dengan mengisi borang yang boleh diperolehi di setiap pejabat daerah setelah diiklankan. Seterusnya, proses temuduga akan diadakan sebelum nama calon yang dipilih untuk dilantik disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk dengan tempoh percubaan selama enam (6) bulan dan perlu lulus tapisan keselamatan sebelum disahkan pelantikan Ketua Kampung tersebut.

b) Pelantikan Pengerusi JKKK Kampung Tradisi yang baharu akan dibuat mengikut kaedah pelantikan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (Pekeliling Selangor Bil. 2 Tahun 1991) dan juga “Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor Darul Ehsan”

yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Dan Pembangunan Negeri Selangor Tahun 2001. Bermula tahun 2012, pelantikan Ketua Kampung dibuat selepas ketiga-tiga parti pemerintah di Negeri Selangor bersidang di dalam mesyuarat *taskforce* yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Melalui *taskforce* ini, persetujuan untuk melantik Ketua Kampung akan dicapai mengikut pecahan yang dipersetujui oleh parti-parti pemerintah.

Walau bagaimanapun, secara umumnya semua Ketua Kampung mesti bersedia menyokong dan menyampaikan segala dasar-dasar kerajaan negeri dengan merujuk buku "Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Selangor Darul Ehsan" pada perkara 14.1 Tugas Ketua Kampung di muka surat 10.

c) Urusan pelantikan sebagai Penolong Pendaftar Pemilih (SPR) adalah di bawah bidang kuasa SPR. Pejabat Daerah dan Tanah bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat dan menyerahkan kepada UPEN untuk dikemukakan kepada SPR bagi menguruskan pelantikan tersebut. Satu sesi taklimat juga telah diadakan pada 21 April 2015 kepada semua Ketua Kampung Tradisi bagi menerangkan akan perkara ini. Bagi semua permohonan yang lengkap, kad kuasa telah diberikan kepada Ketua Kampung tersebut. Namun begitu, masih terdapat Ketua Kampung yang belum dilantik disebabkan kecicirian borang di peringkat penerimaan oleh SPR. Sehubungan itu, UPEN dengan bantuan Pejabat Daerah akan menyelaras dari aspek pengumpulan maklumat tersebut bagi memastikan semua Ketua Kampung dilantik sebagai Penolong Pendaftar Pemilih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI HULU SELANGOR

246. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Status terkini Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa yang diambil alih oleh PKNS

b) Apakah keputusan Mahkamah terhadap projek perumahan terbengkalai di Lembah Beringin?

c) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memulihkan Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin)?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Y. Berhormat, pemulihan Projek Pembesaran Kampung Melayu Rasa akan dilaksanakan PKNS secara 'Reka dan Bina' dan pelantikan kontraktor melalui Rundingan Terus. Syarikat Akar Indah Sdn. Bhd. Telah dikenalpasti untuk dilantik sebagai kontraktor utama bagi pemulihan projek ini. Maklumat-maklumat teknikal dan juga cadangan penyelesaian kepada penduduk sedang dalam proses dimuktamadkan PKNS.

b) Tetuan Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. Sebagai pelikuidasi telah melantik Legenda Beringin Sdn. Bhd. (LBSB) sebagai pemaju penyelamat melalui proses tender diadakan. Namun, terdapat pembida lain telah memfailkan permohonan ke Mahkamah berhubung isu pelantikan pemaju penyelamat berkenaan. Susulan itu, Mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan telah diadakan pada 30 Mac 2015 dan perbicaraan semula diadakan pada 12 Oktober 2015 namun ditangguhkan kepada **tarikh baru iaitu 15 April 2016**. Dengan ini, usaha pemulihan projek terbengkalai di Lembah Beringin masih tertangguh sehingga keputusan Mahkamah diperolehi.

c) Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, berdasarkan jawapan yang telah dikemukakan kepada YB DUN Kuala Kubu Baharu dalam sidang Dewan sebelum ini di mana Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedang menumpukan penyelesaian ke atas 5 projek Pembesaran kampung di Negeri Selangor yang berpotensi untuk dipulihkan terlebih dahulu buat masa ini. Ini kerana 'Kajian Kemungkinan' yang dijalankan akan mengambil masa yang agak lama dengan memerlukan perincian maklumat daripada agensi berkaitan dan pembeli terlibat seterusnya mengenal

pasti kaedah penyelesaian terbaik dan menyeluruh. Untuk itu, Kerajaan Negeri tetap memberikan komitmen ke atas usaha penyelesaian Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) malahan juga projek pembesaran Kampung Serendah Perdana yang terbengkalai di Mukim Serendah, Hulu Selangor yang turut memerlukan penyelesaian.

Seperti mana yang dimaklumkan sebelum ini, Kerajaan Negeri mensasarkan Projek Pembesaran Kampung Jawa (Taman Desa Beringin) dapat dijalankan Kajian Kemungkinan pada akhir tahun 2016 dengan kerjasama daripada PKNS setelah Skim Pemulihan melibatkan 5 projek terlibat berjalan dengan lancar. Sehubungan itu, satu perbincangan dengan PKNS dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) telah diadakan pada 21 Mac 2016 dan bersetuju secara dasar supaya cadangan pindaan ‘zoning’ Rancangan Tempatan (RT) dilaksanakan daripada zon perumahan kepada zon industri disebabkan kerana kedudukan projek yang jauh daripada ‘zoning’, projek berupaya berdaya maju untuk dipulihkan semula dan menyelesaikan masalah pembeli.

Oleh itu, PKNS dan MDHS akan melaksanakan Kajian dijangkakan mengambil masa selama 6 bulan untuk menyiapkan cadangan penyelesaian tersebut sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dipengerusikan oleh EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar di mana wakil ADUN dan pembeli serta agensi berkaitan akan dijemput hadir sama dalam mesyuarat tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : RUMAH REHAT KERAJAAN

247. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan rumah rehat Kerajaan di seluruh Selangor menurut daerah.

b) Berapakah kos penyelenggaraan menurut daerah?

c) Adakah rumah-rumah rehat tersebut menjadi bebanan?

JAWAPAN:

a) Rumah Rehat Kerajaan Negeri Selangor yang sedia ada pada masa kini mengikut daerah adalah seperti berikut;

Bil	Daerah	Rumah Rehat
1	Sabak Bernam	Tiada
2	Hulu Selangor	Banglo Sultan Sulaiman, Bukit Fraser Banglo Sri Selangor, Bukit Fraser Banglo Seri Berkat, Bukit Fraser
3	Kuala Selangor	Rumah Rehat VVIP Rumah Rehat Bukit Malawati
4	Klang	Tiada
5	Petaling	Tiada
6	Gombak	Tiada
7	Hulu Langat	Tiada
8	Kuala Langat	Banglo Suara Ombak, Morib
9	Sepang	Tiada

b) Berdasarkan rekod terkini, Banglo Sultan Sulaiman dan Banglo Sri Selangor di Bukit Fraser telah selesai kerja-kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian bermula pada Ogos hingga Disember 2015 dengan kos berjumlah RM1,015,090.00. Manakala kos penyelenggaraan bagi Rumah-Rumah Rehat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut;

BIL	DAERAH	RUMAH REHAT	KOS SELENGGARA SETAHUN (RM)
1	Sabak Bernam	Tiada	Tiada
2	Hulu Selangor	Banglo Sultan Sulaiman	

		Banglo Sri Selangor	45,180.00
		Banglo Seri Berkat	72,000.00
3	Kuala Selangor	Rumah Rehat VVIP	Dalam tindakan untuk baikpulih kerosakan
		Rumah Rehat Bukit Malawati	Telah diluluskan MMKN untuk dirobohkan
4	Klang	Tiada	Tiada
5	Petaling	Tiada	Tiada
6	Gombak	Tiada	Tiada
7	Hulu Langat	Tiada	Tiada
8	Kuala Langat	Banglo Suara Ombak	117,364.00
9	Sepang	Tiada	Tiada

c) Rumah-rumah Rehat Kerajaan Negeri ini tidak membebankan kepada pihak pengurusan dan pentadbiran untuk menguruskannya dari masa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PROJEK JAMBATAN KE 3 KLANG

248. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila kemukakan *progress* projek dan jangka tarikh siap projek

b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir sekeliling kawasan perumahan kesan dari projek tersebut?

c) Sila senaraikan aduan masalah yang telah dihadapi oleh penduduk dan tempoh waktu untuk diselesaikan.

JAWAPAN:

a) Kemajuan fizikal projek berdasarkan kepada penilaian pada 4 Mac 2016 adalah 68.04% (jadual) dan 67.40% (sebenar). Tarikh jangka siap adalah pada 15 Disember 2016.

b) Tindakan yang telah diambil adalah:

i. Pihak kontraktor telah membersihkan dan memastikan laluan lngkang dan sistem perparitan bersih dan berfungsi.

ii. Satu Pasukan kecemasan telah ditubuhkan untuk memantau dan menangani masalah banjir ini.

iii. Mendapatkan kerjasama daripada pihak agensi luar iaitu Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk memastikan fungsi sistem perparitan lancar di bawah bidang kuasa masing-masing.

c) Senarai aduan diterima adalah seperti berikut:-

BIL	TARIKH ADUAN	BUTIRAN ADUAN	TEMPOH TINDAKAN	STATUS
1.	03.08.2015	Jalan lencongan Jln Teluk Pulai-tiada parkir	7 hari	
2	05.08.2015	Laluan alternative Jln Teluk Pulai-tiada papan tanda amaran awalan, tiada garisan jalan	7 hari	
3	19.08.2015	Kerja-kerja TNB dilaksanakan dalam kawasan tanah milik	2 hari	

4	24.08.2015	Lubang lokasi *piling* tidak ditutup membahayakan keselamatan penduduk di Ch 550	7 hari	
5	24.08.2015	Laluan akses ke rumah penduduk berlumpur	3 hari	
6	26.08.2015	Jalan Lencongan laluan akses ke lot 453 tidak rata	7 hari	
7	27.08.2015	Lot 453 Longkang tersumbat, paip bocor, lorong asal ditutup dan dialihkan tetapi tidak sempurna	7 hari	
8	03.09.2015	Jalan berlubang besar dan patching tidak sempurna	7 hari	
9	30.09.2015	Lot 2504 rumah retak	7 hari	
10	28.09.2015	Kerja-kerja Pembinaan menyebabkan longkang tersumbat di Taman Teluk Pulai	7 hari	
11	02.10.2015	Laluan Jln Benteng rosak, kotor dan tidak selamat	7 hari	
12	01.10.2015	Gangguan kerja Boring hingga lewat malam	2 hari	
13	02.10.2015	Longkang lama ditutup dan tidak diganti dengan longkang baru	5 hari	
14	02.10.2015	Jalan sesak kerana kenderaan parkir di garisan kuning	3 hari	
15	05.10.2015	Lot 456 mesin jentera ditinggalkan depan rumah dan terdapat lubang besar yang tidak ditutup	2 hari	**TUTUP**
16	06.10.2015	Air mengalir ke rumah	7 hari	
17	15.10.2015	Longkang di Tg Syawal ditutup dan jalan akses yang kotor, berhabuk dan berlubang	7 hari	
18	5.10.2015	1) Tiada jalan masuk ke lot 1353 B Tjg Syawal 2) Saliran sedia ada dikambus dan tiada saliran baru dibina . Dikhuatiri banjir ketika hujan lebat	7 hari	
19	28.9.2015	Rumah banjir dan longkang tersumbat	2 hari	
20	26.10.2015	Rumah banjir telah 2 kali berlaku dan saliran tersumbat	3 hari	
22	27.10.2015	Jalan Tanjung Syawal kotor dan bahaya	7 hari	
23	12.11.2015	Jalan keluar/masuk taman perumahan ditutup	7 hari	
24	17.12.2015	Lampu jalan di Jalan Sungai Bertek tidak berfungsi	1 hari	
25	14.1.2016	Kedai/bangunan retak dan rosak	7 hari	
26	14.1.2016	Rumah retak	7 hari	
27	18.1.2016	Rumah retak	7 hari	
28	18.1.2016	Pengorekan lubang di sebelah laluan masuk ke rumah tidak dilindungi dan merbahaya kepada kenderaan dan penduduk	7 hari	
29	5.2.2016	Crusher run tidak padat dan jalan berlubang	4 hari	
30	5.2.2016	Longkang dikambus tanah merah dan tiada longkang lain dibina dikhuatiri banjir kerana tiada saliran air	7 hari	
31	23.12.2016	Keadaan tapak bina kotor dan dikhuatiri jangkitan aedes.	7 hari	
				TUTUP

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)

TAJUK : KESAN LEBUHRAYA PANTAI BARAT (WCE) DI DUN BUKIT MELAWATI

249. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan impak positif dan negatif pembinaan WCE di DUN Bukit Melawati.

b) Sejauh manakah WCE boleh menyelesaikan kesesakan lalulintas di Pekan Kuala Selangor terutamanya pada musim perayaan?

JAWAPAN:

a) Jajaran Lebuhraya WCE ini adalah melalui Ladang Kelapa Sawit di DUN Bukit Melawati. Jajaran lebuhraya ini memberi impak positif kepada pengguna di kawasan DUN Melawati dengan mempunyai pilihan laluan alternatif ke arah Selatan/Utara dengan menggunakan Lebuhraya WCE melalui Persimpangan Bertingkat Assam Jawa. Lebuhraya WCE juga akan melegakan kesesakan trafik di sepanjang FR5 terutamanya di musim perayaan. Sesuatu pembangunan yang akan dilaksanakan mempunyai impak positif kepada masyarakat dan Kerajaan Negeri akan segera menangani jika terdapatnya impak negatif.

b) Pada masa ini, *through traffic* yang menuju terus ke arah Barat (Tg. Karang, Sabak Bernam, Teluk Intan, Setiawan, Pulau Pangkor, Lumut dan sebagainya) menggunakan Jalan FR5 melalui Pekan Kuala Selangor. Dengan adanya Lebuhraya WCE, dijangkakan sekurang - kurangnya 50% daripada trafik yang melalui FR5 pada masa sekarang akan menggunakan Lebuhraya WCE pada musim perayaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)

TAJUK : BANTUAN PENDIDIKAN KEPADA SJK

250. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci jumlah bantuan yang diberikan kepada SJK pada tahun 2015.

b) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk SJK di Selangor pada tahun 2016?

JAWAPAN:

a) Jumlah terperinci bantuan yang diberikan kepada SJK pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH (BUAH)	PERUNTUKAN TAHUN 2015 (RM)
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	107	6,000,000.00
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	97	4,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	**204**	**RM10,000,000.00**

b) Jumlah peruntukan Kerajaan Negeri yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM10 juta. RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan RM6 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina .

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PERJANJIAN TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP (TPP)

251. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah persediaan Kerajaan Negeri bagi menghadapi sebarang kemungkinan selepas Malaysia menandatangani perjanjian TPP?

b) Adakah Kerajaan Negeri ada melakukan kajian terhadap kesan selepas pelaksanaan TPP ke atas ekonomi Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah menyatakan kebimbangan dan gesaan supaya Kerajaan Persekutuan mampu memelihara dan menangani isu nilai matawang negara, hak dan kepentingan tenaga buruh Malaysia, harta intelek negara (*IPR-Intellectual Property Right*), syarikat milik Kerajaan dan memelihara pasaran peniagaan tempatan apabila TPPA dilaksanakan kelak.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelan strategik khusus bagi menghadapi kesan TPPA. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap isu kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat, Kerajaan Negeri menyedari bahawa impak perjanjian ini terhadap kos sara hidup rakyat adalah tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memelihara hak dan kepentingan rakyat dengan merangka langkah-langkah seperti berikut :

(i) Melaksanakan inisiatif melalui pelbagai program bantuan perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi supaya mampu terus bersaing di pasaran yang kompetetif;
(ii) Meningkatkan dan mempersiapkan keupayaan rakyat Selangor kepada pekerja berkemahiran tinggi (*skilled worker*) melalui Pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);
(iii) Meningkatkan Sumbangan Bantuan Pendidikan dalam usaha Kerajaan untuk membina modal insan berkualiti dan mewujudkan *talent pool* di Selangor;
(iv) Meningkatkan Keupayaan Rakyat Luar Bandar Melalui Program Pembangunan Keusahawanan; dan
(v) Memperkasa sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan pengeluaran bekalan makanan di negeri ini.

b) Untuk makluman YB, selepas perjanjian ini ditandatangani, semua ahli TPP mempunyai tempoh 24 bulan untuk melengkapkan proses domestiknya bagi membolehkan Perjanjian TPP diratifikasi. Perjanjian TPP akan berkuatkuasa:

(i) Apabila 12 ahli TPP telah menyelesaikan proses ratifikasi dalam tempoh 24 bulan; atau
(ii) Sekiranya syarat (a) tidak dapat dipatuhi, ratifikasi adalah perlu oleh sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara bergabung.

Sehubungan itu, TPPA belum boleh dilaksanakan lagi dan kesan langsung pelaksanaan TPPA belum dapat dilihat dalam tempoh terdekat. Selepas menandatangani perjanjian, Kerajaan Persekutuan akan membuat beberapa pindaan kepada undang-undang berkaitan dan peraturan tertentu sebelum dapat diratifikasikan.

Pada masa kini, Kerajaan Negeri tidak melaksanakan sebarang kajian terhadap kesan selepas pelaksanaan TPP ke atas ekonomi Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)

TAJUK : INSTITUT DARUL EHSAN (IDE)

252. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan IDE pada tahun 2015.

b) Senaraikan hasil kajian IDE pada tahun 2015.

JAWAPAN:

a) Perbelanjaan IDE pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

i.	Pengurusan dan Operasi	RM961,280.00
ii.	Kluster Polisi dan Ketamadunan	RM19,032.00
iii.	Kluster Penyelidikan	RM250,847.00
iv.	Kluster Pendemokrasian dan Ekonomi	RM24,045.00
v.	Kluster Pendidikan Politik dan Demokrasi	RM126,726.00
vi.	Kluster Pendidikan dan Kebudayaan	RM12,731.00
vii.	Kolaborasi dan jaringan	RM83,632.00

b) IDE melaksanakan program dan aktivitinya meliputi 4 kluster utama iaitu Kluster Penyelidikan, Kluster Polisi dan Ketamadunan, Kluster Pendidikan Politik dan Demokrasi, Kluster Pendemokrasian dan Ekonomi, Kluster Pendidikan dan Budaya.

Dalam tempoh singkat awal penubuhannya, hasil kajian dan penyelidikan utama IDE yang dijalankan pada 2015 adalah sepertimana berikut:

1. Kajian Persepsi Rakyat Permatang Pauh berkaitan Pilihan Raya Kecil P044 kesannya terhadap Selangor pada April 2015.

2. Kajian Persepsi Rakyat Selangor Siri 1, pada Julai 2015.

3. Kajian Persepsi Rakyat Selangor Siri 2, pada November 2015. Keduanya melibatkan 56 kawasan Dewan Undangan Negeri. Kajian ini mengukur landskap persepsi rakyat berkaitan dengan isu semasa, pihak berkuasa tempatan (PBT), polisi dan perkhidmatan.

4. Kajian Iklim Politik Menjelang Pilihan Raya Negeri Sarawak dan Impak Kaitannya Dengan Senario Selangor.

5. Projek Penyelidikan Maqasid Syariah dengan meliputi program kajian terjemahan, penyelidikan Bengkel Pakar Maqasid Syariah secara berkala dan Kuliah bersiri Maqasid Syariah. IDE sedang menggerakkan projek terjemahan berkaitan dengan Maqasid Syariah yang ditulis oleh Sheikh Ahmed al-Raissouni, Sheikh Yusof al-Qardhawi dan ramai lagi.

6. Membantu Projek rintis pembangunan Generasi Muda melalui mewujudkan model awal pusat sehenti aktiviti generasi muda iaitu ADAB YOUTH GARAGE (AYG) bermula di AYG Bangi dan AYG Kota Damansara.

Selain melakukan projek penyelidikan, IDE juga mengadakan siri-siri pencerahan secara berkala bagi kepentingan rakyat Selangor yang meliputi seminar, latihan, wacana dan diskusi yang mencakupi isu-isu kenegaraan, demokrasi dan politik, sosio budaya, pendidikan, belia dan antarabangsa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : ADAT DAN SENI WARISAN SELANGOR

253. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah seni warisan yang ada dan boleh dijadikan sebagai identiti Negeri Selangor?

b) Apakah bentuk program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mempromosikan seni warisan dan adat Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Merujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005, seni warisan termasuk dalam kategori "warisan tidak ketara". Ia terdiri daripada seni persembahan, seni muzik, adat dan budaya, permainan tradisional, makanan warisan, seni halus dan busana tradisi. Dalam Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015), PADAT telah melaksanakan penyelidikan dan mengadakan "Konvensyen Identiti Negeri Selangor" bagi mengenalpasti seni warisan yang boleh dijadikan identiti Negeri Selangor. Antara seni warisan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:-

1. SENI PERSEMBAHAN

- Tarian Piring Selangor
- Cempuling

2. PERMAINAN TRADISI

- Wau Kapal Selangor

3. SENI HALUS

- Telepuk (Kain Samping)
- Kelingkan (Selendang/Selempang)

4. BUSANA

- Kebaya Selangor

5. MAKANAN

a. Masakan

- Nasi Ambeng

b. Kuih Muih

- Kuih Kacau

b) Senarai program/aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam mempromosikan seni warisan dan adat di Negeri Selangor di bawah PADAT adalah sepertimana berikut:-

Bil	Tajuk Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
1.	Bengkel Busana Selangor (Teknik Pemakaian Sampin dan Setanjak)	3-4 April 2012
2.	Bengkel Jahitan Kebaya Selangor	24-26 April 2012
3.	Program Kembara Muziumku Warisanku (Shah Alam- Jugra- Shah Alam)	26 Mei 2012
4.	Program Muzium dan Warisan • Daerah Kuala Selangor • Daerah Sabak Bernam • Daerah Hulu Langat	 15-16 Jun 2012 8-9 Nov 2013 31 Mac 2012
5.	Bual Bicara Adat dan Adab	22 Oktober 2013
6.	Bicara Seni : Kompang Seni Tradisi Melayu	30 Okt 2012
7.	Bengkel Seni Tari: Zapin Cemara Bugis	3-4 Disember 2013
8.	Temasya Adat dan Warisan	21-23 Jun 2013
9.	Temasya Seni Silat, Senjata dan Warisan Negeri Selangor	2 April 2014
10.	Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa Petaling 2014	16-23 Jun 2014

Bil	Tajuk Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
11.	Seminar Pantang Larang Masyarakat Di Selangor	26-27 November 2014
12.	Seminar Memartabatkan Adat Resam Perkahwinan Melayu	22 September 2015
13.	Sembang-sembang Warisan : Tekat Gubah Benang Emas	13 Julai 2015
14.	Program KampungKu KesayanganKu • Daerah Sabak Bernam • Daerah Kuala Selangor • Daerah Klang • Daerah Kuala Langat • Daerah Petaling • Daerah Sepang • Daerah Gombak • Daerah Hulu Selangor	12-13 Feb 2015 6-7 Mac 2015 16-17 April 2015 2- 3 Mei 2015 9- 10 Sept 2015 2-3 Okt 2015 23-24 Nov 2015 4-5 Dis 2015
15.	Temasya PADAT 'Budaya dan WarisanKu' : • Bengkel dan Pertandingan Tarian Piring • Bengkel dan Pertandingan Seni Khat • Pertandingan Masakan Tradisional	27 Okt 2015
16.	Temasya Seni Cempuling 25 Jam Tanpa Henti (Malaysia Book Of Record)	19-20 Dis 2015
17.	Penyelidikan dan Penerbitan buku seni warisan dan adat Melayu Negeri Selangor seperti berikut : • Buku Kebaya Selangor • Buku Kelingkan • Buku Telepuk • Buku Wau Kapal	Dicetak pada tahun 2015

i. PERANCANGAN AKTIVITI/PROGRAM BAGI TAHUN 2016

Bil	Tajuk Aktiviti	Tarikh Pelaksanaan
1.	Program KampungKu KesayanganKu	Mac – Nov 2016
2.	Program Seni Sulaman Tekat Gubah Terpanjang (Malaysia Book Of Record)	Ogos 2016
3.	Festival Tarian Piring Negeri Selangor	Okt 2016

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN YAYASAN SELANGOR

254. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah bantuan kewangan Yayasan Selangor masih wujud?

b) Nyatakan jumlah pelajar yang mendapat manfaat daripada bantuan kewangan Yayasan Selangor pada tahun 2015.

c) Adakah Yayasan Selangor akan menambah jumlah bantuan tersebut?

JAWAPAN:

a) Bantuan kewangan Yayasan Selangor masih wujud dengan dua bentuk:-

1. BIASISWA DAN DERMASISWA

   Biasiswa kecil, Biasiswa Khas dan Dermasiswa kepada pelajar peringkat sekolah menengah di bawah tajaan Yayasan Selangor.

2. PINJAMAN PELAJARAN YAYASAN SELANGOR

   Pinjaman Pelajaran masih diteruskan pembiayaannya bagi pelajar-pelajar yang masih dalam pembiayaan pinjaman Yayasan Selangor dan juga tambahan Pinjaman Pelajaran bagi pelajar-pelajar sedia ada yang melanjutkan pengajian kepada peringkat yang lebih tinggi (Diploma dan Ijazah).

b) Jumlah pelajar yang mendapat manfaat melalui:

1. Biasiswa / Dermasiswa adalah seramai 3,924 orang pelajar.
2. Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor adalah seramai 183 orang pelajar.

c) Yayasan Selangor mempunyai perancangan untuk penambahan bantuan dalam bentuk Pinjaman Pelajaran Yayasan Selangor terutamanya bagi bekas pelajar-pelajar di bawah tajaan Yayasan Selangor dengan jumlah bajet mengikut kemampuan Yayasan Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PENGAWAL KESELAMATAN SWASTA DI PEJABAT DAN AGENSI KERAJAAN SELANGOR

255. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Ingin tahu perbelanjaan yang dibayar untuk mengaji pengawal keselamatan swasta dan/atau Polis Bantuan di seluruh Pejabat Kerajaan Negeri Selangor pada 2015.

b) Nyatakan agensi-agensi atau Pejabat Kerajaan Negeri Selangor yang sedang menggunakan khidmat kawalan swasta atau khidmat Polis Bantuan.

JAWAPAN:

a) Jumlah perbelanjaan yang dibayar untuk menggaji pengawal keselamatan swasta di seluruh Pejabat Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 8,906,300.23.

b) Senarai agensi-agensi atau Pejabat Kerajaan Negeri Selangor yang sedang menggunakan khidmat kawalan keselamatan swasta atau khidmat Polis Bantuan adalah seperti berikut ;

BIL	PEJABAT KERAJAAN / AGENSI
1	Institut Latihan Jati Diri Selangor (ILJAS)
2	Bangunan Lama Pejabat Daerah Klang (Pejabat Agama Islam Daerah Klang)
3	Kuarters Kerajaan Seksyen 16, Shah Alam
4	Pusat Latihan Inovasi, Sepintas Sabak Bernam
5	Kuarters Kerajaan Pangsapuri Damai, Klang
6	Bangunan Kompleks Kerajaan Mukim Rawang, Daerah Gombak
7	Kediaman rasmi YB Tuan Speaker Dewan Negeri

8	Kediaman rasmi YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
9	Dewan Jubli Perak, Shah Alam
10	Kompleks Perumahan Kerajaan Seksyen 7, Shah Alam
11	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
12	Pejabat Tanah dan Daerah Sepang
13	Pejabat Tanah dan Daerah Petaling
14	Pejabat Tanah dan Daerah Gombak
15	Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat
16	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat
17	Pejabat Tanah dan Daerah Klang
18	Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor
19	Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor
20	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
21	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
22	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
23	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor
24	Jabatan Mufti Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
(N46 PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA BERTOL

256. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Status terkini semua projek lebuhraya bertol baharu merentasi Selangor terutama KIDEX, EKVE, SUKE, DASH dan Lebuhraya Pantai Barat serta pelan tindakan terperinci, jika ada, menangani impak kenaikan kadar tol.

JAWAPAN:

a) Berikut adalah status terkini semua lebuhraya bertol baharu merentasi Selangor:-

i) Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX)

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 7/25 pada 17 Februari 2015 dan telah disahkan di dalam MMKN Ke 8/25 pada 25 Februari 2015 telah membuat keputusan tidak mempertimbangkan dan membatalkan pembangunan Lebuhraya KIDEX. Keputusan ini selaras dengan kegagalan pihak konsesi Projek Lebuhraya KIDEX untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

1) Menyediakan Penilaian Impak Lalulintas (*Traffic Impact Assessment*) yang bebas, Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*). Kajian-kajian ini perlu membuktikan manfaat yang ternyata kepada pihak pengguna dan penduduk di kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat pembinaan lebuh raya tersebut;

2) Mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk fasa kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan pelaburan (*rate of return to invesment*); dan

3) Mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar Kerajaan Negeri yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Keputusan pembatalan pembangunan projek Lebuhraya KIDEX telah dimaklumkan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 29 Disember 2014.

ii) Lebuhraya East Klang Valley Expressway (EKVE)

MMKN Ke 41/2010 yang bermesyuarat pada 24 November 2010 secara dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan pembinaan projek Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) Seksyen Timur yang melalui Permatang Kuartza. Walau bagaimanapun, terdapat *missing link* Lebuhraya KLORR dari Templer ke Sungai Long. Pihak LLM menjelaskan bahawa Lebuhraya EKVE adalah penyambung *missing link* tersebut.

Oleh yang demikian, MMKN Ke 45/2014 yang bermesyuarat pada 19 November 2014 secara dasarnya telah bersetuju dengan jajaran jalan Fasa I Projek EKVE dan diwartakan sebagai Rizab Jalan (lebuhraya) serta hasil rumusan mesyuarat penyelarasan antara agensi yang diselaraskan oleh pihak JPBD Selangor pada 22 September 2014 perlu dipatuhi dalam melaksanakan projek ini.

Status kemajuan fizikal keseluruhan kerja-kerja pembinaan bagi Projek Lebuhraya EKVE setakat 29hb Februari 2016 adalah 1.10%. Aktiviti-aktiviti yang sedang giat dijalankan ditapak adalah melibatkan *site clearing* di Pakej 1 dan 2 iaitu kawasan Hulu Langat dan Ampang. Manakala di Pakej 3 iaitu kawasan Jalan Ukay Perdana, kerja-kerja menaiktaraf sedang dijalankan dari Ukay Perdana ke Persimpangan Bertingkat Kg. Pasir dan juga penjajaran semula Sg. Sering di Ukay Perdana.

iii) Lebuhraya Sg Besi – Ulu Kelang (SUKE)

MMKN Negeri Selangor Ke-16/2012 yang diadakan pada 2 Mei 2012 dan disahkan oleh MMKN Negeri Selangor Ke-17/2012 pada 9 Mei 2012 telah bersetuju dengan Projek Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) kerana ia membawa impak positif kepada pembangunan negeri.

Projek Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) masih lagi di dalam peringkat rekabentuk terperinci manakala tender pra-kelayakan ('pre-qualification') untuk pemilihan kontraktor sedang dalam proses penilaian oleh pihak syarikat konsesi.

Sehingga kini Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan ianya telah diwartakan pada 23 Julai 2015 bagi daerah Hulu Langat dan 8

Oktober 2015 bagi Daerah Gombak. Proses perbicaraan untuk proses pengambilan tanah ini sedang berjalan.

Perlaksanaan projek ini melibatkan kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Cadangan jajaran Lebuhraya SUKE ini telah diwartakan di dalam Rancangan Tempatan (RT) bagi daerah MPAJ pada 21 Januari 2016. Sesi Pendengaran Awam juga telah diadakan oleh pihak MPAJ kepada orang awam. Berdasarkan perancangan, syarikat konsesi berhasrat untuk memulakan kerja-kerja pembinaan di tapak pada bulan Ogos 2016 ini.

iv) Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH)

MMKN Ke 15/2012 yang disahkan oleh MMKN Ke 16/2012 pada 2 Mei 2012 telah bersetuju bagi memasukkan jajaran Lebuhraya DASH ke dalam Pelan Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Oleh yang demikian, jajaran di Shah Alam telah diwartakan dalam Rancangan Tempatan MBSA (Pengubahan 2) 2020 pada 31 Julai 2014. Manakala di kawasan MBPJ, pendengaran awam telah diadakan pada 27 Julai 2015 sebelum jajaran dimasukkan ke dalam Rancangan Tempatan MBPJ. Selain itu, Pelan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah diwartakan pada 23 Julai 2015 bagi Selangor manakala pada 9 Oktober 2015 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada masa sekarang, proses perbicaraan bagi pengambilan tanah sedang dilaksanakan oleh pihak JKPTG.

Lebuhraya DASH masih lagi di dalam peringkat rekabentuk terperinci manakala tender pra-kelayakan (‘pre-qualification’) untuk pemilihan kontraktor sedang dalam proses penilaian oleh pihak konsesi.

Setakat ini Kerajaan Negeri telah meluluskan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan ia telah diwartakan pada 23 Julai 2015. Proses perbicaraan untuk proses pengambilan tanah ini sedang berjalan. Berdasarkan perancangan syarikat konsesi, jika tiada halangan, projek DASH akan memulakan kerja-kerja pembinaan pada bulan Ogos 2016.

iv) Lebuhraya Pantai Barat (WCE)

MMKN Ke 30/2005 yang diadakan pada 30 November 2005 secara dasarnya telah menimbang dan bersetuju dengan pembinaan Lebuhraya WCE .

Secara umumnya, setakat bulan Februari 2016, peratus kemajuan pembangunan keseluruhan yang telah dicapai oleh projek Lebuhraya WCE ini adalah 17.47% yang mana bagi Negeri Selangor peratus sebenar ditapak telah mencapai 16.68% manakala bagi Negeri Perak adalah 18.75%. Kerja-kerja fizikal di tapak yang sedang berjalan adalah melibatkan kerja pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan kerja-kerja rawatan tanah. Di samping itu juga, kerja-kerja pemasangan dan pengujian asas jenis cerucuk juga sedang berjalan di tapak.

v) Lebuhraya Paroi-Senawang-KLIA-Salak Tinggi (SKLIA)

MMKN Ke 6/2015 yang diadakan pada 11 Februari 2015 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 7/2015 pada 17 Februari 2015 telah bersetuju Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) menyampaikan taklimat cadangan lebuh raya SKLIA dalam mesyuarat EXCO-MTES untuk pertimbangan selanjutnya Kerajaan Negeri.

MMKN Ke 7/2016 yang diadakan pada 24 Februari 2016 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2016 pada 2 Mac 2016 mengambil maklum cadangan Lebuhraya SKLIA Fasa 1, di dalam sebahagian Sepang yang akan dilaksanakan oleh UEM Group Berhad dan dikawal selia oleh LLM.

vi) Lebuhraya Serdang – Kinrara – Putrajaya (SKIP)

MMKN Ke 14/2012 yang disahkan oleh MMKN Ke 15/2012 pada 26 April 2012 telah meluluskan secara dasar Projek Penswastaan Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP) dan bersetuju dengan jajaran lebuhraya tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PERUNTUKAN ADUN

257. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan butiran penggunaan peruntukan setiap ADUN dan Penyelaras DUN di Selangor bagi tahun 2015.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah **meluluskan peruntukan** sejumlah RM41,600,000.00 kepada 56 Ahli Dewan Negeri (ADN) termasuk di 12 kawasan DUN yang diselia oleh Pegawai Penyelaras yang dilantik Kerajaan Negeri pada tahun 2015. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan permohonan daripada Pejabat Daerah untuk membawa baki peruntukan yang tidak dibelanjakan pada tahun 2014 berjumlah RM 8,920,145.48 ke tahun 2015 menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan DUN pada tahun 2015 adalah sebanyak RM50,520,145.48. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM44,772,886.78 telah dibelanjakan oleh 56 kawasan DUN seperti Jadual 1 di bawah.

Jadual 1
Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Ahli Dewan Negeri Bagi Tahun 2015

BIL	DAERAH	BIL DUN	BAKI TAHUN 2014 (RM)	PERUNTUKAN 2015 (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	BELANJA (RM)
1	PETALING	14	2,140,695.68	10,600,000.00	12,740,695.68	12,024,468.71
2	KLANG	9	2,155,250.28	6,900,000.00	9,055,250.28	6,858,261.30
3	GOMBAK	6	838,460.37	4,600,000.00	5,438,460.37	5,431,753.30
4	HULU LANGAT	9	2,001,423.56	6,700,000.00	8,701,423.56	6,798,008.85
5	SEPANG	2	288,779.82	1,400,000.00	1,688,779.82	1,639,613.98
6	KUALA LANGAT	4	162,286.33	3,000,000.00	3,162,286.33	3,058,306.28
7	KUALA SELANGOR	5	956,237.20	3,500,000.00	4,456,237.20	3,954,914.79
8	HULU SELANGOR	3	181,915.37	2,100,000.00	2,281,915.37	2,068,308.63

9	SABAK BERNAM	4	195,096.87	2,800,000.00	2,995,096.87	2,939,250.94
JUMLAH		**56**	**8,920,145.48**	**41,600,000.00**	**50,520,145.48**	**44,772,886.78**

Garis panduan penggunaan peruntukan tersebut tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015. Senarai penuh butiran perbelanjaan peruntukan setiap DUN seperti di lampiran mengikut daerah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PENDIDIKAN

258. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Perpustakaan bergerak merupakan kategori perpustakaan yang mencatatkan statistik pinjaman terendah bagi Disember 2015 dan Januari 2016. Sila nyatakan punca Perpustakaan Bergerak kurang mendapat sambutan.

b) Purata jarak dari tempat kediaman ke Perpustakaan Bergerak?

c) Langkah Kerajaan Negeri mempertingkatkan sambutannya?

JAWAPAN:

a) Perkhidmatan perpustakaan bergerak PPAS yang telah sekian lama berkhidmat untuk masyarakat semenjak tahun 1975 sehingga tahun 2001 dengan 13 perkhidmatan perpustakaan bergerak sebagaimana berikut:

Unit Bergerak (Mobile)	Jenis Bergerak	Daerah	Lokasi Perkhidmatan	
M 1	Bas Mini	Kuala Kubu Bharu	-Sungai Tengi (SK) -Kalumpang (SK) -Ulu Rening (SK) -Ulu Yam Baru (SK) -Ulu Yam Batu (SK) -Sg. Choh (SK)	-Sg. Choh (TA) -Sg. Choh Estate (SRJKT) -Serendah Boy Home (TA) -Rasah (SK) -Batang Kali (SK) -Felda Kg. Sg. Buaya (SK)
M 2	Bas Mini	Kajang	-Rinching Hilir (SK) -Kg. Rinching (SK) -Hulu Semenyih (SK) -Batu 9, Cheras (SK)	-Pansun (SK) -Bandar Baru Bangi (SK) -Bangi Pekan (SK) -Sungai Lui (SK)

			-Lubuk Kelubi (SK) -Dusun Tua (SK) -Kg. Dato, Abu Bakar Baginda (SK) -Kg. Sesapan Batu, Rembau (SK)
M 3	Bas Mini	Banting, Kuala Langat	-Kelanang (SK) -Sg. Buaya (SK) -Jenjarom (SRJKC) -Sg. Kelambu (SK) -Jenjarom (SK) -Sg. Lang (Masjid) -Bukit Changgang (SK) -Chodoi (SRJKC) -TUDM Bukit Jugra (TA) -Kancung Darat (BP) -Teluk Panglima Garang (SJKC)

Unit Bergerak (Mobile)	Jenis Bergerak	Daerah	Lokasi Perkhidmatan
M 4	*Trailer*	Gombak	-Gombak Utara (SK) -Taman Selayang (SK) -Usaha Ehsan (SK) -Selayang Utama (SK) -Al-Amin Selayang (SJKC)
M 5	*Trailer*	Petaling	-RRI (Balai Raya) -Merbau Sempak (SK) -Bukit Darah (SRJKT) -Sungai Pelong (SK) -Teluk Panglima Garang (SK)
M 6	*Trailer*	Petaling	-Serdang (SK) -TUDM Subang (SK) -Batu 14 Puchong (SK) -Kg. Baru Puchong (SK) -Sri Serdang (SK) -Bandar Lama Petaling Jaya (TA)
M 7	*Trailer*	Klang	-Rantau Panjang (SK) -Kg. Raja Uda (SK) -Pelabuhan Klang (Kompleks Bomba)
M 8	Bas Mini	Sepang	-Tanjung Sepat (SK) -Kampung Kundang (SK)

			-Sg. Rawang (SK) -Sg. Rawang (SM) -Dengkil (Pekan) -Salak (SM)	-Sg. Buah (SK) -Kg. Ulu Chuchoh (Masjid) -Kg. Labu Lanjut (SK) -Kg. Giching (Masjid)
M 9	Bas Mini	Sabak Bernam	-Sg. Leman (SK) -Sg. Nibong (SK) -Pasir Panjang (BR) -Sungai Limau (SK) -Sg. Haji Dorani (SK) -Tebuk Jawa (SK) -Sekendi (SK) -Parit 9 (SK)	-Parit 13 Tok Khalifah (SK) -Tebuk Pulai (SK) -Sg Air Tawar (SK) -Sg Tengar (SK) -Kg Baru (SK) -Teluk Rhu (SK) -Parit Baru (SK) -Parit 6 (SK)
M 10	Bas Mini	Klang	-Kebun Baru (SK) -Kg. Medan (SK) -Teluk Menegun (SK) -Pelabuhan Klang (SK) -Bukit Naga (SK) -Jalan Kebun (SK)	-Sg. Way (SK) -Johan Setia (SK) -Kg. Idaman (SK) -Kg. Pandamar (SK) -Teluk Gong (SK) -Subang (SK)
M 11	Bas Mini	Kuala Selangor	-Parit 4 Sekinchan (SK) -Sg. Burung (SK) -Sg. Sireh (SK) -Sg. Terap (SK) -Rantau Panjang (SK)	-Batang Berjuntai (SK) -Kg. Kuantan (SK) -Jaya Setia (SK) -Pasangan (TA)
M 12	Bas Mini	Gombak	-Sg. Serai (SK) -Batu Arang (SRJKT) -Batu Arang (SK) -Sg Tua (SK) -Sri Gombak (SM)	-Taman Greenwood (TA) -Klang Gate (SK) -Flat Taman Keramat (TA) -Kuang (SK) -Taman Melawati (SK)

Unit Bergerak (Mobile)	Jenis Bergerak	Daerah	Lokasi Perkhidmatan
M 13	Bas Mini	Kuala Selangor	-Jeram (SK) -Jeram Batu 20 (TA) -Jeram (SM) -Tambak Jawa (TA) -Bukit Kuching (SK) -Assam Jawa (SK) -Sg. Serdang (SK) -Tok Muda (SK) -Parit Mahang (SK) -Simpang 3 Ijok (TA) -Bukit Kerayong (SK) -Sg. Buloh (TA) -Bukit Rotan (SK)

Berikut adalah penurunan jumlah perkhidmatan bas bergerak mengikut tahun:

Tahun	Jumlah Perkhidmatan	Rosak & Dilupuskan	Lokasi Perkhidmatan
2002	10 bas	3 unit lupus	M1 : Kuala Kubu Baru M2 : Kajang M3 : Banting M4 : Gombak M5 : Petaling M6 : Petaling M7 : Klang M9 : Sabak Bernam M10 : Klang M11 : Kuala Selangor
2004	6 bas	4 unit lupus	M1 : Kuala Kubu Baru M2 : Kajang M3 : Banting M9 : Sabak Bernam M10 : Klang M11 : Kuala Selangor
2005	5 bas	1 unit lupus	M1 : Kuala Kubu Baru M2 : Kajang M3 : Banting M9 : Sabak Bernam M10 : Klang
2010	3 bas	2 unit lupus	M3 : Banting M9 : Sabak Bernam M10 : Klang
2015 hingga kini	2 bas	1 unit rosak	M3 : Banting M9 : Sabak Bernam

Perbandingan statistik perkhidmatan bas bergerak bagi 10 tahun adalah sebagaimana berikut:

Tahun	Pendaftaran Keahlian Baru	Pinjaman
2005	945	51,766
2006	2,619	63,713
2007	3,324	66,212
2008	1,796	47,090
2009	651	24,425
2010	1,391	28,633
2011	1,305	29,231
2012	918	25,668
2013	1,143	29,021
2014	1,128	19,412
2015	730	8,255

Mulai tahun 2015 Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak hanya 2 unit sahaja yang beroperasi iaitu M3 bagi Daerah Kuala Langat dan M9 bagi Daerah Sabak Bernam. Berikut adalah perbandingan statistik bagi 2 perkhidmatan bas bergerak berkenaan.

Bas Bergerak	Tahun	Pengunjung	Pinjaman	Jumlah Keseluruhan Ahli
M3 Kuala Langat	2014	5,017	5,108	18,534
	2015	6,729	3,509	
	Jan-Feb 2016	928	495	
M9 Sabak Bernam	2014	12,984	5,384	26,087
	2015	11,971	4,746	
	Jan-Feb 2016	2,453	1,110	

Data statistik Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak ini semakin berkurangan di atas beberapa faktor sebagaimana berikut:

i. Penurunan jumlah perkhidmatan Bas Bergerak dari 13 unit kepada hanya 2 unit sahaja pada tahun 2015.

ii. Pewujudan perkhidmatan Perpustakaan Desa di lokasi yang berdekatan dengan hentian Bas Bergerak.

iii. Faktor bas yang semakin uzur dan memerlukan kos pembaikan dan penyelenggaraan yang tinggi.

iv. Ketiadaan alat ganti bagi model bas yang lama.

v. Sekolah-sekolah yang menjadi destinasi perkhidmatan Bas Bergerak juga telah dilengkapi dengan kemudahan Pusat Sumber Sekolah.

vi. Pelupusan bas dan tiada peruntukan bagi penggantian bas baru.

vii. Bagi bulan Disember 2015 adalah musim cuti persekolahan; justeru tiada perkhidmatan di sekolah-sekolah.

b) Purata jarak dari satu tempat ke perhentian yang lain bagi perkhidmatan Perpustakaan Bergerak adalah di antara 5 hingga 10 kilometer.

Namun begitu faktor-faktor berikut adalah menjadi kriteria utama bagi pemilihan lokasi perhentian Bas Bergerak di antaranya adalah:

i. Lokasi yang menjadi tumpuan orang awam seperti simpang empat, balai raya, tapak pasar, tabika dan pusat kegiatan masyarakat.

ii. Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang koleksi bahan bacaannya kurang berbanding jumlah pelajar.

iii. Permohonan daripada pihak sekolah dan pimpinan masyarakat.

iv. Perhentian ini adalah sekurang-kurangnya pada jarak di antara 10km dengan perkhidmatan Perpustakaan Daerah, Cawangan, Pekan atau Desa yang berdekatan.

c) Secara rasmi pada 26 Mei 2009 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor menempuh satu era perubahan yang dinamakan penjenamaan semula perpustakaan *(rebranding).*

Konsep penjenamaan semula perpustakaan melibatkan kepada 3 elemen perubahan yang meliputi:

Pertama: <u>Perubahan Hati, Minda dan Sikap Kakitangan</u>

Pembangunan dan penerimaan masyarakat terhadap perpustakaan haruslah bermula daripada perubahan minda, sikap dan layanan kakitangan terhadap pengguna secara sopan, penuh hikmah dan profesional.

Kedua : <u>Pembangunan Infrastruktur Perpustakaan (Selesa, Cantik & Kondusif)</u>

Penekanan seterusnya adalah pembangunan infrastruktur yang kondusif dan menarik. Melaluinya, kami memberikan penekanan kepada perabot yang selesa, tandas yang bersih, ruang solat, kafe perpustakaan, perkakasan IT yang terkini, *WiFi* percuma dan dekorasi dalaman yang cantik dan ceria berkonsepkan *'My Second Home'* atau 'Rumah Keduaku'

Ketiga : <u>Pembangunan Koleksi (Menarik, Terkini & Berkualiti)</u>

Penjenamaan ini diperkuatkan lagi dengan pembelian buku-buku yang terkini dan *best.* Kaedah susun aturnya juga berbeza dari yang biasa, dengan berkonsepkan *book store* seperti Kino-Kunia dan MPH, buku-buku ini disusun dengan lebih menarik dan memudahkan pengguna untuk mengetahui buku-buku yang terbaru.

Berikut adalah perpustakaan komuniti yang ditubuhkan bermula dari tahun 2010 dan telah mengalami perubahan melalui penjenamaan semula perpustakaan:

i. Perpustakaan Komuniti Bukit Beruntung, Hulu Selangor: **14 April 2010**
ii. Perpustakaan Komuniti Taman Seri Manja, Petaling Jaya: **18 Oktober 2010**
iii. Perpustakaan Komuniti Seri Perantau, Pelabuhan Klang: **31 Mei 2011**
iv. Perpustakaan Komuniti Ampang Waterfront, Hulu Langat: **17 Oktober 2011**
v. Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Ampang: **9 Jun 2012**
vi. Perpustakaan Komuniti Kajang: **21 Februari 2013**
vii. Perpustakaan Komuniti Rawang, Hulu Selangor: **24 Mac 2013**
viii. Perpustakaan Komuniti Sungai Udang, Klang: **15 September 2014**
ix. Perpustakaan Komuniti Lembah Jaya, Hulu Langat : **2 September 2014**
x. Perpustakaan Desa Parit Baru, Sabak Bernam : **21 Disember 2015**
xi. Perpustakaan Desa Jenjarom, Kuala Langat : **21 Disember 2015**
xii. Perpustakaan Desa Kuang, Daerah Petaling : **21 Disember 2015**
xiii. Perpustakaan Komuniti Aeon, Seksyen 13 Shah Alam :**10 Mac 2016**

Selain itu juga, impak sambutan masyarakat terhadap perpustakaan juga semakin meningkat melalui jumlah pengunjung sebagaimana berikut:

Tahun	Jumlah Pengunjung Perpustakaan Raja Tun Uda	Jumlah Pengunjung Keseluruhan Negeri Selangor
2011	176,505	859,187

2012	619,452	1,302,987
2013	754,478	1,467,700
2014	814,848	1,575,362
2015	696,083	1,457,450

Penjenamaan semula perpustakaan ini dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke seluruh perpustakaan di negeri Selangor yang meliputi 7 buah Perpustakaan Daerah, 4 Perpustakaan Cawangan, 9 Perpustakaan Pekan, 57 buah Perpustakaan Desa Negeri, 16 Perpustakaan Desa di bawah Perpustakaan Negara Malaysia dan 2 unit Perpustakaan Bergerak.

Bagi mempertingkatkan sambutan masyarakat dan di atas komitmen penjenamaan yang berterusan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan melihat kepada keperluan perkhidmatan Bas Bergerak sebagai satu promosi pembudayaan membaca. Justeru, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program Rancangan Malaysia Ke 11 memperuntukkan sebanyak RM750,000.00 pada tahun 2016 kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi pembelian unit-unit bas bergerak baru bagi menggantikan bas yang telah lupus atau rosak.

Kajian keperluan perkhidmatan ini telah dilaksanakan bagi melihat keperluan masyarakat semasa ini. Perpustakaan telah melihat beberapa model perkhidmatan bas bergerak dan sedang membuat perincian konsep perkhidmatan bas bergerak sebagaimana berikut:

Model	**Anggaran Kos/Unit** *(Kos Kenderaan, Koleksi & Kelengkapan)*	**Justifikasi**
Bas (Persiaran)	RM 750,000.00 Seunit	1. Memberikan impak yang boleh dilihat dengan lebih jelas perkhidmatan Bas Bergerak oleh masyarakat. 2. Boleh membawa jumlah koleksi yang lebih banyak dan selesa 3. Terhad kepada lokasi yang boleh dimasuki oleh bas 4. Perhentian yang terhad kerana hanya satu unit bas yang boleh dibeli 5. Agak sukar untuk melaksanakan perkhidmatan di kawasan luar bandar
Bas Mini	RM 250,000.00	1. Sebanyak 3 unit boleh dibeli dari peruntukan

	Seunit	sedia ada. 2. Perhentian yang lebih banyak meliputi pelbagai daerah 3. Boleh memberikan perkhidmatan di kawasan luar bandar terutamanya kawasan kampung. 4. Lebih jimat bagi kos penyelenggaraan jangka panjang

Secara dasarnya, sasaran bagi perkhidmatan perpustakaan bergerak ini adalah bagi memberikan tumpuan kepada masyarakat sebagaimana berikut:

i. Meningkatkan sambutan masyarakat kepada pembudayaan membaca dengan kaedah “perpustakaan menemui masyarakat”.

ii. Memberikan keutamaan dan tumpuan kepada kawasan luar bandar, pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, suri rumah, warga emas, pesara, petani dan bekerja sendiri.

iii. Membantu masyarakat bagi mempertingkatkan kualiti hidup melalui koleksi pembacaan yang terkini dan perkhidmatan multimedia dan internet secara percuma.

iv. Menjadi tempat alternatif terutamanya kepada golongan remaja bagi mengelakkan daripada gejala sosial. Ini membantu kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

259. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menubuhkan jawatankuasa di peringkat PBT bagi mengendalikan hal ehwal selain Islam seperti tokong atau kuil tiba-tiba dibina di kawasan lapang? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

b) Apakah dasar Kerajaan Negeri terhadap tokong atau kuil yang dibina di rumah kediaman dalam kawasan perumahan yang terancang?

JAWAPAN:

a) Satu Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam telah ditubuhkan di peringkat negeri yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Dato' Teng Chang Khim, YB Puan Elizabeth Wong dan YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman. Jawatankuasa ini turut dihadiri oleh semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-jabatan Teknikal seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lembaga Urus Air Selangor serta wakil dari Persatuan-persatuan Keagamaan. Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat secara bulanan bagi memastikan segala permohonan dan isu berkaitan Rumah ibadat selain Islam dibincangkan mengikut prosedur-prosedur yang telah dikuatkuasakan.

   Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa di peringkat PBT kerana Mesyuarat HESI telah merangkumi permasalahan tokong atau kuil yang dibina di kawasan lapang. Kekerapan Mesyuarat HESI juga membantu menyelesaikan permasalahan yang berbangkit tanpa mengambil tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan.

b) Pembinaan Rumah Ibadat Selain Islam (RISI) di kawasan perumahan terancang adalah berdasarkan pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan sebagai rizab keagamaan. Setiap tapak cadangan pemajuan perlulah menyediakan tapak rumah ibadat selain Islam mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) seperti jadual di bawah:

BIL	KEPERLUAN	TOKONG	KUIL	GEREJA	LAIN-LAIN
1.	Luas Minima	Tidak melebihi 0.5 hektar (1.2 ekar) dan kawasan			

	Tapak	boleh dibangunkan 50 hingga 60% sahaja
2.	Tadahan Penduduk	5,000 penduduk / 1 tapak atau 2,600 penganut
3.	Anjakan Bangunan	40 kaki bagi bahagian yang menghadap jalan awam dan; 20 kaki bagi bahagian sempadan bersama
4.	Perimeter *Planting*	10 kaki di sekeliling tapak (tidak termasuk jarak anjakan bangunan

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH NEGERI SELANGOR

260. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa jumlah pemberimilikan tanah telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada rakyat sepanjang tahun 2008 hingga 2015? Sila senaraikan mengikut tahun.

b) Sila senaraikan pemberimilikan tersebut mengikut daerah di Negeri Selangor.

c) Daripada jumlah pemberimilikan di atas, berapakah pemberimilikan diberi kepada orang Melayu, Cina dan India?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah pemberimilikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

JUMLAH PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2008 HINGGA 2015

BIL.	TAHUN/ DAERAH	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1.	Petaling	91	161	47	30	68	40	34	52
2.	Klang	132	49	26	31	47	57	39	66
3.	Gombak	332	174	80	43	121	56	77	68
4.	Hulu Langat	274	150	52	38	54	128	72	128
5.	Kuala Langat	31	25	21	30	79	32	21	23
6.	Kuala Selangor	152	75	42	67	109	40	97	56
7.	Sepang	100	90	34	53	50	29	16	55
8.	Hulu Selangor	155	68	86	61	84	62	64	84

9.	Sabak Bernam	104	73	58	34	56	51	158	62
JUMLAH		**1,371**	**865**	**446**	**387**	**668**	**495**	**578**	**594**

Sumber: Pejabat Tanah dan Daerah (PTD)

c) Pejabat Tanah tiada rekod khusus pemberimilikan tanah mengikut kategori kaum kerana dasar pemberimilikan tanah yang dilaksanakan di Negeri Selangor tidak mengenakan pengkhususan kuota. Selain itu, kelayakan pemohon untuk memohon pemberimilikan tanah adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011, seperti pemohon telah mengusahakan tanah 3 tahun sebelum tarikh 1 Januari 2008.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : KHIDMAT KESIHATAN SELANGOR

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan semua hospital (kerajaan/swasta) di Selangor dan berikan butiran-butiran seperti bilangan doktor dan kepakaran yang dibekalkan.

b) Apakah purata jarak antara tempat kediaman ke hospital kerajaan di setiap daerah?

c) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan tapak pembinaan hospital kerajaan yang mencukupi?

JAWAPAN:

a) Senarai hospital kerajaan dan swasta adalah seperti di Lampiran A.

Bilangan doktor di hospital kerajaan adalah seramai 4,915 orang dan di hospital swasta adalah seramai 2,528 orang.

Butiran berkenaan kepakaran yang dibekalkan oleh hospital-hospital kerajaan di Negeri Selangor adalah seperti di Lampiran B.

b) Purata jarak antara tempat kediaman ke hospital kerajaan di setiap daerah adalah dalam lingkungan 1 km.

BIL.	HOSPITAL-HOSPITAL DI SELANGOR	DAERAH	JARAK
1.	Hospital Tengku Ampuan Rahimah	Klang	Purata Jarak Hospital-Hospital Di Selangor Dengan Kediaman Terdekat Sekitarnya Adalah Dalam Lingkungan 1 km
2.	Hospital Selayang	Gombak	
3.	Hospital Serdang	Sepang	
4.	Hospital Sungai Buloh	Gombak	
5.	Hospital Ampang	Hulu Langat	
6.	Hospital Banting	Kuala Langat	
7.	Hospital Kajang	Hulu Langat	
8.	Hospital Shah Alam	Petaling	
9.	Hospital Tanjung Karang	Kuala Selangor	
10.	Hospital Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	
11.	Hospital Tengku Ampuan Jemaah	Sabak Bernam	
12.	Hospital Orang Asli Gombak	Gombak	

c)

LAMPIRAN A

SENARAI HOPITAL KERAJAAN DI NEGERI SELANGOR

BIL	HOSPITAL-HOSPITAL DI SELANGOR	DAERAH
1.	Hospital Tengku Ampuan Rahimah,Klang	Klang
2.	Hospital Selayang	Gombak
3.	Hospital Serdang	Sepang
4.	Hospital Sg.Buloh	Gombak
5.	Hospital Ampang	Hulu Langat
6.	Hospital Banting	Kuala Langat
7.	Hospital Kajang	Hulu Langat
8.	Hospital Shah Alam	Petaling
9.	Hospital Tg.Karang	Kuala Selangor
10.	Hospital Kuala Kubu Baru	Hulu Selangor
11.	Hospital Tengku Ampuan Jemaah	Sabak Bernam
12.	Hospital Orang Asli Gombak	Gombak

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL SWASTA DI NEGERI SELANGOR

BIL	NAMA HOSPITAL	ALAMAT	JENIS HOSPITAL	DAERAH
1	MANIPAL HOSPITAL KLANG	No. 162A, Jln Batu Unjur I, Bayu Perdana. 42100 Klang, Selangor (Miss Tan/ matron rajes) Tel: 33243288 , Fax: 33243218	Hospital Swasta	Klang
2	Assunta Hospital	Jalan Templer, 46990 Petaling Jaya, Selangor Tel: 76807000, Fax: 77814933 . Leng Leng 012-3983427	Hospital Swasta	Petaling
3	Britannia Women & Children Specialist Centre	65-67, Jalan TKS 1, Tmn Kajang Sentral. 43000 Kajang, Selangor. Tel: 87333711/757, Fax: 87333916	Hospital Swasta	Hulu Langat
4	Columbia Asia Hospital - Bukit Rimau	No 3, Persiaran Anggerik Eria, Bkt Rimau, Sek 32, 40460 Shah Alam, Tel : Margaret 03-51259966 012-2063341 Fax No: 03-5125998. Tel No : 03-51259999	Hospital Swasta	Petaling
5	Columbia Asia Hospital - Cheras (Balakong)	Lot 33107, Jalan Suakasih, 432000 Cheras, Selangor	Hospital Swasta	Hulu Langat
6	Columbia Hospital	No 1, Lebuh Puteri, Bdr Puteri, 47100 Puchong, Selangor DE. Tel : 80648688 , Fax : 80648788	Hospital Swasta	Petaling
7	Damai Service Hospital (Melawati) Sdn Bhd	Lot No.9132 - 9134, Wisma Damai, Jln Bandar 4, Tmn Melawati. 53100 Kuala Lumpur. Tel: 41089900, Fax: 41089388	Hospital Swasta	Gombak
8	DEMC Specialist Hospital Shah Alam	No 4, Jalan Ikhtisas, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Tel No: 03-55151888/03-55109122 Ext 800 Ilmy-013-6743442/Dr Aida 012-6087018/03-55151818	Hospital Swasta	Petaling

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL SWASTA DI NEGERI SELANGOR

BIL	NAMA HOSPITAL	ALAMAT	JENIS HOSPITAL	DAERAH
9	Gombak Medical Centre	No. 1, 1A, 3, 3A, Jln SG 3/16, Pusat Bandar Sri Gombak. 68100 Gombak, Selangor. Tel: 61892879 , Fax: 61861270	Hospital Swasta	Gombak
10	Hospital Bersalin Razif	No.33, 35, 37 & 39 Jln Sri Sarawak 20A, Tmn Sri Andalas. 41200 Klang, Selangor. Tel: 33237394 / 33237058, Fax: 33237058	Hospital Swasta	Klang
11	Hospital Bersalin & Poliklinik Pusrawi (PCSB) Kota Damansara	No. 22 Jalan Pekaka 8/3, Seksyen 8, Kota Damansara. 47810 Petaling Jaya, Selangor. Tel: 61578595, Fax: 61578589	Hospital Swasta	Petaling
12	Hospital Mata Nasional Tun Hussien Onn	Lot . 2, Sek. 52, Lorong Utara B. 46200 Petaling Jaya, Selangor. Tel: 79561511, Fax: 79576128	Hospital Swasta	Petaling
13	Hospital Pakar Ampang Puteri KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital	No. 1, Jln Mamanda 9, Tmn Dato' Ahmad Razali. 68000 Ampang, Selangor. Tel: 42702500, Fax: 42702443 SITI 017-6507513	Hospital Swasta	Hulu Langat
14	Hospital Pakar An-Nur Hasanah Sdn Bhd	No. 14 & 16, Medan Pusat Bandar 1, Sek 9. 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. Tel: 89266060, Fax: 89266067	Hospital Swasta	Hulu Langat
15	Hospital Pakar Bersalin dan Sakit Puan (Ganesan Medical Centre Sdn. Bhd)	No. 3, Bandar Baru Rawang 5, Bdr Baru Rawang. 48000 Rawang, Selangor. Tel: 60919093, H/P: 0196560088	Hospital Swasta	Gombak
16	Hospital Pakar Damansara (Damansara Specialist Hospital)	No. 119 Jln. SS 20/10, Damansara Utama. 47400 Petaling Jaya, Selangor. Tel: 77222692, Fax: 77222617	Hospital Swasta	Petaling

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL SWASTA DI NEGERI SELANGOR

BIL	NAMA HOSPITAL	ALAMAT	JENIS HOSPITAL	DAERAH
17	Hospital Rawatan Lanjutan Columbia Asia (Columbia Asia Extended Care Hospital)	Lot . No. 2, Jln Baung, 17/22, Sek 17. 40200 Shah Alam, Selangor. Tel: 55417833, Fax: 55411366	Hospital Swasta	Petaling
18	Hospital Wanita Metro	No 22 - 26, Jalan Emas 1, Bdr Sg Emas, Sg Manggis, 42700 Banting, Selangor. Tel: 31803290 Fax: 31803291	Hospital Swasta	Kuala Langat
19	JMC Specialist Medical Centre (Klinik Damo & Pusat Bersalin)	Lot No. 26326 & 26327, Persiaran Raja Muda Musa, Jln Telok Gadong. 41200 Klang, Selangor. Tel: 33726333, Fax: 33710757	Hospital Swasta	Klang
20	Pusat Perubatan Joe (Klinik Wanita dan Kanak-kanak)	No. 3G & 5G , Jalan Wawasan 4/1, Bandar Baru Ampang. 68000 Ampang, Selangor. Tel: 42701655	Hospital Swasta	Hulu Langat
21	Kajang Plaza Medical Centre	No. 36A-C, Jln Dato' Seri Alagendra 2, Kajang Plaza. 43000 Kajang, Selangor. Tel:87397077, Fax:87395055	Hospital Swasta	Hulu Langat
22	Kelana Jaya Medical Centre	No. 1, FAS Buisness Avenue, Jln Perbandaran SS7. 47301 Kelana Jaya, Selangor. Tel: 78052114, Fax: 78063505	Hospital Swasta	Petaling
23	Klinik Pakar Wanita dan Bersalin Subang Permai	No.19, Jln.Alfa FU 6/F, Pusat Perdagangan Subang Permai, Sek 6. 40150 Shah Alam, Selangor. Tel/Fax: 78455007	Hospital Swasta	Petaling
24	Klinik Pakar Wanita dan Keluarga Kapar Indah	2, Jalan Harapan 3, Sg Kapar Indah.42200 Klang, Selangor. Tel: 32916355, Fax: 32910058	Hospital Swasta	Klang
25	Klinik Pakar Wanita Sheela Sdn Bhd	No. 36, 38 & 40, Jln Batai Laut 3, Tmn Intan. 41300 Klang, Selangor. Tel: 33412834, Fax: 33436926	Hospital Swasta	Klang

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL SWASTA DI NEGERI SELANGOR

BIL	NAMA HOSPITAL	ALAMAT	JENIS HOSPITAL	DAERAH
26	Ko Specialist Medical Centre	No. 6-12, Grd Fr, Jln Temoh, Off Jln Goh Hock Huat, 41400 Klang, Selangor. Tel: 33433140 Fax : 33453299 (Dr Sia 012-4870369)	Hospital Swasta	Klang
27	KPJ Kajang Specialist Hospital	Batu 14, Jalan Cheras, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 87692999, Fax: 87692808	Hospital Swasta	Hulu Langat
28	KPJ Selangor Specialist Hospital	Lot. 1, Jln Singa 20/1, Seksyen 20. 40300 Shah Alam, Selangor. Tel: 55431111, Fax: 55431722	Hospital Swasta	Petaling
29	KPMC Puchong Medical Centre	No 1 & 3 Jalan Puteri 2/1, Bandar Puteri Puchong. 47100 Puchong, Selangor Tel: 80624073 Fax: 80624746	Hospital Swasta	Petaling
30	Lam Surgery & Maternity Home	No. 8, Jln. Batu Tiga, 41300 Klang, Selangor. Tel: 33425807, Fax: 33436926	Hospital Swasta	Klang
31	Hospital Wanita Metro	No. 32 - 38, Jalan Pasar, 41400 Klang, Selangor. Tel: 33412277, Fax: 33424479 Mr Lim-017-8718687	Hospital Swasta	Klang
32	Pantai Hospital Ampang	Jalan Perubatan 1, Pandan Indah. 55100 Kuala Lumpur. Tel: 42892828 Fax: 42892829	Hospital Swasta	Hulu Langat
